



# **WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA**

**AHMAD LUTFI OTHMAN**

*dedikasi buat  
pejuang kebenaran  
yang sentiasa diasak  
ditekan difitnah dianiayai  
tetapi tetap tabah istiqamah  
menempuh belantara puaka politik melayu*

# **WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA**

**AHMAD LUTFI OTHMAN**

**PENERBITAN PEMUDA**  
2B Jalan 13C Selayang Baru  
68100 Batu Caves.  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-6162367

00126

## **Wajah Baru Politik Malaysia**

Cetakan Pertama - Ogos 1995

© Ahmad Lutfi Othman

© Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Pemuda.

Rekabentuk oleh

Aris Design (03-4527895)

M  
320.595  
A LO

**PENERBITAN PEMUDA**  
2B Jalan 13C Selayang Baru  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-6162367

Dicetak oleh  
**CETAK KHIDMAT & NIAGA**  
101, Jalan Segambut Selatan, Kuala Lumpur

M 824897

3 JUN 1996

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

## **Kandungan**

Dari Penulis/Penerbit	.....	7
Kembara Politik (I)	.....	9
Pencapaian 1995 Bukan Yang Terbaik Buat Umno	.....	37
Kerjasama: Agenda Utama PAS Dan DAP	.....	43
BN Tawan Kelantan Sebelum 2000?	.....	63
<i>✓ Keputusan Pilihan Raya Umum</i>		
DUN Kelantan 1995	.....	89
Harapan Cerah PAS di Terengganu	.....	93
Keputusan Pilihan Raya Umum		
DUN Terengganu 1995	.....	113
Di Luar Kelantan, Kedah dan Terengganu: Survival PAS Terancam?	.....	117
Bagaimana Kedah Selepas Mahathir?	.....	141
Keputusan Pilihan Raya Umum		
DUN Kedah 1995	.....	165
Melayu Masih Dominan di Semenanjung	.....	171
Kenapa PAS Dapat Undi Umno?	.....	179
Subky Hurai Punca Pembangkang Kalah	.....	189
Sebelum Intelek Melayu Menjadi Terompah		
Kayu Dan Media Hilang Wibawanya	.....	199
Mengapa PAS Tetap Kebal?	.....	211
Azimat Buat Penyokong PAS	.....	219

Minat Anak Muda Dengan PAS: Apa Asasnya?	.....	229
Belantara Puaka Politik Melayu	.....	241
Tawaran Buat Rakyat Melaka	.....	253
Perlis Bukan Lagi Kubu PAS?	.....	261
Pengundi Memilih Parti, Bukan Calon Angkatan: Retak Menunggu Belah?	.....	267
Menyuntik Ideologi Nasionalisme Melayu	.....	307
Tiada Sebab Rakyat Kelantan Tolak Angkatan	.....	315
'DAP Boleh Tutup Kedai'	.....	335
Kebebasan Sejati dan Cegah Pemerintahan Satu Parti	.....	361
Faktor Kemenangan Mutlak BN di Pulau Pinang	.....	379
Membentuk Media Alternatif: Tidak Semudah Disangka	.....	395
Ragam Pengundi Yang Mengelirukan	.....	415
Surat Terbuka Mahathir Buat Pengundi	.....	441
Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen 1995	.....	445

## **Dari Penulis/Penerbit**

---

**M**ulanya buku ini disiapkan dengan ketebalan lebih 700 halaman. Tetapi begitulah apa yang selalu berlaku. Kehendak kita jarang menjadi realiti. Ketebalannya terpaksa dikurangkan untuk disesuaikan dengan hambatan kos yang terlalu tinggi. Alhamdulillah, semoga buku ini dapat menyumbangkan sesuatu yang bermanfaat dalam khazanah penulisan buku-buku politik tanahair.

Meskipun analisis pilihan raya umum 1995 menempati sebahagian besar kandungan buku ini, namun hasrat saya lebih dari itu. Ia cuba menjangkau pergolakan politik menjelang abad ke-21 nanti, khususnya dari perspektif pembangkang. Saya juga merakamkan kembali beberapa tulisan dan kertas kerja yang berkaitan, termasuk manifesto parti-parti yang bertanding, kerana saya yakin ia banyak manfaatnya kepada pengkaji, pemerhati dan peminat politik, apa lagi buat aktivis yang terbabit secara langsung dalam proses pilihan raya.

Kerjasama dan dorongan semua pihak, terutamanya yang mendesak saya menerbitkan buku-buku politik selepas mendiam diri beberapa lama, dijunjung tinggi. Penghargaan khusus buat ahli keluarga, isteri dan putera-puteri tercinta, yang agak terabai-ketika buku ini melalui detik-detik sukarnya. Semoga Allah memberkati penulisan dan penerbitan buku ini.

AHMAD LUTFI OTHMAN  
Selayang Baru, Selangor.  
29 Julai 1995

# 1

---

## Kembara Politik (I)

Saya mulanya berhasrat hanya untuk menjadi pemerhati kepada perjalanan pilihan raya 1995 tanpa terlibat dengan mana-mana kempen politik secara langsung. Memang saya pun bukannya seorang petugas pilihan raya yang baik, apatah lagi untuk berceramah. Tidak ada pihak yang rugi kalau saya tidak turun berkempen. Dan tidak ada pihak yang untung kalau saya terjun ke medan. Ada tidak bertambah, hilang tidak berkurang. Mungkin sekadar memeriahkan.

Boleh dikatakan saya langsung tidak berpengalaman dalam tugas penuh cabaran itu. Seringkali setiap kali pilihan raya diadakan, baik pilihan raya umum maupun

pilihan raya kecil, saya hanya memerhati dari jauh. Jika ada yang minta bantuan, saya lebih suka menyalurkannya melalui tulisan atau bahan-bahan penerbitan. Realitinya tidak ramai yang berminat untuk mengajak saya bersama-sama berkempen.

Seingat saya, pilihan raya pertama yang menarik minat saya ialah pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Kelantan, yang diadakan pada 1 Mac 1978. Saya baru di tingkatan tiga, Sekolah Menengah Pulau Nyiur, Jitra, Kedah. Saya begitu berminat untuk mengikuti perkembangannya kerana rentetan peristiwa sebelum itu diberikan liputan meluas oleh media. Selain itu Kelantan dianggap negeri PAS. Kelantan diisytihar dalam keadaan darurat selepas tercetusnya rusuhan dan demonstrasi berikutan Dewan Undangan Negeri Kelantan meluluskan usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besarnya, Datuk Mohammad Nasir.

Saya tidak begitu faham mengapa rusuhan berlaku di Kelantan, dan mengapa pula PAS dipecat dari BN. Mengenai penubuhan parti baru, Berjasa, saya dapat memahaminya. Apa yang diberitahu kepada saya, dan saya menerimanya, ialah PAS dilayan secara tidak adil oleh BN. Maknanya BN telah mengkhianati PAS. Berjasa adalah alat buat Umno menewaskan PAS secara lebih berkesan. Saya yakin PAS dizalimi, justeru itu, wajar sekali PAS dibantu. Bantuan bagaimana yang boleh saya sumbangkan selain berdoa PAS terus mentadbir Kelantan.

Bersama beberapa orang rakan sekelas, tingkatan 3A, kami menghabiskan masa rehat berdebat tentang perkembangan politik tanahair, khususnya di Kelantan. Selalunya kami memilih satu sudut yang damai, dan agak jauh dari keriuhan pelajar-pelajar lain, di bawah naungan sepohon

pokok yang rendang. Walaupun kami hanya bersempang kosong, saya begitu degil sekali mempertahankan PAS. Yang pasti, saya tidak akan mengaku kalah jika PAS dikritik. Walaupun kritikan itu ada kebenarannya, saya tetap mencari jalan keluar mengembalikan kecaman terhadap BN. "Politik ... politik," ujar seorang rakan, sambil menggeleng kepala, melihat gelagat saya.

Hujah pasti dicari untuk menguatkan pandangan mempertahankan PAS. Alasan saya mudah saja, PAS memperjuangkan Islam. Sebagai orang Islam kita mesti menyokong parti Islam. Segala tindakan kita di dunia akan dihakimi selepas mati nanti, termasuk memilih sebuah kerajaan. Kuasa sesebuah kerajaan cukup besar, oleh itu buatlah pilihan dengan bijaksana, seperti yang ditentukan Islam. Bukankah satu kesalahan besar memilih sesebuah parti membentuk kerajaan sedangkan kita yakin parti itu tidak akan menurut sepenuhnya apa yang dituntut oleh agama? PAS mungkin melakukan banyak kesilapan, tetapi ia tetap parti yang tunduk kepada al-Quran dan Hadis. Jadi, saya harus menolak Umno bukan kerana Umno tidak pandai memerintah atau banyak penyelewengan yang dilakukan pemimpinnya. Saya tidak dapat menerima Umno kerana Umno bukan parti Islam. Umno tidak menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai rujukannya. Itu saja hujah utama saya, yang sebenarnya saya kutip dari pandangan mereka yang sudah lama menyokong PAS.

Keluarga saya penyokong PAS yang setia. Mereka tidak pernah berfikir untuk menyokong parti selain PAS. Menyokong PAS adalah tuntutan agama. Begitu juga dengan saudara-mara yang lain, termasuk seluruh penduduk tempat kelahiran saya, Kampung Raja. Dari dahulu sampai sekarang, secara umumnya semua penduduk kampung

saya menyokong PAS. Bukan tidak ada yang mencuri-curi untuk menyokong Umno, tetapi tidak ada siapa yang mengaku berbuat demikian.

Dua tiga hari sebelum hari pengundian di Kelantan, saya bersama teman karib ketika itu, Ismail Abdul Hamid, mengedarkan kertas pengundian olok-olok, meminta semua rakan-rakan dalam kelas 3A memangkah bulan atau dacing, tidak kira lelaki atau perempuan, Melayu atau Cina. Tidak ada yang membantah kerana mereka pun tidak berasa ia satu muslihat politik, hanya sekadar suka-suka.

Saya tidak perlu berkempen untuk "memenangkan" PAS. Pelajar yang menyokong kuat BN juga tidak berkempen. Kebetulan pula saya gagap ketika itu. Saya dikecualikan dari ujian lisan bahasa Inggeris SRP, dan kemudiannya ujian lisan bahasa Melayu SPM. Bukan bermakna saya tidak diuji, tetapi kalau saya gagal sekalipun, diberitahu saya tetap lulus kerana disahkan gagap oleh pihak sekolah. Keputusan undi olok-olok itu menyebelahi PAS.

Sedangkan keputusan sebenar di Kelantan menunjukkan PAS kalah teruk. PAS hanya dapat mempertahankan dua kerusi batu nisan di Sering dan Manek Urai. Saya mengikuti keputusan pilihan raya itu hingga ke awal pagi, menerusi radio. Perasaan sedih, terharu, bercampur marah berbaur resah. Semalam saya tidak tidur mengenangkan masa depan PAS. Yang peliknya saya tidak merasa kecewa dan putus asa. Kalah menang tidak menentukan salah atau benar sesuatu perjuangan itu. Walaupun PAS kehilangan kuasa di Kelantan, pilihan saya tetap PAS. Waktu itu, dalam usia mentah 15 tahun, siapalah yang hendak hiraukan pilihan saya itu.

Saya tidak dapat memastikan siapa yang memberi dorongan dan nasihat supaya saya tetap menyokong PAS

walaupun PAS kalah teruk dalam pilihan raya. Saya pun sudah tidak ingat lagi bagaimana laporan akhbar terhadap kemenangan hebat BN itu. Seingat saya, hanya sebuah akhbar yang dilanggan oleh abang ipar saya, iaitu *Utusan Melayu*. Sekiranya *Utusan* menghentam PAS seperti yang dilakukannya sekarang, bermakna media tidak dapat mempengaruhi saya. Saya rasa pilihan saya sukar untuk digoncang lagi biar apa pun keputusan pilihan raya yang keluar. Berdasarkan pengalaman ini saya dapat memahami sikap penyokong setia PAS berhadapan dengan mehnah dan toh-mah yang tidak berkesudahan.

Menjelang pilihan raya umum seluruh negara yang diadakan pada 8 Julai 1978, saya mengikuti kempen PAS di sekitar Kubang Pasu. Saya sudah lupa apa kandungan ceramah PAS tapi tentulah tidak lari dari tema menegakkan sebuah negara Islam dan mengkritik Umno yang mengke-sampingkan tuntutan Islam dalam pemerintahan. Kebe-tulan sewaktu PAS menganggotai BN, calon BN kampung saya, iaitu dalam kawasan DUN Tunjang adalah dari PAS, Ismail Hanafi. Dalam diam-diam saya mendoakan keja-yaan PAS untuk menegakkan negara Islam. Saya sendiri tidak tahu bagaimana rupanya sebuah negara Islam itu. Tetapi, menurut faham saya ketika itu, tentulah negara Islam yang berdasarkan wahyu llahi itu lebih adil daripada negara yang diperintah bersumberkan akal manusia.

Dalam pilihan raya 1978 Dr Mahathir Mohamad, Tim-baluan Perdana Menteri, adalah calon BN di Kubang Pasu. Saya tidak begitu hiraukan hal itu. Saya lebih tertarik de-ngan ketokohan Dato' Asri, Yang Dipertua Agung PAS, yang turut bertanding di Kedah. Saya cukup bangga kerana berkesempatan mendengar ceramah Asri yang indah susu-nan tutur katanya. Isi ceramah Asri itu saya jadikan modal

untuk berdebat dengan kawan-kawan sekolah. Teman-teman yang berminat dengan politik mencemuh tindakan Asri yang meninggalkan Kelantan ketika PAS negeri itu amat memerlukannya. Itu bukan cara anak jantan, kata mereka.

Lawan Dr Mahathir ialah Ustaz Halim Arshat. Rasa-nya hebat juga pertandingan antara Dr Mahathir dengan Halim, yang mewarisi pertentangan antara seorang bekas Menteri Pelajaran dengan pemimpin mahasiswa yang kontroversi dengan isu Bangi. Dr Mahathir disifatkan sebagai pengkhianat kepada perjuangan pelajar. Hujahnya, Dr Mahathir selepas dipecat oleh Almarhum Tunku menggunakan platform pelajar mencari publisiti. Tetapi apabila kembali berkuasa, pemimpin gerakan pelajar dihambat dan dikurung dengan perlaksanaan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Beberapa orang penceramah yang menyokong Halim datang berkempen ke kampung bersebelahan kampung saya, Kampung Pulau Timbul. Entah apa yang diceramahkan, tapi seingat saya, ceramah itu agak membosankan. Walaupun saya penyokong setia PAS, saya tetap mahu mendengar ceramah yang hebat atau kata orang muda sekarang, "mengancam". Ukuran kehebatan saya ialah sejauh mana mereka dapat membelasah BN, tanpa belas kasihan, dengan hujah dan fakta sokongan yang meyakinkan, yang belum pernah saya dengar sebelum itu. Kedua, saya juga mahu tahu apa yang akan dilakukan oleh PAS jika dapat memerintah negara.

Pemidato PAS mahupun Umno tidak perlu berceramah di kampung saya kerana semua penduduk Kampung Raja menyokong PAS. Uniknya Kampung Raja itu kekal hingga kini. Saya tidak pernah melihat poster BN di kampung saya kecuali pada tahun 1974. Beberapa orang penyo-

kong kuat, malah calon BN sendiri datang memujuk orang kampung yang disegani supaya dibenarkan poster BN ditampal di kampung saya, tetapi hasrat itu gagal. Saya tidak pasti apakah tindakan penduduk kampung saya itu boleh dinilai sebagai unsur tidak demokratik sewaktu berkempen. Saya tentulah sukar hendak mengingati kembali apa yang berlaku pada 1969. Saya cuma ingat ada tayangan gambar jabatan penerangan sewaktu kempen rancak di kampung saya. Rupanya pada tahun itu, tokoh besar Umno, Senu Abdul Rahman datang berkempen ke kampung saya, dan akhirnya Senu kalah tipis kepada calon PAS. Maknanya penduduk kampung saya pernah menolak seorang menteri dengan menyokong calon PAS yang tidak berupaya menawarkan apa-apa kemudahan kepada mereka.

Apabila diberitahu Asri kalah di Padang Terap saya menangis. Saya lebih sedih bila mengenangkan Asri tewas di luar Kelantan. Saya tidak sesedih itu dengan kekalahan calon-calon PAS di Kubang Pasu. Bukan bermakna pula saya menyokong Dr Mahathir, tetapi saya meletakkan harapan yang cukup besar kepada Asri untuk terus memperjuangkan Islam. Bagaimanapun Asri tetap wira saya. Mengenai Dr Mahathir, seperti yang selalu diberitahu kepada saya, beliau bukannya orang yang baik jika diukur dari sudut agama. "Mahathir seorang sosialis," kata seorang jiran. Waktu itu tentunya sukar juga untuk saya mendefinisikan pengertian sosialis. Antara yang saya dengar, seorang sosialis tidak suka kepada raja dan agak dekat dengan komunis. Tulisan Dr Mahathir, *Dilema Melayu*, dikatakan menghina Islam. Menurut dakwaan orang yang pernah membaca teks asal buku itu, Mahathir menulis, orang Islam tidak akan maju sekiranya berpegang teguh

dengan seluruh tuntutan agama. Tentunya saya tidak pernah membaca buku yang diharamkan itu, untuk menentukan kesahihan dakwaan tersebut, tetapi ia sudah cukup untuk saya menolak, sekali gus, memandang negatif Dr Mahathir. (Benar, hingga kini tanggapan saya itu berkekalan, dan saya yakin tanggapan saya itu banyak benarnya).

Lagi pula saya tidak pernah mendengar ceramah Dr Mahathir. Bila diberitahu Dr Mahathir melakukan sesuatu yang dikatakan bercanggah dengan Islam, minat saya untuk mengikuti dari dekat ceramah Dr Mahathir hilang begitu sahaja. Saya mahukan pemimpin orang Melayu mestilah tokoh yang sayang kepada agamanya melebihi kepentingan yang lain. Walaupun mungkin dia tidak begitu bijak dan pandai, tetapi jika dia seorang yang berpegang kuat kepada tuntutan agama, tidak ada sebab mengapa saya harus tolak orang seperti itu.

Dari tahun 1979 - 1980, saya berada di Sekolah Menengah Teknik, Alor Setar. Perkembangan kesedaran politik tidak banyak berubah. Cuma, saya bertemu dengan teman-teman yang lebih kritis terhadap perjuangan PAS dan lebih ramai lagi yang tidak ambil pusing soal politik. Masing-masing sibuk dengan tugasannya sebagai seorang pelajar. Tambahan pula saya tidak aktif dalam mana-mana persatuan. Masalah gagap masih menghantui.

Dua peristiwa yang menarik minat politik saya ialah demonstrasi petani dan pilihan kecil di Bukit Raya. Tunjuk perasaan petani benar-benar menyentuh nurani saya, apatah lagi disusuli dengan penahanan borong tanpa bicara di bawah ISA. Ini bukan satu tindakan bijak menghadapi kemarahan rakyat. Kerajaan yang angkuh adalah kerajaan yang lemah, yang tidak yakin mendapat sokongan padu

rakyat. Antara lain petani menuntut dinaikkan subsidi padi, yang ketika itu dinilai RM2 untuk sepikul. Ia kemudian dinaikkan kepada RM10 sepikul. Saya juga datang dari keluarga petani. Susah-senang kehidupan petani bukan sesuatu yang asing.

Pilihan raya kecil Bukit Raya menyaksikan seorang wira baru yang saya kagumi, Ustaz Fadzil Mohd Noor, bekas Timbalan Presiden ABIM mencuba nasib. Bukit Raya adalah kubu PAS. Tetapi asakan hebat Umno menyebabkan calon PAS terpaksa memberi laluan sementara. Kekalahan Ustaz Fadzil sedikit pun tidak menggongangkan keyakinan saya selama ini bahawa yang benar tetap PAS. Mungkin ada pembaca yang menyifatkan saya seorang fanatik. Rasanya saya tidak perlu menafikan dakwaan itu. Saya memang tidak pernah terfikir untuk menyokong Umno selagi Umno tidak menjadikan Islam dasar perjuangannya. Sama ada saya berlaku adil terhadap Umno pembaca boleh tentukan sendiri. Bagi saya, Umno boleh memperhebatkan usaha membangunkan negara, membela golongan miskin, menyediakan kemudahan awam yang selesa, tetapi sekiranya dasar Umno tidak berdasarkan Islam, kehidupan pemimpinnya bercanggah dengan akhlak Islam, minat saya terhadap Umno tetap zero.

Insiden yang benar-benar dapat menggongangkan keyakinan saya terhadap PAS berlaku pada tahun 1982, atau lebih tepat lagi membuatkan saya terpaksa memberi penilaian semula terhadap Umno, ketika saya mengikuti pengajian kejuruteraan awam di Universiti Teknologi Malaysia. Menjelang pilihan raya 1982, Presiden ABIM, Anwar Ibrahim mengisyiharkan "ijtihadnya" dengan menyertai Umno pimpinan Dr Mahathir. Pada mulanya saya seperti tidak percaya dengan berita panas itu. Sebelum itu, Anwar

diundang berceramah di UTM. Walaupun banyak juga yang saya tidak dapat tangkap maksud sebenar Anwar dalam ucapannya itu, saya berasa puas. "Inilah pemimpin muda Islam yang boleh berhadapan dengan kerakusan dan ketamakan Umno," dalam diam-diam saya berkata sendirian. Tetapi menurut teman-teman yang lebih senior, gaya, nada dan isi ceramah Anwar pada malam itu agak apologetik. Anwar tidak lagi mengkritik Dr Mahathir, malah membayangkan hubungannya dengan Dr Mahathir tidaklah begitu tegang.

Sebelum itu saya tidak pernah mendengar ceramah Anwar, namun gambaran yang diberikan kepada saya Anwar adalah tokoh muda yang komited dengan perjuangan. Malah, ada yang membandingkan Anwar dengan Asri: "Untuk memajukan PAS, Asri mesti bersedia memberi laluan kepada Anwar." Ada beberapa sebab mengapa saya tertarik dengan Anwar. Antaranya, paparan fizikal atau susuk tubuhnya yang sesuai untuk seorang pemimpin. Kedua, Anwar adalah pemimpin mahasiswa yang hebat. Sebagai seorang pelajar tahun pertama, yang sudah menaruh minat dengan perkembangan politik sejak sekolah rendah, tentulah tokoh seperti Anwar cepat menyambar minat saya. (Perang Arab-Israel yang saya baca melalui *Utusan Melayu* ketika saya di bangku sekolah rendah telah mengasah minat yang mendalam terhadap isu-isu semasa). Ketiga, Anwar pernah memimpin demonstrasi besar-besaran pada tahun 1974 membela golongan miskin dan rakyat bawahan. Keempat, Anwar adalah mangsa ISA yang telah dikurung hampir dua tahun di Kemunting. Ia bukti kukuh Anwar berpegang erat prinsip perjuangannya. Kelima, Anwar pemimpin sebuah gerakan Islam yang dihormati. Keenam, Anwar bukan seorang ulama tetapi boleh

memimpin gerakan yang ditunjangi ulama. Ketujuh, walaupun ada pelawaan menyertai Umno, kerana prinsip Anwar menolaknya. Kelapan, meskipun memimpin gerakan Islam, hubungan Anwar dengan pertubuhan lain tetap intim, terbukti dalam usahanya menentang pindaan Akta Pertubuhan, malah beliau diakui semua pihak sebagai pemimpin karismatik. Selalunya pemimpin jamaah Islam tidak dapat menonjol dalam khalayak yang lebih luas. Kesembilan, kepetahan Anwar berpidato yang memikat dan memukau. Kesepuluh, hubungan Anwar dengan pemimpin Islam antarabangsa dan kemampuannya menangani isu global.

Saya seperti ramai teman-teman lain di UTM yang menyokong PAS tentu ada hak untuk berasa kecewa dengan tindakan Anwar. Bagi kami, Anwar telah mengkhianati prinsip perjuangan yang sekian lama dipertahankan. Kami tidak boleh memahami sebab sebenar Anwar tidak memilih PAS sebagai wadah perjuangannya, melainkan PAS tidak menjanjikan laluan yang mudah bagi Anwar untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia. Mungkin juga hubungan peribadinya dengan Dr Mahathir, yang bersedia memberikan perlindungan maksima kepada Anwar untuk merentasi belantara puaka budaya politik Umno, menyebabkan Anwar menolak PAS. Mungkin bagi Anwar, PAS banyak kelemahan dan kelemahan itu tidak dapat diperbaikinya walaupun dia menjadi ketua. Atau mungkin Anwar menjangka, tidak semudah itu untuknya dipilih sebagai Yang Dipertua Agung PAS, dengan latar belakangnya yang bukan dari pengajian agama. Sedangkan dalam PAS terkumpul ulama-ulama muda yang lebih berkelayakan memimpin sebuah parti Islam. Bagaimanapun kami lebih yakin, kelemahan PAS bagi Anwar ialah dari sudut penga-

ruh dan penerimaan rakyat Malaysia terhadap PAS. Justeru itu, lebih baik Anwar memilih Umno di bawah pimpinan Dr Mahathir, yang bukannya lebih demokratik dan Islamik daripada kepemimpinan Umno terdahulu, tetapi lebih dekat dengannya, yang memungkinkan cita-cita politiknya tercapai secara lebih mudah dan pantas. Untuk melihat lebih jelas sikap saya terhadap Anwar, sila rujuk buku-buku *Anwar Lawan Ghafar?*, *Memo Buat Bakal PM*, *Operasi Nyah 2*, *Anwar Salah Pilih, Siapa Dalang?*, *Krisis Anwar Mahathir*, dan *Buku Bertemu Ruas*. Saya berhasrat, selepas menyiapkan buku ini, saya cuba menyelami pemikiran Anwar melalui ucapan-ucapan pentingnya dan tindakan-tindakan politiknya. Tajuk yang dicadangkan untuk buku itu ialah *Minda Pak Syeikh*.

Pada pertengahan tahun 1982, Anwar, ketika itu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dijemput memberikan ceramah perdana di Dewan Besar UTM. Dewan yang tidak begitu besar itu penuh sesak. Ramai pelajar ingin menyaksikan Anwar berwajah baru, iaitu Anwar yang telah menjadi tokoh kebanggaan Umno, parti yang dimusuhinya dahulu. Beberapa orang teman telah siap sedia dengan soalan sensasi yang lebih bersifat untuk menduga, malah menjerat, Anwar. Rupanya Anwar juga insan biasa. Berhadapan dengan pelbagai asakan pertanyaan, Anwar nampaknya mudah gelabah dan cepat menyinga. Imej Anwar kekal sebagai tokoh berdarah panas, pantang dicabar. Meskipun begitu hujahnya agak boleh mempengaruhi audien, termasuk penyokong PAS. Jelas sekali Umno amat beruntung kerana dapat memikat Anwar bagi menghadapi era kebangkitan Islam awal 80-an. Ledakan semangat dan kesedaran untuk menghayati Islam itu boleh menggugat kedudukan Umno jika pemimpinnya tidak bijaksana menanganinya.

Apa yang saya ingin tekankan dengan penyertaan Anwar ke dalam Umno ialah ia hanya mampu membuatkan saya memikirkan semula tanggapan saya terhadap Umno. Namun saya tidak membazirkan banyak masa untuk mempertimbangkannya. Apabila bertemu dengan punca sebenar Anwar menyertai Umno, pemikiran saya kembali tenang. Perkembangan selanjutnya akan saya tuliskan dalam kesempatan lain, dalam buku yang lebih khusus. Ini kerana ia tidak semudah mengungkapkan pengalaman tanpa dampak yang jelas ketika mula meminati politik tanahair. Pengalaman saya di kampus, seterusnya bertugas di *Harakah*, *Dunia Islam*, dan *Muslimah* ingin saya kongsi bersama generasi muda masa kini. Anwar memilih jalannya sendiri, yang mungkin sesuai dengan cita-cita dan pegangan politiknya selama ini. PAS pula tidak ketandusan tokoh muda yang dinamik, seperti Naib-naib Yang Dipertuaanya, Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Ustaz Abdul Hadi Awang. Kemunculan Ustaz Hadi adalah fenomena baru dalam PAS terutama dalam memantapkan kefahaman politik Islam. Ustaz Hadi berjaya mendefinisikan aliran baru dalam politik Melayu. Serentak dengan pengunduran Asri, konsep kepemimpinan ulama dipraktikkan, dengan penonjolan bekas tokoh ABIM menerajui PAS.

(Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor ketika diwawancara pada 16 Jun 1995 menegaskan: "Kita memperkenalkan semula konsep kepemimpinan ulama bukan sahaja untuk diterima di peringkat parti malah untuk diterima oleh rakyat. Dalam tradisi Islam, pemimpin itu adalah ulama dan ulama itu memimpin. Para Khulafa ur-Rasyidin adalah ulama-ulama besar. Walaupun selepas zaman pemerintahan mereka, majoriti pemerintah Islam tidak tergolong dalam kategori ulama yang muktabar, mereka tetap

tunduk kepada autoriti ulama. Musuh kita sememangnya banyak dan kita mesti membuktikan dakwaan, bahawa ulama itu tidak layak memimpin, adalah tidak betul. Di sudut yang lain, para ulama perlu membuktikan keupayaan dan kebolehan mereka untuk memimpin.”)

Harapan terhadap PAS semakin menyala dengan kehadiran tokoh-tokoh mudanya itu. Dengan ilmu Islam yang luas, perwatakan yang sederhana, daya kepimpinan yang memikat, pemimpin-pemimpin PAS selepas era Asri memikul amanah yang cukup berat untuk dilaksanakan. Cabaran zaman yang semakin canggih, cita rasa rakyat Malaysia yang kian kompleks, faktor Anwar dalam Umno, imej baru kepemimpinan Mahathir-Musa, memaksa PAS menekuni pendekatan politik yang lebih tangkas, cekap dan berhemah, selain tetap tegak atas prinsip dan dasar perjuangan.

“Pemimpin PAS mungkin kaya dengan idealisme tetapi belum teruji kemampuan berpolitik mereka. PAS sebenarnya menghadapi revolusi dalaman yang agak besar, selepas Asri disisihkan, dan memerlukan masa secukupnya bagi memulakan momentum baru. Penubuhan CCC dan pakatan dengan parti-parti pembangkang menjelang pilihan raya menunjukkan kepemimpinan PAS ketika itu tidak dapat membaca dengan baik persekitaran politik. Akibatnya PAS kalah teruk dalam pilihan raya 1986, tinggal satu kerusi Parlimen,” seorang teman berhujah.

Untuk meringkaskan cerita, kita tinggalkan pergo-lakan politik yang cukup gawat, menarik dan mengejutkan, antara 1986 - 1990. Pada tahun 1990, ketika pergelutan antara pembangkang dengan BN cukup mendebarkan, saya berada di Kuala Lumpur, membantu rakan-rakan di *Harakah*. Ketika itu saya menjadi editor kepada dua majalah bulanan, *Dunia Islam* dan *Muslimah*. Meskipun banyak

pihak yang bercakap tentang kerajaan alternatif, namun saya tetap yakin BN tidak semudah itu untuk ditumbangkan. Akar umbi kekuatannya masih kukuh, manakala gabungan pembangkang, seperti kata Dr Mahathir, seperti caca-marba. Politik wang, penggunaan sepenuhnya jentera kerajaan, ugut-mengugut, ekspoitasi media yang memalukan, menyemarakkan sentimen keagamaan yang sempit, dan pelbagai taktik kotor BN bagi gelombang ganas yang tidak terdaya dihadapi oleh pembangkang. Mungkin ramai yang menganggap alasan ini sebagai helah menutup kelemahan pembangkang. Kelemahan pembangkang satu persoalan lain yang tidak ada kena mengena dengan corak dan kaedah kempen BN yang tidak demokratik itu. Kelemahan pembangkang adalah masalah mereka sendiri yang tidak perlu dirisaukan sangat sedangkan rakyat menanggung derita dan bebanan tidak perlu akibat "kehebatan" BN memperalatkan apa saja demi mengekalkan tampuk kuasa.

Apabila saya, secara tidak segan-silu, mempertahankan PAS dan menolak Umno/BN, tentunya ada di kalangan pembaca yang tidak seronok lagi membaca buku ini. Alasannya, saya sudah memihak dan analisis saya tidak objektif lagi. Saya tidak berhasrat mahu menonjolkan penuisan yang bebas lepas dari ikatan sentimen kepartian. Apa yang sering dipapar di dada-dada akhbar selama ini pun begitu kuat dikongkong oleh belenggu yang tidak dapat dirongkaikan. Jadi, apa salahnya, kita membaca pula tulisan yang dilihat tidak serasi dengan *establishment*. Suara, jeritan batin dan nurani golongan yang terpinggir juga perlu dijejak. Walaupun sebagai pencatat politik saya harus memberikan ruang seadil-adilnya kepada semua pihak, saya juga tidak wajar menyembunyikan suara hati saya terhadap perkembangan politik tanahair. Mungkin setelah

sekian lama saya melaporkan peristiwa politik yang debarnya cukup menggetarkan, saya perlu juga meluahkan gerak hati saya secara bebas. Namun begitu, setiap pandangan yang relevan dan difikir dapat membantu pembaca menekuni babak-babak pilihan raya 1995 tetap saya lampirkan. Justeru itu menerusi buku-buku saya amat kerap sekali dinukilkan kembali tulisan yang dikira sesuai ditelaah bersama.

Pilihan raya 1995 tidak dapat mengulangi debar 1990. BN dijangka dapat memantapkan lagi kemenangan. DAP siang-siang lagi mengaku kalah walaupun masih ghairah dengan projek Tanjung III. Usaha PAS lebih tertumpu mengekalkan kuasa di Kelantan, cuba melebarkan kemenangan di Terengganu dan memberikan saingan sengit di Kedah. Untung nasib PMS46 jarang diperkatakan, Dr Mahathir lebih berminat berhadapan dengan PAS hingga gakan nama parti Islam itu pun dicemburuinya. PAS didakwa menyesatkan aqidah orang Islam walhal perjuangan utama PAS selama ini, yang diketahui umum, ialah bersih dan menyucikan aqidah umat.

Melihatkan kehadiran hingga mencecah puluhan ribu di majlis-majlis ceramah PAS di Melaka, ada teman-teman menjangkakan negeri Hang Jebat itu akan menyaksikan kejutan: "Paling kurang satu atau dua kerusi dalam genggaman PAS. Darah orang Melaka bukan cap keris lagi. Zaman gemilang Ghafar Baba sudah berakhir. Era kemuncak Rahim Tamby Chik sudah berkubur." Soalnya, sudah lupakah kita tentang asas kekuatan kekuatan Umno selama ini? Apakah hanya kerana kes Rahim, yang sudahpun dibersihkan oleh Peguam Negara, atau kes pengambilan tanah, menyebabkan pengundi Melaka dengan begitu mudah beralih menyokong PAS? Saya tetap yakin, di luar

Kelantan, Terengganu dan Kedah, majoriti pengundi Melayu masih kuat dikongkong mentaliti, "Umno akan memerintah Malaysia sampai bila-bila." Hatta kemenangan Angkatan di Kelantan, 1990, didasarkan faktor yang cukup hebat, yang hampir mustahil berulang di negeri lain; antaranya faktor istana dan perpecahan Umno, yang mana serpihan besarnya (bukan yang kecil) membentuk Semangat 46, juga ketokohan Tengku Razaleigh Hamzah, yang hanya dikecewakan 43 undi untuk menjadi PM! Istana dalam pemikiran orang Melayu Kelantan mempunyai imej yang baik, tidak seperti di negeri-negeri lain, yang hanya dilihat sebagai perlambangan atau simbol semata-mata.

Mungkin atas persekitaran politik yang agak dingin, tetapi tidak mustahil mencetuskan episod yang mengejutkan, saya lebih suka terus berpusat di Kuala Lumpur, dan berhasrat untuk berkunjung ke beberapa destinasi menarik, sambil mengharapkan Kuala Terengganu, Alor Setar, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu memberikan warna yang lebih ceria dalam iklim politik yang suram itu.

Menjadi pemerhati, dengan hasrat untuk membukukan segala pengalaman yang ditempuh bermula selepas Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri dibubar-kannya, bukannya tugas mudah. Tempoh kempen yang cukup terhad lagi menyukarkan saya untuk membuat tinjauan yang adil. Yang penting ialah memilih keutamaan, bergantung kepada bidang yang hendak ditekuni.

Sekurang-kurangnya dalam suasana serba-serbi terbatas itu, saya ingin meneliti bagaimana akhbar-akhbar utama bahasa Melayu, *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* melaporkan kempen-kempen parti yang bertanding. Dari satu segi, akhbar yang pernah saya terajui, *Harakah* tidak begitu penting untuk ditelaah kandungannya kerana *Har-*

*kah* tidak pernah mendakwa ia sebuah akhbar yang bebas. *Harakah* adalah lidah rasmi Parti Islam Se-Malaysia (PAS), sedangkan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* mati-matian mempertahankan profesionalisme persuratkhabaran dan etika kewartawanan. *Harakah* adalah suara PAS sedangkan *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* adalah suara nurani rakyat. Motto *Mingguan Malaysia* ialah "Cetusan Hati Nurani Rakyat", sementara *Utusan Malaysia* memilih "Penyebar Fikiran Rakyat", dan motto *Berita Harian* ialah "Sumber Ilmu dan Maklumat Mutakhir". Dalam pada itu, *Harakah* masih terikat dengan etika kewartawanan yang tidak membenarkan fitnah, putar-belit kenyataan orang, dan seumpamanya.

Lebih penting dari itu, saya berhasrat benar untuk mengikuti siaran televisyen, khususnya TV pagi seperti slot *Malaysia Hari Ini* dan *Selamat Pagi Malaysia*, bermula jam enam sehingga sepuluh pagi, sepenuhnya, tanpa diganggu oleh tugas lain. Ini kerana buat pertama kali pilihan raya diadakan ketika siaran TV bermula di awal pagi. Semua orang tahu mereka akan berkempen habis-habisan untuk memenangkan Umno dan BN, serta mahu memberikan pukulan maut kepada pembangkang. Tak payah berdalih-lah. Bagaimanapun teringin juga melihat bagaimana *Buletin Utama* TV3 dan *Berita Perdana* RTM melayan kempenkempen pembangkang.

Harapan saya itu rupanya tidak kesampaian. Saya diminta terjun secara langsung ke medan pertarungan yang sebenar, bukan lagi berada di pinggiran. Mulanya mahu saja menolak permintaan itu tetapi mengenangkan orang yang memintanya adalah seorang tokoh yang amat saya segani. "Kau jangan lepaskan peluang untuk merakam detik-detik penting perkembangan politik di Alor Setar sele-

pas 25 April 1995. Umno boleh tumbang di Kedah," seorang pemimpin muda PAS Kedah cuba mengusik sensitiviti saya.

Semasa menunggu penerbangan ke Alor Setar, dua hari sebelum penamaan calon, saya sempat berbicara dengan seorang teman, yang kebetulan turut serta ke Kedah, atau urusan perniagaan. "Dr Mahathir tidak akan biarkan PAS menambah kerusi di Kedah apalagi melihat Kedah jatuh ke tangan pembangkang. Sedangkan di Pulau Pinang, negeri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir terpaksa berkejar, ke hulu ke hilir, siang dan malam, mempastikan Tanjung tetap milik BN," beliau memberi respons awal apabila saya memberitahu perkembangan politik Kedah, setakat yang dimaklumkan kepada saya oleh para penyokong PAS.

"Tapi ramai ahli Umno isytihar menyokong PAS hinggakan ada satu majlis besar-besaran meraikan mereka," kata saya.

"Kedah tidak seperti Terengganu," sambutnya pantas.

"Sebab Kedah tidak seperti Terengganu lah penyokong PAS yakin pengundi Kedah bebas untuk memilih calon yang mereka suka. Di Kedah ramai pengundi atas pagar, mereka ikuti isu semasa dan siapa calon yang bertanding," saya memintas cakapnya.

"Apakah itu agakan saja, atau berdasarkan penyelidikan mendalam?" tanya teman yang sudah berjaya dalam bisnes dan agak rapat dengan pemimpin Umno itu.

"Penyelidikan cara orang politik!" Saya menjawab sambil ketawa kecil. Kawan lama saya itu ketawa berdekah-dekah sehingga matanya tertutup.

"Maksud aku Kedah berbeza dengan Terengganu kerana kemenangan BN di Kedah dengan majoriti besar,

sampai tiga atau empat ribu undi, sedangkan di Terengganu, bawah seribu undi. Kalau dua tiga puluh ahli Umno menyeberang kepada PAS, itu tak jadi soal besar," jelasnya lagi.

"Lagi pula jumlah kerusi DUN bertambah 36. Maknanya PAS perlu menang 20 kerusi. Sekarang PAS hanya ada satu kerusi. Mustahil prestasi PAS akan melompat 20 kali ganda, tak logik. PAS harus berkempen dan menjelaskan dalam manifestonya untuk menjadi pembangkang yang berkesan di Kedah, bukan memerintah. Biar logik sikit," tambahnya bila melihat saya diam.

"Jadi apa perlu PAS buat?" tanya saya.

"PAS patut tumpu sepenuh usahanya ke Terengganu. Negeri itu baik untuk PAS. Orang Melayu juga ramai di sana. Lagi pula Terengganu kaya dengan minyak," jawabnya selamba. Saya tidak tahu sejauh mana dia maklum tentang perkembangan PAS. Cuma dia begitu berminat dengan ketokohan MB Kelantan. "Ibarat langit dengan bumi," katanya, "kalau nak dibandingkan dengan Tok Man." Beliau memanggil MB Kedah sebagai Tok Man saja.

Imej Osman Aroff sebagai MB Kedah cukup buruk. Kalau ada tuduhan bahawa Osman rasuah, amalkan pilih kasih, bolot segala projek kerajaan negeri, kuasai projek penswastaan air dan termasuk *parking* kereta bermeter, orang ramai tidak terkejut lagi. Walaupun tidak ada bukti kukuh, ramai beranggapan bukan mustahil Osman berbuat demikian.

Tuduhan seorang ahli perniagaan, yang kemudian bertanding atas tiket PMS46 di Sungai Petani, Syed Mansor Syed Salim, bahawa Osman berkepentingan dalam projek besar seperti penswastaan pembersihan air bernilai RM354 juta, pembinaan jeti Kuala Kedah bernilai RM5 juta, mempunyai kereta-kereta mewah, tidak dinafikannya.

Umum mengetahui proksi Osman ialah Izhar Sulaiman. Menjelang hari-hari terakhir kempen, seorang penyokong kuat PAS memberikan saya salinan 42 buah syarikat yang membabitkan Izhar Sulaiman. Sementara Osman sendiri menjadi pengarah kepada 21 buah syarikat.

Walaupun kepentingan Osman begitu jelas dalam projek-projek yang begitu menguntungkan, namun suasana kempen pilihan raya tidak menekankan soal ini. Mungkin pembangkang merasakan ia tidak banyak mempengaruhi pengundi kerana "isu itu sudah lapuk" dan faktor Osman Aroff dilindungi oleh kehebatan Dr Mahathir. Saya merasakan penyalahgunaan kuasa Osman harus dikombinasikan dalam tema kempen yang lebih besar, menggabungkannya dengan beberapa projek pengambilalihan tanah, kenaikan pelbagai cukai, masa depan Melayu di Langkawi dan ura-ura cuti mingguan ditukar, tidak terkecuali isu hudud dan pemberian saham kepada kaum kerabat pemimpin atasan Umno. Ia termasuk kenyataan angkuh Osman yang menyifatkan penentang pengambilalihan tanah rakyat sebagai pengkhianat bangsa dan "orang seperti ini macam pelesit atau syaitan yang sepatutnya kita 'bunuh' mereka dahulu." Rakyat Kedah harus digegarkan dengan satu tema kempen yang memungkinkan mereka berfikir perlunya PAS diamanahkan sebagai parti pemerintah di peringkat negeri. Slogan "Kali Ini Kita Kaleh" hanya disebarluaskan di saat-saat akhir, tanpa pemahaman mendalam dan logik yang munasabah. Sebenarnya slogan itu mempunyai kekuatan tersendiri sekiranya tersebar secara meluas dan mampu menyumbangkan gelombang perubahan minda yang mungkin mengejutkan.

"Arus perubahan memang wujud di Kedah tetapi belum cukup kuat. Pertama atasas kekuatan PAS hanya ber-

modalkan kerusi tunggal di Bukit Raya. Kalau kedudukan PAS Kedah seperti di Terengganu, iaitu berbekalkan sepu-luh kerusi, dengan misi menawan lagi tujuh, Umno Kedah mungkin berputeh mata. Tapi PAS Kedah, bersama Sema-ngat 46, perlu menawan sekurang-kurangnya 18 kerusi lagi, selain mempertahankan Bukit Raya. Ini bukan kerja yang boleh dibuat dalam masa sembilan hari kempen. Ia menuntut gerak kerja yang luar biasa hebatnya, luar biasa dahsyatnya, luar biasa kreativitinya, luar biasa ketahanannya dan memerlukan stamina yang panjang dan berter-u-san. Memang isu memihak kepada PAS tetapi faktor isu hanya mungkin berjaya memenangkan pembangkang jika pengaruh kedua-dua parti sewaktu DUN dibubarkan ham-pir seimbang," demikian kira-kira saya berceloteh panjang dengan rakan sekampung yang seakan-akan kecewa de-nan prestasi PAS Kedah.

"Kita tak tahu nak buat macam mana lagi untuk me-nangkan PAS. Kita sudah kempen dari rumah ke rumah, khususnya untuk pengundi wanita. Usaha memujuk, mera-yu, berhujah dengan penuh diplomasi dijalankan. Kita cuba kurangkan ketegangan dan konfrontasi dengan penyokong Umno. Kita bentuk kumpulan-kumpulan kecil mengganti-kan majlis ceramah. Kita dekati mereka yang susah. Calon kita lebih dikenali sedangkan calon BN banyak juga rekod buruknya. Pendek kata, kesempatan 1995 adalah yang ter-baik buat kita. Keputusannya, pengundi tetap mengekal-kan *trend* mengundi 1990, tidak berlaku *swing*. Kerpan tidak jauh dari kawasan ini, malah berjiran, tapi ia langsung tidak membantu. Susah-senang orang Kerpan hanya dirasai oleh mereka sendiri," seorang penceramah PAS meluahkan apa yang terbuku di dada. Saya yakin beliau tidak kecewa atau putus harap, tetapi jelas semangatnya agak kendur. Mung-

kin dia kecewa dengan mentaliti pengundi Melayu.

"Orang bendang agak mudah dipengaruhi dan didekati. Tapi berbeza dengan penoreh getah atau pekerja kilang. Begitu juga nelayan. Umur kita pun dah bertambah. Stamina makin menurun. Saya harap orang muda macam Lutfi harus lebih aktif," tambahnya menaruh harapan. Saya faham perasaannya. Rasanya tidak cukup dengan menunjukkan rasa simpati kepadanya kerana dia sendiri tidak mengharapkan begitu. Perlahan-lahan, saya pasti, keluhan-nya itu akan berakhir. Berikan sedikit masa untuk melepaskan lelah dan mengulangkaji segala perkembangan, bukan hanya sepanjang kempen, tetapi melangkaui sejak keputusan pilihan raya 1990 diumumkan.

Secara keseluruhannya saya tidak begitu memahami perasaan penyokong-penyokong PAS Kedah yang kecewa dengan prestasi 1995. Apatah lagi di kawasan yang kedudukan PAS cukup lemah. Bilangan keahlian tidak seberapa, aktiviti cawangan pula agak lembab, masih banyak kampung yang belum dapat ditembusi, kegiatan parti hanya ceramah umum, dana kewangan di paras minima, motivasi pemimpin merosot, komitmen ahli-ahli hanya di waktu kempen, gerak kerja pilihan raya tidak tersusun, tiada data yang boleh diyakini sebagai petunjuk sebenar, tenaga dan kepakaran sebahagian besar ahli tidak diuruskan dengan baik, pengabaian kempen terhadap wanita dan pelbagai faktor lagi yang menampakkan kekerdilan pembangkang menghadapi BN. Malah ada kawasan yang memulakan kempen pada hari ketiga selepas penamaan calon walau-pun calonnya tidak pernah dikenali di kawasan itu. Calon pula tidak mempunyai inisiatif sendiri bertemu seramai mungkin pengundi. Hubungan dua hala terjejas. Akhirnya pengundi mengekalkan sokongan tradisi.

Saranan Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor terhadap Muslimat PAS supaya lebih aktif mendekati golongan wanita harus dipandang serius dan dijelmakan dalam bentuk tindakan segera. Katanya, golongan wanita yang kurang terdedah kepada program-program PAS akan mudah terpedaya dengan taktik dan muslihat BN yang sentiasa mengeksplorasi media massa dan jentera kerajaan. Taktik BN ini, katanya, mengakibatkan majoriti rakyat tidak akan memberi undi kepada PAS di saat-saat akhir walaupun pada mulanya mereka mula yakin dengan PAS.

Dalam pada itu, mungkin sebagai pemerhati luar, saya tidak terdedah dengan perkembangan politik dan maklumat mutakhir yang membayangkan sokongan terhadap PAS meningkat dengan mendadak. "Suasana di Kedah sama seperti ketika menghadapi pilihan raya 1969. Sokongan penyokong Umno terhadap PAS begitu luar biasa hingga kita sendiri bertanya-tanya, benarkah fenomena ini, atau ada muslihat di sebaliknya. Rata-rata ahli Umno keluar parti, bukan sahaja di kawasan bermasalah tetapi hampir di seluruh negeri," beritahu seorang pemimpin veteran PAS Kedah, beberapa bulan sebelum tarikh pilihan raya.

"Menulis, menganalisis dan mencari punca kekalahan memang mudah. Tapi hanya mereka yang berhadapan dengan kempen Umno saja mengerti peritnya usaha meraih sokongan terutama di kawasan yang kekuatan Umno jauh meninggalkan PAS," tegur seorang kawan bila diberitahu saya berhasrat menulis buku tentang pilihan raya.

"Benar, aku tidak menolak hakikat itu. Soalnya, masih banyak peluang kalau kita bersedia perbaiki kelemahan yang ada dan melakukan perubahan. Pertama, kita harus kenal pasti kelemahan itu dulu. Sebabnya, banyak perkara

yang kita kelaskan sebagai asas kekuatan itu sebenarnya adalah punca kelemahan kita. Politik wang, sogokan projek, eksplorasi jentera kerajaan, manipulasi media, ugut-mengugut bukan faktor mutlak kemenangan BN. PAS punya potensi cerah jika bijaksana memanfaatkan sumber kekuatannya. Sembilan hari kempen harus dirancang padat dengan pelbagai agenda yang membabitkan seluruh petugas, tanpa terkecuali," saya memberi reaksi segera.

Selain itu perancangan jentera pilihan raya PAS tidak dipusatkan. Masing-masing tertakluk kepada gerak kerja peringkat DUN dengan pengawasan minima di peringkat negeri. Urusetia bilik gerakan negeri tidak dibekalkan dengan maklumat terkini pergerakan *trend* pengundian, khususnya bila tercetus isu-isu kontroversi. Oleh itu usaha mencetuskan gelombang politik bersama yang menyeluruh di setiap pelusuk negeri sukar dijayakan. Sedangkan aliran pengundian di sesbuah negeri tidak jauh bezanya antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Dan jika ditanya kebarangkalian untuk menang, jawapan yang selalu diterima, "50-50". Saya mengusik, "itu jawapan wartawan bukannya petugas pilihan raya." PAS yang amat mengharapkan majlis ceramah sebagai satu-satunya saluran berkesan mendekati pengundi menghadapi masalah kekurangan penceramah yang ketara. Dengan itu penceramah bidan terjun terpaksa dimanfaatkan walaupun terdedah dengan risiko besar. Hinggakan ada penceramah bidan terjun ini yang mengulas isu di luar konteks dan merugikan PAS. Berbeza dengan BN yang mendapat keuntungan lumayan dari *Buletin Utama* dan *Berita Perdana* yang ditonton jutaan pengundi dalam keadaan selesa, setiap malam, selama lebih sejam.

Sikap terlalu yakin dengan kemenangan juga meng-

akibatkan kelancaran jentera pilihan raya menurun menjelang hari pengundian. "Di kala kita tidak berpuas hati dengan tempoh kempen yang singkat, tapi melihatkan cara bekerja sebilangan petugas PAS, rasanya semakin lama dibenarkan berkempen, pencapaian PAS mungkin lebiherosot. Tidak keterlaluan kalau saya katakan dari sembilan hari kempen, hanya empat atau lima hari guna tenaga penuh," seorang pemberita yang mengikuti kempen PAS memberikan komen. "Lagi pula, mengapa kita mesti tertunggu-tunggu isu terakhir BN sebelum melakukan serangan balas. Isu tengkolok Tengku Razaleigh dahulu hanyalah bonus buat Umno, bukan berdasarkan perancangan mereka sendiri. Isu sekuat itu tidak mungkin berulang. Sementara sikap menunggu meletupnya isu hanya membazirkan waktu yang cukup berharga ketika itu. Sebenarnya untuk suasana seperti pilihan raya 1995, BN tidak memerlukan isu baru yang mengejutkan untuk mengekalkan kuasa, kecuali di Kelantan. BN hanya perlukekalkan trend aliran pengundian yang dari awal kempen memihak kepadanya," tambahnya lagi.

Penggerak PAS Kedah mungkin terlalu berhati-hati akibat isu tengkolok yang dikatakan mempunyai lambang salib itu, yang dipercayai menyebabkan ramai pengundi atas pagar yang mulanya cenderung kepada PAS kembali menyokong BN. Beberapa hari sebelum hari pengundian, *Harakah* melaporkan ingatan Ustaz Fadzil bahawa rakyat perlu waspada dan mengambil iktibar dari isu tengkolok Kadazan itu agar tidak terperangkap lagi dengan pembohongan BN melalui media massa. "Jangan jadi macam tahun 1990, semua orang kelam-kabut apabila akhbar dan televisyen siarkan gambar Tengku Razaleigh pakai sigah yang kononnya ada lambang salib. Dr Mahathir pun per-

nah pakai sigah seperti itu. Kali ini tidak mustahil BN keluarkan cek palsu atau penyata bank palsu terhadap Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang kononnya mempunyai wang berjuta," tegas Ustaz Fadzil, yang juga Pesuruhjaya PAS Kedah.

Ada pihak menyalahkan PAS Kedah kerana tidak melancarkan kembali manifestonya secara rasmi, dalam majlis khusus, selepas DUN dibubarkan. "Memang benar manifesto itu telah disebarluaskan kepada umum, tetapi ia lebih sesuai dirasmikan sebaik saja selesai proses penamaan calon. Keadaan yang sama juga berlaku di peringkat pusat, tiada majlis khusus untuk melancarkan manifesto PAS. Lebih mendukacitakan apabila beberapa pemimpin kanan PAS, antaranya Tuan Guru Nik Abdul Aziz dan Ustaz Abdul Hadi Awang, tidak bersama Ustaz Fadzil ketika bertemu wartawan untuk menjelaskan kandungan manifesto itu," kata mereka.

"Sepatutnya satu majlis rasmi yang sederhana hebatnya perlu diadakan, yang mengumpulkan semua kepimpinan tertinggi PAS. *Harakah* perlu memberi liputan besar-besaran majlis itu dan kandungan manifesto. Ia perlu disiarkan secara penuh pada setiap keluaran *Harakah* sewaktu kempen berjalan, bukannya dipecah-pecahkan seperti yang tersiar dalam *Harakah*. Mungkin ramai yang tak perasan bahawa *Harakah* tidak pernah menyiar seluruh kandungan manifesto PAS dalam satu keluaran *Harakah*. Tidak ada tema jelas yang mahu dibawa oleh *Harakah*. Ketika pimpinan PAS mengkritik media milik Umno, elok juga diteliti kandungan *Harakah* semasa kempen, apakah telah dimanfaatkan semaksima mungkin untuk kepentingan parti. Dalam *post-mortem* jangan lupa peranan *Harakah*," tambahnya.

Kesimpulannya, saya yakin telah membuat keputusan yang lebih baik apabila membatalkan hasrat menjadi pemerhati bebas dalam pilihan raya 1995. Walaupun tidak sempat mengikuti propaganda BN melalui radio, televisyen dan suratkhabar saya merasa bertuah dapat bersama-sama rakyat menghadapi suatu pilihan raya yang agak sukar untuk membuat pilihan dengan seadil-adilnya. Buku ini juga tidak dapat diterbitkan dalam bentuk yang anda baca jika saya hanya berkubang di Selayang Baru.

# 2

---

## **Pencapaian 1995 Bukan Yang Terbaik Buat Umno**

**P**engerusi Barisan Nasional, yang juga Presiden Umno, Dr Mahatir Mohamad menyifatkan kemenangan BN dalam pilihan raya umum lalu sebagai keputusan terbaik yang dicapai semenjak merdeka. Sebenarnya hujah Dr Mahathir itu tidak berdasarkan fakta yang tepat, kecuali dari segi peratusan undi popular.

Pencapaian terbaik Perikatan dicatat pada 1955; daripada 52 kerusi Parlimen yang dipertandingkan, pembangkang (PAS) hanya memperolehi satu. Sewaktu Dr Mahathir memimpin BN, pencapaian terbaiknya ialah pada tahun 1982, apabila BN menang 132 daripada 154 kerusi Parlimen dan 281 daripada 312 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Jika ditinjau pencapaian Umno, tentunya pilihan raya 1995 bukannya prestasi terbaik Umno. Majoriti kemenangan Dr Mahathir sendiri merosot di Kubang Pasu. (Pada tahun 1990, majoritinya ialah 22,062 sementara pada 1995 majoritinya sebanyak 17,226. Dari segi peratusan undi, pada 1990, Dr Mahathir memperolehi 78.07%; 1995, 77.11%).

Di Semenanjung, Umno tewas 13 kerusi Parlimen dan kecundang 43 kerusi DUN. Sedangkan pada tahun 1986, satu-satunya parti pembangkang Melayu yang berwibawa ketika itu, PAS, hanya menguasai satu kerusi Parlimen di Pengkalan Chepa dan 15 kerusi DUN (sepuluh di Kelantan, tiga di Kedah dan dua di Terengganu). Rujuk rajah 1 bagi menjelaskan lagi kedudukan kekalahan calon-calon Umno di kerusi Parlimen dan DUN.

Tahun	Parlimen	DUN (Semenanjung)
1982	5	17
1986	1	15
1990	15	48
1995	13	45

Rajah 1: Bilangan calon-calon Umno yang kalah dalam pilihan raya umum 1982 - 1995. Dua kerusi DUN yang dimenangi oleh Berjasa di Padang Garong (Kelantan) dan PAS di Bandar (Terengganu) pada 1990 tidak diambil kira kerana calon yang mewakili BN datangnya dari MCA, bukannya Umno.

Malah jika ditinjau prestasi Umno/BN di empat buah negeri yang menjadi tumpuan PAS, iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis, untuk kerusi DUN, pencapaianannya pada 1995 hanya terbaik untuk Kedah dan Perlis sahaja. Begitu pun, kedudukan kerusi yang dimenangi BN di Ke-

dah tidaklah semantap yang disangka. Lima kerusi BN yang dimenangi dengan majoriti kurang 600 undi memberi peluang untuk PAS melakukan kejutan pada pilihan raya akan datang. Di samping itu, beberapa kerusi Parlimen, seperti Pendang, Sik, Padang Terap dan Kuala Kedah adalah kawasan hitam buat Umno.

Bagi tahun 1982, undi popular BN di Kelantan ialah 51.06%; Terengganu, 56.67%; Kedah, 62.29%; dan Perlis, 62.30%.

Dalam pilihan raya umum 1986, undi popular BN di Kelantan ialah 53.44%; Terengganu, 60.08%; Kedah, 60.63%; dan Perlis, 65.16%.

Untuk tahun 1990, undi popular BN di Kelantan ialah 32.94%; Terengganu, 54.24%; Kedah, 61.40%; dan Perlis, 64.84%.

Sementara prestasi BN pada tahun 1995 di Kelantan ialah 42.94%; Terengganu, 55.44%; Kedah, 62.90%; dan Perlis, 68.12%.

Dari segi jumlah kerusi yang dimenangi, pencapaian BN di Perlis semenjak 1986 hingga 1995 adalah 100 peratus. Pada tahun 1982, PAS menang satu kerusi tanpa bertanding di Bintong.

Bagi negeri Kedah, pada tahun 1982, BN menang 24 dari 26 kerusi DUN (92.31%); 1986, BN menang 25 dari 28 (89.29%); 1990, 26 dari 28 (92.86%); 1995, 34 dari 36 (94.44%).

Di Kelantan, pada tahun 1982, BN menguasai 26 dari 36 (72.22%); 1986, 29 dari 39 (74.36%); 1990; kalah di semua kerusi (0%); 1995; tujuh dari 43 (16.28%).

Prestasi BN dari segi penguasaan kerusi DUN di Terengganu pada tahun 1982 ialah 23 dari 28 (82.14%); 1986, 30 dari 32 (93.75%); 1990, 22 dari 32 (68.75%); 1995, BN menang 25 dari 32 kerusi (78.12%).

Rujuk rajah 2 untuk melihat pencapaian terbaik BN dari segi peratusan undi popular semenjak pilihan raya 1982 hingga 1995.

Negeri	Tahun	% Undi Popular	Tahun	% Kerusi Dimenangi
Kelantan	1986	53.44	1982	72.22
Terengganu	1986	60.06	1986	93.75
Kedah	1995	62.90	1995	94.44
Perlis	1995	68.12	1986-95	100.00

Rajah 2: Pencapaian terbaik BN bagi DUN di empat buah negeri yang menjadi tumpuan PAS.

Bandingkan pula dengan rajah 3 untuk meninjau prestasi BN dari segi peratusan jumlah kerusi Parlimen dan DUN yang dimenanginya dari 1982 - 1995. Jelas, pencapaian terbaiknya ialah pada tahun 1982, bukannya seperti dakwaan Dr Mahathir, pada tahun 1995.

Tahun	Parlimen	DUN (Semenanjung)
1982	85.71	90.06
1986	83.62	85.19
1990	70.56	73.22
1995	84.38	85.79

Rajah 3: Prestasi pencapaian BN dari 1982 - 1995, peratusan kerusi yang dimenangi.

Umno mungkin boleh berbangga kerana dapat menyekat pengaruh Semangat 46 dengan jayanya, terutama di negeri-negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Tetapi harus diingat, kekalahan parti itu lebih ber-

punca daripada sikap pengundi Cina yang tidak memberikan sokongan terhadap parti pembangkang. Malah di beberapa tempat peningkatan sokongan pengundi Melayu terhadap PMS46 di luar jangkaan. Sekiranya parti Melayu itu melakukan usaha pemulihan dengan segera, dan masih mempunyai stamina sebagai sebuah parti pembangkang, pengundi-pengundi Melayu masih berpeluang untuk mengecewakan Umno.

Bagi menghadapi PAS, Umno telah menggunakan segala-galanya untuk menghancurkan parti Islam itu sehingga namanya pun diungkit-ungkit. Namun asas kekuatan PAS tidak berjaya untuk dipecahkan, malah kian mendapat tempat di hati orang-orang muda. Krisis dalaman Umno yang semakin parah, terutama apabila menghadapi pemilihan parti, mungkin sampai ketikanya nanti tidak dapat dibendung. Tidak pula kita jangkakan Umno akan retak seribu, namun minda pengundi Melayu yang jarang derhaka kepada Umno beransur-ansur bertukar kepada pemikiran yang lebih agresif, terbuka dan tidak lagi terikat dengan bebanan sejarah "kegemilangan" Umno.

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

# 3

## **Kerjasama: Agenda Utama PAS Dan DAP**

Pilihan raya 1995 sesuai untuk dijadikan pangkalan bagi parti-parti pembangkang memulakan agenda baru pendekatan perjuangan mereka untuk mende-pani cabaran abad ke-21. Ini tidak bermakna dasar, pendekatan dan strategi sedia ada perlu diubah seluruhnya, yang dituntut hanyalah bersifat responsif dan proaktif terhadap perubahan zaman dan selera baru masyarakat.

Walaupun keputusan pilihan raya 1995 menunjukkan undi memihak BN, rakyat Malaysia sebenarnya tidak menolak pembangkang secara total. Malah peranan pembangkang semakin diperlukan, diperkembangkan dan mungkin diberi definisi baru. *Trend* mengekalkan kesinambungan

BN tidak semestinya berulang dalam pilihan raya akan datang walaupun sukar untuk menafikan hakikat ini. Sekurang-kurangnya pembolotan kuasa oleh sesebuah parti dapat dikurangkan. Bagi pemimpin pembangkang, tempoh empat hingga lima tahun akan datang harus diwarnai mulai hari ini supaya ia selaras dan selari dengan matlamat yang digariskan.

"Pembangkang akan dirasakan keperluannya bila parti pemerintah terus menindas rakyat, membolot kekayaan, merampas tanah dengan pampasan murah. Ketika itu baru rakyat merasa perlu pembangkang bertindak sebagai pengawal dan pengimbang terhadap tindak-tanduk pemimpin BN yang kini menuju kediktatoran," getus seorang pemimpin muda sebuah parti Islam.

Soalnya, apakah hanya itu peranan pembangkang tanpa landasan kukuh bagi memantapkan pengaruh sehingga berjaya mengambil alih teraju kekuasaan? Jika parti-parti pembangkang hanya dilihat sebagai pelengkap kepada proses demokrasi yang tidak demokratik ini, ia akan terus menjadi boneka dan alat mainan bagi membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia bukannya diperintah oleh seorang diktator tetapi kerajaannya dipilih rakyat tanpa sebarang tekanan.

A. Samad Ismail (*Dewan Masyarakat*, Julai 1995) memberikan salah satu sebab kekalahan pembangkang: "Ketidakmampuannya memahami perubahan besar yang berlaku dalam masyarakat hasil daripada pembangunan negara dalam dekad yang lalu. Parti pembangkang seolah-olah terpisah dan tersisih daripada proses perubahan yang berlaku di sekitar mereka. Mereka tidak memahami bahawa mood rakyat telah bertukar, dan persekitaran politik dan ekonomi serta kebudayaan juga tidak sama dengan suasana

tahun 1990 yang lalu. BN menggunakan program politik, ekonomi, budaya, dan sosialnya dalam satu wawasan (Wawasan 2020) yang dapat difahami dengan mudah oleh rakyat."

Ada pihak berpendapat, pembangkang perlu membuktikan kekuatan mereka dengan menafikan majoriti selesa dua pertiga BN dahulu. Buktikan peranan berkesan dan bermanfaat sebagai pembangkang yang menduduki lebih dari satu per tiga jumlah kerusi Parlimen. Rakyat perlu disedarkan bahawa banyak kelebihannya jika lebih ramai wakil pembangkang berada di Parlimen. MP pembangkang pula mesti efisyen, pintar memanfaatkan perbaikan, mengemukakan hujah mantap dan formula penyelesaian, serta sering bersama pengundi di kawasan masing-masing. Dengan itu rakyat merasakan nasib, kepentingan dan hak mereka lebih terjamin. Pembolotan kuasa dapat dielakkan, atau sekurang-kurangnya dikawal. Kerakusan dan ketamakan yang tidak bersempadan boleh ditentang secara lebih bermakna.

Memang, sekali direnung, dengan pencapaian cemerlang BN di Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri, sukar sekali mahu dibayangkan pembangkang dapat menawarkan alternatif. Kecuali di Kelantan dan Sabah, kehebatan BN seolah-olah tidak dapat dicabar lagi. Cuba rujuk rajah 1 untuk melihat pengagihan kerusi di Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri.

<b>Negeri</b>	<b>BN</b>		<b>PAS</b>		<b>DAP</b>		<b>S46</b>		<b>PBS</b>	
	P	N	P	N	P	N	P	N	P	
Perlis	3	15								
Kedah	15	34	2							
Kelantan	2	7	6	24			6	12		
T'ganu	7	25	1	7						
P. Pinang	8	32			3	1				
Perak	23	51				1				
Pahang	11	37				1				
Selangor	17	45				3				
N. Sembilan	7	30				2				
Melaka	4	22				1	3			
Johor	20	40								
K. Lumpur	6					4				
Labuan	1									
Sabah	12								8	
Sarawak	26					1				
<b>Jumlah</b>	<b>162</b>	<b>339</b>	<b>7</b>	<b>33</b>	<b>9</b>	<b>11</b>	<b>6</b>	<b>11</b>	<b>8</b>	

Rajah 1: Kedudukan kerusi Parlimen dan DUN bagi BN, PAS, DAP dan PBS selepas pilihan raya 1995

"Malah ramai juga orang Melayu yang menganggap BN akan membentuk kerajaan sampai bila-bila. Ini kerana, antara lain, orang Melayu begitu tertarik dengan *glamour* pemimpin politik, tentunya BN, yang digambarkan melalui media," kata Dr Rais Yatim, Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46.

"Trend ke arah pembentukan sistem satu parti begitu

jelas sekarang ini. Pilihan raya 1995 menunjukkan bahawa soal dasar, manifesto dan idealisme langsung tidak menarik perhatian rakyat. Ini akibat dahsyatnya indoktrinasi media dan sudah terhentinya proses berfikir bagi rakyat. Rasuah politik berlaku secara terang, tanpa selindung lagi. Khazanah kekayaan negara dieksplotasi semahu-mahunya bagi memancing undi," tambah Rais.

Kesempatan terbaik yang pernah muncul pada 1990 sukar untuk diulang. Ketika itu BN dicabar dan diberikan saingan sengit. Walaupun parti pembangkang masih belum dapat digabungkan sepenuhnya, namun kemunculan Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat dikira dapat merintis usaha persefahaman yang lebih mantap. Pertembungan sesama pembangkang, sedaya mungkin, cuba dielakkan. Parti-parti pembangkang nampak sepakat untuk menghalakan segala sumber kekuatan yang ada untuk berhadapan BN.

"Bukan mudah menumbangkan BN. Pemimpin-pemimpin pembangkang mesti serius mencari alternatif terhadap kemelut yang ada. Jangan ditunggu sehingga menjelang pilihan raya baru kelam-kabut merumuskan formula terbaik berdepan dengan BN. Hasilnya hanya penat dan lelah saja. BN semakin gagah. Pembangkang semakin goyah," pandangan seorang wartawan politik. Katanya lagi, sekiranya kedua-dua parti pembangkang terbesar dalam negara ini, PAS dan DAP, terus bercakaran, selagi itulah BN terus selesa memainkan emosi dan sentimen pengundi.

"Pembangkang mesti ada formula baru. Jika terus dengan formula lama, sia-sia saja," Rais memberi pandangan.

Kerjasama, apatah lagi pembentukan front pembangkang, khususnya antara PAS dan DAP terlalu sukar untuk dijelmakan. Realiti politik yang ada menetapkannya begitu. Dasar kedua-dua parti, sekali pandang, tidak memungkinkan diatur langkah persefahaman. Jika ketiadaan satu gabungan pembangkang dijadikan alasan mengapa BN terus mendapat sokongan pengundi, maka pembentukan gabungan itu, dalam keadaan sekarang, mungkin akan menghasilkan natijah lebih buruk. Mungkin PAS akan kehilangan penyokong setianya kerana didakwa telah melanggar prinsip perjuangan parti. Mungkin juga DAP akan menerima pukulan lebih hebat dan dahsyat daripada bahana 1995 ini.

"Media akan memanipulasi kerjasama PAS - DAP semaksima mungkin. Pembangkang akan berada dalam keadaan tertekan, defensif, terpaksa menjawab dan masa terbuang begitu saja. Mesej parti, khususnya penjelasan manifesto terabai. Segala penyelewengan, salah laku dan amalan rasuah pemimpin BN tenggelam di bawah bayangan isu kerjasama PAS - DAP. Penyokong kedua-dua parti menjadi bertambah keliru. Akhirnya yang untung tetap BN," ulas seorang pemerhati politik.

Kempen pembangkang yang bersifat defensif sewaktu berkempen selalunya menguntungkan parti pemerintah. Pengkaji politik, Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif menghuraikan fenomena pilihan raya 1986, yang mana BN dikelilingi oleh pelbagai skandal dan penyelewengan, seperti skandal BMF, peranan KWSP dalam kontroversi Makuwasa, peristiwa Memali dan kemelesetan ekonomi: "Sungguhpun dikelilingi oleh masalah-masalah besar yang menghantui negara seperti skandal BMF, Barisan Nasional di bawah kepimpinan Dr

Mahathir telah memilih untuk bersikap ofensif semasa berkempen. Ini adalah pada hakikatnya mencerminkan keperibadian Dr Mahathir sendiri. Berhadapan dengan masalah-masalah yang begitu besar dan mencabar kerajaan seharusnya bersifat defensif. Taktik kempen pilihan raya bersifat ofensif selalunya menguntungkan kerajaan. Pengundi melihat kerajaan mempunyai kekuatan dan wibawa. Taktik ini menyebabkan parti-parti pembangkang akan bersifat defensif di mana sebahagian besarnya daripada masa berkempen digunakan untuk menjelaskan serangan-serangan yang dibuat oleh BN daripada menggunakan masa tersebut untuk menghurai kebaikan manifesto partinya kepada pengundi."

Namun begitu dilema dan kemelut ini tidak harus dibiarkan berpanjangan. Jalan penyelesaian mesti dicari dan dimulakan dari sekarang, bukannya dibuat ketika demam pilihan raya sudah cukup panas. Biar pengikut dan penyokong parti-parti terbabit mendapat maklumat lengkap dan sahih, dengan kepala yang dingin, yang datangnya dari pemimpin-pemimpin mereka sendiri, tidak dari media milik Umno. Berikan tempoh sewajarnya untuk mereka berbincang, berdebat, berdiskusi, bertegang leher, serta menimbulkan apa saja persoalan berkaitan dan diakhiri dengan simpulan resolusi yang mantap dan tahan uji.

Lebih penting, asakan dan fitnah agresif media mesti dijangka terlebih dahulu dan disediakan jawapan balas seadanya. Saluran dan rangkaian untuk berhubung dengan rakyat harus lancar dan tidak mudah untuk disekat atau disabotaj. Ia tidak akan berkesan jika pembangkang tidak mewujudkan rangkaian maklumat yang baru atau hanya bergantung kepada saluran komunikasi tradisional sedia ada. Tempoh kempen yang pendek, iaitu kurang dari

sepuluh hari, boleh menimbulkan pelbagai insiden yang merugikan pembangkang dan jika berlaku, ia akan disorot secara tidak beretika oleh media utama milik Umno.

Dalam hal kerjasama ini, PAS berada dalam keadaan paling tertekan. Gabungan tidak rasminya dengan PMS46 terhasil bukan dengan jalan mudah. Pelbagai halangan ditempuh. Pemimpinnya terpaksa memperuntukkan waktu dan tenaga yang agak besar untuk menangani persoalan daripada ahli-ahlinya. Dan ini sememangnya lumrah yang terpaksa dilalui oleh parti bersifat ideologi seperti PAS. Igauan buruk PAS di zaman BN tidak mudah dilupakan. Dikira PAS hanya bersedia membentuk persefahaman politik jika Islam dijadikan asas perhubungan itu dan PAS mempunyai pengaruh yang kuat dalam operasi pelaksanaannya.

Sesama parti Melayu ia mungkin tidak mengundang kesukaran yang tidak boleh diselesaikan. Mungkin PAS lebih mudah bersemuka dan mengadakan perbincangan dengan Umno, hatta BN, daripada DAP. Kehadiran pemimpin PMS46 tidak banyak membantu, walaupun mereka boleh bertindak sebagai penghubung antara PAS dan DAP. Sementalahan pula kewibawaan PMS46 semakin dipersoalkan berikutan keputusan pilihan raya 1995.

"Semangat 46 harus bekerja lebih gigih menyelamatkan parti itu sendiri daripada memikirkan usaha membentuk front pembangkang. Imej Semangat 46 cukup merosot, hanya bergantung kepada ketokohan Presidennya, Tengku Razaleigh dan pengaruhnya yang terhad di Kelantan. Kekuatannya harus lebih menonjol, terutama di negeri-negeri yang PAS lemah, seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor," pandangan seorang aktivis politik pembangkang.

"Semangat 46 sudah kehilangan penyokong akar umbi. Yang tinggal hanya beberapa kerat pemimpin. Sebenarnya kekuatan Semangat 46 di Kelantan berpaut rapat dengan sokongan PAS," tambahnya.

Jika DAP muncul sebagai pencabar terdekat MCA dan Gerakan, PAS pula musuh politik tradisi Umno, di mana pula letaknya PMS46? Apakah masih ada ruang buat parti ketiga dalam percaturan politik Melayu, selain PAS dan Umno? Prestasi Parti Negara, Berjasa dan Hamim membuktikan parti politik selain PAS dan Umno hanya menampakkan impak berkesan - itu pun jika ada - untuk satu musim sahaja.

Parti Negara, yang diketuai Onn Jaafar, bertanding 79 kerusi DUN dan 9 kerusi Parlimen dalam pilihan raya 1959. Hanya empat kerusi DUN dan satu kerusi Parlimen, iaitu yang dimenangi Dato' Onn sendiri, menang. Seramai 36 calon DUN dan dua Parlimen Parti Negara hilang wang pertaruhan. Dari segi perolehan undi popular, di peringkat negeri Parti Negara mendapat 4.3% dan 2.1% bagi kerusi Parlimen. Dalam pilihan raya itu, PAS memperolehi 20.7% untuk DUN dan 21.3% untuk kerusi Parlimen.

Walaupun Dato' Onn menang di Kuala Terengganu Selatan, mengalahkan calon Perikatan, Engku Muhsin Abdul Kadir dengan majoriti 2612, ia lebih dikaitkan dengan bantuan dan sokongan PAS. PAS memberikan laluan kepada Dato' Onn apabila parti itu tidak bertanding di kawasan tersebut. Empat lagi kerusi Parlimen yang ditanagi di Terengganu dimenangi oleh calon PAS, iaitu Dr Burhanuddin Al-Helmi di Besut (majoriti 5772), Haji Hassan Adli di Kuala Terengganu Selatan (majoriti 727), Harun Pilus di Terengganu Tengah (majoriti 3671) dan Khadijah Sidik di Dungun (majoriti 2091). Bagi kerusi Parlimen Ke-

maman, calon Perikatan, Wan Yahya Wan Mohamed menang tanpa bertanding.

Kesemua empat kerusi DUN yang dimenangi Parti Negara adalah di Terengganu, iaitu Langkap (majoriti 136), Batu Burok (majoriti 367), Ladang (majoriti 515) dan Bukit Besar (majoriti 149). Calon-calon Parti Negara itu mengalahkan calon Perikatan, PAS dan Front Sosialis. Maknanya di peringkat DUN, tiada persefahaman politik antara PAS dan Parti Negara.

Parti Negara tidak meletakkan sebarang calon di Perlis, Melaka, Perak dan Pahang. Parti itu hanya membariskan calon DUN di Kedah, Pulau Pinang dan Selangor. Peratusan undi yang diperolehi ialah 1.9% di Kedah (DUN), 2% di Selangor (DUN), 4% (DUN) dan 6% (Parlimen) di Negeri Sembilan, 0.8% di Pulau Pinang (DUN), 15.4% (DUN) dan 9.4% (Parlimen) di Johor, 16.3% (DUN) dan 11.9% (Parlimen) di Terengganu, 5.2% (DUN) dan 0.3% (Parlimen) di Kelantan.

Dalam pilihan raya 1964, Parti Negara meletakkan 17 calon untuk kerusi DUN dan 4 calon di peringkat Parlimen; semuanya di Terengganu. Kali ini tidak ada seorang pun calon Parti Negara yang menang. 13 calon DUN dan tiga calon Parlimen hilang wang pertaruhan. Undi popularnya di Terengganu ialah 7.5% (DUN) dan 6.8% (Parlimen). Jika dikira peratusan undi popular di peringkat persekutuan, Parti Negara memperolehi 0.4% untuk kedua-dua DUN dan Parlimen. (Dato' Onn Jaafar meninggal dunia pada hari Jumaat, 19 Januari 1962. Dalam pilihan raya kecil Kuala Terengganu Utara, calon Perikatan menewaskan calon Parti Negara, dengan kelebihan 2,077 undi). Dalam pilihan raya berikutnya, Parti Negara tidak muncul lagi.

Saya sengaja mengetengahkan sejarah pembabitan

Parti Negara dalam proses pilihan raya negara ini untuk membandingkan dengan PMS46 seperti yang sering dilakukan oleh banyak pihak. Apakah PMS46 akan menurut jejak langkah Parti Negara yang berkubur selepas dua kali menyertai pilihan raya? Sementara PMS46 juga baru melepassi pilihan raya kedua yang ditempuhinya, Parti Melayu itu masih dapat menghantar enam orang wakilnya ke Parlimen dan 12 di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Namun begitu, tokoh utamanya, Tengku Razaleigh Hamzah, masih bersama parti itu untuk terus menerajuinya menghadapi cabaran yang lebih perit dan cukup mengugat masa depan PMS46. Ia berbeza dengan nasib Parti Negara yang hanya sempat bersama Dato' Onn dalam pilihan raya pertama, 1959.

Bersediakah Tengku Razaleigh membentuk pakatan parti-parti pembangkang, tanpa kehadiran PAS, sedangkan PMS46 bersama PAS membentuk kerajaan di Kelantan? Dengan hanya PMS46, PBS, DAP dan PRM, pakatan itu tetap mempunyai lompong kosong, khususnya untuk mencabar Umno, komponen utama, yang juga teras kekuatan BN. Selagi kehebatan Umno tidak dapat digugat, pengaruhnya tidak mampu dibendung, cengkamannya tidak berupaya dilonggarkan dari minda politik orang Melayu, selagi itulah impian menawarkan kerajaan alternatif sukar dijelmakan. Dan bukannya cakap kosong kalau ditekankan hanya PAS yang telah menunjukkan komitmen padunya menekan pengaruh Umno dari terus mendominasi masyarakat Melayu secara total.

Sekiranya PAS tidak bersama pakatan pembangkang itu, apakah persefahaman politik yang sedia terjalin dengan PMS46 akan diteruskan, sekurang-kurangnya bagi mengelak pertembungan sesama sendiri dalam pilihan raya?

Apakah imej perpaduan ummah akan ditanggalkan begitu sahaja sedangkan imej inilah, antara lain, yang membawa kemenangan dalam pilihan raya kecil Teluk Pasu, Terengganu, seterusnya pilihan raya umum 1990? Apakah rasional pembubaran Angkatan yang boleh diberikan oleh pemimpin-pemimpin PAS? Apakah disebabkan tidak mahu prinsip perjuangan Islam dileburkan bersama pakatan pembangkang seperti DAP dan PBS?

Jika begitu, mampukah PAS bersendirian menghadapi BN, untuk menawarkan kerajaan alternatif? Atau paling berkurang menampilkan barisan pembangkang yang berkesan, yang tentunya berjumlah lebih satu per tiga dari pada keseluruhan anggota Parlimen, iaitu 65 orang. Sedangkan Kelantan, Terengganu dan Kedah hanya menyediakan 37 kerusi. Dalam pilihan raya 1995, PAS meletakkan 45 orang calon untuk kerusi Parlimen. Sila rujuk rajah 2 untuk melihat jumlah calon yang PAS tawarkan dalam setiap pilihan raya.

Dari segi komposisi kaum, sebanyak 43 kerusi Parlimen mengandungi lebih 80 peratus pengundi Melayu. Jika dikira dalam bentuk peratusan berbanding 144 kerusi di Semenanjung, ia bermakna hanya 30 peratus. Ini tidak termasuk 48 lagi kerusi Parlimen di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan sokongan PAS datang dari pengundi Melayu, hanya 43 kawasan ini yang memberikan peluang agak cerah kepada PAS. Rujuk rajah 3 yang memaparkan keperluan parti-parti, yang bertanding dalam pilihan raya di Malaysia, mendapat sokongan pelbagai kaum.

"PAS tidak tamakkan kuasa. PAS tidak menolak persefahaman dengan mana-mana parti politik yang sedia menerima atau menghormati perjuangan PAS," seorang

KERJASAMA AGENDA UTAMA PAS DAN DAP

Tahun	Parlimen		Dewan Undangan Negeri			
	Jumlah Kerusi	Kerusi Ditandingi	Menang	Jumlah Kerusi	Kerusi Ditandingi	Menang
1959	104	58	13	282	200	42
1964	104	53	9	282	158	25
1969	144	62	12	282	185	0
1974	154	-	-	312	-	-
1978	154	88	5	312	240	11
1982	154	82	5	312	223	18
1986	177	98	1	351	265	15
1990	180	30	7	351	114	33
1995	192	46	7	394	177	33

Rajah 2: Kedudukan jumlah kerusi Parlimen seluruh negara dan DUN (untuk Semenanjung sahaja) yang ditandingi PAS dan jumlah calonnya yang menang semenjak pilihan raya 1959 hingga 1995. Untuk tahun 1990 dan 1995, PAS membahagikan kerusi yang sepatutnya ditandingi dengan PMS46.

Kawasan	Majoriti	Jumlah
% Melayu	> 80	43
% Melayu	65 - 79	18
% Melayu	50 - 64	39
Campuran		20
% Cina	> 80	5
% Cina	65 - 79	8
% Cina	50 - 64	11

Rajah 3: Jumlah kerusi Parlimen di Semenanjung berdasarkan majoriti pengundi Melayu, Campuran dan Cina, 1995.

penyokong PAS memberikan jawapan spontan bila ditanya kemungkinan PAS kembali bersendirian menghadapi pilihan raya akan datang.

Soalnya, apakah PBS, DAP dan PRM bersedia mengadakan hubungan dengan PAS, dalam apa bentuk sekalipun, atas asas Islam? Bagi mereka yang baru mengerti soal politik Malaysia pun dapat menjawabnya: Tidak! Mungkin hubungan dengan PRM dapat dieratkan, tetapi untuk bersemuka dengan DAP dan PBS, walaupun tanpa sebarang resolusi yang mengikat, boleh menimbulkan fitnah politik yang tidak berkesudahan terhadap PAS. Malah difahamkan DAP cuba menjauhi PMS46 dalam pilihan raya lalu disebabkan tidak mahu parti itu dikaitkan dengan PAS, memandangkan PMS46 adalah sekutu PAS dalam Angkatan. Ini berikutan langkah kerajaan negeri Kelantan, yang diterajui PAS, meluluskan Kanun Jenayah Syariah (II) atau lebih dikenali sebagai Hudud.

Akhbar *Utusan Malaysia*, 1 Julai 1995 melaporkan keadaan Timbalan Pengurus DAP Karpal Singh sebagai berkata, PAS akan dijemput menganggotai gabungan parti pembangkang dikenali sebagai Barisan Rakyat (BR) bagi menggantikan Gagasan Rakyat jika PAS melupakan perjuangannya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam. "Tengku Razaleigh perlu menjadi orang tengah memujuk PAS meninggalkan perjuangannya itu dan menyatukan semua parti pembangkang di negara ini," kata Karpal.

A. Samad Ismail (*Dewan Masyarakat*, Julai 1995) menyimpulkan, masalah besar antara PAS dan DAP ialah masing-masing tidak mahu melepaskan dasar perjuangan untuk bekerjasama: "PAS tidak bersedia berkompromi dasar perjuangannya untuk mewujudkan sebuah negara Islam di Malaysia. DAP pula tidak bersedia menerima kon-

sep negara Islam. DAP sebagai parti kaum Cina mustahil dapat menerima dasar perjuangan PAS. Demikian juga sebaliknya PAS mustahil dapat menerima dasar "Malaysian Malaysia" DAP. PRM dan Semangat 46 tersepit antara dua dasar yang ekstrim itu. Untuk menghadapi cabaran masa depan, parti pembangkang harus berani mengadakan perubahan yang menyeluruh bukan sahaja dari segi organisasi dan struktur parti masing-masing, tetapi lebih penting iaitu dalam dasar perjuangan mereka."

Berhadapan dengan persoalan seumpama ini, Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, dalam ucapan dasar muktamar tahunan PAS, pada 11 Jun 1993 menegaskan: "Kita tidak boleh bertolak ansur dengan mana-mana pihak sekali pun, kiranya ia akan menjelaskan dasar dan syakhsiyah kita. Sungguhpun demikian, kita tetap mengamalkan sikap terbuka. Kita sedia berunding dan berbincang dengan sesiapa sahaja demi kebaikan ummah sama ada dari dalam atau luar negeri. Kita bukanlah gerakan yang memencarkan diri seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Kita telah bekerjasama dengan parti Semangat 46, Berjasa dan Hamim bagi membentuk Angkatan Perpaduan Ummah. Kita bekerjasama dengan sahabat-sahabat kita ini kerana mereka menghormati dasar perjuangan kita. Kita tidak dapat bekerjasama dengan mereka yang tidak dapat menerima dan menghormati dasar kita."

Seterusnya Ustaz Fadzil menekankan: "Dasar dan pegangan kita memperjuangkan Islam tidak pernah berubah. Kita bergerak dan berkerja adalah untuk kedaulatan Islam. Kita terus menjadikan Islam sebagai landasan pergerakan kita dan kita juga menjadikan Islam sebagai matlamat gerak kerja kita. Kita tidak pernah berubah di dalam mendokongi perjuangan ini. Kita tidak pernah

bercadang untuk menjelak langkah orang lain yang sentiasa berubah dasar perjuangan mereka."

Sebenarnya, menurut seorang aktivis sosial, parti-parti pembangkang, khususnya PAS dan DAP, dan juga PBS, kini terpaksa menanggung beban sejarah yang cukup parah buat mereka. "Kita tidak minta parti pembangkang menukar dasar perjuangan kerana kita tahu permintaan itu mustahil dapat ditunaikan. Masing-masing parti mempunyai kekuatan tersendiri. Itu tidak perlu dileburkan. Soalnya, bagaimana kaedahnya pembangkang boleh menafikan majoriti dua pertiga BN? Sepatutnya itu matlamat utama pembangkang, buat masa ini. Rakyat mahukan sistem pengawasan, *check and balance*, yang mana hanya pembangkang yang berkesan dapat memastikan kerajaan lebih bertanggungjawab dalam setiap tindak-tanduknya. Pembangkang harus arif antara matlamat jangka pendek dengan matlamat jangka panjang."

Naib Presiden PRM, Chong Tong Sim, dalam forum pilihan raya anjuran Suaram menyorot perkembangan pembangkang selepas pilihan raya 1990. Katanya, tidak ada kemajuan, sebaliknya yang timbul ialah perselisihan faham. Sebaliknya perkembangan BN semakin baik. Justeru itu, keyakinan rakyat terhadap keupayaan pembangkang menjadi luntur. Pendidikan dan kefahaman politik terhadap rakyat tidak dipertingkatkan. Mutu pengurusan parti-parti pembangkang pula di tahap lama.

"Parti pembangkang tidak boleh berorientasikan pilihan raya semata-mata. Kita tidak cukup hanya mengambil keuntungan dari kegelisahan rakyat sahaja, tapi harus bersumberkan kekuatan ideologi dan pengurusan organisasi yang baik. Pembangkang patut menerima kekalahan dengan mengkaji beberapa strategi lama yang patut

disesuaikan dengan perkembangan terbaru. Kita perlukan satu penerokaan politik baru berdasarkan satu kekuatan baru. Jika tidak BN akan terus mengukuhkan kekuatan mereka," ujar Chong.

Beliau memuji PAS kerana masih dapat mengekalkan kemenangan di Kelantan walaupun berhadapan dengan cabaran yang cukup hebat terutama dari segi politik wang, media yang berat sebelah dan rasa takut rakyat. "PAS berjaya kerana ideologi perjuangannya dan pengurusan organisasi parti itu," tegas Chong.

Seorang pencatat yang rajin, Osman Abdullah, dalam tulisannya kepada akhbar *Harakah*, merumuskan: Sepanjang 1957 hingga 1995 pembangkang di Malaysia digagasi oleh sifat utamanya, berpecah-belah, di antara mereka dan secara praktis dieksplotasikan keadaan "*divide et impera*" yang membawanya ke dalam kemelut alienasi, fragmentasi dan berada dalam tribulasi perubahan sosial dan politik yang sarat dengan krisis sesama sendiri.

"PAS mewakili suara dan hati nurani umat Islam Melayu dan DAP humanisme atas paksi sokongan kaum Cina di kawasan bandaran. Demografik politik dan ideologis antara PAS dan DAP amat menjarakkan antara satu sama lain, yang memperlihatkan mereka "berseteru" hingga "seteru politiknya", yakni *status quo* BN, berada dalam zon selamat akibat wujudnya skeptisme, anomie dan depersonalisasi, erosi, bermasa bodoh, serta bersikap acuh tidak acuh antara dua wira utama pembangkang Malaysia itu," beliau meneruskan analisisnya.

Akibatnya, menurut Osman Abdullah, PAS dan DAP tidak dapat berperanan dalam suatu proses kompleks struktur sosial dan politik masyarakat majmuk Malaysia. Beliau juga mempersoalkan, apakah era maklumat dan

pengetahuan ini tidak dapat dizahirkan dalam suatu bentuk pertukaran informasi strategis politik antara pembangkang Malaysia untuk menghadapi kuasa raksasa *status quo* BN? Ataupun mereka masih disaluti jahitan kemas - *devide et impera* - tadi? Apakah akan terus tersungkur dan terpinggir digegak-gempitakan kejayaan politik BN yang menyudutkan PAS, DAP, PRM, PBS dan sebagainya? Apakah halangan-halangan yang ada dianggap faktor kekal yang mutlak? Apakah tidak ada keseimbangan dan jalan keluar yang lain?

Osman Abdullah juga meminjam kata-kata seorang pemikir, yang tidak disebutkan namanya, bahawa pembangkang harus, dengan gagah berani, "menghadapi imperialisme kapitalisme secara budaya, politik, ekonomi, sosial, menghancurkan mitos perkauman, memusnahkan penindasan kelas, menghapuskan pemerasan kelas, menidakkan perbezaan kelas dan bebas-lepas dari pemujaan terhadap Barat."

"Kedudukan Dr Mahathir selepas pilihan raya 1995," kata Dr Jomo, "cukup kuat. Beliau kini tidak perlu risau lagi dengan pembangkang. Ya, untuk bersatu sesama sendiri pun pembangkang menghadapi masalah yang besar, inikan pula membentuk kerajaan alternatif."

Menurut pakar ekonomi itu, kini Dr Mahathir dapat menumpukan lebih perhatiannya terhadap masalah dalam parti yang mana terbukti pada tahun 1993 dulu Anwar lebih menguasainya. Dr Mahathir pasti tidak akan membiarkan fenomena 1993, yang menyingkirkan Ghafar berulang, dan menimpa nasib dirinya sendiri. Ingatannya sewaktu merasmikan perhimpunan Umno, 4 November membayangkan sikap berhati-hati Dr Mahathir mengha-

dapi cabaran politiknya: "Hari ini giliran orang lain (Ghafar), esok mungkin giliran saya."

Di samping itu pembangkang harus lebih gigih mendekati pengundi muda termasuk golongan terpelajar, profesional dan elit Melayu tanpa melupakan nasib penduduk kampung tradisional, buruh, pekerja kilang dan sektor swasta, peneroka tanah rancangan, nelayan, pekerja sektor awam, peniaga kecil, suri rumah dan seumpamanya.



# 4

## **BN Tawan Kelantan Sebelum 2000?**

**D**ari awal lagi, kemenangan Angkatan di Kelantan pada 1990, sudah dijangka amat sukar diulangi dalam pilihan raya lalu. Undi popular bagi PAS, Parti Melayu Semangat 46 (PMS46) dan Berjasa ketika itu ialah 65.87%, satu pencapaian tertinggi dibandingkan dengan kemenangan BN di negeri-negeri lain. Tidak ada sebuah negeri pun, yang dimenangi BN, yang memperolehi undi popular melebihi 65%. Undi popular BN di Johor, 61.57%; Melaka, 62.74%; Negeri Sembilan, 61.49%; Selangor, 60.04%; Pahang, 61.70%; Perak, 55.79%; Pulau Pinang, 53.45%; Terengganu, 54.24%; Kedah, 61.40%; dan Perlis, 64.84%.

Atas asas itu, usaha untuk mengekalkan rekod tanpa

kalah Angkatan di Kelantan, dan juga mengekalkan undi popular lebih 65% adalah usaha yang paling sulit. Sementalaian pula Umno melancarkan pelbagai perancangan dan gerak kerja untuk menawan semula Kelantan, atau paling kurang menguasai beberapa kerusi sebagai azimat pendorong menjelang pilihan raya akan datang. Kejayaan Umno menawan Sabah dari PBS - walaupun secara tidak bermoral - membayangkan tidak mustahil akan berlaku kejutan di Kelantan pada 25 April 1995. Malah beberapa pemimpin Umno berkata, strategi BN di Sabah akan diulangi di Kelantan.

Pengerusi Umno Kelantan, Dr Mahathir Mohamad, ketika ditanya tentang jangkaannya mengenai prestasi Umno di Kelantan, seringkali menegaskan bahawa Umno tidak mungkin kalah di semua kerusi, seperti 1990. Maknanya, Dr Mahathir sendiri amat tidak yakin kemampuan Umno untuk menawan semula Kelantan. Banyak pihak mengandaikan, kalaupun Umno dapat menguasai semula Kelantan, ia memerlukan paling kurang tiga kali pilihan raya. 1995 hanyalah penyediaan asas kukuh untuk menghadapi dua pilihan raya berikutnya.

Bagaimanapun Timbalan Pengerusi Umno Kelantan, Annuar Musa berpendapat Umno tidak perlu menunggu dua pilihan raya lagi untuk merampas Kelantan. Umno Kelantan, katanya, telah mengenal pasti formula terbaik menawan Kelantan dalam pilihan raya akan datang. Menurutnya, pada pilihan raya 1995, kebanyakan calon BN lebih menumpukan kepada kawasan masing-masing kerana persaingan begitu sengit: "Tetapi apa yang perlu ditekankan ialah selain menumpu di kawasan sendiri, setiap pemimpin mestilah bekerjasama dan saling membantu, barulah ada perpaduan dan barulah kejayaan yang lebih besar diperolehi."

Dilihat kemampuan Umno menang tujuh kerusi DUN dan dua Parlimen, dan memberikan saingen sengit di beberapa kerusi yang lain, dijangkakan pilihan raya berikutnya, mungkin tahun 2000, adalah pilihan raya penentuan. Di samping itu, undi popular BN meningkat hampir 10% (dari 32.95% pada 1990 kepada 42.94%), manakala undi PAS merosot 5.7% kepada 36.39%, PMS46 jatuh 3.38% kepada 18.61%. Pencapaian BN hampir sama dengan peratusan undi popular Angkatan di Terengganu.

Dari segi kerusi, PAS menang 24, PMS46 menguasai 12, tetapi Berjasa gagal mempertahankan kerusi tunggalnya di Kota Lama. Daripada 36 kerusi yang dimenangi mutlak Angkatan, sepuluh kawasan DUN menyaksikan kemenangan dengan majoriti di bawah 1,000 undi. Selain itu 13 kerusi Angkatan dimenangi dengan majoriti 1,000 hingga 2,000 undi, tujuh kerusi dengan majoriti antara 2,000 hingga 3,000 undi. Lima kerusi lagi mempamerkan majoriti kemenangan Angkatan antara 3,000 hingga 5,000 undi. Hanya calon PAS di Kenali yang menang dengan majoriti lebih 5,000 undi. Untuk tujuan perbandingan dengan keputusan pilihan raya 1990, rujuk rajah 1.

Bagi lima kerusi Angkatan yang dimenangi dengan majoriti lebih 3,000 undi, hanya satu kerusi yang dimiliki oleh PMS46, iaitu Nozula Mat Diah di Paloh (3,251 undi). Sementara empat kerusi lainnya yang dimenangi PAS ialah Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (majoriti 4,917), timbalannya, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman (4,309), Speaker DUN Kelantan, Cikgu Wan Abdul Rahim (4,987), dan Mohd Yusof Ludin (3,051). Seorang lagi Timbalan Menteri Besar, Rozali Isovah menang dengan majoriti 888 undi.

Manakala dalam pilihan raya umum 1990, semua kerusi DUN yang dimenangi PAS adalah dengan majoriti melebihi 1,500 undi. Bagi PMS46, hanya dua orang calonnya yang menang dengan majoriti melebihi 1,500 undi. Meskipun kemerosotan jumlah undi bagi Angkatan pada 1995 begitu ketara, namun jika dibandingkan dengan kemenangan Umno pada 1986, jelas ia lebih memihak kepada Angkatan. Pada 1986, hanya satu kerusi DUN yang dimenangi Umno memperolehi majoriti lebih 3,000 undi. Ketika itu PAS menguasai sepuluh kerusi daripada 39 yang diperlombakan (25.64%), sedangkan BN kini hanya menang tujuh daripada 43 kerusi DUN Kelantan (16.28%).

Namun begitu pemimpin-pemimpin Umno terus mencanangkan bahawa tujuh kerusi yang dirampasnya itu (termasuk satu melalui MCA) menunjukkan sejarah kebangkitan semula Umno akan berulang. Kerap kali mereka akan merujuk kepada prestasi Umno yang semakin meningkat, bermula pilihan raya 1959, kemudiannya 1964, dan 1969. Ada pihak meramalkan, jika *trend* pengundian tersebut berterusan hingga pilihan raya 1974, kalau berlaku pertembungan Umno-PAS, tidak mustahil PAS dapat dikalahkan. Bagaimanapun pada 1974, PAS dan Umno berada di bawah payung BN.

Seorang pensyarah Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, dalam kertas kerjanya, *Kuala Lumpur Dalam Arus Politik Kelantan*, merumuskan senario pilihan raya 1959: "Sungguhpun keputusan pilihan raya 1969 belum juga memihak kepada Umno, tetapi jumlah undi yang diperolehi oleh parti itu tetap menunjukkan pertambahan yang agak memberansangkan iaitu daripada 43.0% (yang diperolehi pada 1964) kepada 47.5%. Justeru itu, adalah tidak memerlukan sekiranya Umno tidak begitu ghairah de-

ngan gagasan penubuhan Kerajaan Campuran Umno-PAS yang diusahakan oleh Kuala Lumpur. Umno Kelantan tetap yakin bahawa pilihan raya umum 1974 pasti memberi peluang kepada parti itu untuk menguasai Kelantan."

Pada pilihan raya 1959, PAS menang 28 dari 30 kerusi DUN yang dipertandingkan. Bakinya dimenangi Perikatan, melalui Mohd Ali Abdullah di Ulu Kelantan Timor dan Wee Khoon Hock di Bandar Hilir. PAS memperolehi 63.8% undi; Perikatan, 26.9%; Front Sosialis, 2.3%; dan Parti Negara, 5.2%. Seterusnya pada tahun 1964, jumlah kerusi yang dimenangi PAS turun kepada 21, manakala Perikatan memperbaiki pencapaiannya, daripada dua menjadi sembilan kerusi. Dari segi undi, Perikatan mencapai 43.0%, kenaikan 16.1%. Undi popular PAS merosot 6.8% (dari 63.8% kepada 57.0%). Walaupun Perikatan tidak berjaya menambah bilangan kerusi yang dimenanginya pada tahun 1969, tetapi undi popularnya meningkat 4.5% menjadi 47.5%, manakala undi PAS merosot 4.8% kepada 52.2%. Sila rujuk rajah 2. Atas faktor inilah dijangkakan undi popular Perikatan meningkat pada 1974 jika PAS tidak bergabung di bawah BN.

Bagaimanapun harus ditekankan bahawa peratusan jumlah kerusi Perikatan tidak sampai satu pertiga, iaitu hanya 30.0% sahaja. Dan dirasakan *trend* pengundian yang beransur-ansur memihak kepada Perikatan tidak akan melepas 50% jumlah undi, apa lagi hingga mencapai majoriti daripada jumlah kerusi yang dimenangi. Ini kerana tidak ada isu besar yang menimpa PAS dan Kerajaan Negeri Kelantan ketika itu.

Sejarah tidak semestinya berulang hanya kerana atas sifatnya sebagai bahan sejarah. Mungkin ada pihak menimbulkan kekalahan teruk PAS pada 1978 sebagai bukti ber-

laku unjuran kecenderungan pengundi yang memihak kepada Umno sejak kekalahan teruk 1959. Peristiwa hitam bagi PAS pada 1978 adalah episod berasingan, setelah PAS dikhianati oleh rakan sekutunya dalam BN sendiri. Ia adalah taktik kotor Umno untuk menjatuhkan PAS dengan melakukan sabotaj yang cukup memalukan. Namun di pihak PAS sendiri ada faktor dalaman yang menyumbangkan penyebab kekalahan itu hingga membuatkan sebahagian besar rakyat Kelantan menolak PAS. "Rakyat Kelantan dapat diyakinkan bahawa MB Kelantan, Dato' Mohd Nasir di pihak yang benar ketika itu. Kalau hanya bergantung kekuatan Umno, sukar sekali PAS hendak ditumbangkan. Tun-juk-tunjuk perasaan tajaan Umno menjelaskan hanya taktik kotor dan pakatan jahat yang mampu menundukkan PAS, bukan bertarung secara anak jantan," pandangan seorang peminat politik Kelantan.

Melalui pilihan raya umum DUN Kelantan pada 11 Mac 1978, PAS hanya menang dua kerusi di Sering dan Manek Urai. Di Sering, Ustaz Nik Abdullah Arshad menang tipis, dengan majoriti 84 undi, begitu juga di Manek Urai, dengan majoriti 98 undi. BN menguasai 23 kerusi, manakala Berjasa, 11. Dari segi undi, PAS memperolehi 33.72%, BN mendapat 37.32%, dan Berjasa 27.22%. Sebenarnya kemenangan tujuh calon BN dalam pilihan raya 1995 tidaklah sehebat yang digambarkan oleh media. Hanya tiga darinya mencatatkan kemenangan dengan majoriti 1,000 hingga 2,000 undi. Selain itu calon BN menang tipis, dengan majoriti di bawah 600 undi. Rujuk rajah 3.

Soalnya, apakah kemerosotan jumlah undi Angkatan yang begitu drastik itu tidak memberi sebarang petunjuk politik yang menarik? Apakah asakan demi asakan yang dibuat terhadap Angkatan telah membawa hasil positif

buat BN? Mungkinkah Angkatan akan menerima nasib malang seperti 1978 dalam pilihan raya berikutnya?

Majoriti	1990	1995
1 - 1,000	-	10
1,001 - 2,000	3	13
2,001 - 3,000	13	7
3,001 - 5,000	17	5
Lebih 5,000	6	1

**Rajah 1:** Jumlah kerusi DUN Kelantan yang dimenangi oleh Angkatan berdasarkan majoriti yang diperolehi. Jumlah kerusi DUN Kelantan, 1990 ialah 39; tahun 1995, 43.

Parti	1959	1964	1969	1978	1982	1986	1990	1995
BN	26.9	43.0	47.5	37.32	51.06	53.44	32.94	42.94
PAS	63.8	57.0	52.2	33.47	46.64	46.02	42.09	36.39

**Rajah 2:** Peratusan undi popular dalam pilihan raya umum DUN Kelantan. Sekutu BN, tahun 1978, Berjasa mendapat 27.22%; sementara PMS46 mendapat 21.99% (1990) dan 18.61% (1995).

DUN	Majoriti	% Undi
Melor	331	51.03
Kemahang	390	51.87
Pergau	265	51.86
Guchil	577	53.19
K. Lamo	1845	54.73
Ketereh	1447	56.23
P. Kubor	1298	55.97

**Rajah 3:** Senarai kawasan DUN Kelantan yang dimenangi BN berdasarkan majoriti kemenangan dan peratus undinya

Lonjakan undi popular BN di Kelantan, daripada 32.95% pada tahun 1990 kepada 42.94%, bukanlah perkembangan yang memerlukan sambutan. Namun pendokong Angkatan harus bersiap sedia untuk menghadapi pertarungan lebih sengit dalam pilihan raya akan datang. Sebenarnya lonjakan undi PAS pada 1982, selepas kalah teruk dalam pilihan raya umum negeri Kelantan 1978, lebih menarik daripada prestasi BN yang disokong oleh pelbagai manipulasi dan eksloitasi itu. Undi popular PAS pada 1978 ialah 33.47%. Ia, kemudiannya, meningkat lebih 13.17% kepada 46.64%, pada tahun 1982. Peningkatan undi popular BN pada 1995 hanya sekitar 9.99%. Malahan dari segi jumlah kerusi yang dimenangi, pada 1995 BN hanya menguasai tujuh daripada 43, iaitu 16.28%, juga satu peningkatan 16.28%. Manakala penguasaan kerusi PAS pada tahun 1982 ialah sepuluh daripada 36, iaitu 27.78%. Ini bermakna peningkatan sebanyak 22.18%. Sila rujuk rajah 4 dan rajah 5.

Tahun	% Undi	% Kerusi
1990	32.95	0
1995	42.94	16.28

Rajah 4: Perbandingan peratusan undi dan jumlah kerusi yang dimenangi BN pada tahun 1990 dan 1995

Tahun	% Undi	% Kerusi
1978	33.47	5.6
1982	46.64	27.78

Rajah 5: Perbandingan peratusan undi dan jumlah kerusi yang dimenangi PAS pada tahun 1978 dan 1982

Ramai pemerhati politik menyifatkan keputusan pilihan raya 1995 sebagai kedudukan sebenar pengaruh parti-parti politik yang berpengaruh di Kelantan. Keputusan 1990 tidak boleh dijadikan rujukan mutlak kerana senarionya di Kelantan ketika itu cukup dramatik, dan sukar diulang. Untuk memberikan analisis menyeluruh tentang pilihan raya 1995, lebih wajar diberikan tumpuan kepada faktor-faktor kemenangan besar Angkatan pada 1990.

Agus Yusoff, Jabatan Sains Politik, UKM dalam tulisannya, *Kenapa Rakyat Kelantan Tolak BN, Sokong APU* (1990) menyenaraikan lima faktor utama kemenangan bersejarah itu. Pertama, Angkatan telah berjaya menonjolkan imej perpaduan yang baik. Permusuhan antara pemimpin Umno negeri dengan Sultan Kelantan juga merupakan sebab rakyat berpadu. Begitu juga dengan konflik Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) atas isu pertukaran 20 Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Faktor kedua ialah imej Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai tokoh politik yang berjaya membawa perubahan rohaniah dan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai tokoh politik yang berjaya membawa pembangunan material. Faktor ketiga ialah jentera dan strategi kempen Angkatan begitu kemas dan tersusun, juga semangat penyokong yang tinggi. Faktor keempat ialah pengaruh manifesto yang jauh lebih baik dari manifesto BN. Faktor terakhir yang menyebabkan kemenangan Angkatan ialah personaliti calon dan ideologi yang dibawa. Rakyat Kelantan membuktikan mereka lebih memilih ideologi parti.

Soalnya apakah faktor-faktor kemenangan itu tidak relevan lagi dengan senario 1995? Difahamkan sepanjang lima tahun Angkatan memerintah tiada isu kontroversi baru antara Umno dan istana. Dari segi ketokohan kepemim-

pinan utama, jelas Angkatan jauh mengatas BN. BN sebenarnya tidak berupaya menampilkan personaliti yang mampu meraih sokongan rakyat walaupun ada percubaan mengetengahkan Mustapa Mohamad dan Zainal Abidin Kadir, selain Annuar Musa.

Bagaimanapun ada pihak mempersoalkan keberkesanan jentera dan strategi kempen Angkatan. "Kesungguhan dan komitmen petugas Angkatan untuk merayu undi tidak begitu ketara seperti 1990. Misalnya, suasana nampak hambar pada hari penamaan calon. Memang lumrah alam, mempertahankan kemenangan selalunya tidak disokong oleh semangat yang kental seperti mana ketika berjuang sebagai parti pembangkang," dakwa seorang penulis muda.

Tidak kurang pula yang berpendapat bahawa manifesto tambahan BN Kelantan dapat menarik perhatian pengundi. Beberapa janji pembangunan (sebenarnya rasuah politik yang cukup besar) yang dibuat boleh memikat rakyat. Kandungannya agak terperinci dan padat, tetapi tidak terlalu panjang seperti manifesto Angkatan. Pendekatan ini menyamai strategi tahun 1967 mendekatkan Umno dengan rakyat Kelantan, iaitu menjadikan Umno sebagai *political party directed patronage*. Yakni menjadikan Umno sebagai jentera politik yang mampu mengagih-agihkan peluang-peluang ekonomi dan perkhidmatan kepada rakyat Kelantan, dengan harapan sebagai balasannya rakyat akan memberikan undi mereka kepada parti tersebut. Bagaimanapun Annuar Musa mengakui manifesto itu terlalu lambat diedarkan, iaitu tiga hari sebelum hari pengundian: "Dan saya percaya jika mesej dalam manifesto sampai, kita mungkin dapat lebih sebelas kerusi."

Tiada siapa dapat menafikan bahawa Kerajaan Negeri di bawah Angkatan, bukan saja tidak mengabaikan pem-

bangunan, malah memberikan makna sebenar kepada konsep pembangunan yang disaran Islam. Persatuan Pegawai Tadbir Negeri (PTN) menolak tuduhan sesetengah pihak yang mendakwa kononnya Kelantan negeri mundur dan tidak membangun serta menganggap segala tuduhan itu melulu dan tidak berasas. Presidennya, Haji Hashim Bani Abdul Hamid, merujuk kepada Laporan Ekonomi Negeri Kelantan 1994/95, berkata kadar pertumbuhan ekonomi Kelantan pada tahun 1994 adalah 7.4%, melebihi jangkaan 6.5 hingga 7.0 peratus. Tuan Guru Nik Aziz menjelaskan, tapak-tapak kilang di Kelantan, sama ada di Tanah Merah, Pasir Mas dan Gua Musang sudah habis dijual: "Orang nak kata tak ada pelabur, katalah. Tapi tapak kilang habis. Apa boleh buat, kempen negatif itu sampai ke telinga rakyat, dan rakyat percaya sungguh yang kita gagal menarik pelaburan."

Mungkin projek pembangunan tidak dipolitikkan sepertimana lazim dilakukan BN. Majlis-majlis perasmian yang menonjolkan projek seumpama itu tidak diberikan penekanan, sedangkan bagi BN, setiap projek, walaupun sekadar membina bangunan tambahan yang kecil akan diberikan publisiti meluas. Malah ada projek yang dirasmikan lebih dari dua kali. Sekali lagi, MB Kelantan mengakui kelemahan ini: "Kita tidak pernah *highlight*kan pembangunan yang kita laksanakan. Tiada perayaan, acara perasmian, upacara pembukaan jambatan, jalan-jalan kampung dan Maahad Dakwah. Itu kelemahan kita kerana sebenarnya kita tidak ingin mengada-ada dan menunjuk-nunjuk."

Faktor terakhir yang perlu disorot secara adil ialah personaliti calon ataupun rekod kerja yang ditunjukkan oleh wakil rakyat Kelantan. Apakah ideologi parti masih menjadi faktor utama, ataupun pertimbangan yang lebih serius dibuat berdasarkan personaliti calon? Dalam ke-

daan ideologi PMS46 tidak semantap PAS, mungkinkah pengundi yang sebelum ini menyokong parti Melayu itu akan lebih menitikberatkan soal personaliti calon?

Calon BN yang kalah di Pasir Mas, Ibrahim Ali, sewaktu seminar mengenai pilihan raya 1995, menjelaskan: "Punca utama kekalahan BN di Kelantan ialah rakyat Kelantan mahukan kestabilan yang diwujudkan oleh Kerajaan Angkatan dengan istana Kelantan diteruskan. Mereka bimbang jika BN memerintah, istana akan menghadapi masalah dan Sultan Kelantan tidak akan dapat menerima Menteri Besar dari Umno. Yang keduanya, setelah diberi mandat menerajui Kelantan, antara 1990-1995, Dato' Nik Aziz tidak membuat sebarang *blunder* dari segi personaliti, malah sikapnya dan cara hidup yang sederhana mendapat pujian hampir semua rakyat."

Ibrahim juga mempersoalkan: "Apakah Umno berseidia untuk memerintah Kelantan? Sebelum pencalonan dibuat, tidak nampak tokoh Umno yang setanding Dato' Nik Aziz. Cuma apabila Datuk Zainal Abidin Kadir dicalonkan di kerusi DUN Melor barulah nampak Umno pun ada tokoh ulamak yang boleh diketengahkan. Malangnya 'kabinet Umno' ini agak lambat. Strategi ini dengan calon-calon "dark horses" seperti Datuk Zainal Abidin Kadir (Melor), Dr Ismail Mat (Pengkalan Chepa), Mustapha Taib (Pasir Tumbuh), Dr Hassan Yusof (Gual Ipoh), Aziz Derasid (Pergau), Mohd Razali Che Mat (Guchil) agak lambat, namun beberapa darinya menang di luar jangkaan. Pada pendapat saya di pilihan raya akan datang perlulah satu strategi yang lebih jelas dan mantap dari segi pencalonan dirangka supaya calon dan jentera kempen lebih bersedia menghadapi pengundi."

Tindakan Umno mengemukakan calon berlatarbelakang pendidikan agama mengundang respons menarik dari Tuan Guru Nik Aziz. Beliau menyifatkan calon-calon itu sebagai terompah kayu: "Tindakan Umno mencalonkan ustaz-ustaz dan tok-tok guru menghairankan. Ini kerana Umno berpegang kepada prinsip politik suku agama suku. Orang politik memimpin, orang agama jadi alat sahaja, supaya kaki bos bersih, kering. Kalau nak kotor pun, kotor di terompah. Kalau nak basah pun, basah terompah. Kaki bos bersih. Kita (PAS) pula ambil wakil rakyat daripada tok guru, daripada orang alim, bukan buat terompah kayu, tetapi nak buat tuan untuk terompah itu sendiri."

Dr Mahathir turut mengulas: "Apakah Ketua Pengarah Pusat Islam, Datuk Zainal Abidin, seorang yang arif dalam agama boleh dianggap sebagai ustaz Yahudi dan Nasrani, atau terompah kayu?" Dalam pada itu, kalangan dalam PAS sendiri merasakan istilah yang diberikan oleh Nik Aziz itu, walaupun tepat dan jitu, tetapi tidak begitu sesuai ditimbulkan menjelang pilihan raya: "Mungkin ia sesuai di Kelantan, tetapi kalau di Johor umpamanya, susah kami nak menjelaskan kepada masyarakat umum." Pengarang Kumpulan *Berita Harian*, Nazri Abdullah menuis khusus tentangnya: "Terompah kayu bukanlah istilah yang patut digunakan oleh Nik Aziz untuk menggelarkan ulama dari parti lain. Terompah kayu biasanya digunakan untuk ke tandas. Terompah kayu dipakai di kaki, tempat kita mengalas tapak kaki untuk memijak segala jenis najis. Apakah tokoh agama dan ulama Umno sehina ini?"

Ketika saya mengajukan persoalan terompah kayu ini kepada seorang aktivis PAS Kelantan, beliau menjawab: "Mungkin kedengaran istilah terompah kayu agak kasar, tidak sepadan dengan perwatakan Tok Guru yang lemah-

lembut. Tetapi untuk memahamkan kepada orang kampung, logik itu sesuai sekali. Lagipun sememangnya terbukti, dalam persidangan DUN, Dr Zainal Abidin tidak membawa imej ulama, yang sepatutnya menyandarkan segala hujah kepada al-Quran dan Sunnah, sebaliknya merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir. Mana boleh begitu? Bukankah sidang DUN Kelantan adalah medan paling sesuai buat PAS dan Umno bermuzakarah, selepas Umno menolak pelawaan muzakarah PAS tempoh hari? Sayang, imej Dr Zainal masih terpalit dengan terompah kayu."

Banyak pihak tidak melihat peranan sebaiknya yang dimainkan oleh Anwar Ibrahim, tokoh Umno yang dilihat mampu berdepan dengan PAS. Dikatakan ramai pemimpin besar Kelantan, termasuk Annuar Musa dan Mustapa Mohamad lebih berkiblatkan Dr Mahathir. Tokoh muda yang rapat dengan Anwar seperti Kamaruddin Jaafar dan Kamaruddin Mohd Noor, tidak begitu menonjol di Kelantan. "Kempen Anwar di Kelantan tidak begitu menyengat. Dalam isu hudud, Anwar muflis idea. Anwar hanya mengulangi tuduhan pemimpin PAS suka memaki-hamun. Sedangkan mulut Anwar sendiri begitu celupar," tegas seorang pembaca setia *Harakah*. Beliau menunjukkan tulisan Haji Husam Musa, Setiausaha Politik MB Kelantan, yang mencatatkan, Anwar semasa berceramah dalam satu majlis di Kelantan, paling kurang menyebut istilah "mampus" dan "bodoah" sebanyak tujuh kali, termasuk kepada Tuan Guru Nik Aziz.

"Isu hubungan PAS-DAP yang dibangkitkan Anwar di Jeli dan Marang adalah isu lapuk dan usang," kata seorang bekas ahli ABIM. Semasa berkempen untuk Mustapa Mohamad, Anwar mendakwa: "PAS sanggup menyokong DAP, yang mana di Pulau Pinang apabila DAP bercakap

mengenai kepentingan Cina, DAP tak peduli langsung soal Melayu." Bekas penyokong ABIM itu menambah: "Daripada Anwar buat sibuk di Kelantan, lebih baik jenguk masalah dan penderitaan majoriti penduduk Melayu di Pulau Pinang."

Sementara itu, keterbukaan dan kematangan politik rakyat Kelantan tidak bermakna mereka akan menukar kerajaan negeri selepas dua atau tiga musim pilihan raya, tanpa alasan yang munasabah. Kejatuhan PAS di Kelantan pada 1978 ada puncanya - sama ada faktor dalaman maupun luaran - begitu juga kekalahan total BN pada tahun 1990. Rakyat Kelantan akan bertindak nekad menghukum pemimpin dan parti politik, yang pada anggapan mereka, mengkhianati suara dan aspirasi rakyat. Bukti, parti pemerintah (di peringkat negeri) yang kalah selalunya menerima pukulan maut. PAS hanya tinggal dua kerusi pada 1978, manakala BN kecundang di semua kawasan pada 1990.

Justeru itu pendokong Angkatan tidak perlu bimbang dengan putaran ganas sejarah hitam parti-parti pemerintah di Kelantan. Jika Angkatan memikul amanah dengan baik, memastikan keadilan merata dalam masyarakat, menghindari segala kepincangan dan kelemahan pentadbiran, mengambil tindakan tegas bila terbukti ada salah guna kuasa, wakil rakyatnya tidak hidup mewah dan sentiasa dekat dengan degup jantung rakyat, insya-Allah impian BN untuk merebut kembali Kelantan hanya menjadi impian kosong. "Rakyat Kelantan sensitif terhadap perubahan gaya hidup wakil rakyatnya. Sebelum menjadi ahli Exco, rumah buruk bagi nak tumbang bila dilanda angin. Tapi rumah bertukar menjadi mahligai, kereta mewah menjalar, dan lebih teruk lagi, mulai bersikap sompong dan kelihatan angkuh. Jadi, banyak hikmahnya Angkatan kalah tujuh

kerusi. Jika terus saku bersih 43-0, sekali lagi pilihan raya mungkin tertiarap, tak boleh panggung kepala lagi," seorang pemimpin PAS Kelantan mengingatkan. Katanya, ia lebih ditujukan kepada dirinya sendiri.

Namun begitu asakan hebat BN tidak boleh dipandang ringan. Pemimpin utamanya kelihatan seperti tidak boleh menerima kekalahan mereka di Kelantan, meskipun di semua negeri lain dominasi BN semakin kukuh. Pelbagai tekanan, ugutan, diskriminasi dan taktik kotor memburukkan kerajaan Angkatan dilakukan secara berterusan, seolah-olah pilihan rakyat Kelantan tidak dihormati lagi. Dalam hal ini pemimpin Angkatan perlu cekap mengatur perancangan dan strategi, apatah lagi dalam operasi pelaksanaan, khususnya dalam konteks hubungan Kota Bharu - Kuala Lumpur. Selain itu, pemimpin Angkatan di peringkat pusat tentunya arif tentang bentuk hubungan antara kerajaan negeri yang berazam kuat untuk melaksanakan tuntutan Islam dengan Kerajaan Persekutuan yang masih tebal semangat sekularismenya.

Isu ini perlu diperdebatkan dengan lebih terperinci. Jika ditinjau senario pilihan raya umum lalu, kehadiran PAS lebih tertumpu untuk melaksanakan misi menawan beberapa negeri, antaranya Terengganu dan Kedah. Dalam pengertian lain, usaha menukar kerajaan di peringkat Persekutuan bukan agenda utama lagi. Oleh itu, misalnya, jika Terengganu berjaya dikuasai PAS, masalah yang sama, iaitu hubungan Kuala Terengganu - Kuala Lumpur, terpaksa dihadapi dengan penuh diplomasi dan bijaksana.

Di awal tulisan ini saya mengingatkan, pendokong Angkatan di Kelantan harus bersiap sedia untuk menghadapi pertarungan lebih sengit dalam pilihan raya akan datang. Menurut pemerhati politik, tujuh kerusi DUN dan

dua kerusi Parlimen milik BN adalah pangkalan terbaik buat mereka melancarkan serangan politik yang lebih dahsyat dan mungkin tidak terduga. Sepatah kata Annuar Musa: "Walaupun hanya tujuh orang saya akan memohon sejumlah peruntukan daripada Perdana Menteri, bagi memastikan kawasan yang diwakili oleh BN sebagai kawasan contoh." Seorang penulis veteran mengulas: "Ke-nyataan Annuar itu menandakan politik wang akan lebih bermaharajalela di Kelantan." Apatah lagi kerusi Parlimen itu milik dua orang pemimpin utama Umno Kelantan yang kini berjawatan menteri penuh dan kedua-dua portfolio itu, cukup 'sesuai' untuk membeli undi rakyat Kelantan.

Yang penting bagi BN ialah mereka sudah memperolehi petunjuk penting penerimaan rakyat Kelantan terhadap Umno. Selepas ditolak bulat-bulat pada 1990, imej Umno kelihatan mulai pulih. Dibantu dengan liputan media utama, termasuk siaran radio daerah dan rancangan TV pagi, juga longgokan projek pembangunan di kawasan tertentu, tidak terkecuali pesta membeli undi yang cukup memualkan, mungkin pemimpin Umno merasakan pulangan yang diterima tidak setimpal tetapi cukup sebagai sandaran meneruskan operasi yang dirancangkan. Difahamkan Radio 3 Kota Bharu menyelitkan undur-unsur politik yang ketara walaupun melalui ruangan hiburan.

Jawapan Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Dr Mahathir Mohamad, semasa kempen pilihan raya lalu bahawa "Umno tidak akan kalah semua seperti 1990" membayangkan Dr Mahathir sendiri sudah menjangkakan kesulitan berhadapan dengan pengundi Kelantan.

"Jadual kempen Dr Mahathir yang padat di luar Kelantan, khususnya di Pulau Pinang, memberikan kelebihan kepada Angkatan. Dr Mahathir bertanggungjawab secara

langsung mengatur strategi pukulan maut terhadap DAP di Pulau Pinang. Saya bimbang, jika BN tidak menghadapi cabaran sengit di negeri-negeri lain, misalnya dalam pilihan raya akan datang, maka segala kekuatan BN, khususnya Dr Mahathir sendiri akan dihadapkan untuk merempuh benteng Angkatan di Kelantan," ujar seorang pemerhati politik yang cukup berminat dengan perkembangan di Kelantan.

Katanya, semasa tempoh kempen, Dr Mahathir hanya sempat melawat dua kawasan Parlimen, iaitu kawasan yang kemudiannya diisyiharkan dimenangi calon BN. Seolah-olah dibayangkan bahawa Dr Mahathir sendiri hanya mahu kan dua kawasan itu saja, Peringat dan Jeli. Namun kemenangan tipis calon Semangat 46 di Tanah Merah (majoriti 506) dan Pasir Mas (majoriti 2,475) juga kemenangan PAS di Tumpat (lebihan undi 1,728) tidak boleh dipandang ringan. Hanya seorang calon PAS dapat meningkatkan majoriti kemenangan, iaitu Mohamad Sabu. Pada tahun 1990, Mohamad Sabu mengalah Annuar Musa di Nilam Puri dengan kelebihan 8,139 undi. Pilihan raya 1995, Mohamad Sabu bertanding dan menang di Kubang Kerian, dengan majoriti 10,125 undi.

Dalam pada itu, kemenangan BN di Peringat dan Jeli tidak seutuh mana, malah boleh diumpamakan seperti telur di hujung tanduk. Jika tidak dikira undi pos, calon Semangat 46 di Jeli sudahpun memenangi kerusi berkenaan dengan kelebihan 1,218 undi. Tetapi Jeli mempunyai 2,038 undi pos, yang sebahagian besarnya memihak kepada BN. Majoriti kemenangan calon BN, Mustapha Mohamed hanya 572 undi, manakala undi rosak sebanyak 932.

Tinjauan di beberapa kerusi DUN, antaranya Ketereh dan Kemahang menunjukkan lebih 82 peratus undi pos

memihak kepada BN. Bagi kawasan N37 Pergau, lebih 95 peratus undi pos adalah untuk calon BN. Difahamkan beberapa orang tentera bersedia menjadi saksi di hadapan mahkamah bahawa mereka sebenarnya dipaksa mengundi BN. Memandangkan persaingan semakin sengit di Kelantan, undi pos akan menjadi penentu kemenangan bagi beberapa kawasan strategik. Hal ini harus diperhatikan dengan lebih serius khususnya bagaimana proses pembuangan undi pos dilakukan.

Begini juga dengan usaha menentang politik wang. Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan langkah BN membeli undi seumpama menukar pilihan raya kepada pasar raya. Beliau meminta semua pemimpin PAS di seluruh negara bergerak segera bagi menyedarkan masyarakat tentang perbahayanya gejala ini jika tidak dibendung. "Akan sampai masanya nanti jika gejala politik wang ini menguasai manusia, umat Islam tidak akan bersembahyang kerana sembahyang tidak mendatangkan wang. Umat Islam tidak lagi berpuasa kerana puasa tidak mendapat wang. Umat Islam tidak lagi menunaikan haji, mengeluarkan zakat dan memberi sedekah kerana semua ini mengurangkan wang," Tuan Guru memberi ingatan.

Tidak dipastikan sama ada nasihatnya, "beri duit ambil, beri gula kacau, beri kain pakai, tapi bila mengundi pangkah Angkatan," dapat diperaktikkan sebaik mungkin. Bagaimanapun oleh kerana masa yang agak terhad dan kesedaran rakyat terhadap nasihat ini masih di peringkat awal, dijangkakan berlaku keadaan yang sebaliknya: Maknanya, pengundi yang terbabit, yang menerima "duit sedekah" itu masih merasa terikat untuk menyokong BN dan memangkah lambang dacing! Mungkin juga orang Melayu

yang terkenal dengan sikap suka membala budi, selepas menerima "hadiah", tidak tergamak pula untuk mengundi parti selain Umno.

Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan, Haji Wan Abdul Rahim turut mengakui hakikat ini, sewaktu diskusi pilihan raya 1995 anjuran Suaram di ibu kota tidak lama dahulu. "Amalan membeli undi oleh petugas BN cukup dahsyat hingga melewati kawasan sekolah, iaitu tempat mendapatkan kertas saluran mengundi," tegasnya. Tuan Guru Nik Aziz sendiri menjelaskan: "Melayu Kelantan terima Umno hanya kerana politik wang dan janji-janji pembangunan. Umno secara jelas menggunakan undang-undang rimba. Siapa yang kaya dan gagah, dia menang. Peluang untuk kebenaran menyelit masuk, payah sekali."

Di pihak Angkatan pula seharusnya tidak merasa apologetik sekiranya penurunan undi disebabkan Angkatan tidak mengeksplotasi jentera kerajaan walaupun berpeluang berbuat demikian. Menurut Tuan Guru Nik Abdul Aziz, PAS tidak akan mengamalkan politik wang untuk memancing undi. PAS, tegasnya, lebih pentingkan perubahan fikiran rakyat dalam memahami konsep Islam dan dapat menerima kerajaan yang turut menumpukan pembangunan kerohanian. Tuan Guru Nik Aziz berkata, apa yang membanggakannya sewaktu menerajui Kelantan ialah dapat mengubah pemikiran rakyat, yang lupakan Allah menjadi yakin dan cintakan Allah. "Usaha itu lebih sukar daripada melaksanakan pembangunan material," katanya.

Semasa kempen rancak berjalan, ketika pemimpin-pemimpin BN semakin hebat memperalatkan jentera dan kemudahan kerajaan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz meninggalkan kereta rasminya apabila menyewa Pajero dengan kadar RM70 sehari. Kesederhanaan Tuan Guru bukan saja

menjadi buatan masyarakat tempatan tetapi juga diperkatakan oleh tokoh-tokoh gerakan Islam antarabangsa. Salah seorang darinya, Dr Kamal Helbawy, Pusat Kajian Strategi Antarabangsa London memuji kualiti hidup sederhana Menteri Besar Kelantan: "Saya bersyukur ke hadhrat Allah s.w.t. kerana masih ada lagi manusia seperti Sheikh Abdul Aziz kerana mengingatkan kita kepada kualiti hidup sederhana para pemerintah di zaman Khulafa ar-Rashidin."

Selain itu, difahamkan faktor majlis besar-besaran Angkatan di Stadium Sultan Muhammad ke-IV, menjelang hari-hari terakhir pengundian, yang dibanjiri lebih 60,000 hadirin tidak banyak membantu kempen Angkatan. Ada pihak mendakwa petugas-petugas Angkatan keluar meninggalkan pos masing-masing untuk menghadiri program tersebut dan petugas BN mengambil kesempatan.

"Tidak mustahil jika pengundi atas pagar menafsirkan program besar-besaran itu sebagai tanda Angkatan sengaja menunjukkan kekuatan dan tanda *over-confidence*. Sebagai parti pemerintah, rasanya tidak bijak Angkatan berbuat begitu. Tapi ia mungkin perlu dari segi membuktikan perpaduan parti-parti dalam Angkatan tetap utuh dan tidak terjejas dengan spekulasi jahat Umno," demikian pandangan seorang penulis muda.

Meskipun pengundi bukan Melayu di Kelantan bukan faktor penentu tetapi kedudukannya tetap signifikan, antara lain, untuk terus melebarkan kekuatan PAS ke negeri-negeri lain, terutama yang mempunyai ramai pengundi bukan Melayu. Ramai mengharapkan Kelantan menjadi negeri contoh, yang seharusnya membuktikan bagaimana penduduk yang bukan beragama Islam tetap disantuni dengan baik. Dalam negara demokrasi tentunya kecenderungan mengundi dijadikan petunjuk, sama ada mereka tetap

menyokong Angkatan mahupun kembali mengundi BN. Keputusan pilihan raya 1995 mempamerkan kecenderungan pengundi bukan Melayu seperti keadaan sebelum 1990.

Fenomena ini ditunjukkan dengan kekalahan calon Semangat 46 di Pengkalan Kubor, yang mana pengundi bukan Melayu dalam lingkungan 10 peratus. Calon Berjasa turut tewas di kawasan Kota Lama. Peratusan pengundi bukan Melayu sekitar 42 peratus. Calon BN menang dengan majoriti 1,845 undi. Selain peralihan undi kepada BN, keadaan di Kota Lama mudah difahami. Undi bukan Melayu tidak berpecah lagi, sepetimana 1990. Pada tahun itu, DAP juga meletakkan calon, Dr Lim Kok Tee, yang memperolehi 2,739 undi. Keadaan yang sama berlaku di N13 Bandar, Terengganu, apabila calon PAS, Haji Harun Jusoh menang dengan kelebihan 726 undi, apabila calon DAP, Ng Chai Hing turut bertanding, dengan mendapat 1,519 undi. Dalam pilihan raya 1995, DAP tidak meletakkan calon, dan memberikan kemenangan agak selesa kepada calon MCA - majoriti 1,408 - dengan mengecewakan calon PAS, Haji Mustaffa Ali.

Sementara di Guchil calon PAS tewas dengan kekuatan undi 577. Peratusan pengundi bukan Melayu adalah 23 peratus. BN menabur janji yang cukup menarik kepada pengundi Cina di kawasan ini. Sekiranya BN menang pada pilihan raya berikutnya, BN akan diwakili oleh calon berbangsa Tionghua. Sebelum ini, pada 1986, calon BN ialah Lai Kim Siong. Bagaimanapun calon PAS mengalahkannya, dengan majoriti 329 undi.

Cikgu Wan Rahim menjelaskan, peranan akhbar bahasa Cina yang tidak memberikan gambaran sebenar dasar-dasar dan rancangan kerajaan negeri cukup ketara un-

tuk mengalih kecenderungan pengundi Tionghua. Tentunya gerak kerja mesti dimulakan segera bagi mendampingi mereka supaya maklumat sebenar yang tepat dan kemas kini dapat disalurkan. Ada pula pihak menyifatkan sokongan pengundi Cina kepada BN disebabkan mereka telah diyakinkan bahawa BN boleh menumbangkan Angkatan dan membentuk kerajaan negeri. Justeru itu mereka tidak mahu ketinggalan daripada arus perdana yang sengaja dimomokkan oleh jentera propaganda BN.

Dikatakan pengundi Cina, khususnya di sekitar Kota Bharu, juga diberi jaminan bahawa Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) tidak akan mengganggu sebarang aktiviti mereka. Dalam pada itu imej buruk yang dipalitkan kepada kerajaan Angkatan, khususnya oleh media massa utama, tidak dapat dibersihkan sewaktu kempen. Perkumpulan Tionghua seperti pertubuhan mengenai perniagaan, dewan perhimpunan Cina dan pendidikan juga telah dire-sapi oleh BN dengan jayanya. Dalam masyarakat Cina, pertubuhan bukan politik itu sebenarnya yang lebih berpengaruh daripada DAP, MCA, Gerakan, apatah lagi CCC.

Tidak dipastikan pula keberkesanan kempen menyokong BN oleh Pakatan Anak-Anak Kelantan di Perantauan, yang dianggotai oleh 25 tokoh korporat, antara lain, Tan Sri Wan Azmi, Datuk Mohd Nadzmi Salleh dan Datuk Noordin Abdul Razak. Pakatan mendakwa mahu membantu hasrat Dr Mahathir menjadikan Kelantan sebuah negeri contoh. "Kenapa mereka tidak menjadikan Kelantan negeri contoh sewaktu BN berkuasa dulu?" demikian rata-rata pertanyaan yang sama dilontarkan. Bagaimanapun Tuan Guru Nik Aziz memberitahu, salah seorang dari ahli Pakatan telah memohon maaf dengannya di Tanah Suci Makkah dan mengakui telah tertipu.

Mengenai jaminan Dr Mahathir mahu menjadikan Kelantan negeri contoh, bahan kempen ini mudah ditolak. Tokoh kontroversi PAS, Mohamad Sabu menasihatkan Dr Mahathir agar menjadikan Kedah terlebih dahulu sebagai contoh: "Ubah dahulu nasib bangsa Melayu yang berada di Padang Terap, Sik dan beberapa daerah termundur di Kedah. Perdana Menteri tidak perlu bersusah payah menjadikan Kelantan sebagai contoh kerana negeri ini telah menjadi contoh yang terbaik di bawah pentadbiran Angkatan."

Namun begitu, syabas dan jutaan tahniah kita kalungkan kepada pendokong-pendokong Angkatan di Kelantan. Berhadapan dengan segala asakan dahsyat BN, mereka tetap gagah menjulang panji-panji kemenangan. Tempoh lima tahun ini bukannya masa yang lama untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada. Insya-Allah, Angkatan bukan saja akan mematikan segala angan-angan kosong BN untuk menawan Kelantan, tetapi dengan perancangan dan pelaksanaan usaha yang lebih berkesan, bukan sahaja kemenangan ini dapat dimantapkan, malahan ia akan mengangkat martabat Angkatan, khususnya PAS, sebagai parti yang boleh diamanahkan untuk mentadbir kerajaan.

"Wajah politik Kelantan masa depan lebih ditentukan oleh persefahaman PAS dan PMS46. Manakala kekuatan PAS tidak boleh hanya disandarkan kepada Tuan Guru Nik Aziz. Setiap wakil rakyat PAS harus berperanan sebaik-baiknya. Program-program ekonomi dan pembangunan harus diberi liputan sewajarnya supaya rakyat tidak mudah dikelirukan dengan tohmahan jahat Umno. Kemenangan PAS di luar Kelantan banyak difaktorkan oleh kemampuan PAS mentadbir Kelantan, dan sejauhmana maklumat itu disebarluaskan secara berkesan kepada pengundi

luar," seorang tokoh akademik melontarkan idea, sambil mengakui peritnya mempertahankan Kelantan menjelang tahun 2000 nanti.

"Jika silap langkah, tidak mustahil PAS dapat dikecawakan lebih awal lagi, sebelum pilihan raya akan datang," tambahnya dengan nada serius.



# 5

## Keputusan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 1995

N1 Pengkalan Kubor (15,486)

M:90.00% C:1.50% I:7.80% L:0.50%

1. Wan Nawawi Jusoh (BN) 6,086

2. Wan Rahman Saleh (S46) 4,788

M:1,298 UR:259 JU:11,133; 71.89%

N2 Kelaboran (15,864)

M:85.00% C:5.60% I:8.70% L:0.30%

1. Nordin Yaakob (S46) 6,252

2. Mansor Salleh (BN) 5,328

M:924 UR:298 JU:11,878; 74.87%

N3 Pasir Pekan (14,852)

M:99.00% C:0.10% I:0.20%

1. Ahmad Yakob (PAS) 6,980

2. Saupi Daud (BN) 4,241

M:2,739 UR:187 JU:11,408; 76.81%

N4 Kijang (12,993)

M:94.00% C:5.20% I:0.09% L:0.01%

1. A Halim A Rahman (PAS) 6,865

2. Rohani Mamat (BN) 2,556

M:4,309 UR:190 JU:9,611; 73.97%

N5 Champaka (12,268)

M:98.00% C:1.10% I:0.20%

1. Nik Aziz Nik Mat (PAS) 7,851

2. Yusoff Isa (BN) 2,934

M:4,917 UR:628 JU:11,413; 93.93%

Berdasarkan *Berita Harian*, 27 April 1995. M=majoriti UR=undi rosak  
JU=jumlah undi; peratus mengundi.

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

<b>N6 Panchor (14,002)</b>		<b>N13 Meranti (11,819)</b>
M:97.00% C:1.90% I:0.40% L:0.06%		M:98.00% C:0.40% I:0.60% L:0.10%
1. Mohd Yusuf Ludin (PAS) 6,499		1. Nasarudin Daud (PAS) 5,060
2. Hamdi Omar (BN) 3,448		2. Mohamad Yaacob (BN) 2,984
3. Yusoff Mat (AKIM) 106		M:2,076 UR:161 JU:8,205; 69.42%
M:3,051 UR:260 JU:10,313; 73.65%		
<b>N7 Tanjung Mas (19,153)</b>		<b>N14 Gual Periorek (16,606)</b>
M:94.00% C:5.10% I:0.50% L:0.03%		M:96.00% C:2.30% I:0.07% L:0.10%
1. Wan Rahim Abdullah (PAS) 9,215		1. Nik Mustafa Lodin (S46) 6,135
2. Mohd Fattmi Saleh (BN) 4,228		2. Abdul Rahman Awang (BN) 4,667
3. Ramli Sulaiman (AKIM) 57		M:1,468 UR:367 JU:11,169; 67.26%
M:4,987 UR:199 JU:13,699; 71.52%		
<b>N8 Kota Lama (24,054)</b>		<b>N15 Bukit Tuku (14,329)</b>
M:58.00% C:39.00% I:2.10% L:0.10%		M:95.00% C:2.90% I:1.20% L:0.10%
1. Leong Sue Siang (BN) 8,837		1. Yusof Abdullah (PAS) 5,336
2. M Yusof Nor (Berjasa) 6,992		2. Hassan Ahmad (BN) 3,595
3. Foo Chee Tow (Bebas) 214		3. Ramli Awang (Bebas) 585
4. M Din Nizam Din (AKIM) 104		M:2,989 UR:247 JU:9,763; 68.13%
M:1,845 UR:136 JU:16,283; 67.69%		
<b>N9 Bunut Payong (17,159)</b>		<b>N16 Salor (13,876)</b>
M:89.00% C:8.60% I:1.50% L:0.10%		M:98.00% C:1.90% I:0.10%
1. Halim Mohamad (PAS) 7,414		1. Rusli Ibrahim (S46) 6,076
2. Zahari Wahab (BN) 4,924		2. Zaleha Husain (BN) 4,197
M:2,490 UR:140 JU:12,478; 72.72%		3. A Rahman Ibrahim (AKIM) 83
M:1,277 UR:292 JU:13,268; 78.01%		M:1,879 UR:239 JU:10,595; 76.35%
<b>N10 Wakaf Bharu (17,007)</b>		<b>N17 Pasir Tumbuh (12,407)</b>
M:91.00% C:7.40% I:1.20% L:0.10%		M:99.00% C:0.80% I:0.10% L:0.10%
1. Ramli Abu Bakar (PAS) 7,077		1. Daud Yusof (PAS) 6,129
2. Nordin Salleh (BN) 5,800		2. Mustafa Taib (BN) 3,157
3. Othaman Latif (AKIM) 99		M:2,972 UR:147 JU:9,433; 76.03
M:1,277 UR:292 JU:13,268; 78.01%		
<b>N11 Tendong (14,446)</b>		<b>N18 Kenali (18,036)</b>
M:96.00% C:3.10% I:0.10% L:0.10%		M:97.00% C:1.90% I:0.30% L:0.01%
1. Hussin Ahmad (S46) 5,762		1. Mohamad Daud (PAS) 9,375
2. Mohd Yaman Muhd (BN) 5,161		2. Arifin Othman (BN) 3,929
M:601 UR:253 JU:11,176; 77.36%		M:5,446 UR:223 JU:13,527; 75.00%
<b>N12 Pengkalan Pasir (16,963)</b>		<b>N19 Tawang (15,645)</b>
M:94.00% C:4.90% I:0.40% L:0.04%		M:99.00% C:0.90% I:0.10%
1. Hassan Abdullah (PAS) 6,529		1. Hassan Mahmud (PAS) 7,191
2. Hassan Ismail (BN) 5,493		2. R Harun Ismail (AKIM) 106
M:1,036 UR:272 JU:12,294; 72.48%		3. Razali Ibrahim (BN) 4,876
		M:2,315 UR:257 JU:12,430; 79.45%

<b>N20 Perupok (16,222)</b>	<b>N27 Gual Ipoh (11,894)</b>
M:96.00% C:2.40% I:0.70% L:0.20%	M:93.00% C:2.70% I:3.90% L:0.10%
1. Omar Mohamad (PAS) 6,953	1. Tg. Alang Sulong (S46) 4,582
2. Kadir Hassan (BN) 5,169	2. Dr Hassan Yusoff (BN) 4,466
M:1,784 UR:280 JU:12,402; 76.45%	M:116 UR:194 JU:9,242; 77.70%
<b>N21 Jelawat (18,117)</b>	<b>N28 Selising (14,136)</b>
M:98.00% C:1.50% I:0.10%	M:98.00% C:1.00% I:0.20% L:0.01%
1. Daud Jaafar (S46) 7,623	1. Che Bisi Hassan (PAS) 5,767
2. Ahmad Shihabuddin (BN) 6,262	2. Che Age Awang (BN) 4,420
M:1,361 UR:359 JU:14,244; 78.62%	3. Nik Hassan Nik Ya (AKIM) 66
<b>N22 Melor (14,405)</b>	M:1,347 UR:281 JU:10,534; 74.25%
M:96.00% C:2.70% I:1.10% L:0.05%	<b>N29 Limbongan (15,812)</b>
1. Zainal Abidin Kadir (BN) 5,486	M:94.00% C:4.30% I:0.60% L:0.01%
2. Khairudin Kadir (S46) 5,155	1. Samat Mamat (S46) 6,710
3. Tuan Mohd Tuan Soh (AKIM) 110	2. Wan Najib Mohamad (BN) 4,737
M:331 UR:110 JU:10,974; 76.18%	2. N Amirullah Kudus (AKIM) 106
<b>N23 Kadok (12,859)</b>	M:1,973 UR:228 JU:11,781; 74.51%
M:97.00% C:1.90% I:0.10% L:0.01%	<b>N30 Semerak (12,178)</b>
1. Shamsudin A Rahman (PAS) 5,506	M:97.00% C:1.30% I:1.40% L:0.04%
2. Mohd Soberi Shafii (BN) 4,165	1. Sulaiman Ahmad (PAS) 4,784
3. A Zailani Ab Wahab (AKIM) 93	2. Ismail Awang (BN) 4,536
M:1,341 UR:189 JU:9,953; 77.40%	3. Musa Salleh (AKIM) 84
<b>N24 Ketereh (14,984)</b>	M:248 UR:222 JU:9,626; 79.04%
M:95.00% C:4.10% I:0.60% L:0.10%	<b>N31 Gaal (12,020)</b>
1. Arifin Mohamad (BN) 6,300	M:98.00% C:0.60% I:0.40% L:0.01%
2. Ashaari Mohd (PAS) 4,853	1. Alwi Jusoh (PAS) 5,168
3. Jundi Abd Rahim (AKIM) 50	2. Ismail Mohamad (BN) 3,844
M:1,447 UR:1,028 JU:12,231; 81.63%	3. Abdullah Sani Musa (AKIM) 54
<b>N25 Chetok (13,214)</b>	M:1,324 UR:186 JU:9,252; 76.97%
M:95.00% C:3.80% I:1.20% L:0.02%	<b>N32 Pulai Chondong (12,645)</b>
1. Hanafi Daud (PAS) 4,834	M:95.00% C:4.80% I:1.20%
2. Kamarulzaman Harun (BN) 4,491	1. Mohd Noor Ahmad (S46) 5,415
M:343 UR:247 JU:9,572; 72.44%	2. A Shukri Hassan (BN) 3,954
<b>N26 Bukit Panau (15,787)</b>	M:1,461 UR:200 JU:9,569; 75.67%
M:89.00% C:9.00% I:1.20% L:0.02%	<b>N33 Banggol Judah (14,039)</b>
1. Md Yusof Mat Sah (PAS) 6,420	M:94.00% C:5.70% I:0.30% L:0.02%
2. Supardi Mohd Noor (BN) 5,459	1. Yahya Othman (PAS) 5,921
M:961 UR:221 JU:12,100; 76.65%	2. Yaakob Mohamad (BN) 4,589
	M:1,322 UR:190 JU:10,700; 76.22%

## N34 Kemuning (12,553)

M:94.00% C:4.70% L:0.80%

1. Hassan Mohamad (PAS) 4,759  
 2. Ismail Mamat (BN) 4,657  
 M:102 UR:152 JU:9,568; 76.22%

## N35 Kemahang (12,963)

M:98.00% C:0.60% L:0.50% L:0.06%

1. Mohd Adnan Kechik (BN) 5,421  
 2. Kamaruzaman Sulong (S46) 5,031  
 M:390 UR:228 JU:10,680; 82.39%

## N36 Air Lanas (11,186)

M:99.00% C:0.20% L:0.10% L:0.01%

1. Abdullah Ya'kob (PAS) 4,540  
 2. Mustapha Musa (BN) 4,131  
 M:409 UR:162 JU:8,833; 78.96%

## N37 Pergau (9,074)

M:98.00% C:1.00% L:1.50%

1. Aziz Derashid (BN) 3,690  
 2. Yusof Yaakob (PAS) 3,425  
 M:265 UR:224 JU:7,339; 80.00%

## N38 Guchil (12,658)

M:77.00% C:17.60% L:5.30% L:0.06%

1. Mohd Razali Mamat (BN) 4,809  
 2. Wan Hassan Yusof (PAS) 4,232  
 M:577 UR:52 JU:9,093; 71.84%

## N39 Mengkebang (13,310)

M:95.00% C:2.60% L:1.80% L:0.02%

1. Kelthum Ahmad (S46) 6,231  
 2. Nik Sepeia Yusof (BN) 4,131  
 M:2,100 UR:289 JU:10,651; 80.02%

## N40 Manek Urai (10,413)

M:99.00% C:0.60% L:0.20% L:0.01%

1. Ismail Yaakob (PAS) 4,634  
 2. Ahmad Yusof (BN) 2,919  
 M:1,715 UR:212 JU:7,765; 74.57%

## N41 Dabong (7,283)

M:99.00% C:0.30% L:1.10% L:0.01%

1. Rozali Isohak (S46) 3,170  
 2. Arifin Said (BN) 2,282  
 M:888 UR:225 JU:5,677; 77.95

## N42 Paloh (9,591)

M:99.00% C:0.30 L:0.20%

1. Nozula Mat Diah (S46) 5,422  
 2. Akram Khan Awang (BN) 2,282  
 3. Mohamad Yusof (AKIM) 79  
 M:3,251 UR:355 JU:8,027; 83.69%

## N43 Galas

M:78.00% C:19.30% L:2.60% L:0.06%

1. Omar Mohamad (S46) 4,056  
 2. Nik Ismail W Idrus (AKIM) 205  
 3. Zakaria Hassan (BN) 3,163  
 M:893 UR:472 JU:7,896; 70.31%

# 6

## **Harapan Cerah PAS Di Terengganu**

**B**erbeza dengan Kedah, jumlah pengundi bukan Melayu di Terengganu cukup kecil. Daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), hanya tiga kerusi mempunyai pengundi Melayu kurang 90 peratus, iaitu Seberang Takir (71.60%), Bandar (60.05%) dan Chukai (78.90%). Malahan 19 daripadanya (lebih separuh daripada jumlah kerusi) mempunyai jumlah pengundi Melayu lebih 98 peratus. Jelas sekali, dalam keadaan PAS tidak mempunyai pendekatan khusus terhadap pengundi bukan Melayu, pemimpin PAS Terengganu lebih beruntung daripada pemimpin PAS di Kedah.

Sekiranya majoriti pengundi Melayu menyokong PAS

dan Parti Melayu Semangat 46 maka tiada halangan lagi buat Angkatan menerajui negeri Terengganu. Tetapi cerita sebenarnya tidak semudah itu kerana pengundi Terengganu sukar sekali untuk melakukan *swing* (peralihan undi), berbeza dengan Kelantan dan juga Kedah.

Perolehan undi popular Angkatan ke tahap 45 peratus tentunya payah untuk dianjak lebih ke hadapan memandangkan BN amat menyedari kedudukan mereka yang kritikal dan tentunya segala persiapan dilakukan, khususnya mengeksplotasi jentera kerajaan, politik wang dan perasaan takut rakyat, dengan cara yang kadangkala tidak terfikir oleh kita.

"Umno Terengganu cukup mengambil berat setiap perkembangan parti pembangkang. Pelbagai usaha dan gerak kerja dirancang bagi mempastikan pembangkang tidak berkembang sehingga boleh menggugat kedudukan Umno. Umno Terengganu tidak lokek untuk membelanjakan wang, walaupun dalam jumlah yang agak besar, asalkan pembangkang tidak melepassi kedudukannya sekarang," telahan seorang pemerhati politik.

Jika tidak ada isu yang benar-benar menggemparkan dan menyentuh nurani pengundi, tempoh kempen selama kurang dari sepuluh hari itu jarang sekali dapat mengubah pendirian yang telah ditetapkan oleh pengundi, lama sebelum itu. Pergolakan dalaman Umno, antara kem Menteri Besar Wan Mokhtar Ahmad dengan kem Yusoff Noor yang agak hebat di Terengganu sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk undi terhadap pembangkang. Dalam perkataan lain, jumlah pengundi atas pagar di Terengganu dijangka cukup kecil. Sebahagian besar pengundi adalah penyokong kuat, malahan pendokong kepada parti-parti yang bertanding. Hanya perpecahan Umno yang cukup serius, seperti

berlaku di Kelantan antara 1987 - 1990, akan menyumbangkan undi bermakna kepada Angkatan.

Harapan PAS bersama Semangat 46 dalam pilihan raya umum 1995 di Terengganu cukup hebat dan diperhatikan dengan penuh minat oleh pemerhati politik. Angin kemenangan PAS di Kelantan diharap dapat membantu pengundi Terengganu membuat pilihan dengan lebih bijak. Meskipun dua pilihan raya kecil sepanjang 1990 - 1995 menyaksikan kekalahan PAS di Bukit Payong dan Semangat 46 di Kampung Raja, namun projek Tahun Sapu Bersih (TSB) BN tidak semudah itu untuk dijayakan.

BN amat mengharapkan pengalaman sejarah, iaitu teori pendulum, membantunya. Sokongan terhadap PAS di Terengganu berubah setiap musim. Bermula 1978, di mana PAS kalah di semua kerusi DUN, PAS bangkit semula pada 1982 dengan merangkul lima kerusi, iaitu Ustaz Abu Bakar Chik di Jeram (majoriti 208); Ustaz Harun Taib, Manir (majoriti 932); Haji Mustafa Ali, Wakaf Mempelam (421); Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Marang (133); dan Wan Mutualib Embong, Batu Burok (86). Tuan Guru Abdul Hadi menyifatkan kemenangan lima calon PAS itu seumpama lima jari yang jika digenggam akan menjadi penumbuk yang kuat. Selain itu, daripada 23 kerusi yang dimenangi BN, tujuh darinya mempunyai majoriti bawah 1,000 undi.

Berbekalkan undi popular 40.89% (meningkat 4.13% berbanding 1978), PAS melangkah masuk pilihan raya 1986 dengan penuh keyakinan. Bagaimanapun masalah persempadanan semula kawasan pilihan raya dijangka memberi kesan sebaliknya. Benar, PAS hanya berjaya mempertahankan dua kerusi DUN, iaitu Ru Rendang (majoriti 531) dan Wakaf Mempelam (majoriti 105), melalui Tuan Guru Abdul Hadi dan Haji Mustafa Ali. PAS juga memberikan saingan

sengit di lapan kerusi lain, yang mana majoriti BN bawah 1,000 undi. Sehubungan itu undi popular PAS merosot 1.16% kepada 39.73%.

Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, pensyarah sains politik UKM, merumuskan fenomena 1986 itu, seperti yang tersiar dalam buku *Pilihan Raya di Malaysia: Pendekatan Pelbagai Perspektif* (1995): "Kemenangan BN di Terengganu adalah hasil dari struktur organisasi yang menggerakkan jentera pilihan raya yang kemas, pendekatan yang sesuai dalam menangani isu-isu semasa, faktor logistik dalam bentuk persempadanan semula kawasan pilihan raya, dan kuasa manipulatif kerajaan melalui media massa. Pendekatan-pendekatan yang digunakan adalah selari dengan bentuk pemikiran sebahagian besar pengundi yang bersifat konservatif. Pengundi yang bersifat konservatif lebih memihak kepada *tradisi* dan konsep *tradisi* inilah yang memainkan peranan yang penting membantu memenangkan BN dalam pilihan raya ini khususnya di Terengganu. *Tradisi* selalunya dikaitkan dengan suatu unsur yang berterusan yang membantu mewujudkan *kestabilan* masyarakat (termasuk sistem politik). Rujukan kepada tradisi sebagai faktor terpenting dalam melahirkan kestabilan adalah selari dengan sebahagian besar pengundi (khususnya pengundi Melayu luar bandar) yang masih boleh disifatkan sebagai *tradisional* dan *konservatif*. Keupayaan kerajaan BN dalam mengekalkan status "kestabilan" (baca konservatisme) pengundi dan dalam saat yang sama meneruskan proses pemodenan (yang melibatkan perubahan) yang akan menentukan kejayaannya di dalam pilihan raya umum yang akan datang."

Sebelum itu, Wan Abdul Rahman memperincikan apa yang disebut struktur BN yang amat kemas dan teratur. Bilik gerakan pilihan raya negeri dipenuhi dengan papan-

papan carta yang mempunyai maklumat yang kemaskini bagi mengikuti pergerakan *harian* pengundi-pengundi di semua kawasan parlimen dan negeri. Pergerakan atau perubahan pelakuan pengundi diikuti secara halusi dan terperinci sekali. Bilik gerakan menggunakan tiga warna untuk tujuan ini, iaitu merah, kuning dan hijau. Warna merah menunjukkan bahawa satu-satu kawasan itu berada dalam keadaan bahaya. Ini bermakna sekiranya pilihan raya dia-dakan pada hari berkenaan, besar kemungkinan kawasan berkenaan akan jatuh di tangan pembangkang. Warna kuning pula menunjukkan keadaan tidak begitu serius dan ia boleh diatasi. Akhirnya warna hijau memberi erti bahawa kawasan berkenaan adalah selamat. Apa yang dipamerkan oleh carta-carta itu memberi rujukan tepat apa yang berlaku di *luar* bilik gerakan. Misalnya, bagi kawasan DUN yang dimenangi PAS, ia ditunjukkan berada dalam bahaya (warna merah) sehingga hari pengundian. Apa yang menarik ialah kawasan Parlimen Kuala Terengganu berada dalam keadaan bahaya (merah) sehinggalah *sehari* sebelum pengundian dijalankan, di mana dalam sekelip mata sahaja ia bertukar menjadi selamat. Ia berlaku disebabkan satu perarakan motosikal pemuda-pemuda PAS secara besar-besaran di bandar Kuala Terengganu. Sebahagian besar pengundi bandar termasuklah pengundi Cina yang telah membuat keputusan untuk mengundi PAS mengalih sokongan kepada BN. Calon BN menang dengan kelebihan 3,324 undi.

Semangat 1990 tentunya amat membara sekali, sementalahan pula ia didahului oleh kenangan manis kejayaan PAS dalam pilihan raya kecil Teluk Pasu. Gandingan mantap bersama Semangat 46 menambahkan lagi keyakinan rakyat bahawa BN akan diasak mimpi negeri dan igauan buruk. Meskipun ada gosip politik menyatakan kombinasi

Angkatan di Terengganu tidak semantap di Kelantan, namun harapan untuk menjulang kemenangan tetap terserah. (Gosip itu dirasakan ada kebenarannya bila berlaku pertembungan tiga penjuru, antara PAS, BN dan Semangat 46 di Serada).

Gelombang 1990 cukup hebat tetapi masih belum cukup kuat untuk mengulangi kejayaan 1959. Undi popular PAS bersama Semangat 46 meningkat kepada 45.04%, iaitu peningkatan lebih 5.3% dari tahun 1986. PAS yang bertanding 20 kerusi memperolehi 30.49% sementara Semangat 46 meraih sokongan 14.55% di 13 kerusi.

PAS menang lapan kerusi manakala Semangat 46, dua. Bagi kerusi Parlimen, masing-masing satu, iaitu Kuala Terengganu dan Marang. Setiausaha Agung PMS46, Dato' Manan Othman menewaskan Zubir Embong, dengan majoriti 1,880, manakala Timbalan Presiden PAS, Haji Hadi mengalahkan Abdul Rahman Bakar di Marang dengan kelebihan 350 undi. Menurut Ketua Pemuda DAP, Lim Guan Eng, majoriti pengundi Cina di Kuala Terengganu menolak Zubir berdasarkan banyak ucapan Zubir di Parlimen yang menyentuh sensitiviti masyarakat Tionghua. Yusof Noor yang berpindah ke Besut menghadapi ujian getir apabila hanya menang dengan majoriti tipis, 994 undi. Kerusi DUN yang dimenangi PAS ialah Jertih (majoriti 597), Jabi (1,036), Bandar (726), Batu Burok (984), Wakaf Mempelam (1,163), Bukit Payong (17), Ru Rendang (853) dan Manir (423). Sementara Semangat 46 berjaya di Tanggul (majoriti 16) dan Bukit Tunggal (237).

Ini bermakna PAS gagal tahun 1978, kemudiannya meningkatkan perolehan undi dan jumlah kerusi pada 1982, seterusnya merosot pada tahun 1986 dan kembali berjaya semula pada 1990. Berdasarkan fakta ini, ada pihak

meramalkan Angkatan akan kecundang pada tahun 1995. Bagaimanapun jangkaan itu ternyata meleset. Biarpun berhadapan dengan tentangan BN yang cukup hebat, undi popular Angkatan tidak berganjak jauh, iaitu 44.43%, hanya merosot 0.61%. Jumlah kerusi PAS hanya kurang satu, tetapi Semangat 46 gagal mempertahankan semua kerusi yang dimenanginya dahulu. Namun, banyak pihak mengesali tentang apa yang berlaku di Rantau Abang dan Sura apabila kedua-dua kertas pencalonan PAS ditolak kerana masalah teknikal.

Biarpun harapan penyokong Angkatan begitu tinggi untuk melakukan kejutan di Terengganu tetapi bagi mereka yang mengikuti perkembangan politik Terengganu, isu dan senario politik 1990 - 1995 nyata tidak menyebelahi pembangkang. Beberapa orang pemimpin PAS Terengganu yang ditemui, lama sebelum pilihan raya 1995, menyatakan: "Sudah cukup hebat kalau kita dapat mempertahankan kemenangan 1990."

Saya sendiri merasakan bahawa pilihan raya 1995 adalah untuk memberikan asas yang lebih kuat kepada undi popular pembangkang sebanyak 45% dan kemenangan 10 kerusi pada tahun 1990. Sekiranya PAS dan Semangat 46 berjaya mengekalkan prestasi 1990, ini bermakna mereka mempunyai momentum yang cukup bertenaga untuk berhadapan dengan BN pada tahun 2000 nanti.

Pengalaman di Kelantan juga menunjukkan ciri-ciri yang seakan-akan sama dengan apa yang berlaku di Terengganu. Selepas kekalahan teruk (hanya berjaya dua kerusi) di Kelantan pada 1977, PAS bangkit semula pada 1982, iaitu menang 10 kerusi DUN dengan undi popular 46.64%. Pada 1986, jumlah kerusi yang dimenangi PAS tetap terikat pada angka 10, sementara undi popularnya 46.02%, iaitu

hanya merosot 0.62%.

Jika disorot prestasi PAS di Terengganu dalam dua pilihan raya terdekat, 1990 dan 1995, jelas teori pendulum tidak berulang. Malahan kemerosotan PAS di Terengganu pada 1978, khususnya dari segi undi popular ada justifikasi-sinya. Lagi pula pada tahun itu terdapat tujuh kerusi majoriti BN kurang daripada 500 undi. Antaranya, di Sura, majoriti BN hanya lapan (8) undi; Jeram, 23; Marang, 68; dan Batu Burok, 74.

Pada tahun 1978, memang benar undi PAS hanya 36.76% tetapi undi BN pula jauh lebih kecil daripada undi 1982 dan 1986. BN hanya memperolehi undi popular 55.82%, tidak jauh bezanya dengan 1995 (55.44%). Ini disebabkan pada tahun 1978 sebuah lagi parti pembangkang, PSRM, bertanding di Terengganu dan ia berjaya meraih 7.17% undi popular. Maknanya tradisi mengundi pembangkang tidak pernah luntur pada masyarakat Terengganu. Dalam politik, tradisi ini amat penting untuk menjakkan peralihan undi pada pilihan raya akan datang.

Misalnya, dalam pilihan raya 1959, iaitu yang pertama diadakan selepas negara mencapai kemerdekaan, PAS berjaya membentuk kerajaan di Terengganu, selain Kelantan. PAS menang 13 dari 24 kerusi DUN, dan empat dari enam kerusi Parlimen. PAS memberi laluan kepada Dato' Onn Jaafar bertanding di kerusi Parlimen Kuala Terengganu Selatan atas tiket Parti Negara, dan menang dengan kelebihan 2,612 undi. Perikatan menang tanpa bertanding di kerusi Parlimen tunggalnya, Kemaman. Calon PAS yang menang di peringkat Parlimen ialah tokoh-tokoh besarnya, seperti Dr Burhanuddin Al-Helmy (Besut), Haji Hassan Adli (Kuala Terengganu Utara), Harun Pilus (Terengganu Tengah) dan Khadijah Sidek (Dungun).

Untuk mengimbas kembali peristiwa bersejarah 20 Jun 1959 itu, rujuk rajah 6. Sebenarnya tarikh penamaan calon dan pilihan raya DUN 1959 tidak diadakan serentak, ia berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Sila rujuk rajah 7. Calon-calon PAS yang menang di peringkat DUN Terengganu ialah Haji Wan Said Mohd Nor (Kuala Besut), Mohd Senari Yunus (Kampung Raja), Husin Jusoh (Ulu Besut), Haji Mohamad Ismail (Besut Tengah), Mohd Daud Abdul Samad (Setiu), Ahmad Azzam (Jeram), Haji Abdul Kadir Mohamad (Kuala Terengganu Tengah), Haji Shafie Long (Binjai), Ismail Yusof (Ulu Terengganu Timur), Omar Abdul Rahman (Ulu Terengganu Barat), Mohd Taib Sabri (Marang), Abu Bakar Mohamad (Sura), dan Wan Omar Shukri Embong (Ulu Dungun). Empat orang calon Parti Negara turut menang, iaitu di Batu Burok, Langkap, Ladang dan Bukit Besar. Ini bermakna Perikatan hanya menang tujuh kerusi termasuk dua orang calon bukan Melayu, iaitu Tan Eng Ann (Bandar) dan Yeo Eng Cho (Chukai).

Keadaan ini bertukar pada pilihan raya 1964. Ia bukan perkembangan yang memerlukan kerana usia kerajaan PAS tidak lama - hanya dua tahun empat bulan sepuluh hari - apabila lulusnya undi tidak percaya terhadap kerajaan negeri pada 30 Oktober 1961. Perikatan menang 21 kerusi DUN, manakala PAS hanya tiga. Di peringkat Parlimen, PAS hanya berjaya mempertahankan Besut, dengan majoriti tipis, 136 undi. Seterusnya PAS berjaya membuat kejutan pada 1969. Perikatan menang tipis, dengan kelebihan dua kerusi sahaja; PAS, 11 dan Perikatan, 13. Namun begitu jumlah undi yang diterima PAS melebihi Perikatan. Rujuk rajah 8 untuk mengikuti perkembangan menarik ini.

Kembali pada keputusan 1995; proses persempadan kawasan pilihan raya yang antara lain menjadi faktor

utama kekalahan teruk PAS di Terengganu pada 1986 nam-paknya tidak berulang pada tahun 1995. Selalunya pada pilihan raya pertama selepas persempadanan semula ini jumlah kerusi yang dimenangi PAS Terengganu akan merosot. Itulah yang dialami pada 1978 (kalah semua kerusi) dan 1986 (hanya dapat mempertahankan dua dari lima kerusi). Kedudukan itu kembali meningkat jika dirujuk keputusan pilihan raya berikutnya, iaitu menang lima kerusi pada 1982 dan menguasai sepuluh kerusi, bersama Sementara 46, pada 1990.

Atas faktor itu, tidak mustahil, dalam pilihan raya kedua selepas proses persempadanan semula ini, iaitu dalam pilihan raya akan datang, PAS Terengganu akan mengulangi kejayaan Kelantan.

Menurut pemerhati politik, antara faktor PAS Terengganu gagal menguasai Terengganu - selain faktor kekuatan BN yang sedia maklum - ialah kemenangan dua orang calon BN secara tanpa bertanding di Sura dan Rantau Abang. Kesan psikologi kepada seluruh jentera parti dan sokongan awal pengundi atas pagar tidak boleh dinafikan. Keyakinan mereka bahawa Angkatan mampu menerajui Terengganu terjejas dengan teruk sekali.

Dalam suasana kempen untuk menguasai kerajaan negeri dan kecenderungan pengundi yang jelas memihak kepada Angkatan, kesalahan teknikal yang kecil tetapi mempunyai impak yang cukup hebat dan dahsyat seumpama itu harus menjadi pengajaran yang kekal abadi terpahat kepada setiap pendokong parti.

Bayangkan, bagi kerusi Parlimen Dungun, calon PAS, Haji Mustaffa Ali yang tewas dengan majoriti 1,122 undi. Sedangkan majoriti BN bagi dua kerusi DUN di bawah Dungun, iaitu di Bukit Besi dan Paka ialah 1,819 undi. Me-

ngikut sumber, Haji Mustaffa Ali menang di DUN Sura, Rantau Abang dan Paka.

Berbeza dengan Kedah, Angkatan dapat menguasai Terengganu jika kerusi-kerusi yang dimenangi BN dengan majoriti kurang seribu undi dapat ditawan oleh Angkatan. Untuk berjaya di Kedah, PAS terpaksa menguasai kerusi-kerusi DUN yang kini kalah dalam margin 3,000 hingga 5,000 undi! Rujuk rajah 4 untuk melihat kedudukan kerusi DUN Terengganu yang menjadi perebutan sengit. Saya kelaskan kerusi itu berdasarkan majoriti kemenangan dan kekalahan calon-calon PAS/Semangat 46 yang bertanding.

Sekurang-kurangnya sebanyak 16 kerusi yang menjadi saingan sengit antara Angkatan dan BN. Ini tidak termasuk DUN Sura dan Rantau Abang yang dimenangi BN tanpa bertanding, sedangkan calon PAS bagi kawasan Parlimen "menang" di situ. Ia menjadikan jumlah kerusi DUN yang terbabit ialah 18 kerusi. Sekiranya 18 kerusi itu dapat dikuasai dalam pilihan raya akan datang, Angkatan akan mendapat majoriti mudah (DUN Terengganu mempunyai 32 kerusi) yang membolehkannya mentadbir kerajaan negeri Terengganu, insya-Allah.

"Walaupun pengundi atas pagar di Terengganu tidak seramai di Kedah, namun yang penting ialah ketokohan calon yang bertanding, yang dilihat dapat bersama rakyat serta tidak mengamalkan politik konfrantasi. Personaliti calon PAS diperhatikan umum. Lihat saja kemenangan PAS di kawasan baru di Teluk Pasu, Tepuh dan Alur Limbat," ujar seorang pemerhati politik, ketika dihubungi di Kota Bharu.

Beliau mengemukakan fenomena Teluk Pasu sebagai petanda jelas pengundi juga menilai ketokohan calon. Dalam pilihan raya 1986, calon BN, Ismail Yusof mengalah-

kan calon PAS, Mahmood Sulaiman, dengan kelebihan 776 undi. Ismail memperolehi 3,587 (56.06%) manakala Mahmood mendapat 2,811 undi (43.94%). Ekoran kematian Ismail, pilihan kecil diadakan pada 23 Jun 1989. PAS mengemukakan Pesuruhjaya PAS Terengganu, Ustaz Harun Taib sebagai calonnya. Ustaz Harun menang, dengan majoriti 141 undi. Beliau memperolehi 50.98% undi.

Dalam pilihan raya umum 1990, Teluk Pasu dikira kawasan selamat. Ustaz Harun berpindah balik ke kawasannya di Manir dan menang, dengan majoriti 423 undi. Sebaliknya calon PAS di Teluk Pasu, yang juga Ketua Ulama PAS Trengganu, Ustaz Awang Abu Bakar tewas kepada calon BN, Ustaz Abdul Rahman Mohd, dengan perbezaan undi sebanyak 631. Abdul Rahman adalah calon BN yang tewas kepada Ustaz Harun pada 1989. Pada tahun 1995, PAS memilih Ismail Mamat sebagai calon, juga menentang Abdul Rahman Mohd. Pendekatan Ismail di dalam kempennya menarik minat pengundi. Beliau mengelak pendekatan konfrontasi yang memisahkan calon dengan pengundi. Keputusannya Ismail menang dengan kelebihan 137 undi.

"Saya berpendapat kemenangan Ustaz Harun pada tahun 1989, dan juga kemenangan Ismail Mamat dalam pilihan raya lalu, antara lain, disebabkan oleh ketokohan calon PAS yang mudah mendekati pengundi. Mungkin kelemahan Ustaz Awang Bakar terletak pada pendekatan politiknya yang dikatakan agak keras," tambah pemerhati politik yang pernah menghasilkan buku tentang politik Terengganu itu.

"PAS Terengganu juga harus mengkaji dengan lebih teliti kekalahan calon PAS di Jertih, dengan majoriti hampir seribu undi dan kekalahan tipis di Jabi. Dan kesilapan teknikal di Sura dan Rantau Abang adalah pengajaran pahit

yang mesti ditebus dengan gerak kerja lebih tekun, teliti, bijaksana, dan berhemat," tambahnya dengan penuh yakin.

Besut yang selama ini dianggap pintu masuk untuk melebarkan kemenangan Angkatan di Kelantan tidak menunjukkan prestasi yang diharapkan. Untuk menawan Terengganu, Angkatan harus menguasai keempat-empat kerusi DUN di bawah Parlimen Besut, yang kini semuanya dimenangi BN. Dalam pilihan raya 1990, PAS memenangi kerusi Jertih, dengan majoriti 597 undi. Walaupun tewas di ketiga-tiga kerusi lainnya, majoriti kemenangan BN adalah di bawah paras 600 undi, iaitu Kuala Besut (263 undi), Kampung Raja (340) dan Hulu Besut (514). Bagaimanapun melalui pilihan raya 1995, PAS gagal mempertahankan Jertih dan majoriti kemenangan BN terus meningkat: Kuala Besut (811 undi), Kampung Raja (1,693), Jertih (916) dan Hulu Besut (821).

"Tidak mustahil PAS Besut dilanda masalah dalaman, sementara Umno Besut semakin mantap dengan kepulan Dr Yusof Noor, dan pengaruh Parti Melayu Semangat 46 kian pudar," rungut seorang penyokong Angkatan. Beliau bimbang usia persefahaman antara PMS46 dan PAS tidak panjang di Terengganu. "Hubungan PAS dan Semangat 46 di Terengganu lebih mudah retak daripada menjadi lebih akrab," dakwanya lagi. Kegagalan PMS46 mempertahankan kerusi Bukit Tunggal dan Ajil adalah tamparan hebat buat pemimpin-pemimpinnya dan menjadikan kuasa tawar-menawar dengan PAS semakin merosot. PMS46 harus bersedia memberi laluan kepada PAS di beberapa kerusi yang ditandinginya dalam pilihan raya 1995, termasuk kerusi-kerusi Parlimen.

Pemimpin utama PMS46 Terengganu seperti Tengku Sri Paduka Raja dan Ibrahim Azmi Hassan perlu mengatur

strategi baru bagi memastikan parti Melayu itu tetap mempunyai pengaruh dalam politik Terengganu. Selain itu, Manan Othman dan Ahmad Shabery Chik, walaupun lebih tertumpu di peringkat pusat, harus bersama-sama mempertingkatkan imej PMS46 di Terengganu. Jika tidak, kemungkinan ramai penyokong PAS di peringkat akar umbi akan mempersoalkan secara terbuka kewibawaan PMS46.

Tahun	% Undi PAS	% Undi S46	% Undi BN
1978	36.76	-	55.82
1982	40.89	-	56.67
1986	39.73	-	60.08
1990	30.49	4.55	54.24
1995	30.55	13.88	55.44

Rajah 1: Peratusan undi popular BN, PAS dan Semangat 46 bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu 1978 - 1995.

Tahun	Majoriti Bawah 1000			
	Kerusi PAS/S46	Kerusi BN	Kerusi PAS/S46	Kerusi DUN
1978	0	7	-	28
1982	5	7	5	28
1986	2	9	2	32
1990	10	7	8	32

Rajah 2: Jumlah kerusi dimenangi PAS/S46 dan jumlah kerusi yang majoriti kemenangan kurang daripada 1,000 undi.

HARAPAN CERAH PAS DI TERENGGANU

Bil.	DUN	1990		1995	
		Parti	% Undi	Parti	% Undi
1.	Kuala Besut	PAS	48.19	PAS	45.09
2.	Kampong Raja	S46	47.90	S46	40.70
3.	Jertih	PAS	53.65	PAS	44.65
4.	Hulu Besut	PAS	46.68	PAS	45.18
5.	Jabi	PAS	57.02	PAS	49.84
6.	Tepuh	PAS	44.14	PAS	51.75
7.	Teluk Pasu	PAS	46.35	PAS	50.72
8.	Bukit Tunggal	S46	51.81	S46	47.13
9.	Bandar	PAS	45.65	PAS	44.38
10.	Batu Burok	PAS	54.01	PAS	52.49
11.	W. Mempelam	PAS	54.52	PAS	54.80
12.	Serada	PAS	43.55	PAS	51.24
13.	Bukit Payong	PAS	50.10	PAS	49.15
14.	Ru Rendong	PAS	54.93	PAS	56.24
15.	Binjai	PAS	46.04	PAS	44.71
16.	Manir	PAS	52.94	PAS	52.33
17.	Kuala Berang	PAS	41.00	PAS	44.26
18.	Tanggul	S46	50.12	S46	38.26
19.	Merchang	PAS	48.98	S46	36.76
20.	Sura	PAS	44.59	1.b.	
21.	Paka	S46	42.88	S46	48.29
22.	Chukai	S46	41.61	S46	39.23

Rajah 3: Perbandingan peratusan undi yang diperolehi calon-calon PAS dan S46 berdasarkan kawasan DUN yang memperolehi undi lebih 40 peratus pada 1990. Bagi kawasan Batu Rakit, pada 1990 undi yang diperolehi S46 ialah 39.11% tetapi pada 1995, calon PAS memperolehi 46.15%. Beberapa kawasan berubah nama, seperti Serada menjadi Alur Limbat, Binjai kepada Pengkalan Berangan, Tanggul kepada Ajil.

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Bil.	Kumpulan	Kawasan	Majoriti PAS	Majoriti BN
1.	A+	Ru Rendang	1394	
2.	A+	W. Mempelam	1119	
3.	A	Batu Burok	641	
4.	A	Manir	365	
5.	A	Tepuh	344	
6.	A	Alur Limbat	269	
7.	A	Teluk Pasu	137	
8.	B	Jabi	27	
9.	B	Bukit Payong		165
10.	B	Paka		318
11.	B	Bukit Tunggal		387
12.	B	Batu Rakit		530
13.	B	Kuala Besut		811
14.	B	Hulu Besut		821
15.	B	Kuala Berang		886
16.	B	Jertih		916

Rajah 4: Kedudukan sebahagian kerusi DUN Terengganu berdasarkan majoriti kemenangan calon-calon yang bertanding. Klasifikasi kumpulan dibuat berdasarkan prestasi PAS.

Tahun	Parlimen		DUN	
	Per/BN	PAS	Per/BN	PAS
1959	37.4	47.6	35.2	36.9
1964	56.5	32.1	55.2	32.7
1969	50.0	50.0	49.3	49.4
1974	64.5	-	63.8	-
1978	58.4	38.0	55.8	36.8
1982	57.41	41.36	56.67	40.89
1986	60.19	39.81	60.08	39.73
1990	54.11	21.97	54.21	30.49
1995	-	-	55.44	30.55

Rajah 5: Kedudukan undi popular Perikatan/BN dan PAS bagi kerusi Parlimen dan DUN Terengganu, dari tahun 1959 - 1995. Pada tahun 1959, Parti Negara memperolehi 11.9% (Parlimen) dan 16.3% (DUN); Front Sosialis, 0.9% (P) dan 8.1% (DUN). 1964 - Parti Negara mendapat 6.8% (P) dan 7.5% (DUN); Front Sosialis, 4.6% (P) dan 3.7% (DUN). 1974 - PSRM memperolehi 30.7% (P) dan 28.4% (DUN). 1978 - PSRM, 3.6% (P) dan 7.2% (DUN). Peratusan undi Parlimen 1995 tidak didapati.

## WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Bil	Kawasan	Perikatan	PAS	Negara	F Sosialis
1	Kuala Besut	942	1,303	-	1,058
2	Kampong Raja	677	1,070	305	379
3	Ulu Besut	435	1,528	173	702
4	Besut Tengah	488	1,994	235	-
5	Setiu	611	1,964	80	376
6	Batu Rakit	2,267	514	974	334
7	Kuala Nerus	1,954	1,655	-	-
8	Jeram	1,270	1,776	442	-
9	Langkap	774	685	910	-
10	Batu Burok	948	487	1,315	101
11	K. T. Tengah	678	1,607	1,077	-
12	Binjai	1,874	1,247	629	299
13	Bondar	1,628	710	-	-
14	Ladang	793	944	1,459	178
15	Bukit Besar	1,151	322	1,300	155
16	U. T. Timur	1,072	1,522	-	512
17	U. T. Barat	1,209	1,367	115	812
18	Morang	1,130	2,421	798	95
19	Sura	1,307	1,423	429	229
20	Ulu Dungun	1,228	1,319	23	276
21	Paka Kertih	1,382	815	301	-
22	Kemaman U.	1,488	849	217	136
23	Chukai	1,521	250	394	474
24	Kemaman S.	1,606	726	1,370	288

Rajah 6: Kedudukan jumlah undi yang diperolehi oleh calon-calon Perikatan, PAS, Parti Negara dan Front Sosialis dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri Terengganu, 1959. (K.T.= Kuala Terengganu, U.T.= Ulu Terengganu)

<b>Negeri</b>	<b>Penamaan Calon</b>	<b>Pengundian</b>
Kedah/Perlis	15 April 1959	20 Mei 1959
Melaka	18 April 1959	23 Mei 1959
Perak	22 April 1959	27 Mei 1959
Selangor	25 April 1959	30 Mei 1959
N. Sembilan	28 April 1959	2 Jun 1959
Pulau Pinang	2 Mei 1959	6 Jun 1959
Johor	6 Mei 1959	10 Jun 1959
Pahang	13 Mei 1959	27 Jun 1959
Terengganu	16 Mei 1959	20 Jun 1959
Kelantan	20 Mei 1959	24 Jun 1959

Rajah 7: Tarikh bagi hari penamaan calon dan pengundian pada pilihan raya Dewan-Dewan Undangan Negeri, 1959.

<b>Parti</b>	<b>Undi Parlimen</b>	<b>Undi DUN</b>
Perikatan	63,918 (4)	61,495 (13)
PAS	63,943 (2)	61,619 (11)
Perbezaan	5	124

Rajah 8: Perbandingan jumlah undi calon-calon PAS dan Perikatan dalam pilihan raya negeri Terengganu pada 1969. Angka dalam kurungan menunjukkan jumlah kerusi yang dimenangi.



# 7

## Keputusan Pilihan Raya Umum DUN Terengganu 1995

N1 Kuala Besut (10,408) M:98.80% C:1.90% L:0.20% 1. Wan Zakaria Rahman (BN) 4,536	2. Idris Mamat (BN) 4,742 M:916 UR:199 JU:8,767, 78.46
2. Dr Ku Hashim Mat (PAS) 3,725 M:811 UR:221 JU:8,482, 81.50%	
N2 Kampong Raja (11,379) M:98.70% C:0.70% L:0.20% L:0.40% 1. Dr Yusof Nor (BN) 5,399	N4 Hulu Besut (10,588) M:98.80% C:1.05% L:0.07% L:0.03% 1. Ab Rahman Kadir (PAS) 3,847
2. Dr Sazali Hassan (S46) 3,706 M:1,693 UR:239 JU:9,344, 82.12%	2. Tuan Yaakob Kadir (BN) 4,668 M:821 UR:204 JU:8,719, 82.35%
N3 Jertih (11,174) M:94.90% C:4.70% L:0.30% L:0.04% 1. Ab Latif Mohamad (PAS) 3,826	N5 Jabi (10,302) M:99.40% C:0.60% 1. Lokman Muda (BN) 4,124 2. Zahari Mohamad (PAS) 4,097 M:27 UR:203 JU:8,424, 81.77%

Berdasarkan *Berita Harian*, 27 April 1995.

M=majoriti UR=undi rosak JU=jumlah undi; peratus mengundi

N6 Permaisuri (11,195)		N14 Bandar (17,119)	
M:99.30% C:0.70%		M:60.05% C:38.30% L:1.10% L:0.10%	
1. Mohd Jidin Shafie (BN) 5,765		1. Wong Foon Meng (BN) 6,970	
2. Abdullah Mt Amin (S46) 3,198		2. Mustafa Ali (PAS) 5,562	
M:2,567 UR:298 JU:9,261; 82.72%		M:1,408 UR:254 JU:12,786; 74.69%	
N7 Langkap (9,143)		N15 Ladang (13,693)	
M:99.90% C:0.03%		M:92.10% C:6.40% L:1.30% L:0.10%	
1. Mamat Ghazalee (BN) 4,814		1. Roslan Awang Chik (BN) 5,775	
2. Alias Zainal (S46) 2,387		2. Zulkifli Chik (S46) 3,850	
M:2,427 UR:286 JU:7,487; 81.89%		3. Ab Rahman Mohd (Bebas) 184	
N8 Batu Rakit (8,511)		M:1,925 UR:298 JU:10,107; 73.81%	
M:99.60% C:0.40%		N16 Batu Burok (16,712)	
1. Dr A Wahab Ngah (BN) 3,709		M:98.70% C:0.90% L:0.40%	
2. Abu Bakar Chik (PAS) 3,129		1. W. Mutalib Embong (PAS) 6,756	
M:530 UR:229 JU:7,117; 83.62%		2. Zuber Embong (BN) 6,115	
M:641 UR:263 JU:12,134; 78.59%			
N9 Tepuh (12,400)		N17 Afur Limbat (13,864)	
M:99.10% C:0.80% L:0.08%		M:96.90% C:3.00% L:0.10%	
1. A Bakar Abdullah (PAS) 5,079		1. Yahaya Alf (PAS) 5,535	
2. Abdullah Said (BN) 4,735		2. Azmi Ahmad (BN) 5,266	
M:344 UR:196 JU:10,010; 80.73%		M:269 UR:266 JU:11,067; 79.83%	
N10 Teluk Pasu (11,492)		N18 Bukit Payong (11,782)	
M:99.90% C:0.03% L:0.03%		M:99.70% C:0.20% L:0.10%	
1. Ismail Mamat (PAS) 4,820		1. Dr Latif Awang (BN) 4,928	
2. A Rahman Muhd (BN) 4,683		2. Baharudin Mohd (PAS) 4,763	
M:137 UR:164 JU:9,667; 84.12%		M:165 UR:186 JU:9,877; 83.83%	
N11 Seberang Takir (9,293)		N19 Ru Rendang (14,056)	
M:71.60% C:0.10% L:28.00%		M:99.10% C:0.80% L:0.06% L:0.70%	
1. Ab Rashid Ngah (BN) 5,158		1. Abd Hadi Awang (PAS) 6,285	
2. Ibrahim Azmi (S46) 2,094		2. Abu Bakar Osman (BN) 4,891	
M:3,064 UR:288 JU:7,540; 81.14%		M:1,394 UR:172 JU:11,348; 80.17%	
N12 Bukit Tunggal (8,683)		N20 Pengkalan Berangan (14,417)	
M:99.40% C:0.50% O:0.06%		M:94.70% C:5.10% L:0.10%	
1. Muhd Abu Bakar (BN) 3,567		1. Muda Mamat (BN) 6,444	
2. Adam Ali (S46) 3,180		2. Dr Muhd Abdullah (PAS) 5,212	
M:387 UR:208 JU:6,995; 80.10%		M:1,232 UR:258 JU:11,914; 82.64%	
N13 Wakaf Mempelam (15,059)		N21 Telemung (7,972)	
M:99.50% C:0.40% L:0.03%		M:99.90% C:0.03 L:0.40	
1. A Wahid Endut (PAS) 6,379		1. Tg. Putera Awang (BN) 4,369	
2. Sulong Mamat (BN) 5,260		2. Aziz Ahmad (S46) 2,133	
M:1,119 UR:236 JU:11,875; 78.86%		3. Majid Sulaiman (Bebas) 147	
M:2236 UR:203 JU:6852; 83.40%			

**KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM DUN TERENGGANU 1995**

<b>N22 Manir (9,565)</b> M:99.40% C:0.60%		<b>N28 Paka (11,284)</b> M:95.20% C:5.00% L:0.20%
<b>1. Dr Harun Taib (PAS)</b> 4,091		<b>1. S Omar Muhamad (BN)</b> 4,817
<b>2. Samsudin Sulong (BN)</b> 3,726		<b>2. Sulong Mahmood (S46)</b> 4,499
M:365 UR:153 JU:7,970; 83.32%		M:318 UR:212 JU:9,528; 84.44%
 <b>N23 Kuala Berang (9,489)</b> M:98.50% C:1.20% L:0.20%		 <b>N29 Kemasik (9,684)</b> M:91.50% C:2.30% L:0.60% L:0.10%
<b>1. Ibrahim Yusof (BN)</b> 4,031		<b>1. Mohd Ali (BN)</b> 5,256
<b>2. Mahyudin Rashid (PAS)</b> 3,415		<b>2. Yahya Ab Rahman (S46)</b> 2,444
M:886 UR:163 JU:7,879; 83.03%		M:2,812 UR:185 JU:7,885; 81.42%
 <b>N24 Ajil (10,053)</b> M:98.70% C:1.20% L:0.03%		 <b>N30 Kijal (9,301)</b> M:97.10% UR:174 JU:7,792; 83.78%
<b>1. Othman Daud (BN)</b> 5,166		<b>1. Ahmad Said (BN)</b> 4,433
<b>2. Tg Ibrahim Ismail (S46)</b> 3,201		<b>2. Awang Omar (PAS)</b> 3,143
M:1,965 UR:228 JU:8,595; 85.90%		<b>3. Jamalia Awang (Bebas)</b> 42
 <b>N25 Bukit Besi (7,854)</b> M:98.70% C:0.90% L:0.40%		M:1,290 UR:174 JU:7,792; 83.78%
<b>1. Awang Jabar (BN)</b> 3,834		 <b>N31 Chukai (15,984)</b>
<b>2. Tg Asri Hussein (S46)</b> 2,333		M:78.90% C:19.30% L:1.50% L:0.20%
M:1,501 UR:189 JU:6,356; 80.93%		<b>1. Wan Mokhtar Ahmad (BN)</b> 7,256
 <b>N26 Rantau Panjang (10,033)</b> M:98.6% C:1.1% L:0.2%		<b>2. Dr Alias A Rahman (S46)</b> 4,685
<b>Shafie Daud (BN)</b>		M:2,571 UR 255 JU:12,196; 76.30%
Menang Tanpa Bertanding		 <b>N32 Air Putih (12,271)</b>
 <b>N27 Sura (12,916)</b> M:86.9% C:12.1% L:0.2%		M:92.60% C:3.50% L:2.60% L:1.30%
<b>Aziz Ibrahim (BN)</b>		<b>1. Harun Hassan (BN)</b> 6,069
Menang Tanpa Bertanding		<b>2. Ismail Haron (PAS)</b> 3,420
		M:2,649 UR:314 JU:9,803; 79.89%



# 8

---

## **Di Luar Kelantan, Kedah dan Terengganu: Survival PAS Terancam?**

**K**ekuatan PAS tidak harus tersekat di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis sahaja. Pengaruh PAS boleh menjalar ke seluruh negara dengan memberikan impak politik yang berbeza sekiranya pelbagai usaha yang lebih gigih dan terancang dilaksanakan secara bijaksana, bermula sekarang, dengan memberikan tumpuan kepada dasar dan asas perjuangan, menyantuni kehidupan segenap lapisan masyarakat, serta menampilkkan mutu kepemimpinan berkesan.

Kekuatan tradisi PAS di utara Semenanjung dan Pantai Timur mudah digempur sekiranya tahap pengaruh PAS di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Pahang dan

Perak kekal di takuk lama. Tidak sekadar itu, kota-kota besar khususnya Kuala Lumpur harus mampu diwarnakan oleh penggerak PAS. Dengan menggunakan kemampuan minima, negeri-negeri berkenaan masih dapat dikuasai BN dengan cemerlang. Justeru itu kubu tradisi PAS dapat diserang secara agresif oleh kemampuan dan upaya maksima Umno di seluruh negara. Ini bermakna meningkatkan pengaruh dan kekuatan PAS di luar Kelantan dapat meredakan sedikit operasi BN untuk menawan semula negeri itu. Serangan Umno tidak dapat ditumpukan sepenuhnya ke Kelantan, dan juga Terengganu serta Kedah kerana terpaksa turut memberikan perhatian serius kepada negeri-negeri lain.

Selain itu PAS dapat menawarkan pilihan alternatif buat pengundi yang selama ini, seolah-olah tidak ada pilihan selain terus menyokong BN. Sebahagian mereka mengundi BN bukan disebabkan BN parti terbaik, tetapi kehadiran dan penampilan pembangkang dalam keadaan yang ada, cukup tidak meyakinkan, ditambah dengan momokan dan fitnah media. Meskipun mereka tidak dapat mengalah sokongan secara mendadak kepada pembangkang, sekurang-kurangnya telah terbetik di benak mereka keperluan wujudnya pembangkang untuk mengawasi parti pemerintah. Sesungguhnya amat kerap berlaku, penguasaan kuasa politik yang mutlak akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa yang mutlak juga.

Dalam pilihan raya 1995, di luar Kelantan, Terengganu dan Kedah, tiada seorang pembangkang Melayu pun yang dapat menempah kerusinya di Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Maknanya, semua calon Umno menang, kebanyakannya dengan majoriti yang cukup selesa. Tokoh-tokoh Umno di negeri-negeri berkenaan lebih khuatir ber-

hadapan dengan pemilihan dalaman parti daripada bertembung dengan calon parti pembangkang dalam pilihan raya. Akhir tahun 80-an dulu pernah wujud satu gagasan dalaman Selatan-Selatan, menggabungkan negeri-negeri di selatan tanahair, yang pengaruh PAS di dalamnya lemah, itu Johor, Negeri Sembilan dan Melaka merencanakan program politik secara bersama. Ia digerakkan oleh bekas aktivis PAS, Haji Suhaimi Said, yang kini menyertai Umno. Banyak pihak merasakan, PAS harus ada agenda khusus di negeri-negeri tersebut.

Jika ditinjau pembabitan PAS dalam pilihan raya DUN negeri-negeri selatan Semenanjung, termasuk Selangor, pada tahun 1959, PAS bertanding 18 kerusi daripada 24 di Negeri Sembilan, 17 daripada 28 kerusi di Selangor, 11 daripada 20 kerusi di Melaka, sembilan daripada 32 kerusi di Johor. Sepuluh orang calon PAS Negeri Sembilan hilang wang pertaruhan, dua di Selangor, dan tujuh di Melaka. Tiada calon PAS Melaka yang menerima nasib malang seperti itu.

Dalam pilihan raya 1964, PAS hanya meletakkan tujuh calon di Negeri Sembilan dan Selangor, 12 di Melaka dan 11 di Johor. Daripadanya, sepuluh orang calon PAS Johor hilang wang pertaruhan, sembilan di Melaka, lima di Negeri Sembilan dan dua di Selangor.

Dari segi peratusan undi popular, jelas prestasi PAS pada tahun 1964 merosot berbanding 1959. Negeri Sembilan dan Selangor mencatatkan kejatuhan 8.1% undi, Pahang 8.5% dan Johor 0.2%. PAS Melaka yang memperolehi undi popular 14.4% pada tahun 1959 menurun 9.1% kepada hanya 5.3% pada 1964.

Pilihan raya 1969 menyaksikan kebangkitan PAS yang memberangsangkan. Kewibawaan Perikatan sebagai parti

pemerintah terjejas dengan teruknya hinggakan tidak dapat membentuk kerajaan di beberapa negeri. PAS Selangor mengemukakan 12 calon, berbeza dengan prestasi 1964, tidak seorang pun yang hilang wang pertaruhan. Malah beberapa kawasan memperlihatkan cabaran PAS yang berkesan, antaranya di Tanjung Karang, apabila calon Perikatan hanya menang dengan majoriti 1,634 undi. Begitu juga pencapaian PAS di Jeram dan Sungai Besar. Perolehan undi PAS di Tanjung Karang ialah 42.26%; Jeram, 39.52%; Sungai Besar, 37.85%; Telok Datoh, 37.39%. Undi popular PAS ialah 9.6%, meningkat 6.1% dari tahun 1964, satu pencapaian hampir tiga kali ganda.

Di Negeri Sembilan, PAS meletakkan 11 calon di peringkat DUN, semuanya kalah, dan empat darinya hilang wang pertaruhan. Namun begitu peratusan undi yang diperolehnya lebih tiga kali ganda pilihan raya sebelumnya. Antara kawasan yang mempamerkan saingen PAS ialah Johol; calon PAS memperolehi 35.96% undi.

Undi popular PAS Melaka melonjak kepada 17.0% berbanding 5.3% pada 1964. Manakala undi popular Perikatan merosot mendadak ke tahap di bawah 50 peratus, iaitu 48.1%, kejatuhan 17.1%. DAP yang buat pertama kali bertanding, menang empat kerusi, Kota Timor, Kota Barat, Kota Tengah dan Bukit Rambai. Manakala sebuah lagi parti pembangkang, Gerakan, menang besar di Kota Selatan. Walaupun Parti Rakyat, seperti juga PAS, tidak memperolehi sebarang kerusi, tetapi perolehan undi popularnya, 16.0%, lebih baik dari DAP yang mendapat 12.7%. Pada tahun 1964, Perikatan kalah dua kerusi kepada Front Sosialis. Calon PAS yang menunjukkan pencapaian baik ialah Yusof Sulong di Masjid Tanah (39.44%).

Johor memang membuktikan ia sebuah negeri yang sukar ditembusi pembangkang. Di kala negeri-negeri lain menunjukkan prestasi Perikatan yang merosot dengan ketara sekali, undi popular Perikatan di Johor tetap besar, iaitu 65.0%, hanya turun 2.6%. Sepuluh orang calon PAS bertanding, empat darinya hilang wang pertaruhan. DAP yang mengemukakan 12 calon memperolehi kerusi tunggalnya di Gunong Lambak. Pada 1964, semua calon Perikatan menang. Undi popular DAP sebanyak 17.5%, dilihat sebagai menggantikan peranan Front Sosialis yang memperolehi 23.7% undi pada pilihan raya sebelumnya. Pencaapaian terbaik PAS Johor ialah di N17 Rengit, apabila calonnya mengaut 36.15% undi.

Pilihan raya 1978 adalah kayu ukur pengaruh PAS yang sebenar selepas dipecat dari BN. Ia juga penting bagi survival PAS ekoran kekalahan teruknya di Kelantan pada 1 Mac 1978. Ada pihak menjangkakan PAS akan berkubur selepas hanya menang dua kerusi "batu nisan" di Kelantan. Walaupun prestasi PAS tidaklah membanggakan tetapi tidak pula mengecewakan. Akar pengaruh dan asas kekuatan PAS sudah sebatи di sanubari penyokong-penyokongnya. Mereka tetap setia mendokong Parti Islam itu.

Di Selangor, untuk pilihan raya DUN, undi popular PAS, berbanding 1969, meningkat 5.06% kepada 14.66%. Sebaliknya undi DAP merosot lebih 14% selepas menang besar tahun 1969. Pada pilihan raya itu DAP dan Gerakan memperolehi 14 kerusi, dan seorang calon bebas menang di N24 Sungai Rawang. Perikatan hanya menang 13 kerusi, menyebabkan tiada parti yang dapat membentuk kerajaan negeri. Pemerhati politik menyifatkan kedudukan kerusi yang kritikal itu menjadi punca utama tercetusnya tragedi

13 Mei. Manakala undi BN lebih tinggi dua peratus dari perolehannya pada 1974. Untuk tujuan rekod, dirakamkan kembali kedudukan undi dan jumlah kerusi yang diperolehi oleh parti-parti yang bertanding di Selangor, dalam pilihan raya 1969, rujuk rajah 6.

Pengaruh PAS agak merosot di Negeri Sembilan apabila mencatatkan undi popular 7.23% dengan jumlah undi 11,523. BN mendapat sokongan 94,616 pengundi. PAS meletakkan 12 orang calon, semuanya tewas, termasuk empat darinya hilang wang pertaruhan. Hanya tiga orang calon memperolehi undi lebih 1,500 iaitu calon-calon di Kota (1,681 undi), Gemencheh (1,847 undi) dan Gemas (1,582 undi). Kedudukan PAS Melaka tidak jauh bezanya dengan mengutip 16,128 undi, iaitu 12.92% dari 14 orang calonnya. Sementara DAP menunjukkan prestasi cemerlang apabila menawan empat kerusi, iaitu Tranquerah, Kubu, Durian Daun dan Bandar Hilir. Undi popularnya melonjak naik dengan begitu hebat, 31.36%. Calon PAS bagi N14 Sungai Udang memperlihatkan perolehan undi yang mengejutkan apabila mendapat 48.84%, hanya tewas 143 undi kepada calon BN, Abdul Rashid Othman, yang memperolehi 3,141 undi.

BN Johor semakin memantapkan kedudukannya dengan undi popular 73.72%; lima calonnya menang tanpa bertanding. PAS meletakkan 23 calon berbanding 32 kerusi DUN Johor, 14 darinya hilang wang pertaruhan. DAP yang meletakkan 11 calon menang di Bandar Keluang, dengan majoriti 3,737 undi. Pencapaian terbaik PAS ialah di Endau, dengan peratusan undi 20.18.

Pilihan raya 1982 adalah pilihan raya pertama menguji kewibawaan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, yang mula menerajui negara pada Julai 1981. Undi popular

BN Selangor pada 1982 menambah hampir lapan peratus, DAP meningkat tiga peratus, malangnya undi PAS merosot hampir enam peratus. PAS menghantar 23 calon, sementara DAP, 18. DAP hanya menang satu kerusi, N23 Bandar Kelang. Empat orang calon PAS memperolehi undi lebih 20 peratus, iaitu di Sungai Ayer Tawar (21.23%), Sungai Besar (23.58%), Sungai Panjang (22.83%) dan Sungai Burong (27.15%).

Satu perkembangan menarik berlaku di N33 Batu Laut, apabila calon bebas, Abdul Jabar Mohd Yusof mengekalkan kerusi itu bagi penggal ketiga berturut-turut. Pada tahun 1974, Abdul Jabar mengalahkan calon BN, Samad Maharudin, dengan kelebihan 1,230 undi. Majoritinya meningkat kepada 1,530 undi dalam pilihan raya 1978 apabila menewaskan calon BN, Md Yusof Dahlani. Percubaan BN untuk merampas Batu Laut turut gagal pada 1982, dengan kekurangan 256 undi. Calon PAS yang ikut serta bertanding, Paujan Hj Siraj hilang wang pertaruhan, dengan hanya disokong 294 pengundi. Dalam pilihan raya 1986, tindakan Abdul Jabar menyertai parti baru, Nasma, ternyata strategi politik yang silap. Pengundi Batu Laut mengetepikannya, apabila calon BN, Sairon Abdul Hamid menewaskannya dengan majoriti selesa 4,984 undi. Dari segi peratusan, undi Abdul Jabar hanya 20.59%.

PAS mencuba nasib di 11 kerusi DUN Negeri Sembilan, lima darinya hilang wang pertaruhan. BN menang dua kerusi tanpa bertanding, iaitu di Jempol dan Linggi. Daripada 20 kerusi yang dimenangi BN secara bertanding, tujuh darinya menang mudah, dengan perolehan lebih 80 peratus undi di setiap kerusi tersebut. Semua calon PAS memperolehi undi di bawah 20 peratus. Pencapaian terbaik dicatatkan di Gemas, 17.17%, manakala calon PAS yang

paling malang di Gemencheh, hanya memperolehi 3.53%. DAP yang meletakkan 17 calon, menang dua kerusi, N9 Rasah dan N10 Rahang.

Pencapaian BN Melaka meningkat hampir 15 peratus berbanding tahun 1978, DAP dan PAS merosot sepuluh dan lima peratus tiap satu. Lima calon PAS hilang wang pertaruhan sementara enam lagi memperolehi undi antara 931 hingga 1,923. DAP hilang dua kerusi apabila hanya dapat mempertahankan Kubu (majoriti 1,897) dan Durian Daun (majoriti 607). Pilihan raya 1982 bukan saja malang untuk DAP tetapi lebih terasa oleh Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang yang turut tewas kepada calon BN, Gan Boon Leong, di Bandar Hilir, dengan perbezaan 3,063 undi. Pada tahun 1978, Kit Siang menang, dengan majoriti 4,649 di N18 Kubu, kerusi yang diwarisinya sejak 1974.

Walaupun undi popular BN Johor merosot tetapi masih di atas paras 70 peratus. Semua calon pembangkang tewas. PAS tersekut pada perolehan undi 2.56%, dari 11 orang calonnya. Enam darinya hilang wang pertaruhan. Pencapaian terburuk PAS dikesan di Bekok apabila wakilnya hanya mendapat 129 undi, tidak sampai satu peratus (0.95%) dari jumlah undi sah. Calon N7 Endau, Ibrahim Abdullah adalah calon terbaik PAS yang berjaya memungut 1,540 undi atas 18.55%. Selain itu, hanya seorang lagi calon PAS melepassi garis 15%, iaitu di Simpang Renggam, dengan perolehan 15.54%.

Enam orang calon BN menang tanpa bertanding. Pencapaian terbaik BN ialah di N27 Benut apabila calonnya, Hasmoni Hj Salim memperolehi 86.95% daripada undi sah. DAP memberi saingan sengit di Kulai. Calonnya, Sing Sing Kwee dikecewakan dengan perbezaan 761 undi. Sementara di kubu kuatnya, Bandar Kluang, kerusi yang dimenangi

tahun 1978, calon DAP hanya memperolehi 44.05% undi. Empat lagi calonnya, memperolehi undi lebih 30 peratus. PSRM hanya meletakkan tiga orang calon, tetapi berbanding PAS, ia lebih bernasib baik. Ketiga-tiga calonnya memperolehi undi lebih 20 peratus, iaitu Hassan Abdul Karim (N30 Skudai, 22.78%), Gurdial Nijar Singh (N31 Tiram, 21.91%) dan Abdul Razak Ahmad (N32 Tanjung Petri, 35.27%).

Menjelang pilihan raya 1986, semangat dan harapan parti-parti pembangkang begitu tinggi, yang akhirnya menubuhkan pakatan kerjasama pembangkang, Harakah Keadilan Rakyat (HAK). Pelbagai isu tercetus, yang namanya lebih memihak kepada pembangkang. Di pihak PAS, Dato' Asri tidak lagi memimpin parti Islam itu. PAS mengalami "revolusi dalaman" dengan kepemimpinan berwajah baru yang berazam mengamalkan konsep kepemimpinan ulama. Seorang ulama muda, Ustaz Abdul Hadi Awang menjadi pujaan ahli-ahli PAS. Sambutan pengundi Cina terhadap PAS agak luar biasa hebatnya. Ceramah-ceramah PAS begitu diminati. Hamim, parti serpihan PAS, pimpinan Asri tidak begitu dihiraukan.

Dr Hussain Mohamed, dalam bukunya *Menibangun Demokrasi: Pilihan Raya di Malaysia* merumuskan beberapa peristiwa politik yang mempunyai kaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan dalam pilihan raya 1986. Antaranya ialah krisis pindaan Perlembagaan, skandal BMF, peristiwa Memali, krisis 20 bulan MCA sejak Jun 1983, kes pemelukan Islam seorang gadis Cina di Kelantan, krisis politik Sabah, perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri Musa Hitam, kemelesetan ekonomi dan projek mewah, penularan politik wang dan pergeseran dalam Umno, penangkapan Presiden MCA Tan Koon Swan, ancaman dan permogokan

tuntutan gaji Ceupacs, tuntutan pembahagian kerusi pilihan raya Gerakan, krisis politik di Sarawak, kemasukan Kassim Ahmad ke dalam Umno dan teori hadisnya, pelaburan wang dari KWSP, pembinaan kediaman Perdana Menteri - Seri Perdana, pembabitan Menteri Kewangan Daim Zainuddin dengan pembelian saham UMBC, peristiwa kematian politik Lubuk Merbau, kemenangan DAP dalam pilihan raya kecil Seremban (1983) dan isu Bukit Cina, usaha debat Umno - PAS, penubuhan Hamim, kes dua imam serta isu kafir-mengkafir, penubuhan HAK, pengaruh PAS dan CCC di kalangan bukan Islam, gagasan dan cita-cita penubuhan negara Islam di Malaysia.

Menjelang hari pembuangan undi, PAS yang mula-nya dalam posisi ofensif bertukar kepada kedudukan defensif. Hubungannya dengan masyarakat Cina, idea negara Islamnya, kenyataan PAS sebagai Parti Allah, ura-ura PAS mahu menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu, adalah antara isu yang dieksplorit secukupnya oleh media milik Umno untuk meletakkan PAS dalam keadaan tertekan. Sarjana politik, Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif menyentuh hal ini secara jelas:

"Keazaman dan keghairahan PAS untuk menjadikan isu 'Negara Islam' sebagai satu isu nasional yang menyeluruh dan terpenting lahir dari ekoran, secara luarannya, betapa besarnya sambutan yang diberikan kepada ceramah PAS. Kesungguhan PAS dalam hal ini boleh dilihat dari kesanggupannya mengadakan hubungan dengan masyarakat bukan Islam khususnya Cina melalui Jawatankuasa Perundingan Cina (CCC). Untuk menjadikan CCC ini sebagai satu mekanisme pilihan raya adalah satu anggapan yang salah. Adalah juga tidak mungkin untuk menaruh harapan bahawa CCC akan berperanan menyekat pengundi-pe-

ngundi Cina dan sekali gus menafikan sokongan pengundi Cina kepada DAP, MCA dan Gerakan. CCC mungkin dapat dilihat sebagai satu usaha dakwah PAS dalam usaha memberi penerangan kepada masyarakat tentang Negara Islam. Ini berdasarkan hakikat selama ini masyarakat Cina amat sangsi dengan gagasan Negara Islam. Aspek inilah yang mendorong DAP untuk tidak bekerjasama dengan barisan pembangkang yang dipelopori PAS.

"Di samping mempunyai struktur organisasi pilihan raya yang kemas dan sokongan kewangan yang kukuh, BN juga mempunyai kekuatan manipulatif melalui penguasaan media massa dan isu yang paling menonjol ialah "Parti Allah". Akhbar *NST*, 25 Julai 1986 mula-mula mengeENGahkan isu ini. Di muka surat tiga, ia menyiaran gambar papan tanda PAS dengan tulisannya yang berbunyi: "Kami menyokong Parti Allah - PAS Cawangan Kampung Kerinchchi, Lembah Pantai". Pada halaman yang sama, akhbar tersebut menyiaran komen salah seorang penduduk di kawasan berkenaan yang berkata: "Tak terfikir bagi saya bahawa Allah adalah seorang ahli politik." Pentafsiran yang bersifat literal berkaitan dengan isu ini telah dieksplorasi semaksima mungkin oleh parti pemerintah melalui media massa. Perlu ditekankan bahawa pentafsiran secara literal adalah secocok dengan tahap pemikiran sebahagian besar pengundi Melayu luar bandar yang bersifat konservatif."

Hasilnya, PAS yang meletakkan 98 calon Parlimen, iaitu yang terbanyak sepanjang menyertai pilihan raya, hanya menang satu kerusi. Di peringkat DUN, PAS menghan tar 265 orang calon, dan hanya menang 10 kerusi di Kelantan, tiga di Kedah dan dua di Terengganu.

Dari pada 42 kerusi yang ditawarkan oleh DUN Selangor, 28 calon PAS bertanding, sepuluh darinya hilang

wang pertaruhan. Nasma diwakili oleh enam orang calonnya. Walaupun ada persefahaman politik, PAS dan Nasma bertembung di tiga kawasan. Sementara DAP menurunkan 18 orang calonnya, lima darinya menang. Walaupun peratusan undi PAS meningkat lebih dua peratus, hanya dua kawasan mencatatkan perolehan undi lebih 30%, iaitu Sungai Burung (31.62%) dan Dengkil (32.70%). Lapan calon PAS tidak berjaya melepas garis sepuluh peratus undi. Di Negeri Sembilan tiada perubahan undi yang ketara. DAP menang lima kerusi. PAS yang meletakkan 13 calon memperolehi 5.69% undi, meningkat sedikit daripada pencapaian 1982, 4.74%. Lima orang calonnya hilang wang pertaruhan. Hanya satu kerusi mencatatkan undi melebihi 20 peratus, iaitu Klawang, 23.26%.

Prestasi BN Melaka menurun, daripada 69.77% kepada 62.79%. Dari segi peratusan undi, PAS meningkat hampir empat peratus, manakala DAP lebih dua peratus. DAP menambah satu kerusi, menjadi tiga. PAS yang menurunkan 14 calon (dua darinya, yang bertembung dengan DAP, hilang wang pertaruhan), memastikan enam kerusi yang ditandinginya memberikan undi lebih 20 peratus. Pencapaian terbaik ialah di N17 Serkam, dengan 28.04% undi. Kemenangan DAP di Kubu dan Durian Daun dicapai dengan perolehan undi melebihi 70 peratus.

PAS Johor menghantar 20 orang calon, enam darinya hilang wang pertaruhan. DAP menang di Maharani, dengan 65.04% undi. Empat kerusi dimenangi tanpa bertanding oleh BN. PSRM menunjukkan prestasi memberangsangkan di lima kerusi DUN, dengan perolehan undi melebihi 35 peratus. Calonnya di Tanjung Puteri, Abdul Razak Ahmad dikecewakan oleh calon BN, Md Yunos Sulaiman, dengan perbezaan 506 undi sahaja. Pensyarah Sains Politik

UKM, Mus Chairil Samani menyifatkan PSRM muncul sebagai kuasa baru politik di Johor. Beliau menghuraikan bentuk kempen PSRM: PSRM yang kekurangan daripada segi cawangan-cawangan parti yang menyeluruh terpaksa menukar strategi kempen dengan mengadakan ceramah-ceramah kilat yang diadakan di kawasan tumpuan umum. Beberapa calon PSRM melengkapkan beberapa buah kenderaan dengan alat pembesar suara, dan konvoi kereta PSRM itu akan berhenti di kawasan-kawasan awam, seperti di pasar, pejabat pos, dan ibu pejabat Umno Johor. Di setiap hentian mereka mengedarkan pelbagai risalah. PSRM tidak banyak mempamerkan poster-poster parti dan gambar calon-calon parti kerana peruntukan pilihan raya terpaksa ditanggung sendiri oleh calon.

Tulisan ini tidak bertujuan memberikan analisis mendalam terhadap keputusan pilihan raya 1990 dan 1995 Dewan-Dewan Undangan Negeri Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Johor. Ia hanya membutirkan beberapa fakta penting sebagai panduan asas mengukur kekuatan pembangkang di negeri-negeri berkenaan. Rajah 1 menunjukkan dengan jelas turun-naik undi popular BN dan PAS semenjak pilihan raya 1959 - 1995.

Tahun	Pahang		N. Sembilan		Perak		Johor	
	Per/BN	PAS	Per/BN	PAS	Per/BN	PAS	Per/BN	PAS
1959	63.6	22.5	55.8	11.4	54.7	15.3	67.1	2.6
1964	68.4	8.5	58.7	3.3	54.6	11.4	67.6	2.4
1969	55.1	16.8	46.2	10.6	43.6	18.5	65.0	6.5
1974	65.6	-	60.8	-	52.9	-	70.4	-
1978	61.9	15.5	59.3	7.2	50.5	11.8	73.7	7.0
1982	62.16	19.40	63.33	4.74	60.35	11.35	70.99	2.56
1986	64.92	19.21	62.59	5.69	54.17	14.30	67.99	8.91
1990	61.70	12.27	61.49	1.51	55.80	6.97	61.51	1.87
1995	67.49	13.72	72.73	2.04	69.18	9.25	77.27	2.76

Rajah 1: Prestasi undi popular PAS dan Perikatan/BN daripada tahun 1959 - 1995, bagi peringkat DUN Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Johor. Undi popular PMS46 di Pahang ialah 10.32% (1995) dan 13.75% (1990); Negeri Sembilan, 8.05% (1995) dan 14.87% (1990); Perak, 5.21% (1995) dan 13.76% (1990); Johor, 8.55% (1995) dan 19.92% (1990).

## PAHANG

Dewan Undangan Negeri Pahang mempunyai 38 kerusi, berbanding 33 pada 1990. Undi popular BN meningkat 5.79%. BN menguasai 37 kerusi, DAP satu. Pencapaian terbaik BN ialah pada tahun 1964, iaitu 68.4%. Rekod terburuknya pada 1969, iaitu 55.1%. Bagi PAS dan PMS46, undi popularnya merosot hampir 2% kepada 24.04%.

Terdapat tujuh kawasan DUN Pahang yang mempunyai pengundi Melayu lebih 90 peratus, iaitu Pulau Tawar (98.44%), Kuala Pahang (91.11%), Cini (94.66%), Jengka (97.47%), Cenur (97.06%), Bukit Ibam (91.17%), dan Tahan (96.16%). Komposisi pengundi Melayu di tujuh kawasan lagi ialah di antara 80 - 90 peratus. Lapan kerusi DUN mengandungi komposisi pengundi Melayu di antara 65 - 80 peratus.

Dari segi prestasi parti-parti pembangkang, PAS memberikan saingan paling sengit di kawasan Tahan yang mana majoriti kemenangan BN hanya 472 undi. Calon PAS, Abdul Malik Yusof, seorang yang gigih memperjuangkan hak-hak peneroka Felda, memperolehi 46.50% daripada undi sah, satu pencapaian yang membanggakan. Inilah satu-satunya kerusi DUN Pahang yang mana pembangkang memperolehi undi melebihi 40 peratus, selain daripada kemenangan calon tunggal DAP di Teriang. Antara kawasan yang patut diberikan perhatian oleh PAS ialah Padang Tengku (majoriti BN 1,437), Beserah (majoriti BN 3,960), Kuala Pahang (majoriti BN 2,018) dan Semantan (majoriti BN 2,719). Semua kawasan ini mencatatkan perolehan undi PAS lebih 35 peratus.

Sementara itu calon-calon Umno mencatat kemenangan besar di Dong (majoriti 6,012), Lepar (8,000), Pelangai (4,342) dan Muadzam Shah (7,194). Undi yang mereka perolehi melebihi 80 peratus.

Dalam suasana sokongan terhadap BN memuncak, iaitu undi popular tertinggi sejak 1959, DAP masih mampu bertahan di DUN Teriang dengan majoriti 1025 undi. PMS46 gagal mempertahankan kerusi tunggalnya di Pulau Tawar. Pada 1990, calon S46, Abu Bakar Hassan mengalahkan calon BN, Ho Chock Keong, dengan kelebihan 897 undi.

Sementara empat kawasan mencatatkan majoriti BN antara 1000 - 2000 undi, sepuluh kawasan lagi menunjukkan majoriti BN kurang 3,000 undi. BN turut menang di sepuluh kawasan lain, dengan majoriti di bawah 4,000 undi. Ini bermakna, untuk menang dengan majoriti mudah di Pahang, parti-parti pembangkang terpaksa mengalahkan calon-calon BN di kawasan yang kini dimenanginya dengan majoriti lebih 3,000 undi.

Pertandingan tiga penjuru di Hulu Jempul agak mencaatkan imej persefahaman dan perpaduan ummah yang dibawa Angkatan. Calon PMS46 hilang wang pertaruhan, manakala calon PAS memperolehi 19.30 %. Calon PAS dan DAP bertembung di Teruntum (pengundi Melayu 45.97%) dan di Sanggang (pengundi Melayu 58.22%).

1995 (38 DUN)		1990 (33 DUN)	
Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang	Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang
1	> 50	2	> 50
1	40 - 49	5	40 - 49
15	30 - 39	19	30 - 39

Rajah 2: Kedudukan jumlah kerusi DUN Pahang pada tahun 1990 dan 1995 berdasarkan peratusan undi calon pembangkang.

## NEGERI SEMBILAN

Sebanyak empat kerusi DUN ditambah di Negeri Sembilan, menjadikannya 32. Semuanya dibolot BN kecuali di Lobak dan Temiang yang dikuasai DAP. Angkatan memberikan saingan di Pertang dan Klawang, di bawah Parlimen Jelebu. Calon-calonnya mendapat 40.79% dan 38.77%. PAS bertanding lima kerusi DUN dan dua Parlimen. Pertembungan tiga penjuru yang membabitkan PAS dan PMS46 berlaku di Palong yang mengakibatkan calon-calon Angkatan hilang wang pertaruhan. Calon PMS46 bertembung dengan calon DAP di Jeram Padang, yang mana majoriti pengundi Melayu 54.10%. Difahamkan pembahagian kerusi antara PAS dan PMS46 hanya dapat diselesaikan menjelang hari-hari terakhir penamaan calon.

Peratusan undi yang diperolehi calon PAS ialah 3.86% (Palong), 26.29% (Gemas), 3.90% (Repah), 11.81% (Kota) dan 17.49% (Ampangan). Calon-calon PAS bagi Parlimen Tampin dan Seremban turut hilang wang pertaruhan. Di Tampin, undi calon bebas melebihi undi calon PAS sebanyak 1010 undi. Seramai tujuh orang calon bebas bertanding di peringkat DUN termasuk pertandingan satu lawan satu di Chembong.

Hanya tujuh kerusi mencatatkan majoriti kemenangan calon BN di bawah 3,000 undi. Dari segi peratusan, undi yang diperolehi calon-calon parti pembangkang di 21 kawasan adalah di bawah 30 peratus, satu pencapaian yang menunjukkan penurunan ketara. Undi popular Angkatan turun 6.29% kepada 10.09%, manakala undi DAP merosot 6.58%. Undi BN meningkat 11.24% kepada 72.73%. Daripada 32 kerusi DUN, hanya sebelas kerusi, iaitu lebih kurang satu pertiga, mencatatkan perolehan undi pembangkang lebih melebihi 30 peratus.

Jika ditinjau profil kawasan DUN Negeri Sembilan, hanya satu kawasan menunjukkan pengundi Melayu melebihi 90%, iaitu Seri Menanti (94.70%), tiga kawasan di antara 80% - 90% dan 11 kawasan lagi di antara 65% - 80%.

Keputusan 1995 menggambarkan sokongan padu pengundi Melayu Negeri Sembilan terhadap Umno. Jalan sukar terpaksa dilalui oleh PAS dan PMS46 dalam keadaan hubungan antara kedua-dua parti itu agak longgar. Untuk survival masa depan, gabungan itu mesti dimantap dan dieratkan. Pelapis muda yang berwibawa dan disegani harus ditonjolkan. Jika tidak, pembangkang hanya tinggal nama. Selain Jelebu tidak ada tapak kukuh buat pembangkang Melayu. Itu pun difahamkan, majoriti pengundi Cina masih mengekalkan sokongan terhadap Dr Rais Yatim.

Dalam pada itu ada pihak melihat kemungkinan jawatan Menteri Besar akan bertukar orang. Tidak mustahil bekas Menteri Perpaduan Negara, Napsiah Omar, yang bertanding di N16 Pilah, dan mencatat kemenangan cemerlang dipilih menggantikan Isa Samad. Namun, apa pun yang berlaku dalam percaturan politik Umno setempat, kekuahan pengaruh parti itu sukar digugat.

Misalnya, ramai juga ahli-ahli Umno yang tidak berpuas hati bertanding sebagai calon bebas. Antaranya Setiausaha Politik Isa Samad sendiri, Mustapha Manap, yang menambahnya di Linggi. Tujuh orang lagi ahli Umno yang bertanding sebagai calon bebas ialah Hamid Tunggal (Klawang), Abdul Rashid Abas (Bahau), Zolkafli Kassim (Gemencheh), Rameli Dahlan (Johol), Abdul Wahab Ismail (Chembong) dan Syed Omar Syed Abdullah (Repah). Syed Omar juga bertanding di peringkat Parlimen, P115 Tampin. Beliau memperolehi 2,675 undi, calon PAS, Ali Maidin Kutty mendapat 1,665 undi, manakala calon BN, Mohd Noh Rajab mengutip 26,127 undi.

Sekurang-kurangnya dua kawasan mencatatkan perolehan undi calon bebas melebihi undi yang didapati calon

1995 (32 DUN)		1990 (28 DUN)	
Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang	Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang
2	> 50	4	> 50
3	40 – 49	4	40 – 49
6	30 – 39	9	30 – 39

Rajah 3: Kedudukan jumlah kerusi DUN Negeri Sembilan pada tahun 1990 dan 1995 berdasarkan peratusan undi calon pembangkang.

PMS46, iaitu di Pasir Panjang dan Johol. Di Johol, jumlah undi calon bebas, lebih lima kali ganda calon Parti Melayu S46. Manakala undi calon bebas di Repah, S Omar S Abdul-lah lebih dua kali ganda undi yang diperolehi calon PAS, Aminuddin Abdullah.

## PERAK

Perak menawarkan 23 kerusi Parlimen dan 52 kerusi DUN. Jumlah pemilih berdaftar seramai 1,115,628. Pada 1990, daripada 46 kerusi DUN, DAP menguasai 13, kebanyakannya di Lembah Kinta. Undi popular Angkatan ketika itu ialah 20.73%. PAS bertanding 11 kerusi DUN, manakala PMS46 19 kerusi.

Dalam pilihan raya 1995, PAS meletakkan 22 calonnya untuk kerusi DUN, sementara PMS46, 12 dan DAP, 21 (termasuk di Kuala Kurau, yang mana PAS dan DAP bertembung). Semua calon Angkatan tewas, DAP hampir menerima pukulan maut dengan hanya menang di Setiawan. Semua calon Parlimennya, termasuk kubu kuatnya di Ipoh, kalah. Undi popular DAP di peringkat negeri merosot 6.89% kepada 15.92%. Undi Angkatan menurun 6.27%, daripada catatan 20.73% pada tahun 1990. BN menambah 13.39% kepada 69.18%.

Tidak ada kawasan DUN yang menunjukkan majoriti kecil kemenangan calon BN. Daripada lima kerusi yang mencatatkan majoriti BN di bawah 3,000 undi, hanya satu darinya ditandingi calon Angkatan. Sepuluh kerusi lagi memperlihatkan majoriti BN di antara 3,000 hingga 4,000 undi, dan lapan kerusi majoriti BN di antara 4,000 hingga 5,000 undi.

Dari segi peratusan undi, tujuh calon DAP memperolehi undi lebih 40% termasuk calonnya yang menang di

Setiawan. Tiada calon Angkatan memperolehi jumlah undi dalam lingkungan tersebut. Daripada 11 kawasan yang mencatatkan undi pembangkang di antara 30 - 40 peratus, enam darinya ditandingi DAP. Angkatan hanya memberikan saingan agak sengit - dari segi perolehan undi melebihi 30 peratus - di Kenering (30.65%), Titi Serong (33.63%), Gunung Semanggol (39.22%), Trong (31.11%) dan Changkat Jong (35.52%).

Sedangkan melalui keputusan pilihan raya 1990, Angkatan mempamerkan prestasi yang lebih baik. Misalnya, perolehan undi di Kenering (41.18%), Titi Serong (39.42%), Gunung Semanggol (45.10%), Sapetang (42.34%), Changkat Jering (38.28%), Belanja (38.86%), Bukit Chandan (39.63%), dan Pengkalan Bharu (39.24%).

Bagi meninjau komposisi pengundi di Perak, hanya satu kawasan DUN mempunyai pengundi Melayu melebihi 90% iaitu Kampung Gajah (92.28%), dua kawasan lagi di antara 80 - 90%, manakala 13 kawasan di antara 65 - 80%. Saya menekankan profil kawasan adalah untuk menunjukkan peri pentingnya pendekatan politik yang mengambil kira kepentingan pengundi bukan Melayu.

1995 (32 DUN)		1990 (28 DUN)	
Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang	Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang
1	> 50	13	> 50
7	40 - 49	3	40 - 49
11	30 - 39	24	30 - 39

Rajah 4: Kedudukan jumlah kerusi DUN Perak pada tahun 1995 dan 1990 berdasarkan peratusan undi calon pembangkang.

## JOHOR

Peningkatan prestasi BN di Johor - tentunya dibantu oleh pelbagai budaya politik yang hodoh - cukup terasa. Undi popularnya di peringkat DUN melonjak kepada 77.27%, satu pencapaian tertinggi, malah mengejutkan, manakala undi Angkatan menurun lebih sepuluh peratus. DAP juga merosot hampir tujuh peratus.

Walaupun tidak ada pihak meramalkan pembangkang, khususnya Angkatan, dapat menambah kerusi di Johor, namun ramai menaruh keyakinan PMS46 dapat bertahan. Selain Kelantan, Johor adalah negeri berpotensi untuk PMS46 berkembang. Beberapa isu yang menyentuh kepentingan dan masa depan orang Melayu, termasuk permansuhan cuti Jumaat, diharap dapat merubah minda politik Melayu Johor. Walaupun pembangunan pesat di Johor, keuntungannya lebih banyak mengalir keluar, sedangkan orang Melayu terus ketinggalan dan semakin dipinggirkan, terutama di Johor Bahru. Bagaimanapun pengundi Johor telah meletakkan pencapaian BN sebagai yang terbaik sejak pilihan raya 1959. Pada 1990, BN Johor menerima pukulan agak hebat daripada S46. Undi popularnya ketika itu, 61.51 adalah rekod terburuknya.

BN membolot kesemua 40 kerusi, termasuk di Bukit Naning yang diperolehi tanpa bertanding. Kemenangan calon-calon BN dalam majoriti selesa. Hanya calon DAP di Maharani memperolehi peratusan undi lebih 40 peratus. Selain itu, semua calon BN mencatat majoriti lebih 4,000 undi.

Sementara 20 kawasan lagi mempamerkan majoriti kemenangan BN melebihi 10,000 undi, satu tamparan hebat buat pembangkang. Seramai 13 calon Angkatan memperolehi undi kurang daripada 15 peratus.

Dalam pilihan raya 1990, DAP menguasai tiga kerusi DUN. PMS46 juga mempunyai wakil tunggal melalui calonnya di Parit Bakar. Daripada 36 kerusi yang dipertandingkan, 12 calon pembangkang memperolehi undi di antara 40 - 50 peratus. Hanya dua calon Angkatan mendapat undi di bawah 20 peratus. Bagi sebuah negeri yang dikenali umum kubu kuat BN, pencapaian pembangkang pada 1990 boleh dikira membanggakan.

Ketika umum membincangkan masa depan Angkatan di negeri-negeri lain, dengan membayangkan kemungkinan ia berpecah, Johor amat memerlukan persefahaman politik yang lebih akrab. Ini kerana Johor sebelum munculnya PMS46 adalah negeri yang diakui kubu tradisi BN. Ketika Perikatan menerima nasib malang pada 1969, dengan kebangkitan mendadak pembangkang, undi popularnya di Johor masih di atas paras 65 peratus. PAS dan PSRM tidak mampu untuk membuatkan pemimpin Umno tidak lena tidur, seperti yang pernah ditunjukkan oleh Semangat 46 pada 1990.

1995 (32 DUN)		1990 (28 DUN)	
Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang	Jumlah Kerusi	% Undi Pembangkang
0	> 50	4	> 50
1	40 - 49	12	40 - 49
6	30 - 39	15	30 - 39

Rajah 5: Kedudukan jumlah kerusi DUN Johor pada tahun 1995 dan 1990 berdasarkan peratusan undi calon pembangkang.

Kawasan	Per.	PAS	DAP	Gerakan	Majoriti
Tanjong Karang	6,096	4,462			1,634
K. S'ngor Pekan	4,215	1,929		3,398	817
Kepong	6,291			13,310	7,019
Penchala	2,735		8,389		5,654
Jeram	5,153	3,367			1,786
Sementa	3,059	1,118	4,464		1,605
Serendah	4,220			4,504	284
Kuang	3,088	1,129		3,119	31
Kajang	5,022			4,352	670
Semenyih	3,102			2,611	461
Ampang	6,601	3,560	7,634		1,033
Sentul	5,242		8,424		3,182
Pantai	6,088			16,117	10,029
Salak	4,141		20,335		16,194
Bukit Nanas	4,590		13,275		8,685
Kampong Bahru	3,805	1,696		3,552	253
Serdang	7,920		11,234		3,314
Bukit Raja	3,442		4,773		1,331
Port Swettenham	5,265		4,895		370
Kampong Jawa	5,280		5,860		580
Telok Datoh	4,730	2,825			1,905
Morib	5,038	2,922			2,116
Dengkil	M.T.B				—
Sungai Rawang	3,147	842			417
Sabak	6,284	2,329			3,955
Sungai Besar	5,787	3,524			2,263
Ulu Bernam	4,569		3,130		1,439
Kuala Kubu	3,520		3,403		117

Rajah 6: Kedudukan undi parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya DUN Selangor, 1969. Bagi kerusi Kampong Jawa, calon bebas mendapat 352 undi. Sementara di Sungai Rawang, calon bebas memperolehi 3,564 undi dan menang.

Tahun	Selangor	N. Sembilan	Melaka	Johor	Pahang
1959	21,273	9,941	10,464	5,471	18,165
1964	9,344	3,837	5,416	6,334	8,525
1969	29,703	11,685	17,636	16,645	17,097
1978	48,129	11,523	16,128	25,915	27,490
1982	37,251	8,759	10,795	11,739	45,705
1986	52,341	11,246	19,761	47,184	49,739
1990	29,788	3,821	11,993	12,890	39,449
1990	118,073	37,527	22,475	137,041	44,197
1995	48,596	5,486	22,994	20,911	47,412
1995	37,293	21,615	5,384	64,877	35,668

Rajah 7: Jumlah perolehan undi PAS bagi Dewan Undangan Negeri bermula pilihan raya 1959 - 1995. Untuk 1990 dan 1995 disertakan bersama jumlah undi PMS46 dalam huruf condong).

# 9

---

## **Bagaimana Kedah Selepas Mahathir?**

R amai penulis politik, termasuk Ketua-ketua Pengarang Kumpulan *New Straits Times* dan *Utusan Melayu* mengingatkan pemimpin-pemimpin Umno Kedah tentang kemaraan pengaruh PAS di Kedah yang mesti dibendung. Malahan Ketua Pengarang Kumpulan NST dikecam dalam satu perhimpunan meraikan kemenangan BN Kedah kerana analisisnya yang tidak menyenangkan pemimpin Umno Kedah.

A. Kadir Jasin dalam analisis kontroversinya itu, *Utusan Malaysia*, 8 Mei 1995, mencatatkan: "Walaupun kepimpinan Umno Kedah boleh bergembira dengan keputusan pengundian, mereka tidak boleh berbangga dengan presta-

si mereka sebelum dan selepas pilihan raya kali ini. Beberapa kejadian tidak diingini yang mencetuskan persoalan mengenai kepimpinan Umno negeri telah berlaku dan diketahui umum. Dalam satu peristiwa, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dikejutkan oleh "tunjuk perasaan" oleh sekumpulan ahli parti yang membantah pengguguran ahli Dewan Undangan Negeri mereka. Dalam kejadian itu, tidak ada usaha meleraikan mereka dilakukan sebelum Dr Mahathir tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alur Setar, walaupun kepimpinan tertinggi Umno Kedah berada di situ untuk menyambut beliau. Dalam kejadian lain pula, penyokong seorang ketua pemuda bahagian yang berharap menjadi calon tetapi tidak terpilih telah memboikot hari penamaan calon."

"Sumber-sumber Umno negeri berkata," menurut Kadir, "jikalau tidak kerana kehadiran Dr Mahathir di Kedah, di saat-saat penutup kempen, BN mungkin kalah di lapan kerusi Dewan Undangan Negeri. Sekiranya kepimpinan Umno peringkat negeri tidak memperbaiki pentadbiran parti, kemungkinan PAS menjadi lebih kuat dan mengancam di masa akan datang tidak boleh ditolak begitu sahaja."

Kedah adalah negeri Perdana Menteri. Kemenangan besar BN di seluruh negara - seperti digambarkan oleh media milik Umno - difaktorkan oleh ketokohan Dr Mahathir Mohamad. Kemenangan mutlak BN di Pulau Pinang juga dikatakan bergantung rapat dengan usaha gigih dan perancangan rapi Dr Mahathir sendiri, dan bukannya Anwar Ibrahim, anak kelahiran Pulau Mutiara itu. Aneh sekali, dalam suasana seumpama itu prestasi BN di Kedah tidak sehebat mana. Selain menang dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Bukit Raya (majoriti 2,416) dan Sala (majo-

riti 196), PAS hanya kalah dengan majoriti kurang 600 undi di lima kerusi DUN.

Wartawan kanan *Berita Harian*, Manja Ismail dalam analisisnya, sehari selepas keputusan pilihan raya 1995 diumumkan mencatatkan: "Pengaruh PAS ternyata semakin kuat di Kedah. Lima kerusi Parlimen di Kedah yang ditandingi PAS menyaksikan kemerosotan majoriti BN di antara 244 dan lebih 5,000 undi. Soalnya ialah kenapa pengaruh PAS kembali menapak di negeri itu sedangkan kedudukannya agak terjejas di Kelantan dan Terengganu walaupun Kedah ialah negeri asal Presiden dan Bendahari Umno. Walaupun banyak faktor yang memungkinkan majoriti undi BN menurun seperti peratus keluar mengundi, pemilih berpindah tempat sama ada kerana persempadanan semula kawasan atau pertukaran kerja, keadaan yang sama turut berlaku di kawasan lain."

Bagaimanapun penyokong-penyokong PAS di Kedah tidak harus berpuas hati dengan prestasi 1995 kerana meskipun undi popular PAS meningkat dengan banyaknya, namun faktor jumlah kerusi DUN yang ditandingi PAS juga mesti diambil kira. Yang harus diutamakan bukannya undi popular PAS tetapi undi popular yang diterima oleh PAS bersama Parti Melayu Semangat 46. Rujukan sebaiknya ialah undi popular PAS dalam tahun 1986 ketika PAS bertanding bersendirian menentang BN.

Pada tahun 1990, PAS hanya bertanding 16 kerusi DUN, sementara Semangat 46, 10 kerusi. Waktu itu jumlah kerusi DUN Kedah ialah 28. Apabila kerusi DUN Kedah bertambah kepada 36 kerusi pada 1995, PAS diberi peluang bertanding 30, manakala Semangat 46 hanya lima. Hasilnya PAS mendapat 31.47% dan Semangat 46 memperolehi 2.89%. Memang undi PAS meningkat 7.38% daripada undi

popular PAS pada tahun 1990, iaitu 24.09%. Tetapi, antara lain, ia berkadar dengan jumlah kerusi yang ditandinginya.

Bagaimanapun jumlah undi popular kedua-dua parti, PAS dan Semangat 46, tidak banyak berubah, iaitu 34.18% (1990) kepada 34.36% (1995). Peratusan undi ini masih tidak dapat mengatasi tahun 1986, iaitu 35.32%. Undi popular BN juga meningkat, dari 61.4% (1990) kepada 62.9%. Peningkatan undi BN ini disebabkan menurunnya undi popular DAP daripada 3.26% (1990) kepada 2.52% (1995).

Untuk mendapatkan gambaran jelas undi popular PAS Kedah semenjak 1978, iaitu selepas PAS tidak bersama lagi BN, ditunjukkan melalui rajah 1.

Selain itu, antara perkembangan yang menggalakkan di Kedah pada tahun ini ialah peningkatan jumlah kerusi DUN yang mana majoriti BN di bawah 3,000 undi. Pada tahun 1990, hanya tujuh kerusi terbabit iaitu Alor Janggus (majoriti BN 377), Sala (596), Pengkalan Kundor (1,165) Langgar (1,351), Jerlun (1,417), Pokok Sena (1,482) dan Kupang (2,013). Bagi 1995, ia bertambah hampir dua kali ganda menjadi 12 kerusi. 1990, hanya dua kerusi BN memang majoriti di bawah 600 undi, sementara 1995 sebanyak lima kerusi.

Isu kempen di negeri Kedah kali ini diakui lebih memihak kepada PAS. Antara lain ialah kes pengambilan tanah di Kerpan dan beberapa tempat lain, pembinaan Empangan Beris, isu cuti hujung minggu, dan kepemimpinan Menteri Besar Kedah sendiri. Tindakan beramai-ramai ahli Umno menyertai PAS juga adalah petanda baik memungkinkan PAS melakukan kejutan di Kedah.

Menurut Menteri Besar Osman Aroff, Umno Kedah mengesahkan sekurang-kurangnya lima isu, yang disifatkan-

nya remeh, yang cukup digemari PAS. Antara lain ialah mengungkit kembali projek Taman Antarabangsa Jerai, projek ternakan udang harimau di Kerpan dan cuti mingguan. "Bukan semudah itu bagi kerajaan negeri menukar cuti hujung minggu dari hari Jumaat kepada hari Ahad sebagaimana yang dikuatkuasakan di Perlis dan Johor tahun lalu," kata Osman. Satu lagi perbuatan PAS yang tidak dapat dimaafkan oleh kerajaan negeri, kata Osman, ialah penyalahgunaan bendera dan lambang Kerajaan Kedah pada poster pilihan rayanya.

Walaupun ada pandangan bahawa faktor isu tidak menjamin sokongan pengundi kepada pembangkang, Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, yang juga Pesuruhjaya PAS Kedah menegaskan: "Kita boleh menggunakan isu-isu semasa untuk menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat. Di Kedah sebagai contoh, jika tidak ada kesedaran tentang tindak-tanduk kerajaan BN yang menyalahgunakan kuasa dan mengetepikan hak rakyat, seperti dalam isu pengambilan tanah, tentulah undi PAS tidak bertambah dengan banyak."

Bagaimanapun Ustaz Fadzil mengakui, "isu-isu yang dibawa parti-parti pembangkang amat kurang kesannya berbanding isu-isu pembangunan yang dibawa oleh BN. BN juga mengatur strategi untuk menangkis isu-isu yang dibawa parti-parti pembangkang dengan cepat, melalui radio dan televisyen."

Misi PAS Kedah dalam pilihan raya 1995 adalah untuk menguasai kerajaan negeri, bukannya hanya menambah bilangan wakilnya di DUN Kedah. Walaupun hanya berbekalkan satu kerusi melalui pilihan raya 1990, tekad, semangat dan keazaman pendokong PAS cukup tinggi. Malah ada sebahagian darinya yang meramalkan

Umno akan kecundang di negeri Presidennya sendiri. Sementalahan pula pergolakan Umno Kedah memuncak berikutan masalah pemilihan calon, termasuk di Kubang Pasu sendiri.

Ahmad Fawzi Mohd Basri (*Dewan Masyarakat*, Julai 1995) mengingatkan pemimpin PAS, adalah satu kesilapan jangka panjang apabila mengharapkan kemenangan PAS kepada kelemahan jentera Umno: "PAS tidak boleh meyakinkan ahlinya dengan menuding jari kepada Umno, sebaliknya membuat perubahan besar daripada dalam organisasinya sendiri - wawasannya dan ideologinya mesti jelas. Indoktrinasinya gagal meningkatkan iltizam anggota parti; organisasinya tidak tersusun; strateginya juga amat *ad hoc* sifatnya. Di kebanyakan tempat, calon PAS bukan dibina untuk tempat itu, tetapi didatangkan untuk bertanding, dan anggota PAS di kawasan ranting menerima. Ada kala dan tempatnya calon PAS itu sendiri sudah kalah lebih awal dari segi ketokohan."

Namun begitu, keputusan 1995, meskipun menunjukkan banyak perkembangan menarik, tetapi hasrat dan impian PAS untuk menguasai Kedah tidak semudah yang disangka. Antara yang selalu saya tekankan ialah komposisi pengundi bukan Melayu yang cukup berperanan dalam menentukan kalah-menang seseorang calon. Dalam keadaan imej PAS di kalangan bukan Melayu tidak dapat dipamerkan secara seadanya, fenomena ini amat menyulitkan PAS. Rujuk rajah 2.

Jika kita bahagikan kerusi-kerusi DUN Kedah ini berdasarkan kumpulan tertentu, berdasarkan majoriti kemenangan PAS dan BN, jelas menunjukkan, PAS hanya boleh menguasai Kedah jika ia berjaya menawan seluruhnya kawasan DUN yang kini dimenangi BN dengan majoriti hing-

ga 5,000 undi, iaitu kumpulan C. Ini satu tugas yang cukup besar, sukar dan memerlukan peralihan undi (*swing*) dari penyokong BN yang cukup tinggi. Dari kaca mata kasar seolah-olah mustahil BN dapat ditumbangkan dalam pilihan raya akan datang. Dari segi peratus berbanding 36 kerusi DUN Kedah, penguasaan PAS ke atas Bukit Raya dan Sala baru sekadar 5.56%. Lihat rajah 3.

Tujuh kawasan sulit yang berada di bawah kumpulan C itu ialah Sungai Tiang (undi PAS 39.88%, majoriti BN 3,759), Bayu (36.40% - 4869), Kubang Rotan (35.70% - 3,773), Pantai Merdeka (34.71% - 4,436), Guar Chempedak (33.45% - 4320), Tanjung Dawai (32.78% - 4,575) dan Padang Matsirat (28.35% - 3,815).

Dalam keadaan ini kemenangan PAS bukan lagi hanya bergantung kepada pengundi atas pagar Melayu tetapi adalah pengundi bukan Melayu, dan tidak kurang pentingnya ialah pengundi yang menjadi ahli dan penyokong Umno. Penyertaan ahli-ahli Umno menjelang pilihan raya 1995 tidak mencukupi untuk tujuan itu, mungkin kerana masa yang cukup suntuk. Peralihan sokongan pengundi Cina yang dikatakan cukup besar kepada BN dapat ditebus dengan sokongan bekas ahli-ahli Umno. Perhatian lebih serius harus diberikan oleh PAS Kedah bagi menarik sokongan ahli-ahli Umno yang mulai menunjukkan minat terhadap PAS. Program politik khusus buat mereka harus diperkenalkan.

Ketokohan Dr Mahathir adalah faktor utama yang banyak membantu kejayaan BN Kedah. "Tidak ada apa-apa yang boleh dibanggakan dengan MB Kedah, malah isu penyalahgunaan kuasa dan dakwaan rasuah terhadapnya membebankan Umno Kedah. Beliau juga dilihat sebagai pemimpin yang lemah dan tidak mempunyai imej seorang

MB yang inovatif, berdaya maju dan berwawasan. Projek pembangunan di Kedah adalah hasil usaha langsung dari Dr Mahathir sendiri," ujar seorang aktivis Pemuda Umno.

Sebenarnya PAS Kedah bukan berhadapan dengan Osman Aroff. Halangan utama PAS Kedah untuk mengembangkan pengaruhnya ialah Dr Mahathir. Kedudukan PAS di Kedah, sebelum Dr Mahathir dilantik Perdana Menteri, khususnya bermula tahun 1969 cukup memberangsangkan. Dalam pilihan raya 1969, tiga tokoh besar Umno, termasuk Dr Mahathir kecundang kepada calon-calon PAS. Allahyarham Tan Sri Senu Abdul Rahman kalah kepada Datuk Abu Bakar Umar di Kubang Pasu Barat, dengan kelebihan 88 undi. Bekas Yang Dipertua PAS Pusat, Haji Yusof Rawa mengecewakan Dr Mahathir di Kota Star Selatan dengan majoriti 989 undi. Yang Dipertua Dewan Rakyat, Zahir Ismail tunduk kepada Haji Mawardi Lebai Teh di Kota Star Utara.

Sementara di peringkat DUN, PAS menawan lapan kerusi, iaitu Tunjang (majoriti 496 undi), Langgar Limpong (majoriti 1,542), Pokok Sena (345), Alor Star Luar (502), Kota Star Barat (933), Kangkong Bukit Raya (1,058), Sik-Gurun (327), dan Sala (807). Dalam pilihan raya 1964 PAS gagal merebut sebarang kerusi. Pilihan raya 1978 - yang diadakan selepas PAS dipecat dari BN - mempamerkan kemerosotan mendadak prestasi PAS, dari segi perolehan undi, khususnya di negeri yang selama ini dikenali kubu kuat PAS, iaitu Kelantan dan Terengganu. Di Kelantan, PAS bukan saja kehilangan kuasa, malah hanya mampu mempertahankan dua kerusi "batu nisan". Di Terengganu, PAS kehilangan semua 11 kerusi yang dimenanginya pada tahun 1969.

Dalam suasana sedih itu, PAS Kedah masih boleh menguntum senyum, apabila berjaya menguasai tujuh kerusi DUN dan dua Parlimen. Kerusi DUN terbabit ialah Jerlun

(majoriti 1,129), Anak Bukit (1,174), Langgar Limpong (2,165), Bukit Raya (1,101), Kupang (407), Sala (631), dan Sik (506). Calon BN menang tanpa bertanding di Pokok Sena kerana kertas pencalonan PAS ditolak. Di peringkat Parlimen, PAS menang di Kota Setar (majoriti 2,635) dan Baling (majoriti 291). Calon PAS di Kuala Kedah, Ustaz Fadzil Mohd Noor memberikan saingen sengit kepada Senu Abdul Rahman apabila calon BN itu hanya menang dengan majoriti 879 undi. Maknanya, sokongan terhadap PAS oleh pengundi Kedah telah teruji di saat prestasi PAS di seluruh negara menurun. (Kemenangan cemerlang 1969 masih dapat dipertahankan sehingga sepuluh tahun selepas itu). Hinggakan Yang Dipertua Agung PAS ketika itu, Allahyarham Dato' Asri Haji Muda, memilih Kedah sebagai "tempat pelariannya" daripada Kelantan, dengan bertanding di Padang Terap, menentang Syed Ahmad Shababudin. Asri tewas dengan perbezaan 2,747 undi.

Dr Mahathir dipecat dari Umno selepas pilihan raya 1969. Dalam pilihan raya 1974, PAS adalah anggota komponen BN. 1978, Dr Mahathir adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Bintangnya mula menyinar. Beliau mengalahkan calon muda PAS, Halim Arshat, dengan majoriti 8,245 undi. Pilihan raya 1982 merubah wajah politik negeri Kedah. Dr Mahathir adalah tokoh kebanggaan anak Kedah, dengan gegak-gempita perubahan yang dilakukannya atas sifat Perdana Menteri Malaysia. Pengaruh PAS dikepung. PAS hanya berjaya mengekalkan Bukit Raya dan Langgar Limpong, dengan majoriti di bawah 1,000 undi. Undi popular menurun lebih enam peratus. Hanya satu kerusi, di antara 24 kerusi yang dimenangi BN, mempamerkan percubaan hebat PAS, apabila majoritinya kurang 1,000 undi, iaitu Sala (774 undi). Di peringkat Parlimen, personaliti Abu

Bakar Umar yang disenangi pengundi sekurang-kurangnya mempastikan PAS tidak berputeh mata apabila mengekalkan kerusi Kota Setar, dengan majoriti 1,403 undi. Ustaz Nakhaie Ahmad, yang mempertahankan kerusi Baling terwas teruk, dengan perbezaan undi sebanyak 6,349.

Sejak itu - sejak Dr Mahathir dinobatkan sebagai PM - PAS gagal mengembalikan kekuatan yang pernah ditempinya pada tahun 1969 dan 1978. Apakah ia satu kebetulan yang tidak ada kena mengena dengan kedudukan Dr Mahathir? Jika itu kesimpulannya, maka faktor kemerosotan PAS Kedah lebih disebabkan masalah dalaman. Soalnya, PAS Kedah juga melahirkan barisan kepemimpinan berwibawa khususnya menjelang tahun 90-an. Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Setiausaha Agung PAS, Ustaz Abdul Halim Arshat adalah anak jati Kedah. Bekas Naib Presiden PAS, Ustaz Nakhaie Haji Ahmad juga berasal dari Kedah. Begitu juga dengan bekas Timbalan Yang Dipertua PAS, sewaktu zaman Asri, Datuk Abu Bakar Umar adalah antara tokoh kebanggaan PAS Kedah. Manakala gabungan calon yang dikemukakan PAS pada 1995 dapat menandingi barisan calon Umno. PAS mengemukakan golongan ulama, jurutera profesional, peguam, bekas anggota Exco, tokoh akademik dan pemimpin politik yang dekat dengan pengundi akar umbi.

Pada hemat saya, perkembangan PAS di Kedah, bermula pada 1982 hingga kini, dibatasi oleh pengaruh Dr Mahathir secara peribadi. "Selepas era Mahathir, PAS Kedah berpeluang cerah menambah sekurang-kurangnya sepuluh kerusi DUN dan juga lima Parlimen. PAS harus bijaksana memanfaatkan kesempatan terbuka selepas era Mahathir ini. Umno Kedah ketandusan pemimpin yang boleh dihoromi. Yang agak dibimbangi ialah kemunculan Sanusi Ju-

nid. Jika Sanusi dilantik MB Kedah yang baru, walaupun tanpa Dr Mahathir lagi, peluang cerah PAS itu mungkin terhalang. Namun begitu, kekuatan PAS lebih bergantung sejauh mana ia mampu melahirkan pemimpin muda yang berkebolehan, gabungan mantap golongan profesional dan ulama, sekurang-kurangnya untuk menarik lebih ramai pengundi-pengundi baru kepada PAS," ujar seorang pemimpin veteran PAS Kedah.

Satu perkara yang agak menarik dalam perkembangan politik Kedah menjelang pilihan raya lalu ialah sambutan yang cukup hebat diberikan terhadap ceramah bekas Naib Ketua Pemuda PAS, Mohd Sabu. Malahan Mohd Sabu memberikan masa secukupnya berkempen di Kedah selepas Parlimen dan DUN dibubarkan, iaitu lebih kurang tiga hari. Selalunya peminat Mohd Sabu bukan terhad kepada penyokong Angkatan, tetapi juga meliputi ahli-ahli Umno. Ramai juga di antara mereka yang menyertai PAS kerana tertarik dengan hujah-hujah Mohd Sabu. Isu-isu tempatan seperti pengambilan tanah di Kerpan, harga tanah milik Dr Mahathir, ura-ura cuti Jumaat dimansuhkan, tuduhan rasuah terhadap Menteri Besar Kedah, projek Taman Antarabangsa Jerai dan kesan pembangunan tidak terkawal di Langkawi dipersembahkan dengan gaya yang cukup menarik.

Didedahkan kepada umum, sebidang tanah pusaka yang dimiliki bersama Dr Mahathir dan empat anggota keluarganya yang lain, dibayar pada kadar RM50 sekaki persegi atau hampir RM1.5 juta serelung. Kadar ini jauh lebih tinggi daripada tanah para petani di Kerpan yang dianggarkan oleh Dr Mahathir bernilai sekitar RM2,000 hingga RM3,000 serelung, iaitu lebih 500 kali ganda. Tanah di Lot 173, Tepi Kilang Ais, Seberang Perak, Alur Setar itu

yang menempatkan rumah kelahiran Dr Mahathir kini diletakkan di bawah pengawasan Arkib Negara.

Malangnya, apabila Mohd Sabu didakwa berkhalwat dengan seorang suri rumah - walaupun akhirnya mahkamah mendapati tidak ada kes terhadap beliau - tumpuan bukan lagi terhadap isu-isu di atas tetapi meletakkan PAS dalam keadaan bertahan. Mohd Sabu terpaksa memberi penjelasan mengenai dirinya sendiri dan menjadikan BN selesa untuk kembali berperanan sebagai pihak ofensif. Dipercayai isu-isu besar yang dijangka dapat menggugat kewibawaan BN dilindungi oleh "kes khalwat Mohd Sabu - Norma" kerana ia lebih bersifat sensasi. Perayu undi PAS yang berjalan dari rumah ke rumah sukar untuk menepis serangan Umno: "Bolehkah seorang isteri berdua-duaan dengan lelaki yang bukan muhrimnya, walaupun dengan kebenaran si suami, tidak kiralah sama ada lima atau se-puluh minit... di hotel pula tu!" Semasa saya mengikuti hari penamaan calon di hadapan Pejabat Daerah Kubang Pasu, isu tuduhan khalwat Mohd Sabu dibincangkan sesama penyokong Umno dengan nada sinis.

Saya tidak pasti apakah penarikan diri calon PAS kawasan Parlimen Bandar Tun Razak, Abdul Malek Hussin, yang memperkenalkan dirinya sebagai Pembantu Khas Mohd Sabu, sehari sebelum hari pengundian, menjelaskan undi yang sepatutnya diberikan kepada PAS. Malek, bekas Setiausaha Pemuda PAS Pusat dan Ketua Pemuda PAS Kuala Lumpur, juga mengisyiharkan keluar PAS dan menyertai Umno, seterusnya meminta pengundi memberikan sokongan terhadap calon BN, Tan Chai Ho, yang menghadapi cabaran calon DAP, Lee Yee Lian. "Saya mengambil keputusan ini dengan hasrat membantu usaha membanteras segala bentuk fahaman ekstrimisme dalam bidang politik, agama dan perkauman," kata Malek.

"Dalam PAS juga ada pembelot," tegur seorang pengundi di Kubang Pasu.

TV3 pula berkali-kali, dalam waktu puncak (*prime time*) melalui *Buletin Utama*, menyiarkan ucapan "lucah" Mohd Sabu, yang jelas telah dipotong-potong dan kemudiannya kelihatan seperti satu ayat yang lengkap. Mohd Sabu seolah-olah mencarut apabila berkata, "rugi aku tak raba punggung dia." Semasa di Jitra, pada hari terakhir kempen, Dr Mahathir mengulas hal ini: "Mat Sabu tidak seronok dengan TV3 fasal dia kata benda-benda yang dia tahu kalau orang lain dengar, orang tidak suka. Sebab itu dia tidak berapa seronok media rakam apa yang dia kata. Umpamanya, apabila dia berjumpa di Markas PAS di Kuala Lumpur, dia mencarut. Dia kata dia nak raba punggung orang. Apa jenis manusia ini? Orang inikah jadi ustaz PAS?"

Sebenarnya Mohd Sabu hanya ingin menegur Anwar tentang definisi khalwatnya dan dihubungkan dengan permintaan Anwar, sewaktu memimpin ABIM dulu, untuk menghantar isterinya (Anwar) ke sebuah klinik. Kata Mohd Sabu, jika khalwat didefinisikan sebagai berdua-duaan, tanpa perlu meninjau latarbelakangnya kedudukannya yang berdua-duaan dengan isteri Anwar dalam kereta juga boleh dianggap berkhawat.

"Ceramah besar-besaran yang diadakan menjelang hari pengundian tidak banyak menguntungkan PAS. Ramai petugas meninggalkan pos masing-masing kerana mereka turut berminat menghadiri ceramah tokoh besar PAS. Akibatnya Umno secara mudah dapat menembusi kubu PAS atau membuat serangan balas tanpa kawalan. Majlis ceramah besar-besaran juga terdedah kepada risiko yang cukup tinggi. Ia terbukti melalui insiden membabitkan jurukamera TV3 di majlis ceramah di Kuala Kedah, kawasan yang ditandingi Presiden PAS sendiri. Dua krew TV3 dika-

takan telah dipukul oleh penyokong PAS. Setiap peluang yang terbuka, akibat kelemahan PAS, akan dieksploit habis-habisan melalui media, khususnya TV. Sedangkan masa untuk menangkis tohmahan dan fitnah itu terlalu suntuk dan menyebabkan detik-detik akhir kempen terpaksa dipe-runtukkan untuk menyanggah tuduhan Umno," seorang pemimpin PAS Kedah memberi ingatan.

"Masalahnya bukan hendak menentukan siapa yang benar atau salah dalam insiden itu. Soalnya kita memberi peluang kepada BN menyemarakkan propaganda jahatnya bagi memburukkan lagi imej PAS. Orang ramai lebih ter-pengaruh dengan sogokan TV daripada mendengar pen-jelasan PAS. Imej PAS yang sedia digambarkan fanatik dan tidak bertimbang rasa terus terbenam dalam minda penon-ton. Di kala itu pengundi mudah terpedaya dan tidak bersikap kritis, mereka hanya menelan bulat-bulat apa yang disogok walaupun jelas ia diada-adakan," sambungnya lagi.

Selama 30 minit *Buletin Utama* TV3 menyiarkan reaksi terhadap insiden di Kuala Kedah itu. Semuanya mengutuk dan mengcam PAS. Ditunjukkan Dr Mahathir Mohamad, bersama Osman Aroff dan Siti Hasmah menziarahi dua krew TV terbabit, jurugambar Roslee Ramali dan wartawan Ahmad Fadzil Ahmad, di Pusat Pakar Utara, Alor Setar. Walhal mereka hanya cedera ringan di telinga, dan sebelum itu, juga ditunjukkan visualnya oleh TV3, mereka dapat berjalan seperti biasa ketika membuat laporan polis.

Akhbar-akhbar harian pro-Umno yang menentang hebat parti-parti pembangkang kemudiannya menyiarkan respons Dr Mahathir terhadap kejadian itu, sehari sebelum pilihan raya berlangsung. "PAS sudah terdesak sehingga sanggup memukul orang, menahan penyokong Umno da-ripada memasang poster dan menggunakan kekerasan.

Apabila sudah terlampau gila sangat nak menang, dia tak peduli apa cara yang dibuat sehingga memukul orang," kata Dr Mahathir. Menurut Presiden Umno itu lagi, walaupun kejadian seumpama itu jarang berlaku di Kedah, tindakan Mohamad Sabu mengapi-apikan semangat penyokong PAS menyebabkan mereka sanggup memukul orang lain.

Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, ketika berceramah di Batu 17, Tunjang, Kubang Pasu, pada petang hari terakhir kempen, hairan dengan sikap media yang membesar-besarkan insiden di Kuala Kedah, yang hanya menyebabkan dua krew TV3 terguris sedikit telinga mereka, sedangkan membisu terhadap tragedi yang lebih ganas di Kelantan dan Terengganu, yang membabitkan petugas pilihan raya Angkatan.

*Harakah*, 21 April 1995 melaporkan, tiga beradik petugas Angkatan yang sedang memasang poster berhampiran rumah mereka di Kubang Bongor telah diserang dua lelaki bersenjatakan parang dan pisau sehingga seorang daripada mereka dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Hospital Kota Bharu. Abang tertua di kalangan mangsa, Fahmi Ghani, 30, telah ditikam dengan senjata tajam di bahagian perut sehingga melukai paru-parunya. Adiknya Mohd Zul Azli Ghani, 18, terpaksa menjalani pembedahan segera bagi merawat luka dalam perut.

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat, ketika bercakap kepada pemberita selepas menziarahi mangsa menasihati seluruh ahli-ahli PAS dan Angkatan agar tidak sekali-kali membalaik dendam kerana bukan sahaja polis mencatat tragedi itu bahkan juga Allah s.w.t. "Bagi saya, untuk mengajak orang lain bersama kita, boleh dilakukan dengan kempen, dialog, muzakarah dan sebagainya. Kalau dengan

menggunakan senjata, sampai bila pun tidak akan selesai," ujarnya.

Begitu pun, tidak kurang menariknya ialah bertambahnya jumlah kerusi Parlimen yang memperlihatkan pengaruh PAS makin mantap. Pada tahun 1990, hanya empat kerusi Parlimen yang mana calon PAS mendapat undi lebih 40 peratus, iaitu Kuala Kedah (45.95%), Pendang (45.77%), Kota Setar (44.91%) dan Jerai (41.43%). Sementara dalam pilihan raya 1986, lima kerusi terbabit, iaitu Padang Terap (41.22%), Kota Setar (47.52%), Kuala Kedah (46.74%), Pendang (48.63%) dan Jerai (44.05%). Manakala 1995 memperlihatkan jumlahnya meningkat kepada lapan kerusi, iaitu semua kerusi yang PAS tandingi, kecuali Kubang Pasu. Lihat rajah 4.

Dalam pada itu prestasi calon Parti Melayu Semangat 46 (PMS46) di enam kawasan Parlimen yang ditandinginya jelas merosot. Majoriti kemenangan BN di kawasan terbabit agak besar, iaitu 8,425 undi di Langkawi, 16,887 undi di Alor Setar, 22,201 undi di Merbok, 26,221 undi di Sungai Petani, 16,553 undi di Padang Serai dan 14,302 undi di Kulim - Bandar Baharu. Perbandingan prestasi PMS46 dengan pilihan raya 1990 ditunjukkan dalam rajah 5.

Walaupun kalah di Kuala Kedah, undi yang diperolehi oleh Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor cukup melegakan. Majoriti kekalahannya hanya 2986 sedangkan majoriti kemenangan BN di tiga kerusi DUN di bawah Parlimen Kuala Kedah cukup besar. BN menang di Anak Bukit dengan majoriti 568, Kubang Rotan (3,773) dan Pengkalan Kundor (1,485), iaitu jumlahnya hampir 6,000 undi. Mungkin terdapat penyokong Umno yang menolak calon BN di Parlimen tetapi tetap mengundi BN di kerusi DUN.

Tetapi apa yang berlaku di kawasan DUN Kuala Nerus adalah sebaliknya, apabila calon muda PAS, Munir

Zakaria hanya kalah 11 undi. Sedangkan bagi Parlimen Padang Terap, calon BN, Dr Affifudin Omar menang dengan majoriti 2,673 dan calon PAS di DUN Pedu kalah 1,047 undi. Maknanya, sekali lagi, mungkin terdapat undi protes daripada penyokong Umno terhadap calon BN di Pedu. Mereka mengundi BN untuk Parlimen dan menyokong PAS bagi kerusi DUN.

Tegasnya, faktor perpecahan Umno, walaupun tidak dapat dipastikan sejauh mana sumbangannya terhadap kemenangan PAS, harus dimanfaatkan sekadar yang boleh. Hanya mengharapkan atas faktor ini adalah tindakan sia-sia tetapi dengan mengetepikannya langsung juga bukan satu tindakan politik yang bijaksana.

Penyokong Umno harus didekati sejak awal lagi bukannya selepas Parlimen atau DUN dibubarkan. Hanya mengharapkan undi protes mereka kerana masalah calon kerap menghamparkan PAS. Sesungguhnya tidak semudah itu untuk PAS mengharapkan sokongan subsidi daripada penyokong Umno. Begitu juga dengan pembentangan isu-isu politik. Tempoh kempen yang tidak sampai sepuluh hari itu terlalu amat sukar untuk mengubah kecenderungan pengundi. Saya ulangi: terlalu amat sukar mengubah *trend pengundian* penyokong BN selama kempen selepas hari penamaan calon dalam keadaan segala-galanya menyebelahi BN.

Dalam pada itu, beberapa penyokong PAS merasakan, seringkali Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor tersilap memilih kawasan Parlimen. Pada tahun 1986, beliau bertanding di Kuala Kedah, dan kalah dengan perbezaan undi sebanyak 1,957. Di Pendang, di mana terletak kawasan DUN Bukit Raya yang ditandingi dan dimenanginya, calon BN hanya menang dengan majoriti 900 undi.

men  
uj  
de-  
men

bkan potensi menang lebih cerah di berpindah kawasan. Entah di mana 3,205 undi. Sedangkan bagi DUN Izil menang dengan kelebihan 1,829 DUN Ayer Puteh (yang juga berada endang) calon Semangat 46 tewas

3,929 undi kepada calon BN. 1995, Ustaz Fadzil yang juga Ketua PAS Kuala Kedah kembali ke Kuala Kedah. Kuala Kedah kini mempunyai tiga kerusi DUN, iaitu Pengkalan Kundor, Kubang Rotan dan Anak Bukit. Di antara tiga kerusi itu, hanya Anak Bukit mempunyai peluang cerah untuk menang.

"Sepatutnya Ustaz Fadzil tetap bertanding di Pendang. Pendang hanya menawarkan dua kerusi DUN, iaitu Bukit Raya dan Sungai Tiang. Bukit Raya sudah pasti dalam genggaman PAS. Ia kubu tradisi PAS sejak 1969, cuma kalah dalam pilihan raya kecil. Kenapa perlu Ustaz Fadzil kembali ke Kuala Kedah sedangkan ketiga-tiga kerusi DUN di situ milik Umno? Bukanakah gerak kerja PAS lebih dipusatkan kepada kawasan DUN? Keputusan pilihan raya membuktikan calon PAS, seorang muka baru, Taulan Rasul hanya tewas 1,962 undi kepada bekas Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Osman Abdul yang tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam Kabinet. PAS Kedah perlu serius mengatur strategi untuk mempastikan Ustaz Fadzil menerajui PAS di Parlimen selepas pilihan raya akan datang. Antaranya dengan membuat pilihan bijak ketika menentukan kawasan mana seharusnya Ustaz Fadzil bertanding. Dan saya rasa tidak ada kawasan yang lebih sesuai melainkan Pendang. Ustaz Fadzil pun tidak asing lagi dengan pengundi Pendang kerana beliau mewakili pengundi Bukit Raya semenjak 1982," ujar seorang penyokong PAS yang ditemui di Kuala Lumpur.

Apa pun ulasan yang boleh diberikan terhadap keputusan pilihan raya negeri Kedah ini, hakikat yang tidak boleh dilupakan ialah kemenangan PAS nampak agak sukar tetapi terlalu penting untuk pelebaran pengaruh PAS khususnya di Pantai Barat. Pemimpin dan ahli-ahli PAS harus menerima cabaran sengit lagi sukar ini sebagai agenda politik menyambut abad 21!

Kritikan Ahmad Fawzi Mohd Basri, yang mungkin keras bagi sesetengah pihak, terhadap PAS agak menarik untuk direnungi: "Sebagai sebuah organisasi, PAS tidak dapat lari daripada hakikat kehadiran masalah dalam parti serta strategi dan jentera pilihan raya, serta masalah kepimpinan. PAS perlu menilai semula organisasinya serta melakukan transformasi menyeluruh jika ingin terus bertapak kekal dalam pemikiran pengundi. Sudah 13 tahun (1982-1995) era kepimpinan ulama berlaku, apakah pencapaian yang PAS peroleh dan apakah masa depan perjuangan Islam di negara ini. Ternyata PAS menghadapi "krisis kepimpinan", "kelumpuhan" organisasi dan "kekaburuan" fikrah.

"Jika matlamat itu (menegakkan Islam) yang diimpikan oleh PAS, masih banyak persoalan organisasi dan kepimpinan serta fikrah yang perlu digarap oleh PAS. Parti itu perlu mempelajari betapa kehadiran manusia dalam ceramah dan perhimpunan PAS bukanlah satu jaminan kemenangan buat masa ini.

"Pengukuhan organisasi PAS cukup penting. PAS juga tidak dapat lari daripada *clique* atau kem di kalangan pemimpinnya di semua peringkat. Ketokohan Datuk Nik Aziz lebih tertonjol, kerana dia bukan sahaja sebagai Ketua Dewan Ulama PAS, tetapi memegang jawatan Menteri Besar Kelantan yang menjadikan beliau amat penting. Mohammad Sabu yang popular dengan ceramahnya yang "memi-

kat" dan "membuka pekung pemimpin Umno serta keluarga mereka" merupakan satu lagi tokoh PAS yang menonjol dalam pilihan raya kali ini. Kedua-dua tokoh ini menenggelamkan tokoh utama parti iaitu Presiden PAS, Ustaz Fadzil Noor dan Timbalan Presiden PAS, Ustaz Haji Hadi Awang. Tidak semua pemimpin PAS bersetuju dengan kepantasannya sanggahan Mohamad Sabu, ada yang bimbang dengan sikap keterbukaannya yang boleh mencacatkan undi. Di kalangan ahli PAS ada yang mempersoal sikap pemimpin dan calon-calon tertentu. Ada juga yang mempersoal latar belakang pendidikan pemimpin PAS. Mereka yang berpendidikan pengajian Islam memandang rendah mereka yang tiada latar belakang pendidikan Islam walaupun mereka itu menghayati Islam. PAS juga seperti Umno gagal membendung "pembelot". Banyak pendokongnya meninggalkan parti itu.

"Selagi PAS tidak dapat meletakkan dirinya sebagai institusi sosial dalam masyarakat Melayu, parti itu tidak akan mampu bergerak keluar daripada kepompong pengaruhnya di Kelantan dan Terengganu dan menghadapi karenah pengundi bandar. PAS juga perlu menentukan pergerakannya sama ada sebagai pertubuhan politik untuk Islam atau pertubuhan Islam untuk politik. Dari segi kepimpinan organisasinya pula, sejauh mana PAS mengintelektual ulama dan mengulamakan intelektual? Pokoknya sebagai parti siasah, PAS tidak dapat mengelakkan diri daripada menilai semula kelemahan organisasi, kepemimpinan, dan ketokohan, serta wawasannya."

BAGAIMANA KEDAH SELEPAS MAHATHIR?

Tahun	% Undi PAS	% Undi PMS46
1978	39.50	-
1982	33.22	-
1986	35.32	-
1990	24.09	10.09
1995	31.47	2.89

Rajah 1: Peratusan undi popular PAS dan Parti Melayu Semangat 46 Dewan Undangan Negeri Kedah dari tahun 1978 - 1990. Jika dijumlahkan peratusan undi PAS dan PMS46, pada 1990, 34.18%; 1995, 34.36%.

% Pengundi Melayu	Jumlah DUN
90 ke atas	8
80 - 89	13
70 - 79	5
60 - 69	2
Dи bawah 59	8

Rajah 2: Jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah berdasarkan peratusan pengundi Melayu.

Kumpulan	Majoriti BN	Jumlah DUN
A+	PAS Menang	2
A	1 - 1000	5
B	1001 - 3000	7
C	3001 - 5000	7

Rajah 3: Kedudukan kerusi DUN Kedah berdasarkan majoriti BN.

Bil	Kawasan	% Undi PAS	Majoriti BN
1.	Pendang	47.47	1,961
2.	Kuala Kedah	46.40	2,986
3.	Sik	45.44	2,134
4.	Jerlun	44.49	3,576
5.	Pokok Sena	43.97	5,868
6.	Padang Terap	43.47	2,673
7.	Baling	42.63	5,368
8.	Yan	42.55	4,343

Rajah 4: Kawasan Parlimen di Kedah yang mana calon PAS mendapat undi lebih 40 peratus.

Kawasan	1995		1990	
	% Undi	Maj. BN	% Undi	Maj. BN
Alor Setar	43.63	5,135	29.01	16,887
Merbok	27.78	15,843	22.28	22,201
Sg. Petani	37.59	9,281	21.26	26,221
Padang Serai	21.36	12,500	28.01	16,553
Kulim B Baru	29.10	13,650	26.64	14,301

Rajah 5: Perbandingan peratusan undi dan majoriti kemenangan BN di kawasan Parlimen yang ditandingi calon PMS46, antara 1995 dan 1990. Pada tahun 1990, calon PAS yang bertanding di Padang Serai. Turut serta calon DAP, yang memperolehi 17.19% undi.

BAGAIMANA KEDAH SELEPAS MAHATHIR?

Tahun	Undi	Majoriti
1964	12,406	4,210
1969	12,032	- 989
1974	M T B	
1978	18,198	8,245
1982	24,524	15,761
1986	25,452	15,298
1990	30,681	22,062
1995	24,495	17,226

Rajah 6: Jumlah undi yang diterima oleh Dr Mahathir Mohamad beserta majoriti kemenangannya (kecuali 1969) dari 1964 - 1995. Pada 1974, Dr Mahathir menang tanpa bertanding (MTB).

Tahun	Parlimen			DUN		
	Undi	Maj.	Kawasan	Undi	Maj.	Kawasan
1978	14,028	-879	K. Kedah	6,087	- 809	Alor Merah
1982	11,711	-3,560	Ulu Muda	8,117	346	Bukit Raya
1986	14,035	-1,957	K. Kedah	10,327	2,215	Bukit Raya
1990	17,349	-3,205	Pendang	10,923	1,829	Bukit Raya
1995	19,223	-2,986	K. Kedah	11,466	2,416	Bukit Raya

Rajah 7: Jumlah undi yang diterima oleh Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor dari 1978 - 1995 di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Majoriti negatif (-) di kawasan yang kalah.



# 10

---

## Keputusan Pilihan Raya Umum DUN Kedah 1995

### N1 Padang Matsirat (12,029)

M:86.34% C:1.50% I:0.15% L:0.01%

1. Md Hassan Bulat (BN)	6,375
2. Long Saad (PAS)	2,560
3. Azizan Abu Bakar (Bebas)	95

M:3,815 UR:284 JU:9,314; 77.43%

### 1. Ab Rahman Ariffin (BN) 9,069

### 2. Hashim Osman (PAS) 7,352

M:1,717 UR:296 JU:16,717; 75.80%

### N4 Kota Siputeh (21,822)

M:88.91% C:8.39% I:0.10% L:2.58%

1. Abu Hasan Sarif (BN)	9,483
2. Abu Kasim Abdullah (PAS)	6,933

M:2,550 UR:300 JU:16,716; 76.60%

### N5 Tunjang (22,539)

M:86.84% C:9.89% I:2.41% L:0.87%

1. Barishah Saad (BN)	11,610
2. Yusof Abdullah (PAS)	4,366

M:7,244 UR:460 M:16,436; 72.92%

### N3 Ayer Hitam (22,055)

M:89.17% C:10.11% I:0.06% L:0.66%

Berdasarkan Berita Harian, 27 April 1995.

M=majoriti UR=undi rosak JU=jumlah undi; peratus mengundi

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

**N6 Jitra (22,304)**

M:80.22%	C:11.86%	I:6.25%	L:1.67%
1. Osman Aroff (BN)	12,164		
2. S Idrus Baharom (S46)	3,726		
M:8,438 UR:615 JU:16,505; 74.00%			

**N14 Alor Merah (19,446)**

M:68.00%	C:26.13%	I:5.03%	L:0.84%
1. Bashah Md Hanipah (BN)	9,558		
2. Fadzil Ahmad (PAS)	3,965		
M:5,593 UR:291 JU:13,814; 71.04%			

**N7 Kuala Nerang (14,330)**

M:92.46%	C:2.70%	I:0.33%	L:0.85%
1. A Lateh Mohd Saman (BN)	5,303		
2. Munir Zakaria (PAS)	5,292		
M:11 UR:367 JU:10,962; 76.50%			

**N8 Pedu (12,964)**

M:88.42%	C:0.68%	I:10.90%	
1. Ghazali Ibrahim (BN)	5,575		
2. Othman Marzuki (PAS)	4,528		
M:1,047 UR:216 JU:10,319; 79.60%			

**N9 Bukit Lada (21,995)**

M:89.88%	C:8.24%	I:1.58%	L:0.30%
1. Ahmad Lebai Sudin (BN)	9,189		
2. Mahmud Ahmad (PAS)	7,201		
M:1,988 UR:388 JU:16,778; 76.28%			

**N10 Langgar (19,390)**

M:92.53%	C:6.55%	I:0.88%	L:0.14%
1. Sheikh Mohd Abdullah (PAS)	6,587		
2. Sheikh Alias Mustaffa (BN)	7,019		
M:432 UR:497 JU:14,103; 72.73%			

**N11 Tanjung Seri (22,516)**

M:76.19%	C:21.96%	I:1.51%	L:0.35%
1. Ab Rahman Ibrahim (BN)	9,494		
2. Shauqi Ibrahim (PAS)	6,612		
M:2,882 UR:310 JU:16,416; 72.91%			

**N12 Derga (20,257)**

M:42.12%	C:50.09%	I:6.90%	L:0.83%
1. Cheung Khai Yan (BN)	9,248		
2. Jaafar Jusoh (PAS)	2,580		
3. J Gopal (PBS)	1,043		
M:6,668 UR:231 JU:13,102; 64.68			

**N13 Kota Darul Aman (21,982)**

M:32.31%	C:62.00%	I:5.30%	L:0.41%
1. Chong Kau Chai (BN)	9,589		
2. George John (DAP)	4,324		
M:5,265 UR:611 JU:14,524; 66.07%			

**N14 Alor Merah (19,446)**

M:68.00%	C:26.13%	I:5.03%	L:0.84%
1. Bashah Md Hanipah (BN)	9,558		
2. Fadzil Ahmad (PAS)	3,965		
M:5,593 UR:291 JU:13,814; 71.04%			

**N15 Anak Bukit (18,297)**

M:87.22%	C:11.37%	I:1.05%	L:0.36%
1. Abdullah Hasnan (BN)	7,044		
2. Abd Rahman Halim (PAS)	6,476		
M:568 UR:197 JU:13,717; 74.97%			

**N16 Kubang Rotan (18,642)**

M:77.42%	C:21.67%	I:0.54%	L:0.40%
1. Syed Razak Zain (BN)	8,482		
2. Mohd Yusuf Husin (PAS)	4,709		
M:3,777 UR:243 JU:13,434; 72.06%			

**N17 Pengkalan Kundur (20,466)**

M:81.71%	C:17.31%	I:0.91%	L:0.07%
1. Mohd Jamil Idross (BN)	8,290		
2. Mohd Muslim Othman (PAS)	6,805		
M:1,485 UR:204 JU:15,299; 74.75%			

**N18 Bukit Raya (26,259)**

M:89.83%	C:9.86%	I:0.27%	L:0.07%
1. Fadzil Noor (PAS)	11,466		
2. Fadhil Hanafi (BN)	9,050		
M:2,416 UR:227 JU:20,743; 78.99%			

**N19 Sungai Tiang (25,192)**

M:84.52%	C:3.68%	I:1.31%	L:10.49%
1. Fatimah Ismail (BN)	11,168		
2. Ab Rahim Rahman (PAS)	7,409		
M:3,759 UR:190 JU:18,767; 74.50%			

**N20 Sala (21,839)**

M:92.00%	C:7.50%	I:0.01%	L:0.05%
1. Azizan Ab Razak (PAS)	8,367		
2. Bahador Omar (BN)	8,171		
M:196 UR:215 JU:16,753; 76.71%			

**N21 Guar Chempedak (18,818)**

M:85.00%	C:13.80%	I:0.52%	L:0.25%
1. Ab Razak Hashim (BN)	8,685		
2. Baharom Hanafi (PAS)	4,365		
M:4,300 UR:250 JU:13,300; 70.68%			

**KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM DUN KEDAH 1995**

<b>N22 Belantek (14,762)</b> M:92.00% C:2.60% L:0.16% L:4.26%	<b>N29 Sidam (21,257)</b> M:33.70% C:42.20% L:22.70% L:1.29%
1. Hamlan Din (BN) 5,819	1. Fong Chok Gin (BN) 9,230
2. Salleh Musa (PAS) 5,391	2. Chong Kok Heong (DAP) 3,417
M:428 UR:246 JU:11,456; 77.60%	3. Jamaludin Yahaya (PAS) 1,989
	M:5,813 UR:351 JU:14,987; 70.50
<b>N23 Jeneri (16,040)</b> M:91.00% C:1.80% L:0.07%	<b>N30 Bayu (24,006)</b> M:88.00% C:7.30% L:1.19% L:2.80%
1. Hadzir Jaafar (BN) 6,751	1. Mohd Sibi Ahmad (BN) 11,384
2. Harun Jusoh (PAS) 5,690	2. Md Juki Ahmad (PAS) 6,515
M:1,061 UR:268 JU:12,709; 77.57%	M:4,869 UR:401 JU:18,301; 76.24%
<b>N24 Bukit Selambau (21,169)</b> M:44.20% C:23.00% L:31.50%	<b>N31 Kupang (26,590)</b> M:90.00% C:6.50% L:1.94% L:0.66%
1. V Saravanan (BN) 10,165	1. Zainol Md Isa (BN) 10,019
2. Harun Mat Isa (PAS) 2,800	2. Suhaimi Ahmad (PAS) 9,626
3. Karuppiah R (DAP) 1,692	M:393 UR:399 JU:20,044; 75.38%
M:7,365 UR:371 JU:15,031; 71.00%	
<b>N25 Gurun (19,156)</b> M:49.40% C:29.10% L:21.00% L:0.37%	<b>N32 Kuala Ketil (17,552)</b> M:71.00% C:9.80% L:18.50% L:0.60%
1. Beng Heng Seong (BN) 9,741	1. Mohd Hadzir Ismail (BN) 8,747
2. Ab Majid Mat Isa (S46) 2,976	2. Ahmad Majid (PAS) 3,464
M:6,765 UR:485 JU:13,202; 68.92%	M:5,283 UR:321 JU:12,532; 71.40%
<b>N26 Tanjung Dawai (19,113)</b> M:76.00% C:18.40% L:5.07% L:0.12%	<b>N33 Merbau Pulas (20,549)</b> M:60.00% C:15.70% L:22.90% L:0.38%
1. Badri Yunus (BN) 8,931	1. Che Pora Omar (BN) 10,096
2. Mohd Yusof Omar (PAS) 4,356	2. Ahmad Jailani Alunad (PAS) 3,203
M:4,575 UR:415 JU:13,702; 71.69%	M:7,703 UR:498 JU:14,607; 71.08%
<b>N27 Pantai Merdeka (20,893)</b> M:91.00% C:7.50% L:0.78%	<b>N34 Lunas (21,997)</b> M:42.10% C:39.20% L:17.60% L:0.94%
1. Jamaludin Yusof (BN) 9,857	1. Dr Joe Fernandez (BN) 11,034
2. Mohd Isa Mahmud (PAS) 5,421	2. Majid Arop (S46) 3,798
3. Lim Pok Long (DAP) 341	M:7,236 UR:420 JU:15,252; 69.34%
M:4,436 UR:330 JU:15,949; 76.34%	
<b>N28 Bakar Arang (22,896)</b> M:48.00% C:42.60% L:8.20% L:0.70%	<b>N35 Kulim (24,564)</b> M:55.00% C:25.90% L:17.70% L:0.76%
1. Tan Hong Eng (BN) 9,882	1. Yong Pau Chak (BN) 13,090
2. Lee Chuan Sam (DAP) 3,276	2. Che At Ibrahim (S46) 3,144
3. Azizan Magribi (PAS) 3,104	M:9,946 UR:597 JU:16,831; 68.52
M:6,606 UR:496 JU:16,758; 73.19%	
	<b>N36 Bandar Baharu (21,382)</b> M:73.00% C:19.20% L:7.10% L:0.20%
	1. M Fishol Said (BN) 10,652
	2. Hassan Razak (PAS) 4,093
	M:6,559 UR:567 JU:15,302; 71.56%



# **11**

---

## **Melayu Masih Dominan di Semenanjung**

**P**olitik Malaysia masih dibayangi sentimen perkauman yang tebal. Parti-parti yang mendapat sokongan kaum tertentu sukar mengembangkan pengaruh di kawasan yang majoriti pengundiannya dari kaum lain. Misalnya, semua kerusi yang dimenangi calon PAS datangnya dari kawasan majoriti pengundi Melayu lebih 90 peratus. Begitu juga dengan DAP, yang masih mengharapkan sokongan mutlak daripada pengundi bukan Melayu di Semenanjung, khususnya pengundi Cina, iaitu Kepong (92.90% Cina), Bukit Bintang (77.40%), Sepu-

---

Disusun dari keputusan pilihan raya 1995, *Berita Harian*, 27 April 1995.

teh (89.80%), Cheras (83.44%), Kota Melaka (66.65%), Bagan (64.40%), Tajong (87.01%), Jelutong (65.25%). Disertakan di bawah ini senarai kawasan-kawasan Parlimen di Semenanjung menurut kumpulan tertentu berdasarkan komposisi pengundi.

Kawasan Majoriti Pengundi Melayu Lebih 80%

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P34 Setiu	99.60	0.40	0.00
2. P35 Kuala Nerus	99.50	0.40	0.07
3. P38 H. Terengganu	99.10	0.80	0.07
4. P30 Jeli	99.00	0.50	0.40
5. P24 Kubang Kerian	98.00	1.60	0.20
6. P25 Bachok	98.00	1.60	0.30
7. P33 Besut	97.70	1.90	0.20
8. P37 Marang	7.50	2.40	0.10
9. P20 Peng. Chepa	97.00	2.60	0.20
10. P23 Rantau Panjang	97.00	2.00	0.80
11. P28 Pasir Puteh	97.00	1.90	0.70
12. P26 Peringat	96.00	2.90	0.60
13. P39 Dungun	94.10	5.50	0.50
14. P22 Pasir Mas	94.00	5.20	0.60
15. P29 Machang	94.00	5.00	0.40
16. P7 Padang Terap	92.46	2.70	0.33
17. P27 Tanah Merah	92.00	5.50	1.60
18. P13 Sik	92.00	2.19	0.11
19. P4 Langkawi	91.24	6.42	2.31
20. P19 Tumpat	91.00	2.50	5.60
21. P80 Pekan	90.79	3.25	0.84
22. P81 Maran	90.44	6.85	2.31
23. P31 Kuala Krai	90.00	7.20	2.50

MELAYU MASIH DOMINAN DI SEMENANJUNG

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
24. P32 Gua Musang	90.00	7.80	1.40
25. P5 Jerlun	89.08	9.25	0.08
26. P12 Yan	89.00	10.40	0.24
27. P16 Baling	89.00	6.50	1.94
28. P85 Rompin	88.80	3.20	1.60
29. P40 Kemaman	88.65	9.50	1.44
30. P11 Pendang	87.23	6.83	0.76
31. P3 Arau	87.00	9.20	1.46
32. P36 K. Terengganu	87.00	12.22	0.70
33. P8 Pakok Sena	85.86	12.56	1.34
34. P76 Raub	84.83	10.68	2.89
35. P79 Paya Besar	84.00	13.42	1.56
36. P53 Larut	82.60	7.90	9.32
37. P6 Kubang Posu	83.55	10.87	4.32
38. P10 Kuala Kedah	82.08	16.82	0.83
39. P1 Padang Besar	82.00	12.40	1.72
40. P77 Jerantut	80.59	16.09	2.56
41. P139 Kota Tinggi	80.14	17.31	2.07
42. P70 Pasir Salak	80.09	14.95	4.94
43. P116 Kuala Pilah	80.00	15.00	4.00

Kawasan Majoriti Pengundi Melayu Antara 65% - 79%

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P120 Alor Gajah	79.90	15.26	3.61
2. P87 Tanjung Karang	78.40	19.90	1.70
3. P21 Kota Bharu	78.00	19.00	0.40
4. P2 Kangar	77.00	18.00	1.99
5. P42 Tasek Gelugor	76.87	15.96	7.13
6. P66 Parit	76.10	20.17	3.50
7. P86 Sabak Bernam	74.40	19.50	6.10

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
8. P52 Gerik	73.44	20.91	3.81
9. P91 Gombak	73.30	15.30	10.00
10. P58 Chenderoh	72.24	21.39	5.97
11. P41 Kepala Batas	71.68	23.35	4.95
12. P18 Kulim B Baru	69.00	19.00	10.90
13. P134 Sri Gading	68.10	29.97	1.60
14. P55 Bagan Serai	67.75	17.52	14.53
15. P129 Mersing	67.31	29.26	2.60
16. P54 Parit Buntar	67.18	28.31	4.73
17. P124 Jasin	66.57	22.91	3.31
18. P44 Permatang Pauh	66.13	28.05	5.69

Kawasan Pengundi Melayu Antara 50% - 64%

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P64 Kuala Kangsar	64.87	27.04	7.50
2. P56 Bukit Gahtang	63.30	27.59	9.03
3. P131 Parit Sulong	62.75	35.00	1.40
4. P137 Sungai Benut	61.70	28.60	6.80
5. P82 Mentakab	61.42	25.14	8.46
6. P133 Muar	61.28	36.23	1.68
7. P60 Tambun	61.14	28.10	10.48
8. P107 Titiwangsa	60.40	28.20	10.90
9. P127 Pagoh	60.06	34.61	5.05
10. P114 Jempol	60.00	27.00	12.00
11. P115 Tampin	60.00	29.00	10.00
12. P84 Temerloh	59.94	32.10	4.50
13. P93 Hulu Langat	58.80	28.60	12.40
14. P98 Shah Alam	58.10	20.50	21.30
15. P92 Ampang Jaya	57.90	34.30	7.80
16. P99 Kapar	57.90	28.80	13.30

MELAYU MASIH DOMINAN DI SEMENANJUNG

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
17. P51 Balik Pulau	57.03	37.47	5.28
18. P15 Sungai Petani	57.00	31.00	10.50
19. P17 Padang Serai	57.00	22.00	19.00
20. P14 Merbok	56.00	23.00	19.00
21. P89 K. Selangor	55.70	21.00	23.30
22. P78 Kuantan	54.44	38.98	5.09
23. P72 Bagan Datoh	55.26	20.50	24.19
24. P142 Pulai	55.00	35.00	8.00
25. P113 Jelebu	55.00	34.00	10.00
26. P135 Batu Pahat	54.49	43.39	1.58
27. P105 Wangsa Maju	54.20	35.90	9.30
28. P109 Lembah Pantai	54.10	24.80	20.80
29. P75 Lipis	54.00	25.24	11.40
30. P144 Pontian	53.76	43.60	1.20
31. P102 Sepang	53.70 2	5.20	19.70
32. P122 Batu Berendam	53.47	41.03	5.02
33. P112 B.T.A. Razak	53.40	39.40	6.80
34. P101 Kuala Langat	52.70	27.60	18.60
35. P121 Selandar	52.70	34.33	12.56
36. P69 Tapah	52.02	35.65	12.00
37. P126 Ledang	51.40	43.62	4.60
38. P136 Tenggara	51.32	38.40	6.79
39. P88 Hulu Selangor	50.10	30.50	19.20

## Kawasan Campuran

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P74 Tanjung Malim	49.45	34.39	15.97
2. P140 Tebrau	49.16	33.22	14.37
3. P143 Gelang Patah	49.10	45.80	4.70
4. P90 Selayang	48.90	35.70	15.10
5. P97 Subang	48.20	29.50	21.60
6. P104 Batu	47.50	37.60	14.30
7. P9 Alor Setar	46.78	46.77	1.51
8. P128 Labis	46.47	39.45	13.70
9. P71 Lumut	45.43	42.61	11.72
10. P141 Johor Bahru	43.59	48.39	5.14
11. P117 Seremban	43.00	45.00	10.00
12. P125 Segamat	2.67	47.44	9.49
13. P83 Bentong	40.09	49.41	9.56
14. P57 Taiping	39.11	47.83	12.03
15. P119 Telok Kemang	39.00	45.00	15.00
16. P46 Nibong Tebal	36.02	47.98	15.98
17. P59 Sungai Siput	35.26	43.65	20.83
18. P73 Teluk Intan	34.00	45.05	20.71
19. P130 Kluang	32.81	48.17	11.50
20. P106 Segambut	31.10	49.50	18.90

MELAYU MASIH DOMINAN DI SEMENANJUNG

Kawasan Majoriti Pengundi Cina Antara 50% - 64%

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P43 Bagan	16.75	64.40	18.77
2. P50 Bayan Baru	23.60	64.27	11.63
3. P68 Kampar	26.15	61.17	12.06
4. P118 Rasah	30.00	60.00	9.00
5. P96 Serdang	32.40	56.60	10.90
6. P138 Senai	36.90	55.80	7.00
7. P100 Klang	26.70	55.40	17.60
8. P132 Bakri	40.00	53.00	2.00
9. P65 Beruas	31.97	52.67	14.82
10. P67 Gopeng	40.75	50.78	7.92
11. P95 PJ Selatan	34.30	50.50	14.80

Kawasan Majoriti Pengundi Cina Antara 65% - 79%

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P108 Bukit Bintang	12.70	77.40	9.30
2. P94 PJ Utara	15.80	76.50	7.50
3. P63 Batu Gajah	15.65	75.72	7.88
4. P47 Bukit Bendera	15.06	73.75	10.15
5. P45 Bukit Mertajam	22.63	67.32	10.01
6. P123 Kota Melaka	28.21	66.65	3.31
7. P62 Ipoh Barat	11.44	66.34	20.49
8. P49 Jelutong	22.06	65.25	12.42

Kawasan Majoriti Pengundi Cina Lebih 80%

Bil Kawasan	Melayu	Cina	India
1. P103 Kepong	2.00	92.90	4.20
2. P110 Seputeh	4.30	89.80	4.90
3. P48 Tanjung	5.09	87.01	7.71
4. P61 Ipoh Timur	9.34	85.96	4.52
5. P111 Cheras	8.70	83.44	7.80



# **12**

---

## **Kenapa PAS Dapat Undi Umno?**

**U**mno sepatutnya boleh mencapai kejayaan yang jauh lebih besar dalam pilihan raya kali ini. Dalam keadaan pembangkang yang lemah dan tidak ada isu, sepatutnya jentera Umno bergerak lebih licin dan berkesan. Memastikan kejayaan penuh BN dan Umno sepatutnya menjadi agenda utama semua pihak. Malangnya, pada saat-saat menjelang pilihan raya itu, ada beberapa elemen dalam Umno yang terang-terang menzalimi parti mereka sendiri.

Umno bukan parti yang sempurna, berkali-kali hal itu

ditegaskan oleh Presidennya. Pada waktu yang sama di antara dua juta ahli Umno dan sekian banyak penyokongnya, tentulah tidak semua dapat bertanding. Hakikat ini tentulah difahami. Kerana itu ahli dan penyokong Umno harus secara waras menerima sesiapa sahaja yang telah diputuskan oleh pucuk pimpinan. Secara teori sepatutnya itulah yang berlaku. Tetapi dalam beberapa kejadian dan kawasan, hal sebaliknya terjadi. Jentera pilihan raya Umno menjadi lemah kerana berlaku protes malah sabotaj pada calon-calon Umno tertentu.

Rasa tidak puas hati boleh difahamkan kalau berlaku sehari dua selepas penamaan calon. Selepas itu kejernihan harus dicari. Tetapi sekali lagi, ada kalangan dalam Umno yang lebih rela melihat parti dan BN kalah apabila kepentingan peribadi mereka terjejas. Akibatnya kerana masalah dalaman ini beberapa kawasan yang selama ini "bersih" atau "selamat" bagi Umno berada dalam kedudukan "cemas".

Apa yang menyedihkan sebahagian daripada masalah dalaman ini terpancar pada keputusan pilihan raya. Secara keseluruhan memang prestasi PAS merosot. Tetapi satu hal yang tidak boleh dinafikan ialah PAS mulai bertapak di beberapa kawasan Melayu pedalaman dan kawasan pertanian terutama di utara Semenanjung. Akibatnya PAS berjaya mengurangkan majoriti calon-calon BN di Perlis, Kedah dan Perak.

Walau apa pun faktornya, kita melihat sekurang-kurangnya lima kerusi Parlimen di Kedah mengalami cabaran PAS yang hebat. Majoriti BN bagi kawasan Padang Terap, Sik, Kubang Pasu, Baling dan Pendang misalnya mengalami kemerosotan. Dalam pertarungan Dengan Undangan Negeri pula, BN menang dengan majoriti yang sangat kecil

di lima kawasan, yakni Langgar, Anak Bukit, Belantek, Kupang dan Kuala Nerang. Malah untuk Kuala Nerang, BN hanya memenangi majoriti 11, yang paling tipis dalam sejarah. Begitu juga beberapa kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang memperlihatkan pertarungan satu lawan satu dengan PAS di ketiga-tiga negeri itu juga memperlihatkan kemerosotan undi untuk BN.

Hal-hal seperti ini harus diambil serius oleh Umno. Mungkin memang PAS bekerja lebih keras akhir-akhir ini di utara Semenanjung. Tetapi soalan yang lebih penting ialah apakah Umno bekerja dua kali ganda lebih kuat me-nahan asakan PAS itu? Sekiranya beberapa kawasan di Kedah menjadi ukuran, ternyata masalah dalaman Umno sendiri bertanggungjawab pada kurangnya undi untuk parti itu. Kerana itu Umno harus melakukan pembersihan dari dalam secara menyeluruh. Orang Umno yang belot, tidak patuh dan jelas melakukan sabotaj harus dihukum. Sesiapa sahaja yang berkecenderungan untuk melemahkan Umno dari dalam harus dicantas tanpa kasihan. Memenangkan pilihan raya merupakan tugas paling utama bagi ahli parti. Sayugia diingat MCA, MIC dan Gerakan telah mendapatkan kembali maruah mereka kali ini. Suara mereka juga boleh menjadi lebih lantang selepas ini. Sayang sekali, sebahagian orang Umno masih menganggap kemenangan mereka setiap pilihan raya sebagai pasti dan berulang. Sejarah tidak mengampunkan mereka yang lalai.

ii.

Saya amat tertarik kepada subtopik "Masa Merenung Ke Dalam Diri" oleh Lanang Sejagat (LS). Ia memaparkan kejengkelan LS terhadap aksi-aksi politik yang negatif (protes dan sabotaj) ahli-ahli terhadap partinya, Umno. Aksi negatif ini bukan sahaja memudaratkan parti malah bertanggungjawab memberi peluang kepada pelebaran pengaruh PAS di utara Semenanjung. Namun kerana terlalu jengkelnya terhadap fenomena ini mengakibatkan LS berbicara agak lantang, keras dan dalam masa yang sama terlupa untuk memperjelaskan isu-isu itu secara saksama dan cermat. Kerana kelupaan itulah saya cuba memberi reaksi dan diharap menyempurnakan lagi pandangannya itu.

Berdasarkan pemahaman saya, subtopik itu menyerlahkan tiga persoalan utama. Pertama, berlaku protes dan sabotaj oleh ahli-ahli Umno terhadap calon-calon Umno yang bertanding. Keadaan ini menyebabkan majoriti undi calon-calon tersebut berkurangan apabila dicabar sengit oleh PAS. Kedua, pertapakan pengaruh PAS yang mula mantap di kawasan pedalaman Melayu dan pertanian di utara Semenanjung (Perlis, Kedah dan Perak). Ketiga, Umno seharusnya melakukan pembersihan dalaman secara menyeluruh. Anasir-anasir pembelot, tidak patuh dan sabotaj dihapuskan tanpa ampun kerana memudaratkan survival parti.

LS begitu kesal dan marah kepada ahli-ahli parti Umno yang bertindak negatif (protes dan sabotaj). Mereka tidak akur kepada keputusan pihak atasan. Mereka seolah-olah gagal mempertahankan kepentingan parti. Ahli-ahli parti dipengaruhi dan digula-gula supaya menyebelahi mereka

dan akhirnya mensabotaj calon yang bertanding. Mereka ini biasanya tokoh-tokoh yang tidak terpilih. Kemuncak tindakan mereka ialah, "lebih rela melihat parti dan BN kalah apabila kepentingan mereka terjejas."

Memang kalau dilihat pada kesan buruk tindakan mereka ini kepada parti terutama dalam saat-saat pilihan raya, sewajarnya mereka diberi hukuman berat. Dan pada titik inilah saya dan LS bertemu. Tetapi, pada saya, hukuman berat kepada mereka tidak mampu menyelesaikan masalah tersebut kalau perkara-perkara berikut tidak diperiksa dengan saksama. Kalau kita benar-benar bersikap terbuka, sesungguhnya, perlakuan amat negatif ini ada sudut positif dan negatifnya. Punca atau sebab sebenar yang melahirkan perlakuan tersebut perlu digali. Sesuatu tindakan apatah lagi dalam politik, tidak berlaku dalam kekosongan. Saya yakin terdapat mesej tertentu yang ingin mereka sampaikan.

Mesej inilah yang perlu kita amati. Penelahan mesej dapat kita lakukan melalui pelbagai cara. Cara pertama ialah siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab? Adakah perlakuan itu dikepalai oleh individu tertentu di peringkat kepimpinan bahagian atau peringkat pemimpin kecil atau datangnya dari *grassroot*? Jika protes dan sabotaj besar kekuatannya, rasa saya, mesej yang ingin disampaikan adalah penting dan serius. Apatah lagi kalau ikut didokong oleh *grassroot*. Dalam hal ini, sesiapa yang pernah terlibat sebagai pemimpin kecil yang bergerak di peringkat *grassroot* dapat memahami betapa terdapat pengabaian yang luar biasa terhadap aspirasi rakyat bawahan. Pemilihan calon yang akan bertanding dibuat tanpa mempedulikan hasrat rakyat bawahan. Yang dipentingkan ialah selera di peringkat kepimpinan bahagian.

Tidak mungkinkah terdapat manipulasi dan eksplorasi oleh pihak yang bertanggungjawab dalam pemilihan calon? Kalau penentangan datangnya dari *grassroot*, saya yakin permainan tersebut sememangnya wujud. Jika ini terjadi, dapatkah kita mengharap *grassroot* akur dengan pemilihan tersebut? Jika *grassroot* menentang (protes) dan seterusnya melakukan sabotaj, saya kira, rakyat bawahan tidak yakin lagi dengan kejujuran dan kewibawaan calon membawa aspirasi mereka. Dalam hal ini, kita perlu akui bahawa kuasa sebenar demokrasi terletak di tangan rakyat terutama rakyat bawahan (*grassroot*). Pada tanggapan rakyat bawahan, jika calon yang bertanding gagal memenuhi aspirasi mereka, tindakan yang terpaksa mereka ambil ialah menggunakan "kuasa" mereka. Di dasar jiwa mereka, terdapat kesedaran bahawa adalah lebih mudarat menyerahkan kuasa politik kepada calon yang tidak direstui, tidak dikenali dan kurang wibawa. Mereka memahami tempoh masa lima tahun adalah terlalu lama dan dasar serta pendekatan calon itu mampu merosakkan. Sekali lagi, tiada jalan lain, selain menggunakan "kuasa" mereka. Dalam hal ini, adakah rakyat bawahan sahaja yang bersalah?

LS agak bimbang dengan kehadiran pengaruh PAS di utara Semenanjung iaitu di Perlis, Kedah dan Perak. Kehadiran pengaruh PAS itu seolah-olah dijemput oleh ahli-ahli Umno sendiri (kerana masalah dalaman parti). Ini yang menyebabkan LS seperti kesal dan marah. Katanya, "kerana masalah dalaman ini beberapa kawasan yang selama ini bersih atau selamat bagi Umno berada dalam keadaan cemas." Yang amat menarik perhatian saya ialah tentang sebab-musabab pengaruh PAS dapat bertapak. Bagi LS, PAS dapat bertapak kerana "PAS bekerja lebih keras akhir-akhir ini di utara Semenanjung." Baginya, gerak kerja

jentera Umno sendiri juga adalah penyebabnya. Soal LS, "apakah Umno bekerja kuat dua kali ganda lebih kuat menahan asakan PAS itu?"

Secara peribadi, saya bersetuju dengan andaianya itu. Tetapi bagi saya, di sana terdapat banyak faktor yang dapat kita cungkilkan dan dijadikan bahan renungan. Adakah PAS sebuah parti yang bergerak tanpa ideologi atau dasar? Walaupun pendekatan PAS mencari pengaruh banyak memudaratkan masyarakat namun kita tidak dapat menyimpulkan bahawa PAS telah kehilangan fungsi dalam politik tanah air terutama di pedalaman (kawasan penempatan orang Melayu). Terdapat petunjuk-petunjuk tertentu daripada kesan peluasan pengaruh PAS itu. Barangkali kriteria calon yang bertanding boleh dipersoalkan. Kualiti-kualiti diri, dasar perjuangan yang merakyat dan kesanggupan berinteraksi dengan rakyat bawahan adalah sebahagian daripada kriteria yang diingini oleh rakyat bawahan. PAS tentunya menawarkan calon alternatif yang sebanding. Dalam keadaan ini, tidak mungkinkah berlaku peranjakan selera pengundi Melayu?

Apabila kita berbicara tentang masyarakat Melayu di pedalaman, kita tidak dapat lari daripada menyentuh nilai dan psikologi mereka. Sesungguhnya masyarakat Melayu di pedalaman sedang mengalami kejutan, dilema, kekeliruan dan ketakutan. Di sana sini pemimpin bercakap tentang pembangunan, tentang kemajuan dan negara maju. Jarang yang bercakap tentang identiti Melayu, ketuanan Melayu dan agama mereka. Apatah lagi kini bangkit satu golongan Melayu yang berpenampilan korporat. Pemimpin yang kebanyakannya masih muda dan korporat yang sebahagian besar berjiwa muda menakutkan orang Melayu kalau-kalau hala tuju pembangunan bangsa tergelincir. Bu-

daya korporat mereka kini banyak dipersoalkan dari segi kesantunan budaya dan moral. Ditambah lagi dengan meluasnya gejala-gejala sosial yang kelihatannya cukup serius. Di sini mereka pula berfikir tentang benteng pertahanan diri. Dan benteng itu tidak lain ialah agama.

Ini juga bermakna falsafah pembangunan dan pembinaan bangsa Melayu dan Malaysia umumnya menggerakkan penduduk Melayu di pedalaman. Dan natijahnya sedang mereka lihat dan rasai kini. Sekali lagi, mereka perlu berfikir tentang benteng pertahanan diri. Dan jawapannya ialah agama. Seiring dengan itu, berkebetulan PAS mendakwa perjuangan mereka atas dasar agama. Maka kedatangan mereka tidak sia-sia. Kesannya, majoriti undi calon-calon Umno jauh berkurangan.

Sehubungan itu, LS memberi bukti bahawa kawasan-kawasan yang calon Umno berdepan dengan calon PAS (dua penjuru) baik Parlimen mahupun negeri, majoriti calon Umno merosot dengan teruk. Malah di Kuala Nerang, Umno menang hanya dengan majoriti 11 undi. Ini petunjuk bahaya kepada Umno. Ini membuktikan bahawa meningkatnya pengaruh PAS bukan semata-mata didorong oleh masalah dalaman Umno malah menjangkau hal-hal yang lebih mendasar. Inilah sebenarnya yang ingin saya ketengahkan. Jangan kerana marah, hakikat sebenar tertutup dari minda kita.

Tesis LS adalah jelas iaitu wujudnya protes dan sabotaj ahli-ahli Umno menimbulkan krisis dalaman yang mengakibatkan Umno lemah. Kelemahan Umno ini memberi peluang kepada peningkatan pengaruh PAS di utara Semenanjung. Atas dasar ini adalah amat wajar Umno mengambil tindakan menyeluruh melakukan pembersihan dalaman. Luah LS, "Umno harus melakukan pembersihan

dari dalam secara menyeluruh. Orang Umno yang belot, tidak patuh dan jelas melakukan sabotaj harus dihukum. Sesiapa sahaja yang berkecenderungan untuk melemahkan Umno dari dalam harus dicantas tanpa kasihan." Saya akur sepenuhnya dengan saranan ini. Namun terselit segi-segi lain yang perlu juga diperhitungkan. Ungkapan "cantas tanpa kasihan" harus diguna secara hati-hati. Maknanya kasar dan tidak bertimbang rasa. Jika benar-benar dapat dibuktikan, "pencantasan" dapat dilakukan terhadap ahli atau pemimpin mana-mana peringkat. Tetapi apa akan terjadi sekiranya berlaku sebaliknya. Tidakkah perbuatan ini lebih menghancurkan parti?

Satu persoalan yang ingin saya timbulkan, adakah tidak wujud "pencantasan" pada kala pemilihan bakal calon di setiap peringkat khususnya di peringkat bahagian? Kalau pemilihan berlaku mengikut peraturan dan berasaskan kejujuran, mengapakah masih timbul protes? Penyokong parti yang peka dapat membezakan antara "kejujuran" dan "ketidakjujuran". Dalam konteks ini siapakah yang bersalah dan patut dihukum?

Saranan saya ialah mana-mana individu yang terlibat setelah didapati benar-benar terlibat (bukan hanya andaian, khabar politik dan prejudis), diberi hukuman yang setimpal. Punca sebenar berlakunya perbuatan negatif itu perlulah dicari. Pemecahan kepada masalah sebenar adalah sama penting dengan hukuman yang dijatuhkan. Hukuman tanpa pemecahan permasalahan yang menjadi puncanya hanya akan lebih menggawatkan masa depan parti.

Umno adalah benteng pertahanan terakhir orang Melayu. Anasir-anasir yang cuba melemahkannya haruslah dibanteras habis-habisan. Pergerakan pantas kehidupan zaman kini tidak memungkinkan kita bertelagah sesama

sendiri atas kepentingan peribadi dan kelompok. Masa depan harus diutamakan. Saya yakin inilah sebenarnya mesej tersirat yang ingin dilontarkan oleh LS ke khalayak. Namun kerana parti adalah pertubuhan manusia yang pelbagai ragam, karenah dan tingkah lakunya jarang dapat diduga maka tindakan pemeliharaan kekuatan dan pembersihan parti dari dalam haruslah dilaksanakan dengan bijaksana. Langkah dan tindakan yang tidak berhati-hati cuma akan membawa parti ke arah kehancuran.

# 13

## **Subky Hurai Punca Pembangkang Kalah**

**S**ekurang-kurangnya tiga perkara penting dikenal pasti mengapa undi pembangkang lari kepada calon parti pemerintah hingga menjadikan Dr Mahathir Perdana Menteri paling berkuasa sepanjang sejarah kemerdekaan. Pertama, penggunaan wang yang tidak terhingga oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kedua, pelaksanaan program Malayan Union atau *Malaysian Malaysia* oleh kepemimpinan Dr Mahathir. Ketiga, kebimbangan tercetusnya sekali lagi kecelakaan 13 Mei.

Penggunaan politik wang bukan lagi suatu yang gan-

---

Dua tulisan Subky Latiff ini dipetik dari kolumnya dalam *Harakah*. Subky adalah Ketua Penerangan PAS Pusat dan pengasas *Harakah*.

jil bagi pilihan raya di Malaysia. Walaupun Umno telah meluluskan satu resolusi untuk membanteras politik wang, tetapi larangan itu hanya dalam politik kepartian Umno. Manakala di luar politik Umno tiada larangan dan tiada halangan. Penggunaan wang bagi membeli undi tidak terhingga lagi. Ia sudah bermula sebelum Parlimen dibubar-kan. Tiada siapa dapat menghalangnya kerana setiap orang beroleh bahagian - ia dikira seperti kapal pecah yu kenyang. Bila pengundi sudah setuju menjadi yu, maka mereka memang menunggu datangnya pilihan raya. Cara mana ia dilakukan tidak menjadi rahsia. Sesiapa pun tahu, tetapi tiada siapa dapat mencegahnya kerana ia sudah menjadi sebahagian dari budaya rakyat Malaysia.

Ternyata rakyat di sebelah Pantai Barat Semenanjung lebih mudah dibeli dari rakyat sebelah Pantai Timur. Pengundi Cina yang lazimnya tidak mudah makan pancing, kali ini mengejar di air di mana saja pancing dilabuhkan. Justeru itu, rata-rata pengundi Cina lari dari menyokong pembangkang, lalu memberikan undi kepada parti pem-rintah. Tiada siapa dapat memikirkan DAP hanya boleh tinggal satu kerusi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pi-nang dan merosot teruk di Perak dan lain-lain negeri yang menjadi kubu DAP. Lazimnya masyarakat Cina memberi undi kepada calon PAS atas sebab mahu melihat pembang-kang kuat. Kali ini undi Cina boleh dikatakan tidak ada langsung untuk PAS.

Pada mulanya ia mungkin hasil dari kempen DAP yang anti-hudud. Memang Cina termakan dengan kempen DAP yang terlalu lantang menentang hudud. DAP berbuat demikian kerana terlalu takut dengan MCA yang mentoh-mahnya bekerjasama dengan PAS termasuklah dalam per-kara hudud itu. Tetapi DAP juga tidak beroleh apa-apa dari

sikap anti hududnya. Cina juga tidak mengundinya sekali-pun ia bersungguh-sungguh menentang hudud. Segalanya adalah disebabkan oleh pengundi Cina boleh dapat banyak wang kali ini. Memang orang Cina sanggup mati kerana wang dan kelemahan itu telah digunakan sebaik-baiknya oleh BN untuk membeli undi mereka. Walaupun harga pengundi Melayu selalunya lebih murah, memadai sekadar sehelai kain batik atau kain pelekat, tetapi masih terdapat ramai di kalangan mereka tidak gelap mata dengan hujan duit tadi seperti yang terdapat di Kelantan dan Terengganu.

Bukan sedikit wang dicurahkan di kedua-dua buah negeri itu. Tidak dinafikan betapa ramai juga orang Melayu Kelantan dan Terengganu yang gelap mata, tetapi majoriti mereka masih tidak terpikat dengan taburan wang yang banyak itu. Mungkin lebih banyak wang dicurahkan ke Kelantan dari lain-lain negeri lain, tetapi semangat kerohanian nampaknya masih mampu menolak pengaruh sen dan ringgit tadi. Pengundi Pulau Pinang dan Ipoh tidak terdaya menahan nafsu bila melihat wang meleleh, tetapi pengundi di Kelantan masih ramai yang tidak terpengaruh dengannya. Pengundi Terengganu masih mampu menahan nafsu, tetapi pengundi Seremban dan Melaka tidak terdaya menolaknya.

Manakala pentadbiran Dr Mahathir pula begitu berjaya melaksanakan apa yang British tidak mampu lakukan melalui Malayan Union dan PAP Singapura tidak dapat perjuangkan melalui slogan *Malaysian Malaysia* semasa berada dalam Malaysia dulu. Malayan Union dan *Malaysian Malaysia* mahu melihat pengaruh raja-raja terhakis, maka ia sudah dapat dilakukan oleh BN. Persamaan hak antara penduduk berbilang kaum antara yang paling sensitif

di zaman sebelum merdeka. Tetapi kini yang orang bukan Melayu (bukan Muslim) tidak boleh jawat hanya imam-imam dan qadhi serta mufti. Kebudayaan antara yang penting dalam Malayan Union tetapi ia tidak menjadi suatu yang sensitif lagi. Orang Melayu dan Islam sendiri malah mulai minat dengan ajaran Kung Fu Tze. Ada yang mengira pendeta Cina itu juga mungkin seorang nabi.

*Malaysian Malaysia* mengira perjuangan multi lingualisme suatu yang Malaysia tidak boleh diabaikan. Mengkaji semula dasar pelajaran khususnya mengenai bahasa membawa negara ke arah penggunaan berbagai bahasa sekarang. Pentingnya penggunaan bahasa Inggeris membuka ruang kepada usaha meliberalkan rakyat dengan isu bahasa. Di samping itu disebut juga pentingnya bahasa-bahasa yang digunakan di PBB dikembangkan. Sekalipun yang disebutkan sekadar menguasai bahasa Perancis dan Russia atau mungkin juga bahasa Sepanyol yang digunakan oleh majoriti bangsa di Latin Amerika, tetapi hanya saat dan ketika saja menunggu suara penggunaan bahasa Mandarin. Tidak ada penonjolan kempen penggunaan bahasa Mandarin. Tetapi bila Malaysia mulai liberal dengan isu bahasa, maka di hujung usaha mempelajari bahasa Perancis dan Russia akan diikuti dengan sendirinya oleh pengenalan bahasa Mandarin. Bukan mustahil menjelang tahun 2020 perjuangan multi lingualisme menjadi realiti.

Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang diura-urakan bagi membolehkan perkembangan pusat pembentukan universiti-universiti swasta membantu pembentukan penggunaan pelbagai bahasa. Dalam kempen pilihan raya BN, semua bahasa yang penting di negara ini digunakan untuk poster dan risalah walaupun pengundi memahami bahasa kebangsaan. Dalam pilihan raya selepas ini

mungkin bahasa Benggali yang dituturi oleh Bangladesh akan menjadi satu lagi bahasa yang terdapat dalam poster BN. Manakala dalam bidang ekonomi, sekaliannya boleh jadi korporat. Walaupun mulai ramai orang Melayu sudah kaya raya, penduduk atau warga Singapura juga boleh menjadi kaya raya melalui perkembangan ekonomi negara kita. Bila warga asing boleh memiliki rumah dan harta di Malaysia, maka penduduk Singapura boleh mengaut sama apa yang rakyat Malaysia boleh dapat melalui ekonomi Malaysia.

Semua perkembangan itu memenuhi kehendak orang Singapura yang mengilhamkan perjuangan *Malaysian Malaysia* dulu. Manakala puaka 13 Mei, sama ada kita suka atau tidak suka, banyak menguntungkan BN. Tidak ada rakyat awam Melayu dan Cina suka kepada kecelakaan itu. Tetapi ketakutan itu menguntungkan politik pihak tertentu khususnya BN. Tidak ramai orang Melayu mahu kejadian itu berulang. Dan tidak sekerat pun orang Cina suka hal itu berlaku lagi. Tukang jaja puaka itu menjajanya secara berbisik. Adakah masing-masing tidak ingat akan kejadian itu? Ia adalah natijah kemenangan pembangkang kononnya. Kejatuhan Perikatan di Pulau Pinang, kekalahan secara teknikal Umno di Selangor dan Perak dalam pilihan raya 1969 dikira punca kecelakaan 13 Mei. Jika berulang kekalahan BN di Pulau Pinang dan negeri-negeri yang disebut tadi atau mana-mana negeri lain, maka apakah yang menghalang kecelakaan itu berulang lagi?

Lalu pengundi-pengundi diingatkan supaya membeli ikan kering dan beras kerana bimbang kalau pembangkang menang dalam pilihan raya. Hal ini tidak diucapkan dalam kempen terbuka. Ia merayap seperti api dalam sekam. Maka tidak ramai pengundi mahu mengambil risiko. Mereka

mahu melihat petugas keamanan ada di mana-mana. Politik petugas keamanan itu adalah untuk menjamin keamanan. Tetapi ia juga menghantui pengundi. Kita juga selalu menyebut betapa bodohnya orang yang takutkan bayang-bayang. Tetapi manusia itu dijadikan Tuhan ada perasaan takut. Orang macam itu ramai. Tidak peliklah jika mereka bimbang melihat ramainya petugas keamanan di mana-mana saja dalam musim pilihan raya.

Perkara-perkara ini mungkin remeh, tetapi inilah yang pengulas veteran tidak faham. Ini adalah antara faktor yang menyebabkan rakyat memberikan undi atau mandat maharajalela kepada pemimpin BN.

ii.

Jika orang Islam sendiri ada yang gentar dan gementar tulang sulbi dan tulang sumsumnya mendengar PAS ber tegas untuk melaksanakan undang-undang Syariah termasuk hudud di Kelantan, maka apa pula yang diharapkan dari sebuah pertubuhan politik orang-orang Cina seperti DAP. Sudah tentu kebimbangannya tidak terhingga lagi.

Pertama, kebimbangan itu disebabkan oleh sikapnya yang sama dengan sikap penentang politik Islam di seluruh dunia kerana maklumat yang mereka tahu tentang Islam dan syariatnya diperolehi dari musuh Islam. Kedua, DAP begitu takut kepada pengundi-pengundi Cina yang mereka rasa tidak akan memberikan undinya kerana ditohmah oleh musuh politiknya yang ia bekerjasama dengan PAS. DAP dari awal lagi sudah gelabah dengan tohmah dari MCA yang menyebarkan bahawa parti itu dikatakan menyokong PAS dan hudud. DAP sangat takut dengan dakyah seperti itu kerana ia akan menyebabkan pengundi Cina tidak akan menyokong DAP kononnya.

Bagaimanapun Cina sehingga tahun 1990 telah memberikan sokongan kepada DAP walaupun ia ditohmah demikian oleh musuhnya. Bukan sekadar itu, Cina sendiri tidak gentar untuk memberikan undinya kepada PAS dalam keadaan mereka tahu apa yang PAS perjuangkan. Di sesetengah tempat Cina tidak memberikan undi kepada MCA tetapi memberikan undi kepada PAS. Seolah-olah dakyah musuh DAP tidak berkesan. Bagaimanapun DAP tetap gerun bahawa isu yang dimainkan oleh MCA itu sangat menakutkannya.

Apabila Kerajaan Kelantan bertekad untuk melaksanakan undang-undang syariah, maka DAP mengambil sikap yang cukup keras untuk menentangnya. Dengan tentangan itu ia boleh mengekalkan imej sebagai pembela utama Cina di negara ini. Oleh itu DAP mengambil apa juga langkah yang boleh dilihat oleh orang Cina sebagai pihak yang sangat ke depan menentang PAS. Jika boleh ia mahu mengambil tempat Umno sebagai musuh politik utama PAS. Setakat ini juara menentang PAS di Malaysia ialah Umno. Tetapi DAP cuba mengambil tempat utama itu sebagaimana ia sebelum ini berjaya mengalahkan MCA sebagai juara pembela Cina di Malaysia.

Antara langkah yang DAP ambil ialah memecat ahlinya yang dilantik oleh Kerajaan Kelantan untuk menduduki mana-mana majlis kerajaan tempatan. Adalah menjadi satu dasar Kerajaan Kelantan sekarang melantik wakil orang-orang minoriti dalam majlis-majlis seperti itu jika terdapat di daerah tertentu ramai penduduk Cina atau Siam dan sebagainya. Perlantikan itu tidak dibuat atas dasar politik yang mereka anuti. Perlantikan dibuat atas pengaruh peribadi individu. Ahli MCA juga ada yang pernah terpilih.

Tindakan DAP itu adalah untuk membuktikan baha-

wa ia tidak mahu dibabitkan dengan PAS dan bila PAS bertegas untuk melaksanakan hudud, maka bagi memastikan Cina tidak lari daripadanya maka ia menjadikan PAS sebagai sasaran utama, malah lebih ketara dari menyerang Umno dan MCA. Justeru itu, keutamaan tentang DAP terhadap hudud tadi adalah untuk menjamin sokongan kaum Cina terhadapnya. Oleh kerana DAP berhajat untuk menjadi pembela utama bagi kaum Cina maka DAP mestilah menentang apa juga yang dirasakan tidak disukai oleh orang Cina kononnya tanpa mengira wajar atau tidak, adil atau tidak.

Di kalangan ahli-ahli DAP itu ada juga orang-orang yang agak rasional dalam isu hudud ini. Walaupun mereka tidak menyokongnya sebagai orang PAS menyokongnya, tetapi mereka tidak menentangnya seperti yang MCA dan sesetengah orang Umno tentang. DAP tidak gentar dengan sikap ahlinya yang seperti itu. Pemerhati politik memahami sikap itu dan melihatnya sebagai satu langkah profesional orang-orang politik yang praktikal dan pragmatis.

Tidak banyak orang yang hendak memikirkan sangat apa untung ruginya DAP menentang atau menyokong hudud, tetapi masing-masing melihat bahawa ia adalah satu helah DAP untuk memastikan ia beroleh banyak kerusi dan mungkin juga boleh menawan Pulau Pinang. Cuma yang menjadi perbincangan sekarang ialah teori DAP untuk menentang hudud bagi menjamin kedudukannya sebagai parti utama pembela Cina seolah-olah tidak mencapai matlamat dalam pilihan raya lalu. Apa juga sikap DAP terhadap hudud setakat ini tidak menyebabkan orang Melayu mengubah pendirian terhadap DAP.

DAP sudah dianggap sebagai sebuah pertubuhan orang-orang Cina yang menafikan ketuanan Islam dan ke-

turunan Melayu atas negara ini. Orang Islam tidak benci kepada DAP tetapi tidak mahu nasib mereka menjadi seperti orang-orang Melayu di Singapura yang hilang hak ketuanan. Setakat ini orang Melayu tidak terasa yang hak itu juga boleh terlucut melalui BN, tetapi mereka hanya terasa bahawa ia lebih mudah berlaku melalui politik DAP. Walaupun DAP dan MCA mempunyai keupayaan dan sasaran yang sama dalam isu ketuanan ini, tetapi kerana MCA bukan dikira regunya, maka imej DAP lebih tertonjol sebagai pihak yang mereka wajar jauhi.

Sekalipun ditakdirkan DAP menyokong hudud atas apa juga sebab, maka ia tetap tidak diterima oleh orang Melayu sebagai satu sikap yang ikhlas walaupun ia mungkin positif. Sebenarnya pendirian DAP atas hudud cukup penting. Jika ia boleh memberikan pertimbangan untuk menyokongnya dalam bentuk yang ada sekarang iaitu memberikan pilihan kepada orang bukan Islam sama ada untuk diadili di bawah hudud atau tidak, ia satu perkara yang dikira sangat positif. Tetapi DAP memilih untuk menentangnya, suatu sikap yang sangat diharap dan disenangi oleh Umno kerana ia boleh mengurangkan lagi harapan undang-undang itu untuk dilaksanakan pada masa ini.

Sehingga ini sikap DAP atas hudud tadi tidak berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai pembela utama orang-orang Cina. Orang-orang Cina bukan saja tidak mengharapkan kali ini DAP untuk menjadi pembela, malah untuk menjadi pembangkang pun tidak juga ditimbangkan. Untuk pertama kali DAP menghadapi kekalahan paling teruk. Ia hampir hilang pangkalan di Pulau Pinang. Ia hanya boleh bertahan di Wilayah Persekutuan. Tidak difikir bahawa isu hudud menyebabkan DAP agak patah lidah dengan MCA dan Umno. Tetapi Cina pun tahu baha-

wa ia bukan isu yang besar sangat pada orang Cina. Sama ada DAP menyokong hudud atau tidak, pengundi Cina tahu bahawa kemenangan PAS di Malaysia tidak bergantung atas undi Cina. Ia bergantung pada undi orang Melayu.

Dalam banyak kawasan, Cina pernah memberikan undi besar kepada PAS. Tetapi undi besar orang Cina yang minoriti itu tidak membantu PAS mencapai kemenangan kerana undi Umno dari kawasan orang Melayu yang bulat itu menjamin kemenangan Umno. Oleh itu Cina tahu orang PAS tidak mudah menang di luar Kelantan kerana orang Melayu belum berubah lagi. Selagi orang Melayu bersikap demikian, sekalipun 100 peratus penyokong DAP memberikan undi kepada PAS tetap PAS belum boleh berkuasa. Oleh itu soal terlaksananya hudud di luar Kelantan dalam masa Umno berkuasa tidak berbangkit.

Justeru itu tidak ada apa-apa yang DAP perlu bimbang kerana Cina masih boleh menyokong DAP walaupun ia tidak menentang hudud. Tetapi Cina tidak menyokong DAP kali ini kerana Cina terasa bahawa BN boleh membuktikan ia lebih DAP dari DAP. BN sudah menjadi utama membela Cina walaupun ia seolah-olah bertulangbelakangkan Melayu. DAP yang menentang hudud menerima padah besar atas isu yang lain dalam pilihan raya lalu.

# 14

---

## **Sebelum Intelek Melayu Menjadi Terompah Kayu Dan Media Hilang Wibawanya**

**N**yatalah bahawa kekalahan teruk yang ditanggung oleh DAP dalam pilihan raya umum yang baru berlalu tidaklah disebabkan oleh serangan terhadap parti itu oleh beberapa orang para cendekiawan-penulis Melayu seperti Datuk Ahmad Sebi dan Prof Madya Dr Firdaus Abdullah beberapa hari sebelum berlangsungnya pilihan raya itu.

Para cendekiawan itu mengkritik manifesto DAP kerana ia dikatakan "menghidupkan kembali momok-momok

---

Kedua-dua artikel Rustam A. Sani ini dipetik dari *Utusan Malaysia*, 1 dan 8 Mei 1995.

lama" dalam bentuk dasar pembinaan bangsa yang disebut *Malaysian Malaysia* yang diasaskan pada gagasan kesamaan hak pelbagai kaum dan pendekatan yang liberal (malah *laissez faire*) dalam menangani beberapa unsur kemasyarakatan seperti budaya, bahasa dan pendidikan.

Keputusan pilihan raya kali ini memang dengan jelasnya menunjukkan bahawa telah terjadi suatu peralihan sokongan *swing* di kalangan para pengundi bandaran, daripada sokongan mereka yang tradisional terhadap DAP kepada menyokong Barisan Nasional (BN) pula - khususnya kepada parti-parti yang menjadi parti alternatif kepada DAP sebagai parti untuk orang Cina dalam BN, yakni MCA dan Gerakan.

Angin peralihan sokongan itu memanglah agak meluas ke seluruh negara. Di beberapa tempat pukulannya cukup kencang sehingga menyebabkan tumbangnya kubu-kubu tradisional DAP seperti di Kuching, Ipoh, Kampar, Rasah dan Seremban. Di tempat-tempat lain seperti di Cheras, Bukit Bintang dan Tanjung, Bagan - kemenangan DAP tampaknya masih dapat dipertahankan. Tetapi bilangan kelebihan undi DAP di kawasan-kawasan tersebut jelas telah amat jauh berkurangan.

Banyak huraian telah dikemukakan bagi peralihan sokongan para pengundi bandaran ini. Pertamanya, pola pengundian para pengundi bandaran dikatakan tidaklah berasaskan keterikatan yang berdasarkan emosi terhadap sesebuah parti atau pemimpinnya, tetapi lebih diasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan pragmatis. Dalam zaman pertumbuhan ekonomi yang pesat, para pengundi yang demikian dikatakan lebih cenderung memihak kepada pihak berkuasa, demi mempertahankan keadaan yang ada (*status quo*) dan menjamin kesinambungan.

Dalam suasana yang aman dan tenang seperti itu, kemenangan pilihan raya yang bertemakan peralihan kuasa yang drastik serta bernada lantang dan riuh rendah nyatakan tidak sesuai - malah menakutkan. Malangnya, nada dan gema yang demikianlah yang telah diterapkan oleh Lim Kit Siang dan DAP di Pulau Pinang, dalam keghairahan projek "Tanjung III" yang tampaknya menyebabkan kemenangan-kemenangan parti itu di tempat-tempat lain terabai begitu sahaja. Dalam suasana wacana dan percaturan politik di negara ini, nada lantang dan hiruk-pikuk yang demikian tentulah dengan mudah dapat ditafsirkan sebagai nada perkauman.

Tinjauan yang saya lakukan di Pulau Pinang menunjukkan bahawa dari segi kandungan dan isunya, kemenangan DAP tidaklah lebih besar unsur perkaumannya berbanding dengan pihak-pihak lain. Jika kita rajin mengkaji rentangan-rentangan besar yang terpampang di pelbagai bahagian pulau itu, nyatakan bahawa rentangan-rentangan berbahasa Cina dari parti-parti lain juga tidak kurang nada perkaumannya. Kerana itulah, saya berpendapat bahawa penolakan DAP oleh para pengundi bandar kali ini bukanlah parti itu telah ditafsirkan oleh Ahmad Sebi dan Firdaus Abdullah sebagai lebih perkauman daripada pihak-pihak lain.

Isu perkauman bukanlah isu utama dalam pilihan raya kali ini, meskipun isu itu sebenarnya masih dimanfaatkan oleh pelbagai pihak terutamanya pada peringkat percaturan politik tempatan seperti di Pulau Pinang. Malah dilihat dari sudut itu, saya kira suatu penjelasan yang cukup menarik tentang kekalahan DAP itu adalah suatu huraian yang agak ironis bentuknya. Menurut penjelasan itu, DAP kalah kali ini bukanlah kerana dasar super-liberalnya tentang soal-soal pembentukan dan keperibadian bangsa

(yang tersimpul dalam gagasan *Malaysian-Malaysia*) ditolak oleh para pengundi bandaran.

Sebaliknya, menurut huraian itu, DAP kalah kerana para penyokong tradisionalnya di kawasan-kawasan bandar itu berpendapat bahawa cita-cita yang diperjuangkan DAP itu telah dilaksanakan oleh pihak pemerintah. Dasar-dasar kerajaan yang liberal kini tentang beberapa isu - seperti pendidikan Cina, universiti swasta dan kedudukan bahasa Inggeris berbanding bahasa kebangsaan - dikatakan menyebabkan para pengundi bandaran merasa tidak perlu lagi bersikap konfrontasi terhadap kerajaan BN. Tambahan pula, di samping melakukan segala dasar yang liberal itu, BN dapat pula menjanjikan pemerintahan yang agak cekap, kestabilan politik dan ketangkasian ekonomi.

Malah suatu tafsiran yang lebih ekstrim pula menyatakan bahawa DAP hanyalah kalah di peti undi, sedangkan dari segi mencapai pelaksanaan gagasan dan dasar liberalnya dalam bidang-bidang seperti bahasa, pihak yang membuat tafsiran itu menyarankan agar DAP dibubarkan sahaja. Nyatalah bahawa pihak yang mendapat manfaat besar daripada berakhirnya *ambivalence* dan sikap curiga para pengundi bandaran terhadap BN ialah beberapa parti yang mewakili bukan Melayu dalam BN - seperti MCA, Gerakan dan MIC. Di mana-mana calon parti-parti tersebut dapat mengalahkan lawannya dari DAP, atau sekurang-kurangnya mencantas jumlah kelebihan undi DAP.

Namun, suatu implikasi yang ironis daripada kemenangan ini ialah kemungkinan parti-parti tersebut pula diharapkan oleh para penyokong barunya itu supaya memainkan peranan DAP "dari dalam" BN sendiri - bagi menjamin diteruskan, malah dipertingkatkan lagi, dasar-dasar liberal tersebut. Saya kira, mulai sekarang semua

pihak pastilah akan memerhati dengan teliti segala tindak tanduk parti-parti bukan Melayu yang telah menjadi lebih kuat dan lebih berkeyakinan diri dalam BN itu. Menurut hemat saya, parti-parti tersebut mahu tak mahu akan terpaksa berada dalam keadaan yang penuh dilema.

Kegagalan mereka memastikan berlangsungnya liberal yang sekurang-kurangnya "setara" dengan yang di perjuangkan oleh DAP selama ini akan sentiasa dibayangi oleh kemungkinan berlakunya pula *swing* kepada parti pembangkang itu pada pilihan raya yang akan datang. Akan tetapi, "pengambilalihan" Sepenuhnya sikap dan nada DAP dalam hal-hal tersebut akan berkemungkinan pula menyebabkan reaksi dari pihak tertentu dalam Umno dan parti-parti Melayu di luar BN.

Dalam kempen pilihan raya yang baru berlalu ini, isu-isu Melayu dan dasar liberal kerajaan itu tampaknya tidaklah disentuh sama sekali oleh parti-parti pembangkang Melayu. Pimpinan PAS yang ada sekarang tampaknya terlalu sibuk dengan persoalan akhlak dan moral para pemimpin Umno dan BN dan mempertahankan akhlak para pemimpinya sendiri. Parti Melayu Semangat 46 pula hanya mampu memperkatakan ketidakcekapan dan sifat rasuah para pemimpin Umno.

Namun, kemungkinan kekalahan dalam pilihan raya kali ini menyebabkan parti-parti tersebut diambil alih oleh suatu angkatan para pemimpin baru yang lebih mantap dan strategis pemikirannya tentang beberapa isu Melayu ini bukanlah sesuatu yang mustahil. Oleh demikian, kejayaan BN mengalahkan DAP dalam pilihan raya kali ini seharusnya menuntut parti gabungan yang memerintah itu supaya merumuskan dengan cara yang lebih jitu lagi mendalam suatu "dasar bersama", yang lebih mantap dan stra-

tegis tentang persoalan pembinaan keperibadian bangsa. Malah dasar demikian yang dapat diterima oleh semua pihak, bagi saya, harus dijadikan lampiran yang penting bagi Wawasan 2020 yang telah meletakkan cabaran pembentukan bangsa Malaysia sebagai cabaran yang utama.

Segala perumusan yang tidak mendalam dan separuh masak tentang persoalan ini akan hanya memberikan ruang yang terlalu besar untuk percakaran yang tidak habis-habisnya dalam BN sendiri, menghasilkan penyelesaian yang bersifat tangkap muat sahaja, seperti memberi bantuan wang kepada sekolah-sekolah Cina pada waktu pilihan raya. Jika tidak ditangani secara tuntas, nyatalah persoalan ini boleh menyebabkan berlakunya *swing* kebalikannya pula ke arah DAP, PAS dan sebagainya - seperti yang berlaku pada tahun 1969.

Kepada para cendekiawan yang menyokong BN, saya kira era selepas kekalahan DAP ini merupakan kesempatan yang baik untuk menyumbangkan daya tanggapan, daya analitis, daya rumus dan daya pengungkapan mereka yang semantapnya demi melahirkan suatu dasar pembinaan bangsa yang strategis dan berjangka panjang. Jika sumbangan mereka hanyalah terbatas kepada mengadakan sidang akhbar yang tergesa-gesa pada waktu kempen pilihan raya, maka mereka sebenarnya tidaklah lebih daripada memainkan peranan "terompah kayu" (untuk meminjam istilah yang digunakan oleh Datuk Nik Aziz Nik Mat).

ii.

Sewaktu Exco Negeri Kedah yang baru mengangkat sumbah di Alor Setar baru-baru ini, Datuk Seri Sanusi Junid mungkin sedang bercuti di Awana Resort di Genting. Te-

tapi para pemberita akhbar dan media elektronik berjaya mengesan beliau di sana. Dan dalam berita TV lewat petang itu juga kita dapat menonton beliau ditemuramah. Apa yang beliau nyatakan tentang perlantikannya ke sesuatu jawatan dalam kerajaan negeri memanglah menarik. Pertukaran beliau dari menjadi calon kawasan Parlimen menjadi calon kawasan negeri telah menimbulkan banyak spekulasi jangka pendek dan jangka panjang terhadap kerjaya politik beliau.

Namun yang lebih menarik lagi ialah reaksi beliau terhadap pihak media yang menemuramah beliau itu. "Saya telah menjadi menteri begitu lama," katanya, "tetapi media tidak pernah selama ini memperlihatkan minat terhadap kerja saya sebagai menteri. Mengapa pula sekarang terdapat minat yang begitu besar tentang kedudukan saya dalam Kerajaan Negeri Kedah. Bagi saya kedudukan tidaklah penting, yang penting ialah kerja."

Nyatalah bahawa terdapat nada sindiran yang tajam dalam reaksi tersebut, semacam rasa terkilan oleh sikap media terhadap beliau sebagai seorang menteri kerajaan selama ini. Bagi saya, reaksi tersebut menarik kerana datangnya dari seorang tokoh yang memihak kepada kerajaan - dan bukannya dari seorang tokoh pembangkang yang memang mempunyai hubungan yang agak buruk dengan media selama kempen pilihan raya baru-baru ini.

Selama kempen pilihan raya itu parti-parti pembangkang tampaknya mempunyai hubungan yang amat sukar dengan media di negara ini. Kebanyakan media tampaknya dianggap sebagai tamu yang tidak dikehendaki di majlis-majlis anjuran mereka. DAP, Semangat 46 dan PAS malah melarang kehadiran para pemberita - terutamanya dari TV3 - di ceramah-ceramah mereka. Malah "larangan" itu telah

bertukar menjadi situasi yang agak tegang, kasar, malah ganas, dalam satu majlis ceramah PAS di Kedah.

Kerana kini kegilaan dan hiruk-pikuk kempen pilihan raya telah berakhir, saya kira sudah tibalah masanya untuk para pemimpin dan pengamal media massa di negara ini merenung dengan sedalam-dalamnya ke dalam diri untuk mempertimbangkan dan menaksir secara saksama kedudukan dan kredibilitinya sebagai sebuah institusi yang penting dalam mematangkan sistem demokrasi di negara ini. Persoalan ini tidaklah semestinya ditinjau semata-mata dalam konteksnya yang sempit dalam hubungan dengan kempen pilihan raya yang baru sahaja berlangsung itu. Persoalan ini haruslah dilihat dalam konteks yang lebih luas, dalam kelangsungan sehari-hari sistem demokrasi di negara ini, meskipun tumpuan khusus bolehlah diberikan terhadap peranan media dalam situasi-situasi khusus seperti kempen pilihan raya itu.

Selain itu, tinjauan diri ini tidaklah harus disempitkan semata-mata kepada persoalan pemilikan industri media oleh pemerintah atau kepentingan-kepentingan perdagangan yang memihak kepada pemerintah. Semua institusi media di semua negara yang mengamalkan demokrasi di dunia ini memang dikuasai oleh pihak-pihak tertentu yang menyebabkan sesebuah akhbar atau badan media itu memang diketahui kecenderungan politik dan ideologinya. Media yang mendapat keyakinan umum atau yang kredibel tidaklah semestinya media yang tidak memihak ke mana-mana. Semua akhbar dan stesen televisyen yang terkenal di dunia mempunyai kecenderungan ideologi tertentu baik kerana kecenderungan para pemiliknya atau para pemimpin media yang mengendalikannya.

Norma di sebalik kecenderungan yang bukan rahsia

itu, laporan dan analisisnya dihormati dan dianggap "wajar" baik oleh pihak yang bersetuju mahupun yang menentangnya. Hakikat bahawa kebanyakkan institusi media yang utama di negara ini dikuasai oleh kelompok-kelompok yang memihak kepada kerajaan bukanlah persoalan yang begitu besar. Malah jika kerana itu, media berkecenderungan memihak kepada kerajaan juga bukanlah persoalan yang terlalu besar.

Soal yang lebih besar ialah: Apakah dalam kerangka "kecenderungan"nya itu media kita masih dianggap sebagai institusi sumber maklumat dan pendapat yang dihormati - baik oleh pihak yang bersetuju dengan kecenderungannya itu mahupun oleh pihak yang tidak bersetuju dengannya. Pihak media kita tidaklah harus melayan rasa keyakinan palsu tentang kredibilitinya semata-mata atas asas terdapatnya keselarasan antara pihak yang disokongnya dengan keputusan pilihan raya yang baru berlalu itu. Jika media menyokong kerajaan dan kerajaan mendapat mandat baru dengan peratusan undi yang menghampiri 70 peratus keseluruhan undi, maka itu bererti bahawa pihak media telah melaksanakan tugasnya dengan baik.

Oleh itu, kemenangan besar pihak yang disokongnya itu dikemukakan sebagai alasan untuk menghalalkan se-gala tindak-tanduk dan stail kewartawanan yang telah diamalkan dan diterapkannya selama kempen itu - dengan segala rencana berbau propaganda, ruangan harian yang "*instant*" oleh beberapa tokoh wartawan, pojok-pojok yang gaya penulisannya dapat menandingi gaya tulisan di akhbar-akhbar tabloid, *item-item* berita yang lebih banyak pendapat daripada fakta, dan sebagainya. Namun hakikatnya ialah bahawa banyak faktor politik dan sosial yang telah menyebabkan kemenangan besar BN baru-baru ini.

Peranan pihak media, kalaupun ada, tentulah hanya merupakan sebahagian daripada faktor tersebut.

Dan sebuah kajian oleh Jabatan Kajian Sebaran Am ITM baru-baru ini menunjukkan bahawa pengaruh media hanya mempunyai pengaruh yang kecil terhadap arah pemilihan para pengundi dalam pilihan raya kita. Selain itu, amatlah menarik ingatan yang diberikan oleh seorang penulis muda dalam akhbar *The Sun* baru-baru ini, yang menyatakan bahawa peranan media tidaklah boleh dianggap sebagai alasan bagi kejayaan kerajaan memperolehi majoriti besar, kerana pada tahun-tahun yang mana kerajaan hanya memperolehi majoriti undi yang amat kecil juga, media telah memainkan peranan yang sama.

Oleh demikian, dilihat dalam konteks ini, unsur yang sepatutnya selalu ditekankan oleh media di negara ini ialah memelihara kredibilitinya sebagai sayap yang utama dalam melaksanakan sistem demokrasi yang matang. Peranan ini tidak semestinya bermakna bahawa sesuatu badan media itu tidak boleh melaksanakan hak demokratinya untuk memihak kepada sesiapa yang dikehendakinya. Tetapi persoalan yang lebih penting ialah bagaimana hak demokratis itu dilaksanakannya. Media sentiasa dituntut untuk tunduk kepada unsur yang unggul dalam etika kewartawanan, kebenaran, kejituan analisis dan keadilan - atau sekurang-kurangnya kelihatan menghormati unsur-unsur tersebut.

Ukuran yang paling buruk bagi "krisis" kredibiliti media di sesebuah negara ialah apabila pihak yang berada dalam kem politik atau ideologi yang disokong oleh media itu sendiri tidak begitu meyakininya. Jika ini terjadi bukan sahaja peranannya sebagai salah satu institusi demokrasi yang terpenting akan terjejas, malah kemampuannya mem-

beri khidmat pihak yang disokongnya itu juga akan terhakis.

Misalnya, laporan dan analisis beberapa majalah berita antarabangsa dan serantau tentang percaturan politik di negara ini kadang-kadang tidak disenangi oleh pelbagai pihak. Namun, majalah-majalah tersebut masih juga menjadi sumber maklumat sebahagian besar para elit dalam masyarakat kita, dan kandungan keluarannya yang dilarang pun dicari orang melalui teman-teman yang akan mengirimkannya dengan faks dari luar negara.

Fenomena ini pernah dijelaskan oleh salah seorang ahli politik anggota kanan pihak pemerintah sendiri seperti berikut: Kandungan majalah-majalah berita asing itu merupakan imbalan yang baik bagi laporan media setempat yang sudah dapat dijangka dan tidak begitu dipercayai. Dari imbalan kedua-dua unsur itu kita akan mendapat sesuatu yang hampir menyerupai kebebasan akhbar di negara ini.

Saya kira ada baiknya jika pada ahli akademik yang mengkaji peranan dan pertumbuhan media di negara ini melakukan suatu kajian yang mendalam dan ditinjau dari pelbagai segi tentang kegiatan media di negara ini, terutamanya dalam situasi-situasi istimewa seperti sewaktu kemenangan pilihan raya baru-baru ini.

Hasil kajian itu pastilah akan membantu para pemilik, pemimpin dan pengamal media arus perdana di negara ini mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memelihara kredibiliti media kita sebagai salah satu unsur terpenting dalam proses kelangsungan dan pematangan demokrasi.



# 15

---

## Mengapa PAS Tetap Kebal?

Dari kesemua ciri-ciri negatif kempen pilihan raya umum 1995, yang paling buruk ialah liputan kempen pilihan raya yang langsung tidak beretika di pihak media massa utama. Mereka memutarbelit dan bertindak begitu buruk kepada pembangkang. Mereka seharusnya merasa malu dengan peranan mereka tetapi mereka tidak akan merasa demikian. Sebuah rangkaian televisyen adalah yang paling jijik dalam menggambarkan parti-parti pembangkang utama.

---

Disusun semula dari *Aliran Monthly*.

## Penyalahgunaan hak awam

Dari hari pembubaran pada 6 April 1995, secara teorinya kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah kerajaan semestara (*caretaker government*) sehingga lah dipilih semula pada 25 April 1995. Konsep kerajaan *caretaker* adalah sesuatu yang asing kepada BN di dalam kesemua kempen pilihan raya sebelum ini. Kali ini, konsep itu semakin asing lagi kepadanya.

Sejak dari 6 April lagi, majlis-majlis rasmi yang membabitkan menteri-menteri dan tokoh-tokoh negeri BN bertambah dengan luar biasa. Majlis pembukaan bangunan-bangunan yang telahpun disiapkan lama dahulu dan juga majlis memecah tanah bangunan-bangunan yang telahpun separuh siap kesemuanya dihimpun dan dilonggok dalam masa 19 hari itu. Sebaik sahaja selepas penamaan calon, Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, merasmikan majlis pembukaan projek rumah kos rendah di Sungai Pinang pada pukul 4.00 petang hari itu. Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamed, pula melawat Pulau Pinang selama 36 jam dan menghadiri sekurang-kurangnya enam majlis rasmi - hanya beberapa hari sahaja sebelum pilihan raya.

Rapat-rapat umum diharamkan tetapi Perdana Menteri mengadakan "perhimpunan bersama rakyat" yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Majlis-majlis tersebut adalah seratus peratus majlis kempen untuk BN di bawah label yang lain. BN berjaya mengadakan banyak majlis dengan bertopengkan majlis rasmi di tempat-tempat umum seperti di padang sekolah, dewan sekolah dan dewan orang ramai manakala parti pembangkang tidak dibenarkan menggunakan dewan-dewan tersebut. Contoh yang paling buruk ialah isu Padang Esplanade di Pulau Pinang.

Di dalam semua perjalanan ke seluruh negara, peng-

gunaan kereta dan pesawat rasmi begitu berleluasa. Sebagai contoh, Anwar datang ke Sekolah Hamid Khan di Island Glades dengan rombongan rasminya menggunakan kereta rasmi pada 16 April 1995. Sedangkan, di dalam ucapannya beliau bercakap tentang nilai-nilai Confucianisme dan kepemimpinan yang baik.

Rupa-rupanya beliau tidak sedar tentang kemunafikan. Beliau menggunakan kantin sekolah yang mana penggunaannya dinafikan kepada parti-parti yang bertanding. Adakah itu contoh yang baik kepada etika Confucianisme yang dilaung-laungkannya? Dalam hal ini, Timbalan Perdana Menteri tidak terkecuali, seluruh kabinet dan pemimpin-pemimpin kerajaan negeri bertindak dengan cara yang sama.

Dalam hal ini juga, kerajaan pimpinan PAS di Kelantan sekurang-kurangnya menunjukkan kefahaman kepada konsep pemisahan antara parti dan kerajaan di dalam kempennya. Menteri Besar, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, dilaporkan tidak menggunakan kenderaan rasmi apabila menghadiri ceramah-ceramah politiknya.

Penciptaan masyarakat yang bermoral adalah salah satu cabaran Wawasan 2020; sekiranya ahli-ahli politik menghayati perkara yang dilaungkan oleh mereka itu dan menghormati konsep kerajaan *caretaker* dengan lebih jujur.

### Taktik kempen yang tidak adil

Hatta sebelum Parlimen dibubarkan pada awal April, telahpun berlaku beberapa penyalahgunaan kuasa. Pertama, persempadanan semula kawasan pilihan raya sama ada di peringkat negeri atau Parlimen telah dilakukan dengan niat untuk memusnahkan kekuatan pembangkang di banyak kerusi yang tipis kemenangannya. Selain dari itu,

kita mempunyai terlalu banyak kes di mana pengundi-pengundi hantu didaftarkan yang dibangkitkan sebelum ini. Keseluruhan pendaftaran pengundi perlu direformasi semula untuk mengelak penyalahgunaan sedemikian.

Tempoh berkempen sekali lagi terlalu singkat. Hari penamaan calon adalah pada 15 April manakala pilihan raya diadakan pada 25 April. Jika kita menolak kedua-dua hari tersebut, hanya ada sembilan hari sahaja untuk berkempen. Ini meletakkan pembangkang dalam keadaan yang lebih tersepit dengan mengambil kira sumber mereka yang serba terbatas. Untuk menambahkan lagi masalah mereka, pengharaman rapat umum juga tidak dilonggar-kannya pada pilihan raya kali ini, walaupun sudah lama tidak wujud lagi ancaman komunis.

Pada umumnya, ceramah pembangkang lebih ramai kehadirannya dalam semua pilihan raya sebelum ini dan apabila mereka tidak diberikan peluang untuk menggunakan tempat-tempat umum untuk ceramah mereka, mereka terpaksa menggunakan tempat-tempat yang lebih kecil seperti kedai-kedai kopi untuk mengadakan perhimpunan mereka. Apabila kehadiran melimpah sehingga ke jalan, BN menuduh mereka mengadakan rapat umum dengan mengetepikan undang-undang. Kempen kotor BN mengakibatkan keadaan sedemikian.

Di pihak BN pula, ia melaksanakan strategi kempen yang diatur rapi. Parti itu mengupah pengkaji pasaran profesional beberapa bulan sebelum itu untuk menentukan isu apakah yang dianggap penting oleh pengundi. Hasilnya, kempen-kempen BN berkisar pada isu-isu tersebut.

### Pengukuhan PAS

Di tengah-tengah kemerosotan pihak pembangkang, PAS boleh merasa puas hati dengan pencapaiannya dalam pilihan raya 1995. Dengan segala rintangan yang dihadapinya sama ada hasil dari keadaan sosio-ekonomi yang lebih memihak kepada BN atau persekitaran politik yang serba menindas dan tidak adil yang terpaksa dihadapinya, PAS sebenarnya menambah sedikit undi popular yang diterimanya, dari 6.6 peratus dalam tahun 1990 kepada 7.3 peratus.

Peningkatan sokongan begitu menonjol khususnya di negeri Perdana Menteri, Kedah, dan juga di Terengganu, Perlis malah di beberapa tempat di Pahang. Bagaimanapun, perpindahan undi itu tidak mencukupi untuk membolehkan PAS menambah kerusi yang dimenangginya. (Satu perkara menarik ialah majoriti undi Perdana Menteri sendiri merosot dengan jelas apabila berhadapan dengan calon PAS berbanding pilihan raya 1990. Media utama negara kita yang "bebas dan adil" nampaknya gagal menyiarakan perkara ini!) Apakah yang menyebabkan berlakunya perkara ini?

### Mangsa pertumbuhan ekonomi

Walaupun perkembangan ekonomi membawa banyak faedah, ia juga memberi kesan negatif kepada pihak-pihak tertentu. Sebagai contoh, tanah yang dimiliki oleh sekumpulan rakyat telah diambil alih di bawah Akta Pengambilan Tanah dan dijadikan tempat perusahaan syarikat persendirian oleh beberapa kerajaan negeri.

Kes Kerpan adalah salah satu contoh. Rasa bimbang kehilangan tanah memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat petani. Isu tersebut digunakan dengan

berkesan oleh PAS untuk menentang Umno. Akhirnya, Umno terpaksa bercakap untuk mengkaji semula Akta Pengambilan Tanah untuk mengatasi kesan-kesan negatif tersebut.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat juga membawa kepada kesan pembahagian yang negatif. Jurang antara yang miskin dan kaya bertambah meluas walaupun dari segi istilah mutlaknya keadaan golongan miskin bertambah baik dari dahulu. Tetapi apa yang menjadi perhatian kebanyakan rakyat ialahkekayaan relatif dan kemiskinan relatif.

Penekanan terhadap pertumbuhan ekonomi dan gaya hidup materialistik yang datang dengan pemodenan yang pesat juga membawa kesan buruk. Dan PAS dengan risalah kerohanianya berjaya mendapat manfaat dari kesan buruk itu. Kesan-kesan tersebut sangat sedikit kena mengenanya dengan PAS. Semangat 46 sebenarnya yang menjadi mangsa pertumbuhan dan bukan PAS. PAS tidak menjadi mangsa kerana kekuatan dalamannya.

### **Kekuatan dalaman PAS**

Lebih dari segala-galanya, hanya PAS sahaja dari semua parti-parti pembangkang yang meningkatkan kekuatan dalamannya sejak kira-kira sedekad lalu. Pertama, sama seperti Umno mempunyai Dr Mahathir dan Anwar, PAS mempunyai Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan.

Kesederhanaan gaya hidupnya menjadi satu lagenda. Ramai rakyat Kelantan yang bangga untuk menyatakan beliau masih tinggal di rumah papan. Beliau tidak menggunakan kereta rasmi untuk kempen politik dan perkara ini ditonjolkan dengan cekapnya oleh PAS dalam kebanyakan

ceramahnya. Beliau berbaris dengan rakyat biasa untuk berjumpa doktor! Beliau hanya mengambil sebahagian dari gaji dan elauannya. Imej Tok Guru Nik Aziz tidak sukar di-calarkan walau sebanyak mana pun cercaan TV3 dan *Utusan Malaysia*. Cara hidupnya yang mithali begitu berbeza dengan gaya hidup mewah pemimpin-pemimpin Umno memberi kesan yang mendalam kepada para pengundi luar bandar.

Kedua, PAS berjaya mengaut sebanyak mungkin simpati rakyat di dalam kempen-kempennya dengan menggambarkan dirinya sebagai mangsa penindasan BN. Parti-parti pembangkang lain juga melakukan perkara ini tetapi apa yang dilakukan oleh PAS lebih berkesan kepada khalayak PAS kerana faktor ketiga.

Ketiga, bagi para pemimpin PAS, tempoh berkempen ialah sepanjang lima tahun sebelum pilihan raya yang lain diadakan. Mereka mengadakan ceramah sepanjang tahun. Mereka menyediakan penyokong mereka untuk menghadapi pengaruh negatif media arus perdana yang dikuasai BN. Mereka menggunakan segala teknik untuk mengatasi keadaan serba terbatas yang mereka hadapi. Sebagai contoh, mereka menggunakan kaset-kaset untuk menyebarkan ceramah-ceramah pemimpin mereka kepada penyokong-penyokong yang jauh. Pada umumnya, mereka mempunyai iltizam yang kuat yang memberikan inspirasi kepada mereka untuk terus bekerja.

Keempat dan faktor paling penting ialah hakikat bahawa PAS mempunyai wawasan yang kuat untuk masa hadapan yang berakar umbi dengan begitu mendalam di dalam ajaran Islam. Ia merupakan alternatif yang jelas kepada Wawasan 2020 yang dianggap sekular oleh PAS. Kesannya begitu kuat dan segera terutama terhadap mereka

yang merasa tertipu dengan dunia materialisme yang dikaitkan dengan BN.

# **16**

---

## **Azimat Buat Penyokong PAS**

**B**eberapa persoalan yang dibangkitkan Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, ketika diwawancara oleh Pengarang Kumpulan *Harakah* dan saya sendiri, seharusnya mencetuskan semangat dan keyakinan baru, yang lebih padu, jitu dan mantap, bagi meneruskan perjuangan mendaulatkan Islam, khususnya menjelang abad ke-21.

Ustaz Fadzil lebih suka menyorot keputusan pilihan raya 1995 berdasarkan faktor dalaman parti, antara lain gerak kerja yang belum cukup memuaskan serta masalah tidak mempunyai cawangan parti dan keahlian yang mencukupi.

Beliau amat mengharapkan perwakilan muktamar tahunan PAS lebih berani membuat koreksi dan mengenal pasti kelemahan PAS, seterusnya disusuli dengan tindakan memperbaikinya dan berani melakukan perubahan. Tanpa kekuatan tekad, kesatuan tindakan, kebulatan fikrah, kesepadan amal jamaie, kepemimpinan berwibawa, pengikut yang taat, kemampuan PAS mendepani cabaran tahun 2000 agak tersekat. Presiden PAS itu juga menyarankan agar diperbanyakkan program dan dipelbagaikan kegiatan yang menyentuh kepentingan rakyat. Ahli-ahli PAS harus bersedia untuk menolong dan membantu masyarakat yang menghadapi kesulitan hidup.

Nasihat Ustaz Fadzil yang cukup berkesan, untuk pendokong-pendokong PAS bagi menghadapi sebarang kemungkinan, ialah: "Kita mesti membuat persiapan-persiapan yang kental terutama membentuk sikap dan pemikiran, fahaman yang mendalam dan jelas tentang aqidah, konsepsi aqidah Islam dan pengertiannya serta tuntutan-tuntutan aqidah. Ini yang perlu kita perjelaskan kepada rakyat supaya mereka betul-betul memahami apakah aqidah Islam dan tuntutan Islam yang mesti mereka fahami dan dokongi. Kita juga mesti melipatgandakan lagi usaha-usaha, bukan saja mempertahankan PAS sebagai sebuah jamaah dan gerakan Islam, tetapi juga mempertahankan Islam itu sendiri."

Saya membahagikan beberapa penekanan yang dikemukakan oleh Ustaz Fadzil, yang perlu diperincikan lagi oleh pendokong PAS:

1. Perlunya ahli yang ramai, cawangan yang mencukupi dan aktif.

Kempen menambahkan ahli PAS kepada 500,000

orang perlu diteliti dan dikajisiasat. Apakah halangan dan hambatan yang menyebabkan ia belum mencapai matlamat, sama ada punca kelemahan lebih berdasarkan faktor dalaman ataupun faktor luaran? Begitu juga dengan jumlah cawangan dalam sesebuah kawasan. Bilangan cawangan sahaja tidak memadai jika keaktifannya bermusim, atau mungkin tidak aktif langsung? Cawangan yang aktif adalah pangkalan paling ampuh menghadapi serangan pihak lawan.

Hanya dengan keahlian yang ramai (dan tentunya berkualiti) dan bilangan cawangan yang mencukupi dapat memastikan gerak kerja pilihan raya berjalan seperti dirancang. Kita tidak mahu aktiviti semasa berkempen hanyalah ceramah, yang ada kalanya tidak menepati sasaran. Semetalahan pula tenaga penceramah ketika itu cukup terhad sehingga ada kawasan yang ditandingi calon PAS hanya dibantu oleh pita rakaman semata-mata. Komitmen penceramah amatir memang dihargai tetapi hendaklah dipastikan ia tidak membawa masalah sampingan yang lain. Ada pula yang memulakan kempen hanya tiga hari selepas hari penamaan calon.

## **2. Cabaran melebarkan pengaruh PAS di Pantai Barat Semenanjung, termasuk Sabah.**

PAS meletakkan calon di semua negeri, kecuali Sarawak. Walaupun gagal memperolehi sebarang kerusi di luar Kelantan, Terengganu dan Kedah, potensi PAS untuk diterima pengundi di negeri-negeri lain tetap bersinar. Ahli-ahli PAS disaran agar bersama denyut jantung kehidupan rakyat. Biar menjadi budaya ahli-ahli PAS untuk turut bersedia membantu membina masyarakat berakhhlak luhur dan berpendidikan. Sebarang fitnah dan tohmah

buruk terhadap PAS dapat ditangkis dengan mudah apabila rakyat melihat sendiri kemunculan PAS dalam bentuk yang praktikal.

Antara masalah PAS, termasuk juga di Kelantan, ialah majoriti rakyat terlindung dari melihat kebaikan yang dibawa oleh PAS. Ia tidak mendapat liputan media utama, hanya mengharapkan laporan *Harakah*. "Jika ada sesuatu kegiatan, hanya rakyat setempat yang boleh melihatnya, tidak seperti parti-parti komponen BN yang menguasai media," ujar Ustaz Fadzil.

### **3. Sokongan pengundi baru terhadap PAS.**

Menurut Presiden PAS, penyertaan generasi baru dan anak-anak muda kepada PAS semakin meningkat, termasuk di selatan Semenanjung. Generasi muda tidak terikat kepada tradisi generasi tua di kawasan-kawasan pengaruh Umno. Fikiran mereka lebih terbuka dan bersedia menerima idea-idea baru, yang selalunya dianggap asing oleh generasi tua.

Cita rasa anak muda kini begitu pelbagai. Sebahagian besar dari mereka diasuh dengan kehidupan berfoya-foya, seperti yang didedahkan dalam laporan tingkah laku lepak yang dikemukakan oleh pensyarah universiti-universiti tempatan. Program Rakan Muda pula dibimbangi makin menjauhkan mereka dari tuntutan kehidupan yang berakhlaq mulia. Manakala minda dan kegiatan pelajar universiti masih dipasong oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti (pindaan 1975).

Ustaz Fadzil meminta Dewan Pemuda PAS mengkaji keperluan sebenar generasi muda dan bagaimana untuk mengisi tuntutan itu. Permintaan ini harus dipandang serius kerana tanpa program yang sesuai kemungkinan minat

yang ditunjukkan terhadap PAS itu boleh beralih.

#### 4. Menarik sokongan pengundi bukan Melayu.

Walaupun PAS secara terbuka mengakui kelemahannya untuk menangani masyarakat Cina, namun usaha harus lebih diperhebat. Imej dan paparan buruk PAS mesti dikikis. Kempen penerangan mengenai Islam dan PAS harus dimulakan segera. PAS juga perlu bersama menangani beberapa isu yang membabitkan masyarakat bukan Islam. Bagaimanapun ia mesti dilakukan secara berhati-hati kerana dibimbangi timbul pula isu kontroversi, seperti pada tahun 1986 dahulu. Isu-isu yang diperjuangkan oleh badan bukan kerajaan (NGO) tidak boleh dipandang sepi.

Hanya mengharapkan *trend* pengundi bukan Melayu berubah kepada PAS tanpa melakukan apa-apa usaha (apatah lagi program khusus) bukanlah tindakan politik yang matang. Mereka mesti didekati, sekurang-kurangnya untuk tujuan dakwah.

#### 5. Sambutan golongan intelektual, profesional dan menengah Melayu.

Sokongan golongan ini terhadap PAS semakin bertambah. Ia selaras dengan peningkatan taraf hidup, anjakan tahap pendidikan dan kemunculan bandar-bandar baru yang berkembang-biak. Minat golongan terpelajar kepada PAS bukan fenomena baru, masalahnya ialah bagaimana untuk membabitkan mereka secara lebih bermakna lagi kerana tidak ramai yang bersedia untuk diketengahkan sebagai pemimpin. Gabungan dan kesepaduan yang mantap antara ulama dan intelektual hanya terjalin bila mereka bersedia memikul amanah kepemimpinan.

Risiko menjadi aktivis pembangkang di negara ini

cukup tinggi. Justeru itu golongan intelektual ini harus berani mendepaninya. "Apabila mereka sampai ke peringkat membebaskan diri dari pergantungan kepada kerajaan, saya yakin mereka akan lebih terkehadapan dalam perjuangan PAS," tegas Ustaz Fadzil. Mungkin golongan ini lebih wajar ditempatkan di posisi yang agak kurang risikonya dan lebih berperanan di sebalik tabir. Dalam hal ini kualiti pengurusan parti mesti diangkat ke peringkat lebih tinggi.

#### **6. Isu semasa bukan faktor utama kemenangan pembangkang?**

Kesan daripada isu tidak boleh dinafikan terutama sekali untuk menimbulkan kesedaran rakyat. Undi PAS bertambah di Kedah, antara lain difaktorkan oleh penyalahgunaan kuasa BN dan hak rakyat yang diketepikan. Masalahnya, penyampaian isu tidak merata sedangkan propaganda BN, khususnya melalui televisyen, cukup hebat. Dengan begitu mudah hujah pembangkang ditangkis. Oleh itu, saluran penerangan PAS harus dipelbagaikan dan dibuat secara efektif. Budaya politik wang mesti dibanteras. Psikologi politik Melayu yang mudah lupa dengan sesuatu isu bila timbul isu lain yang lebih sensasi harus dipecahkan.

Ustaz Fadzil mengakui, isu pembangunan akan terus menjadi isu utama dalam pilihan raya akan datang. Meskipun kekuatan PAS terletak kepada asas dan dasar perjuangannya, namun PAS harus berjaya menampilkan modul pembangunan yang lebih menarik. Tanggungjawab berat ini lebih dipikul oleh kerajaan Angkatan di Kelantan.

#### **7. Memupuk kesedaran politik yang tinggi di kalangan orang Melayu.**

Presiden PAS menghuraikan nasib, kepentingan dan

hak orang Melayu semakin terhakis setiap kali pilihan raya diadakan. Setiap kali berlaku perubahan dasar, orang Melayu yang perlu berkorban. Mereka umpama nasib orang Arab bila berhadapan dengan Israel. Soalnya mengapa pengundi Melayu terus bergantung harap dengan Umno yang ternyata begitu banyak mengecewakan mereka selama ini. Apakah halangan terbesar yang memisahkan mereka dengan PAS?

Mungkin kesedaran politik Melayu cukup rendah dan mereka pula mudah diperkotak-katikkan oleh pemimpin Umno? Program jangka panjang harus dirancang bagi memulihkan kesedaran orang Melayu terhadap nasib yang bakal menimpa anak cucu mereka satu masa nanti. Pemikiran usang, yang menganggap BN akan terus memerintah negara selama-lamanya, mesti dikuburkan. Mereka harus dibekalkan dengan keyakinan diri dan disemai pemikiran merdeka dari kongkongan Umno selama ini.

#### 8. Memperjuangkan bahasa Melayu antara agenda perjuangan PAS.

"Perjuangan Islam adalah suatu perjuangan yang luas. Bukan saja kita berjuang mempertahankan syariat dan hendak melaksanakannya, tetapi segala yang dibenarkan oleh Islam wajib dipertahankan selama ia tidak mendatangkan kezaliman dan penganiayaan kepada orang lain," tegas Ustaz Fadzil.

Dimensi perjuangan Islam sememangnya sengaja dipersempitkan oleh musuh-musuh Islam. Seolah-olah hanya perlaksanaan hudud yang diperjuangkan sedangkan soal kehidupan lain dipinggirkan. Penjelasan Presiden PAS ini diharap merongkaikan kekusutan sesetengah pihak yang merasakan perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu

hanya milik golongan nasionalis. Walhal kehormatan dan hak kita perlu dipertahankan, dan ini dituntut oleh Islam.

#### **9. Pemantapan pengaruh materialisme.**

Idealisme perjuangan PAS berteraskan Islam amat sukar digoyah. Semakin rakyat mahukan Islam, maka semakin dekat mereka mendampingi PAS. Untuk mengasingkan PAS dari masyarakat, jalan pintas ialah menanamkan pengaruh kebendaan, sehingga semua pertimbangan dalam hidup ini berdasarkan keuntungan dari sudut kebendaan. Penyamun juga boleh menjadi pemimpin jika dia kaya.

Wawasan 2020 adalah contoh nyata, yang ditekankan hanyalah pertumbuhan ekonomi. Persoalan akhlak dan tasusila hanya pemanis kata, tanpa sebarang maksud yang dijelaskan. PAS harus memerangi gejala buruk ini sebelum menjadi budaya masyarakat. Jangan biarkan materialisme menjadi budaya masyarakat negara ini, termasuk ahli-ahli PAS. Ia adalah duri dalam daging, api dalam sekam, yang mungkin mendindingi PAS dari khalayak yang lebih luas, dan mengendurkan daya juang ahli-ahli parti pembangkang.

#### **10. Guru wanita adalah televisyen.**

Di sesetengah kawasan, pengundi wanita melebihi lelaki. Malangnya mereka amat kuat dipengaruhi kempen BN khususnya melalui TV. Ramai wanita tinggal di rumah, dan semasa kempen, rancangan TV pagi, misalnya *Malaysia Hari Ini*, sentiasa disogokkan oleh propaganda BN. Yang diundang hanyalah calon-calon BN. Ketika mengulas kandungan manifesto, ahli MTK Umno menghurai manifesto BN, sedangkan "pembelot" PAS dan PMS46 dijemput mengecam manifesto parti tersebut. Studio TV, bermula

enam pagi, bertukar menjadi bilik gerakan BN. Di masa akan datang, pengaruh TV semakin dahsyat, termasuk memupuk dan memantapkan budaya materialisme, ditambah dengan puluhan rangkaian TV ketika itu. Pemimpin PAS mesti bersedia, mulai sekarang, untuk menghadapi ancaman ini.



# **17**

---

## **Minat Anak Muda Dengan PAS: Apa Asasnya?**

**W**alaupun masih belum mencapai kemenangan di luar Kelantan, pemimpin PAS boleh berbangga dengan jumlah pengundi muda yang menyokong PAS semakin bertambah dalam pilihan raya 1995. Menurut Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, penyertaan generasi baru dan anak-anak muda kepada PAS semakin meningkat, termasuk di pantai barat dan selatan Semenanjung.

"Kita perlu memberi tumpuan kepada kalangan muda ini. Generasi muda tidak terikat kepada tradisi generasi tua di kawasan-kawasan berpengaruh Umno," tambah Ustaz Fadzil. "Kita," katanya, "akan menghadapi para pe-

ngundi yang lebih terbuka pemikiran mereka, lebih kritikal dan lebih berwibawa. Jika ditinjau secara menyeluruh, pengundi muda banyak memihak kepada kita. Ini dapat kita lihat di dalam saluran-saluran tiga dan empat. Di kebanyakan peti undi, kita mendapat undi yang lebih di saluran ini. Itu juga menunjukkan bahawa cabaran akan datang lebih tertumpu kepada golongan muda ini. Kita mesti mempunyai persediaan yang lebih cukup dan sempurna untuk memastikan golongan ini lebih ramai menyokong kita."

Tokoh kontroversi PAS, Mohamad Sabu, ketika berceramah dekat Pantai Merdeka, Kedah percaya Umno Kedah menang dalam sedih kerana ramai golongan muda tidak menyokongnya: "Boleh dikatakan semua saluran tiga dan empat menunjukkan undi terhadap PAS meningkat. Ini petanda golongan muda tidak menaruh harapan pada Umno melainkan golongan tua sahaja." Mohd Sabu mendakwa 70 peratus golongan muda menunjukkan kewiba-waan mereka untuk memilih calon-calon dan parti yang benar-benar boleh membawa kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Bagaimanapun, Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan, Haji Wan Abdul Rahim Abdullah, ketika merasmikan Muktamar Pemuda PAS Pasir Mas, mendedahkan sokongan golongan muda dan Angkatan di Kelantan lebih rendah berbanding dengan sokongan golongan dewasa. Beliau meminta Pemuda PAS mengenalpasti mengapa fenomena ini berlaku sedangkan di negeri-negeri lain undi golongan muda lebih condong kepada PAS. "Kita perlu merangka program khusus bagi memastikan fenomena ini tidak berlaku di masa akan datang," tambahnya.

Dalam analisis pilihan raya yang disiarkan *Harakah*, 29 Mei 1995, penulisnya, Ahmad Syamil Kamil mencatatkan: "Saya tertarik dengan pandangan Prof. Dr Jomo KS yang tersiar di majalah mingguan *Far Eastern Economic Review* yang menyebutkan bahawa generasi muda Malaysia berpendapat sistem dan struktur kuasa yang sedia ada terlalu kuat dan sukar disaingi. Ini, katanya, menyebabkan generasi muda lemah untuk meneruskan perjuangan para pejuang. Mudahnya, generasi muda melihat sistem dan struktur sosio-politik yang sedia ada telah cukup sihat untuk kesejahteraan negara."

Kenyataan tokoh-tokoh di atas cukup menarik sebagai landasan perbincangan tentang masa depan politik Malaysia yang bergantung rapat dengan kecenderungan mengundi anak-anak muda kini. Sekiranya trend anak-anak muda mengundi PAS berterusan, dampak politiknya satu hari nanti cukup terasa. Atau apakah ia fenomena biasa bagi orang muda yang tidak begitu suka dikongkong dengan aliran konservatif? Jika benar telahan Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Mohamad Sabu itu, PAS perlu mengkaji punca dan sebabnya. Ini penting bagi memastikan ia bukan sokongan bermusim yang berpijak kepada asas yang mudah dirobek-robekkan oleh seterus politiknya. Mengapa ketika pertumbuhan ekonomi dikatakan sedang dipacu dengan hebatnya, kadar inflasi yang begitu rendah, masalah pengangguran dapat diselesaikan, isu-isu politik tidak setegang 1990, dan Umno dipimpin oleh "tokoh bertaraf dunia", yakni Dr Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim, tiba-tiba selera anak-anak muda mulai tawar dan hambar kepada Umno?

Sekali pandang, tanggapan PAS itu seakan-akan boleh dipertikai kebenarannya. Selain Kedah dan Terengganu

nu, undi terhadap PAS di negeri-negeri lain tidak meningkat. Kalau dilihat peratusan undi popular PAS meningkat ia hanya disebabkan lebih ramai calon PAS yang bertanding, yang pada tahun 1990 kawasan berkenaan ditandingi calon PMS46. Yang lebih sesuai dibuat perbandingan ialah undi popular PAS tahun 1986 dengan undi popular Angkatan, 1995. Itu pun dengan perkiraan bahawa faktor PMS46 memainkan peranan sekiranya berlaku peningkatan undi.

Negeri	% Undi Popular		Jumlah Undi	
	1986	1995	1986	1995
Perlis	33.33	31.87	20,194	24,384
Kedah	35.32	34.36	149,546	178,235
Kelantan	46.02	55.00	157,748	245,526
T'ganu	39.73	44.43	82,186	120,880
P. Pinang	8.05	3.99	29,913	18,806
Perak	14.30	14.46	90,210	103,488
Selangor	10.84	12.30	52,341	85,889
Pahang	19.21	24.04	49,739	83,080
N. Sembilan	5.69	10.09	11,246	27,101
Melaka	11.58	13.32	19,761	28,378
Johor	8.91	11.31	47,184	85,788

Rajah 1: Perbandingan jumlah undi popular dan peratusannya, antara yang diperolehi PAS dalam pilihan raya 1986 dengan perolehan Angkatan (PAS/PMS46) pada tahun 1995.

Namun Ustaz Fadzil tentunya mempunyai maklumat sahih tentang fenomena baru anak-anak muda itu. Diharap ia bukan sekadar pemanis mulut atau bahan rangsangan

buat penggerak PAS melangkah ke abad 21. Mungkin faktor-faktor peningkatan taraf pendidikan, pendedahan hidup yang lebih terbuka, tidak mudah terikat dengan nostalgia zaman lampau, muak dengan penyalahgunaan kuasa dan kebobrokan akhlak pemimpin Umno, pemikiran semakin kritis dan penghayatan agama yang lebih menyeluruh membuka ruang buat anak-anak muda mencari parti alternatif kepada BN.

Namun begitu, cabaran yang mendepani fenomena anak-anak muda ini cukup mendebar. Kongkongan berbentuk baru mungkin lebih mendera. Mereka akan berhadapan dengan risiko tinggi apabila terbabit secara aktif dengan mana-mana parti pembangkang. Bagi ahli perniagaan peluang merebut kontrak lumayan tersekat. Pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang dinikmati oleh rakan sebaya mungkin tergugat dan sekiranya tiada ketahanan diri yang agak kebal, istiqamah terhadap perjuangan akan terhakis secara-cara perlahan-lahan. Akhirnya, mereka hanya menjadi ahli biasa parti atau pemerhati pasif terhadap perkembangan semasa. Sementara bagi anak-anak muda di desa, terutama yang dihimpit kesempitan hidup, pelbagai subsidi dan bentuk bantuan yang sepatutnya diperolehi, juga disekat.

Itu pandangan dari satu sudut. Sebenarnya jika ada keazaman dan asas kekuatan dalaman, segala halangan tidak mampu menggugat komitmen perjuangan. Lagi pun, risiko hidup sebagai aktivis pembangkang tidaklah seteruk yang disangka. Buktinya, ramai juga aktivis PAS yang berjaya dalam profesion masing-masing, berbekalkan kepakaran dan kemahiran tersendiri, serta usaha gigih yang tidak mengenal lelah. Mungkin hanya jalan pintas meraih kejayaan tertutup, dan bukankah itu juga tidak disenangi oleh

seseorang Muslim yang baik. Yang lebih penting PAS harus membuka peluang seluas-luasnya untuk setiap ahlinya, yang terdiri dari pelbagai latar belakang, untuk memberikan khidmat dan sumbangan bakti, menurut kemampuan masing-masing, terutama yang tidak dapat menonjol kerana hal-hal tertentu.

Apa yang lebih membimbangkan saya ialah serangan faham kebendaan atau kegilaan untuk hidup mewah di kalangan generasi muda. Mereka yang lebih terdedah dengan media, iklan dan kejayaan hidup orang lain, mudah terpengaruh untuk turut mengejar kemewahan ini. Sebaik sahaja mereka terjebak dalam perangkap ini, bermakna idealisme perjuangan turut berkubur. Kedua-duanya tidak boleh berjalan serentak. Tapi ia harus dibezakan dengan usaha gigih menjayakan perniagaan atau syarikat masing-masing bagi memperkembangkan tahap pencapaian yang natijahnya dapat dirasai oleh semua pihak. Kita juga memerlukan usahawan Muslim yang berjaya dengan cemerlang dalam kerjayanya tapi terus berpegang teguh dengan prinsip perjuangan dan sentiasa memberi sumbangan terhadap parti.

Tepat sekali apabila Ustaz Fadzil memberi peringatan: "Kita mesti memberi kesedaran kepada rakyat tentang bahaya *trend* yang dibawa oleh BN sekarang iaitu untuk memantapkan pengaruh materialisme dalam kehidupan rakyat. BN mahukan rakyat pada setiap ketika mengimpikan kebendaan semata-mata. Ini satu *trend* yang sangat merbahaya. Jika faham materialisme ini terus melanda, semua perkara termasuk nilai baik dan buruk akan diukur melalui kebendaan. Penyamun juga boleh menjadi pemimpin jika dia kaya." Dalam perkembangan berkaitan, Setiausaha Agung PAS, Ustaz Abdul Halim Arshat menyeru ahli-ahli PAS memerangi dan menggempur aqidah keben-

daan demi masa depan umat Islam negara ini: "Aqidah kebendaan yang ditekankan Umno sekarang menuju ke arah menjadikan apa juga aktiviti mesti meletakkan matlamat keuntungan dari segi kebendaan, mengatasi yang lain."

Selain itu, generasi muda kini, yang PAS harapkan dapat mendokong perjuangannya, juga terdedah dengan kemerosotan akhlak yang dahsyat. Program budaya murahan, yang jelas menyemarakkan nafsu haiwaniah, ditaja dan direstui pihak atasan. Video lucah mudah didapati, siaran TV semakin melemaskan, majalah-majalah hiburan yang hanya memperdagangkan tubuh wanita melambak di pasaran. Tentunya kita belum lupa dengan kajian Kementerian Belia dan Sukan (dengan kerjasama UKM, UM, UPM, USM, UTM dan UUM) mengenai tingkah laku lepak di kalangan remaja, yang dilakukan pada Februari 1994. Hasilnya, cukup mengejutkan, 71% rakan sebaya remaja menghisap rokok, 40% menonton filem lucah, 39% membaca filem lucah, 18% melakukan hubungan seks sebelum kahwin, 28% berjudi, 25% minum arak, 16% mencuri dan 14% terlibat dengan penagihan dadah.

Berita Minggu, 25 Jun 1995 melaporkan kenyataan anggota Exco Kerajaan Negeri Selangor, Dr Zainal Abidin Ahmad mengenai kajian yang dijalankan terhadap pekerja kilang di Lembah Klang. Kajian ini mendedahkan 21% daripada mereka pernah melakukan perbuatan sumbang, 14% mengaku sering melakukan hubungan seks dan 21% lagi pernah melakukannya. Sementara 39% daripada mereka mengaku terlalu bebas dan 31% lagi kurang mendapat pendidikan agama serta disiplin. "Keruntuhan moral remaja ini banyak dipengaruhi oleh media massa, kemudahan mendapatkan video lucah, percampuran bebas lelaki dan wanita serta sikap tidak ambil peduli jiran sekeliling," kata Dr Zainal.

Apakah ini bentuk remaja dan golongan belia yang akan kita hadapi, yang diharap mampu diamanahkan beban kepemimpinan satu hari nanti? PAS harus menggariskan perancangan jelas terhadap golongan muda ini, tidak sekadar menolak Rakan Muda tajaan Umno. Rakyat mahu melihat konsepsi PAS terhadap remaja, bukan terhad kepada aspek pergaulan bebas tetapi harus menampilkan formula penyelesaian menyeluruh. Falsafah pendekatan Islam terhadap problem remaja harus dijelmakan dalam bentuk praktikal sehingga tampak dengan jelas perbezaan falsafah Umno yang berasaskan sekularisme. Program parti harus menekankan pembabitan golongan muda, sejarar dengan cabaran zaman yang semakin kompleks ini. (Penubuhan Pasti di peringkat pra-sekolah serta sekolah rendah dan menengah Islam tajaan PAS mula diikuti penuh sangsi oleh pemimpin Umno). Tentunya golongan muda mahu melihat bagaimana PAS menangani masalah hiburan, budaya, aktiviti sukan dan seumpamanya, selain isu ekonomi, kewangan, bank dan perdagangan. Apakah benar tohmahan Umno bahawa PAS memandang sinis aktiviti-aktiviti tersebut, malahan bertindak mengharamkannya? Tentulah tidak cukup dengan menutup "lubang-lubang maksiat" tanpa mengemukakan program bertindak belia yang bersepdu sifatnya. Sesungguhnya usaha menangani masalah belia harus bermula dari asas, falsafah, dasar, dan pendekatan Islamik bukan hanya reaksi spontan terhadap kemelut semasa.

Bagi saya, jika benar golongan muda mulai berjinak-jinak dengan PAS, ia adalah satu permulaan yang baik tetapi hakikatnya telah sedia menanti cabaran yang mendekarkan mereka dengan gaya hidup yang akan menjarakkan dengan parti Islam itu. Ulama PAS harus bersedia

merumuskan garis-garis besar dan perinciannya tentang rencam kehidupan orang muda. Umno melalui Kementerian Penerangan, Kementerian Belia dan Sukan, Pusat Islam serta Kementerian Pendidikan pasti merencanakan program bersepada menyekat kemaraan pengaruh PAS di kalangan generasi muda ini.

Buktinya, *Berita Harian*, 13 Mei 1995 melaporkan dua berita bersumberkan Kementerian Penerangan dan Kementerian Pendidikan. Menurut Menteri Penerangan, Mohamad Rahmat, Jabatan Penerangan sedang mengatur majlis penerangan, manakala Jabatan Penyiaran akan menerbitkan rancangan radio dan televisyen yang boleh menyedarkan rakyat mengenai bahaya fanatismus kepada agama, kaum, budaya dan negara. Sementara Menteri Pendidikan, Najib Tun Razak berkata masalah pelajar institusi pengajian tinggi menentang kerajaan adalah antara agenda utama mesyuarat khasnya yang pertama dengan naib-naib canselor. Soalnya, gerakan pelajar yang cenderung kepada PAS pun kini menghadapi arus pasang-surut.

Manakala respons PAS terhadap program Rakan Muda dilihat helah politik semata-mata. Menteri Belia dan Sukan, Muhyiddin Yassin berkata: "Mungkin pimpinan Kelantan takut dengan program Rakan Muda yang mendapat sambutan sekarang, boleh melemahkan sokongan terhadap kerajaan negeri." Dr Abdul Hamid Othman, Menteri di JPM mendakwa PAS mempunyai matlamat yang berbeza, iaitu untuk menarik golongan muda yang berjumlah 62 peratus daripada penduduk negara menyertai parti itu. "Ini menyebabkan program itu dianggap sebagai saingan dan boleh menjelaskan usaha PAS menarik golongan muda," tambahnya. Walhal, menurut MB Kelantan, Tuan Guru Nik Aziz, beliau meminta secara ikhlas supaya perlaksanaan Rakan

Muda diselaraskan dengan kehendak Islam. "Saya tidak redha anak saya mengikuti program Rakan Muda dalam keadaan sekarang. Tetapi saya boleh lepaskan anak gadis saya untuk mengikutinya jika ia mengikut syariat," katanya.

Kenyataan Dr Jomo juga perlu diberikan perhatian. Tidak mustahil anak-anak muda tidak berminat lagi meneruskan idealisme mereka apabila melihat pengundi terus memberikan undi mutlak kepada BN walaupun pemimpin-pemimpinnya jelas mengamalkan rasuah dan menyeleweng. Bagi mereka, seolah-olah tidak ada jalan lagi untuk menumbangkan kerajaan yang ada melalui proses pilihan raya. "Taat-setia orang Melayu terhadap Umno seperti tidak akan luntur walaupun Umno secara jelas mengkhianati mereka. Saya terlalu kecewa dengan bangsa saya sendiri," seorang bekas aktivis pelajar memberitahu. Sedangkan untuk menafikan majoriti dua pertiga BN tidak kesampaian, inikan pula mahu membentuk kerajaan alternatif. Penguaasan hanya 30 kerusi Parlimen, dan meninggalkan 162 lagi kepada BN mungkin membuatkan mereka patah semangat dan tidak lagi berminat dengan politik.

"Ada benarnya pandangan Jomo itu, tapi saya rasa Umno yang semakin parah dengan politik wang sukar menarik minat anak-anak muda terhadapnya. Sampai bila Umno mampu menawarkan habuan kebendaan. Cuma, mungkin semakin ramai anak-anak muda yang tawar hati untuk aktif berpolitik. Mereka lebih suka mengejar kejayaan dalam dunia masing-masing dan kemudiannya hidup senang, kalau pun tidak mewah," seorang teman memberi pandangan. Dulu dia seorang idealis, sekarang tidak ambil pusing lagi dengan perkembangan politik. Alasannya, "Umno terlalu kuat untuk dikalahkan."

Namun begitu khabarnya PAS juga mula diminati oleh golongan profesional. Sememangnya penguasaan PAS dalam politik tanahair bergantung rapat dengan kemampuannya menarik minat golongan menengah Melayu (jumlahnya meningkat dengan pesat sekali) yang kini hanya rapat dengan Umno. Sarjana politik Means melihat "kelebihan Perikatan mentadbir negara disebabkan ia mewakili semua lapisan sosio-ekonomi. Misalnya, Umno diwakili oleh Melayu kelas atasan, menengah dan bawahan. Begitu juga dengan MCA dan MIC. Kelemahan parti-parti pembangkang adalah mereka tidak mampu menarik minat ketiga-tiga kelas untuk menganggotai mereka. Sebagai contoh, PAS hanya diwakili oleh golongan bawahan."

Saranan Muhammad Abu Bakar (Jabatan Sejarah UM) dikira dapat membantu PAS menghadapi cabaran baru abad ke-21: "PAS patut mengadakan pendakwahan dan tarbiyah yang lebih luas, pembabitan sosial yang lebih menyeluruh, pendedahan-pendedahan yang lebih serata sehingga kepimpinan PAS dapat membincangkan isu-isu yang lebih komprehensif, isu-isu ekonomi, bank, perundangan, antarabangsa dan seumpamanya. Masyarakat pada masa akan datang lebih kritis. Problem yang semakin besar menuntut formula yang lebih canggih. Dan untuk itu kepimpinan PAS perlu mempunyai respons yang meyakinkan dan untuk memberi reaksi yang lebih meyakinkan, kepimpinan itu perlu ilmu yang baik, yang mendalam dan organisasi itu perlu memuatkan pelbagai jenis manusia sebagai pemimpinnya."



# **18**

---

## **Belantara Puaka Politik Melayu**

**P**ilihan raya 1995 diakui tidak sehangat suasana pilihan raya 1990. Tidak banyak isu yang ditimbulkan kecuali beberapa kes perampasan tanah di Melaka, Kedah dan Johor. Sepanjang tempoh lima tahun, selepas di beri mandat pada tahun 1990, menurut ramai pemerhati politik, tiada isu yang benar-benar menggemparkan yang memungkinkan peralihan undi kepada parti pembangkang.

Isu pelupusan imuniti raja-raja Melayu, pertuduhan rasuah dan skandal seks terhadap bekas Ketua Pemuda Umno, pengagihan saham di kalangan saudara mara pemimpin kanan Umno, serta dasar dan rancangan kerajaan yang lebih

memihak kepada bukan Melayu, seperti tidak memberikan banyak kesan terhadap kecenderungan pengundi. Sedangkan inilah antara isu yang dilihat agak menonjol diperkatakan oleh pengundi-pengundi Melayu.

Tidak dipastikan sejauhmana isu Hudud dan kes khalwat bekas Naib Ketua Pemuda PAS menjadi persoalan yang menarik perhatian umum semasa kempen berlangsung. Ada pihak melihat isu Hudud seakan-akan tenggelam menjelang hari pengundian. Akhbar-akhbar utama milik Umno pula tidak menjadikannya fokus perbincangan.

"Isu Hudud sebenarnya suatu kelebihan terhadap PAS. Dalam isu ini PAS berada di pihak ofensif manakala Umno tidak mempunyai jawapan atau serangan balas yang meyakinkan. Malahan isu perlaksanaan syariah membuatkan Umno berada dalam keadaan tertekan. Sekiranya Umno, khususnya melalui media massa utama berjaya menenggelamkan isu Hudud, ia bermakna satu kejayaan buat mereka," ujar seorang pemerhati politik.

Soalnya, sejauhmana isu-isu semasa yang ditimbulkan semasa kempen menyumbangkan faktor kemenangan kepada parti-parti pembangkang? Prof Syed Arabi Idid, sewaktu seminar sehari pilihan raya 1995, menyimpulkan lebih 90 peratus pengundi tidak mengubah keputusan untuk menyokong mana-mana calon yang dibuat sehari selepas penamaan calon. Maknanya hanya 10 peratus pengundi yang terpengaruh dengan kempen yang dilancarkan selepas hari penamaan calon.

Prof Syed Arabi juga menegaskan, secara umumnya pengundi Melayu dan India, lebih terpengaruh dengan parti, bukannya calon dan isu, apabila membuang undi. Ia berbeza dengan pengundi Cina yang menjadikan personaliti calon dan isu-isu yang berbangkit sebagai faktor utama ketika mengundi.

Oleh itu, ada pihak berpandangan, bagi meraih sokongan pengundi Melayu, parti-parti pembangkang harus bekerja kuat lebih awal lagi untuk menaikkan imej parti yang selama ini diberikan gambaran buruk oleh media milik parti pemerintah. Ataupun bentuk kempen harus lebih ditumpukan untuk menonjolkan personaliti calon sehingga menenggelamkan imej BN yang digilap media. Serentak dengan itu tidak perlu lagi berkempen berdasarkan parti kerana jika mahu dibandingkan imej parti di kalangan mata umum maka BN jauh mengatas parti-parti pembangkang.

"Dengan sumber yang ada pada pembangkang amat sukar menafikan imej BN yang kelihatan begitu hebat. Lebih baik difokuskan kepada kelemahan asas BN, iaitu calon-calonnya. Maknanya, jangan menyerang BN dari sudut yang ia nampak kuat, iaitu imej partinya, tetapi timbulkan kekuatan personaliti calon pembangkang itu sendiri," pandangan seorang aktivis masyarakat dipetik.

Pensyarah Jabatan Kajian Sebaran Am, Institut Teknologi MARA, Azizul Halim Yahya juga sependapat. Dalam wawancara majalah *Tamadun* engannya, Azizul menyatakan, masyarakat tidak memilih calon yang bertanding tetapi memilih parti. "Kalau pengundi memilih calon kemungkinan BN tidak berjaya. Calon PAS lebih tinggi imejnya. Pengubahsuaian strategi perlu dengan meningkatkan imej calon setempat. Jika rakyat sentiasa disogok dengan publisiti imej calon, lama kelamaan mereka akan terpengaruhi," jelas Azizul.

"PAS harus berkempen menggunakan kekuatan yang ada pada partinya," tambah beliau.

Ekoran itu saya cuba menyorot keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Melaka 1995 dan mengait-

kannya dengan persoalan di atas. Negeri Melaka dijadikan rujukan kerana banyak pihak beranggapan rakyat negeri itu, yang tidak mempunyai tradisi menyokong pembangkang, akan melakukan kejutan berasaskan beberapa isu kontroversi lagi sensasi yang timbul menjelang pilihan raya 1995. Hinggakan PAS sendiri melancarkan manifesto tambahan di negeri bersejarah itu. PAS selalunya mengeluarkan manifesto tambahan bagi negeri-negeri yang mempunyai potensi, sama ada untuk menang menguasai pentadbiran kerajaan negeri ataupun berupaya menampilkan barisan pembangkang yang berkesan.

Harapan untuk melihat kebangkitan pembangkang yang berkesan di Melaka gagal walaupun negeri itu digemparkan dengan dua isu besar. Pertama, yang membabitkan bekas Ketua Menteri Melaka, Abdul Rahim Tamby Chik. Kedua, kes perampasan tanah di Kampung Tanah Merah dan Pantai Kundor. Antara tumpuan manifesto PAS Melaka ialah pengurusan tanah dan hutan secara adil kepada rakyat. Dipercayai ia adalah respons terhadap perampasan tanah di dua kampung Melayu tradisional terbabit.

Manifesto itu antara lain menjelaskan:

1. Tiada pengambilan tanah secara sewenang-wenang bagi tujuan persendirian atau syarikat persendirian.
2. Pemilikan tanah dan bangunan yang terlepas kepada warga negara asing akan dikenakan cukai yang berlipat ganda.
3. Mempertahankan Tanah Adat dan Rizab Melayu dan memastikan tanah-tanah tersebut yang diambil oleh BN negeri Melaka digantikan semula.
4. Tanah-tanah rakyat dan kerajaan yang diambil secara tidak adil oleh BN Melaka yang bukan untuk kepentingan awam akan dipertimbangkan untuk diambil semula.

Keputusan menunjukkan undi popular BN meningkat hampir tujuh peratus, daripada 62.74% (pada tahun 1990) kepada 69.39%. Walaupun undi popular PAS memperlihatkan pertambahan lebih empat peratus, daripada 6.05% (1990) kepada 10.79%, tetapi ia berkadar dengan jumlah kerusi yang ditandinginya. Pada tahun 1990, PAS Melaka meletakkan enam orang calon di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala Semangat 46 mengemukakan sembilan calon, sedangkan pada tahun 1995, PAS membariskan 17 orang calon, peningkatan hampir tiga kali ganda. Hanya tujuh calon PMS46 mencuba nasib. DUN Melaka mempunyai 20 kerusi tahun 1990 dan 25, tahun 1995. Dipercayai Semangat 46 tidak lagi mempunyai kuasa tawar-menawar dengan PAS bukan saja kerana pengaruhnya semakin merosot tetapi ketandusan pemimpin dan pendokong akar umbi. Sejak Datuk Wira Ahmad Nordin meninggalkan parti itu, S46 Melaka dipimpin oleh tokoh-tokoh luar, satu petanda jelas kelemahannya yang cukup ketara.

Dalam mengukur prestasi, yang sepatutnya menjadi perhatian ialah jumlah undi PAS dan PMS46 kerana kedua-dua parti ini mewakili Angkatan Perpaduan Ummah, bukannya jumlah undi parti-parti berkenaan secara solo. Bagi pilihan raya 1990, undi popular Angkatan di Melaka ialah 17.40%, manakala pada tahun 1995, undi Angkatan merosot lebih empat peratus, kepada 13.32%. DAP dalam kedudukan bertahan apabila berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Kota Melaka dan tiga kerusi DUN di bawahnya, iaitu Tengkera, Durian Daun dan Bandar Hilir.

Lebih malang lagi bagi Angkatan, dan memberikan imej negatif terhadapnya, apabila berlaku pertandingan se-sama sendiri antara PAS dan Semangat 46 di empat kawasan DUN, iaitu Kuala Linggi, Alai, Rim dan Tangga Batu

sendiri. Lokasi yang mencetuskan isu kontroversi, iaitu perampasan tanah di Kampung Tanah Merah dan Pantai Kundor berada di bawah DUN Tangga Batu. Calon PMS46, Abbas Mohd Noor hilang pertaruhan. Bekas Pesuruhjaya PAS Melaka, Ustaz Jaliluddin Abdul Wahid memperolehi 2,548 undi, iaitu 20.47% daripada undi sah yang dibuang.

Keadaan yang sama berulang di Parlimen Jasin. Berhadapan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, Angkatan menunjukkan bentuk persefahaman yang memeningkan kepala pemerhati politik. Kedua-dua calon PMS46 dan PAS hilang wang pertaruhan. Seramai 3,431 pengundi (10.00%) menyokong calon PAS, Ahmad Dali Abu Hassan, manakala calon PMS46, Tawab Khatab memperolehi 2,305 undi (6.72%).

"Apakah keghairahan untuk menawan Melaka, berdasarkan beberapa isu kontroversi yang kelihatan memihak kepada pembangkang, membuatkan berlaku pertindihan calon Angkatan? Kita tidak mahu kes di Melaka membuatkan persefahaman dalam Angkatan, khususnya di Pantai Barat, retak dan menimbulkan krisis baru. Kedua-dua parti harus bijaksana mengukur kekuatan sendiri," ingatan seorang penulis politik.

Seorang penyokong kuat PAS memberitahu dia langsung tidak balik mengundi kerana kawasan mengundinya menyaksikan pertembungan tiga penjuru membabitkan PAS, BN dan PMS46, iaitu Parlimen Jasin dan DUN Ayer Panas. "Saya sedih dan malu," katanya.

Keputusan di N4 Masjid Tanah, kawasan lama bekas Ketua Menteri, Rahim Tamby Chik tidak menampakkan tanda protes pengundi terhadap Umno. Dalam pilihan raya 1990, Rahim mendapat 6,262 undi, iaitu 86.66%, dengan majoriti kemenangan 5,298. Calon PAS yang menentang-

nya hilang wang periaruhan. Pilihan raya 1995 menunjukkan pengaruh Umno tidak berganjak walaupun imej bekas Ketua Pemudanya yang pernah menjadi wakil di kawasan itu begitu buruk. Calon BN, Ramli Mohd Said memperolehi undi 6,303, atau 85.92%.

"Orang Melaka tidak menolak Umno. Begitu juga pengundi-pengundi di kawasan pengambilan tanah, mereka tetap menyokong Umno. Jaminan Dr Mahathir untuk memindai Akta Pengambilan Tanah juga mempengaruhi. Mungkin kalau ada pun, mereka hanya menolak Rahim. Kata mereka, Umno tidak bersalah, yang tamak hanya Rahim," kata seorang teman yang mengikuti dari dekat masalah penduduk Kampung Tanah Merah dan Pantai Kundor. Namun ada juga yang menyanggah: "Di Melaka, selepas Ghafar Baba, hanya Rahim dilihat mampu menjadi pemimpin utama di peringkat nasional. Saya yakin, kalau Rahim terus bertanding, dia akan menang dengan mudah. Rahim masih mempunyai penyokong setianya di Melaka. Ingatan orang Melayu cukup singkat." (Ini bertepatan dengan ingatan Ustaz Fadzil Noor: "Dari segi psikologi, sesuatu itu tidak akan bertahan lama di pemikiran rakyat apatah lagi bila datang isu yang lain. Selain itu, isu-isu yang dibawa parti-parti pembangkang amat kurang kesannya berbanding isu-isu pembangunan yang dibawa oleh BN. Isu pembangunan akan terus menjadi isu utama BN di masa depan kecuali rakyat dapat melihat ketidakadilan dalam pembangunan dan mereka sendiri bersedia untuk memerhatikan perkembangan ini. Jika mereka sendiri malas untuk memerhati jurang pembangunan itu, sukar bagi PAS untuk berbuat sesuatu.")

Selain itu lima kerusi DUN Melaka menyaksikan pertandingan tiga penjuru, yang membabitkan PAS, BN dan

DAP. Kawasan yang dimaksudkan ialah Pulau Sebang, Panya Rumput, Ayer Keroh, Bachang dan Duyong. Kelima-lima kerusi ini mempunyai majoriti pengundi Melayu lebih 35 peratus. Malah DUN Bachang menunjukkan peratus pengundi Melayu melebihi 50 peratus, iaitu 52.69%. Rujukan terhadap peratusan pengundi Melayu dibuat untuk meneliti kewajaran PAS bertanding di kawasan terbabit, sekurang-kurangnya untuk mewakili suara satu pertiga pengundi. Namun begitu, di kawasan yang boleh dielakkan, parti-parti pembangkang harus tidak bertembung sesama sendiri, walaupun antara PAS dan DAP.

Dari segi peratusan undi, 17 calon Angkatan memperolehi undi di bawah 20 peratus, iaitu di Kuala Linggi (PAS, 10.30%; S46, 4.62%), Melekek (PAS, 9.33%), Masjid Tanah (PAS, 14.08%), Sungai Udang (PAS, 15.19%), Pulau Sebang (PAS, 4.36%), Rembia (S46, 11.46%), Tangga Batu (S46, 5.41%), Ayer Keroh (PAS, 9.07%), Bachang (PAS, 13.01%), Duyong (PAS, 10.40%), Alai (PAS, 19.49%; S46, 6.44%), Rim (PAS, 7.47; S46, 7.08%), Merlimau (S46, 16.93%) dan Sungai Rambai (18.05%).

Undi di bawah 20 peratus dijadikan rujukan kerana ia merupakan satu pencapaian yang agak lemah dan perlu diberikan perhatian serius. Parti-parti yang memperolehi undi di bawah garis 20 peratus, khususnya dalam pertandingan dua penjuru, dikira tidak memberikan saingan yang memuaskan. Majoriti kemenangan calon BN tidak begitu ditekankan kerana terdapat beberapa kerusi yang mempunyai jumlah pengundi yang begitu kecil.

Sementara pada tahun 1990, hanya lima orang calon Angkatan yang mencatatkan perolehan undi di bawah 20 peratus, iaitu Kuala Linggi (S46, 16.30%), Kuala Sungai Baharu (S46, 16.64%), Masjid Tanah (PAS, 13.34%), Kele-

mak (PAS, 12.18%) dan Bandar Hilir (PAS, 7.10%).

Tiada sebarang kerusi yang ditandingi Angkatan menunjukkan perolehan undi calon PAS mahupun PMS46 yang melebihi 30 peratus. Sedangkan seramai enam orang calon Angkatan memperolehi undi lebih 30 peratus pada tahun 1990, iaitu Tebong (31.18%), Bukit Asahan (34.83%), Tanjung Minyak (35.38%), Sungai Udang (31.16%), Ayer Panas (32.72%) dan Ayer Molek (30.82%); semuanya membabitkan calon PMS46 kecuali Ayer Molek. Pada tahun 1986, tidak ada seorang pun calon PAS yang mendapat undi melebihi 30 peratus.

Dari segi profil kawasan, daripada 25 kerusi DUN Melaka, tiada kawasan yang mempunyai peratus pengundi Melayu melebihi 90 peratus, empat kawasan antara 80 - 90 peratus, dan enam kawasan antara 65 - 80 peratus.

Mengenai DAP, yang mana pemimpinnya turut terbabit secara serius dalam isu-isu kontroversi di Melaka, walaupun impian "3 + 3" gagal, tapi ia masih berjaya mengekalkan tiga kerusi tradisinya. Cita-cita politik DAP Melaka lebih rasional, ia hanya mahu menambah tiga kerusi lagi. DAP juga mencuba nasib di Pulau Sebang (pengundi Cina 44.74%), Bukit Sedanan (Cina 43.99%), Paya Rumput (45.27%), Ayer Keroh (55.44%), Bachang (41.40%) dan Duyong (55.94%). Komposisi pengundi di kawasan yang dimenangi DAP ialah Durian Daun (Cina 85.10%), Bandar Hilir (76.39%) dan Tengkera (79.68%). Peratusan pengundi Cina dijadikan rujukan kerana jelas menunjukkan pangkalan DAP ialah kawasan yang pengundi Cina melebihi 70%. Sememangnya hanya di kawasan campuran parti-parti Cina yang lain, MCA dan Gerakan, mempunyai peluang cerah mengalahkan DAP.

Kekalahan yang mengejutkan Angkatan di Melaka, terutama dari segi pungutan undi yang rendah, adalah cabaran terhadap kemampuan parti-parti di bawahnya men-

jelang abad ke-21. Hanya berbekalkan sambutan ceramah yang membanggakan tidak dapat membawa PAS dan S46 berhadapan dengan kekuatan Umno Melaka. Kekuatan akar umbi adalah prasyarat untuk Angkatan menapak kukuh di negeri Hang Tuah ini. Jika tidak ungkapan "darah orang Melayu Melaka cap keris" sukar untuk dipersoalkan.

"Walaupun majoriti orang Melaka tidak memberiundi kepada PAS, tetapi kesediaan mereka mendengar pernyataan PAS adalah satu langkah awal penuh bermakna. Banyak kawasan yang sukar ditembusi PAS, yakni kubu kuat Umno, kini berjaya ditubuhkan cawangan-cawangan PAS. Yang penting beri peluang orang Melaka untuk melaksukan perubahan. Asalkan pemimpin jangan patah semangat atau kecewa. Tapi jangan pula *over confidence*," jelas seorang penyokong PAS Melaka.

Kekuatan asas pada PAS, iaitu aqidah Islam, harus dimantapkan lagi, kerana ia adalah sendi kukuh penerimaan rakyat terhadapnya. Begitu juga dengan penampilan personaliti calon yang tentunya lebih menyerlah dan dihoromi umum. Harus diakui kelemahan PAS dalam hal ini. Kemenangan cemerlang BN, khususnya Umno, (didakwa diperolehi secara tidak demokratik) dalam keadaan senario politik Melaka, yang kelihatan cenderung terhadap pembangkang, mengingatkan pendokong Angkatan bahawa masih terlalu banyak gerak kerja yang merakyat sifatnya, dengan penyebaran kefahaman asas politik Islam perlu dipersebatkan.

Kekalahan ini tidak sepatautnya melemahkan semangat pendokong Angkatan. Ia juga tidak bermakna bahawa pengundi Melayu langsung tidak memberikan respons sewajarnya terhadap isu-isu yang berbangkit. Isu tidak dapat mengecewakan BN jika penampilan pembangkang masih

di takuk lama. Anggaplah ia sebagai cabaran untuk mengubah realiti yang makin mencengkam ini. Tradisi usang dalam pemikiran politik orang-orang Melayu harus ditanggalkan segera dan diisi dengan kesedaran politik yang matang. Sesungguhnya tiada jalan mudah merentasi belantara puaka politik Melayu yang disuburkan oleh pemimpin-pemimpin Umno sendiri.

Tahun	Parlimen			DUN		
	Per/BN	PAS	DAP	Per/BN	PAS	DAP
1959	58.9	16.1	67.0	14.1		
1964	66.2	3.7	65.2	5.3		
1969	48.8	19.4	17.5	48.1	17.0	12.7
1974	62.5	-	15.5	59.1	-	18.6
1978	55.7	11.8	32.5	54.4	12.9	31.4
1982	64.44	12.34	21.22	69.77	7.70	21.71
1986	58.43	9.39	32.18	62.79	11.58	24.41
1990	60.55	2.02	17.12	62.74	6.05	18.98
1995				69.39	10.79	17.29

**Rajah 1:** Kedudukan undi popular Perikatan/BN, PAS dan DAP bagi pilihan raya negeri Melaka dari 1959 hingga 1995. Pada 1990 dan 1995, PAS bersama PMS46 membentuk Angkatan. Untuk DUN, PMS46 memperolehi 11.35% (1990) dan 2.53% (1995). 1974 - PAS dalam BN. Pembangkang lain yang menonjol ialah Front Sosialis, tahun 1959, memungut 11.5% (Parlimen) dan 11.4% (DUN); 1964, 26.8% untuk Parlimen (P) dan DUN. 1969: Parti Rakyat memperolehi 11.7% (P) dan 16.0% (DUN). 1974: Pekemas, 11.3% (P), 10.5% (DUN); PSRM, 9.0% (P) dan 9.8% (DUN).

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

# **19**

---

## **Tawaran Buat Rakyat Melaka**

**S**ekiranya PAS dipilih oleh rakyat negeri Melaka, maka PAS akan menyusun semula pentadbiran dan pengurusan kerajaan, etika Islam yang dapat memberikan keadilan, kesejahteraan dan keharmonian hidup kepada seluruh rakyat serta menjamin hak dan kebebasan rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

- Mewujudkan sebuah pemerintahan, pengurusan dan pentadbiran berorientasikan Islam.
- Mer yelia dan memperbaiki kemudahan asas, kemudahan sosial serta jaminan keselamatan kepada seluruh rakyat.

- Merangka dan melaksanakan satu plan induk pembangunan dan ekonomi bagi tujuan merapatkan jurang per kapita antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan berpendapatan rendah.
- Merangka dan melaksanakan program pembangunan insan bagi melahirkan insan yang bertaqwah dan beriman bagi menyelesaikan gejala-gejala sosial dalam masyarakat akibat meluasnya kemungkar dan keaksiatan pada masa ini.
- Menjamin hak-hak bukan Islam.
- Mewujudkan sebuah badan bebas bagi mengawasi perjalanan kerajaan kegeri yang dikenali sebagai Lembaaga Hisbah.

#### Pentadbiran Berasaskan Taqwa

- Melaksanakan pentadbiran berdasarkan Al-Quran, Hadis, Qias dan Ijmak Ulama.
- Meminda perlembagaan negeri bagi melaksanakan Kanun Jenayah Syariah yang terkandung hukum Hudud seperti termaktub di dalam Al-Quran.
- Mengurangkan elaun-elaun dan keistimewaan yang berlebihan kepada Ketua Menteri, Ahli Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri.
- Mewajibkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua Menteri mengisyiharkan harta kepada Dewan Undangan Negeri bukan kepada Ketua Menteri atau Perdana Menteri.
- Melaksanakan dasar berjimat cermat di dalam pengurusan kewangan, belanjawan dan pengagihan projek pembangunan
- Menjadikan hari Jumaat sebagai cuti mingguan.
- Menghapuskan segala bentuk pinjaman yang berun-

surkan riba terhadap pinjaman-pinjaman kerajaan negeri dan badan-badan berkanun kepada semua lapisan masyarakat.

- Memberantas semua bentuk rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan.
- Membatalkan projek-projek yang terdapat unsur unsur pembaziran, kemungkaran dan kemaksiatan
- Menghormati dan memberikan perhatian kepada kakitangan kerajaan dan kesatuan sekerja.
- Menghapuskan pengeluaran lesen premis judi dan mengurangkan pengeluaran lesen arak dan pusat hiburan secara berperingkat-peringkat.
- Memberikan perhatian dan kebijakan kepada wanita yang berkerja dengan menambah cuti bersalin dari 42 hari ke 60 hari.
- Pemberian cuti khas kepada kakitangan kerajaan negeri yang kematian isteri atau suami.
- Menjadikan hari bekerja dari jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang pada bulan Ramadhan kepada kakitangan kerajaan negeri.
- Mempertingkatkan, menyusun dan merancang semula kecekapan, daya saing yang lebih produktif dan menguntungkan. Mengelakkan pembaziran serta amalan rasuah di kalangan agensi kerajaan dan badan swasta.

#### Pengurusan Tanah dan Hutan Secara Adil

- Memberikan tanah kepada rakyat yang tidak bertanah bagi kegunaan tempat tinggal.
- Menjalankan kajian ke atas tanah dan kawasan perkampungan baru dengan tujuan menyegerakan pengeluaran hak milik kepada yang benar-benar berhak.
- Menurunkan pembayaran cukai dan bayaran mem-

proses tanah.

- Tiada pengambilan tanah secara sewenang-weneng bagi tujuan persendirian atau syarikat persendirian.
- Pemilikan tanah dan bangunan yang terlepas kepada warga negara asing akan dikenakan cukai yang berlipat ganda.
- Penggunaan tanah untuk pembangunan akan mengambil kira konsep pemuliharaan alam sekitar dan perasaan rakyat.
- Mempertahankan Tanah Adat dan Rizab Melayu dan memastikan tanah-tanah tersebut yang diambil oleh BN negeri Melaka digantikan semula.
- Mengadakan pengawasan rapi supaya kawasan hutan terpelihara fauna dan floranya.
- Tanah-tanah rakyat dan kerajaan yang diambil secara tidak adil oleh BN Melaka bukan untuk kepentingan awam akan dipertimbangkan untuk diambil semula.

### Pendidikan dan Dakwah

- Menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah agama rendah dan menengah serta mewujudkan pusat pengajian tinggi yang mendapat pengiktirafan antara-bangsa.
- Menghidupkan masjid-masjid dan surau-surau sebagai sekolah masyarakat melalui kuliah pengajian bagi membangunkan rakyat.
- Perlantikan AJK masjid dan surau diserahkan kembali kepada ahli qariah bagi menentukan perlantikan.
- Imam dan pegawai masjid akan diberikan satu skim gaji yang berpatutan serta kedudukan imam sebagai pegawai syarak dan ketua qariah akan dilaksanakan.
- Guru-guru agama sekolah rendah dan menengah Maj

lis Agama Islam yang berkelulusan dan berkelayakan akan diiktiraf sebagai berjawatan tetap dan berpencen setaraf dengan rakan-rakan mereka di Kementerian Pendidikan.

- Pemberian tauliah kepada guru-guru agama untuk tujuan mengajar dan berdakwah berdasarkan kepada aqidah tauhid yang sebenar bukan berdasarkan pilih kasih atau fahaman sempit kepartian.
- Menyediakan peruntukan yang cukup kepada pelajar dalam pengajian Islam dalam dan luar negeri.
- Melaksanakan program majlis ilmu secara komprehensif di semua peringkat pentadbiran kerajaan negeri.
- Menyusun semula kelas-kelas pengajian Al-Quran dan Hadis supaya lebih menepati pendidikan Islam yang sebenar.

### Kebajikan Untuk Rakyat

- Penarikan balik penswastaan logi air dan menurunkan semula kadar bayaran penggunaan air.
- Bayaran bil air dan elektrik di masjid-masjid dan suau-surau akan ditanggung oleh Majlis Agama Islam.
- Menurunkan dan menyelaraskan kadar cukai pintu dan mengecualikan bayaran kepada rakyat miskin.
- Penjagaan anak yatim piatu akan dikendalikan dengan teratur dan tersusun seperti sepatutnya.
- Menjamin setiap keluarga mempunyai tempat tinggal yang lengkap dengan kemudahan asas serta menjamin setiap keluarga sekurang-kurangnya seorang mempunyai perkerjaan tetap.
- Setiap waris tua yang daif dipelihara oleh ahli waris yang terdekat.
- Setiap keluarga yang miskin dan mempunyai anak-

anak yang bersekolah mendapat bantuan pakaia seragam.

- Menurunkan kadar bayaran lesen peniaga kecil dan kadar sewa gerai.
- Menghapuskan lesen beca dan warung.
- Mengurangkan kadar bayaran tempat letak kereta dan menghapus cukai perkhidmatan.
- Menubuhkan Yayasan Kemiskinan untuk membant golongan miskin untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa.

#### Pembangunan Insan Soleh

- Mengadakan pusat vokasional Islam, pusat bimbingan Islam dan pusat perkhidmatan Islam pada setiap daerah.
- Mewujud Unit Bimbingan Remaja bertujuan membimbing serta menyelesaikan permasalahan mereka.
- Menimbulkan suasana keislaman di pejabat-pejabat kerajaan dan tempat-tempat awam.
- Menggalakkan penyertaan belia dalam kegiatan sukan.
- Mewujudkan suasana yang lebih baik untuk meningkatkan ciri wanita solehah dengan menekankan hak-hak kebendaan dan kerohanian.

#### Ekonomi dan Pembangunan

- Menggalakkan pertumbuhan industri berlandaskan bahan pertanian.
- Satu dasar pertanian komprehensif diperkenalkan memandangkan banyak tanah-tanah terbiar di negeri ini.
- Membanyakkan bazar-bazar perniagaan dengan baya-

ran sewa berpatutan di bandar-bandar.

- Pungutan zakat dan fitrah serta pengendalian akan dipertingkatkan agar ia betul-betul dapat berfungsi dalam masyarakat.
- Meletakkan Baitulmal sebagai Tabung Kewangan Negeri yang berfungsi membangunkan ekonomi rakyat.
- Industri pelancongan akan disusun semula agar ia lebih bersifat *educational* dan bermaruah.
- Memajukan kegiatan dalam sektor industri buah-buahan dengan mewujudkan ladang rakyat.
- Menyediakan peruntukan untuk menyelaraskan projek-projek ke arah kesejahteraan rakyat.

### Hak-hak Orang Bukan Islam

- Orang-orang bukan Islam mempunyai hak-hak asasi kemanusiaan dan hak-hak awam, iaitu semua hak diakui oleh syarak. Tiada siapa pun yang boleh merampas hak-hak ini ataupun mengurangkan hak-hak agama dan kebudayaan orang-orang bukan Islam.
- Orang-orang bukan Islam sama sahaja di sisi undang-undang jenayah dan sivil dengan orang-orang Islam.
- Orang bukan bukan Islam akan dilindungi dan diajamin hak-hak seperti terkandung dalam Perlembagaan Malaysia.



# **20**

---

## **Perlis Bukan Lagi Kubu PAS?**

**P**erlis yang menawarkan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tiga kerusi Parlimen masih dianggap antara kubu kuat PAS, selain Kelantan, Terengganu dan Kedah walaupun gagal memperolehi sebarang kerusi dalam pilihan raya lalu. Soalnya sekarang, berdasarkan undi yang diperolehi pembangkang, mampukah Perlis tetap tersenarai sebagai kubu kuat PAS di utara Semenanjung?

Peratusan undi popular tertinggi PAS pernah dipungut pada tahun 1969, sebanyak 43.8%. Bersama Parti Melayu Semangat 46 (PMS46), PAS meraih 32.51% undi pada tahun 1990 dan 31.87% pada 1995. Agak malang apabila

undi tersebut lebih rendah berbanding peratusan undi popular yang PAS perolehi pada tahun 1986, 33.33% ketika PAS bersendirian menentang BN.

Tumpuan harus diberikan terhadap peningkatan undi popular BN sebanyak 3.28% kepada 68.12%. (Angka ini juga mengatasi pencapaian BN pada 1974, iaitu 66.1%, walaupun ketika itu PAS adalah parti komponen BN). Ini kerana menjelang pilihan raya 1995 rakyat Perlis berhadapan dengan isu kontroversi yang boleh menggongcang kedudukan BN, iaitu penukaran cuti hujung minggu, dari-pada hari Jumaat kepada hari Ahad. Hinggakan ada permerhati politik mengandaikan - bila melihat reaksi rakyat Perlis terhadap isu ini peluang PAS lebih cerah di Perlis walaupun dibandingkan dengan Terengganu: "Menteri Besar PAS yang kedua selepas Tuan Guru Nik Aziz, bukan-nya Ustaz Hadi ataupun Ustaz Fadzil, tetapi Pesuruhjaya PAS Perlis, Ustaz Hashim Jasin."

Apakah ini menandakan faktor isu tidak menjamin kemenangan buat calon pembangkang, walaupun berbenut isu keagamaan, atau isu penghapusan cuti Jumaat tidak dianggap besar sehingga boleh diterjemahkan dalam bentuk tidak mengundi BN? Isu cuti hujung minggu ini juga nampaknya tidak memberi bekas dalam keputusan pilihan raya negeri Johor. Undi popular BN Johor mencapai tahap tertinggi dalam sejarah, iaitu 77.27%. Bagaimanapun, berhadapan dengan kemaraan PAS di Kedah, Menteri Besar Kedah, Osman Aroff memberi jaminan bahawa cuti hujung minggu pada hari Jumaat tetap akan dipertahankan. Dr Mahathir Mohamad sendiri menafikan bahawa beliau pernah mengeluarkan arahan supaya cuti Jumaat ditukar kepada hari Ahad untuk dilaksanakan di negeri Kedah.

Dalam pilihan raya 1990, sebanyak empat kerusi DUN Perlis menyaksikan majoriti kemenangan BN di bawah seribu undi, iaitu Titi Tinggi (majoriti 382 undi), Kuala Perlis (341 undi), Kurong Anai (208 undi) dan Sanglang (137 undi). Bagaimanapun dalam pilihan raya lalu, ia berkurang kepada tiga kerusi, iaitu Guar Sanji (majoriti 298 undi), Simpang Empat (939 undi) dan Sanglang (246 undi).

Jika diukur kekuatan Angkatan di Perlis dari segi peratusan undi, masih terlalu banyak usaha dan gerak kerja yang perlu dijalankan bagi memantapkan pengaruh PAS dan PMS46. Saya menekankan faktor peratusan undi kerana kerusi DUN Perlis hanya mempunyai antara 6,000 hingga 8,000 undi sahaja. Ini bermakna jika dilihat dari majoriti kemenangan BN, kelihatan seolah-olah majoriti itu kecil sedangkan dari segi peratusan undi, ia agak mencemaskan Angkatan.

Hanya dua kerusi mempamerkan undi Angkatan lebih 40 peratus, iaitu Guar Sanji (47.18%) dan Sanglang (47.75%). Enam kerusi lagi menunjukkan undi Angkatan mengatasi tahap 30 peratus. Kerusi terbabit ialah Santan (36.62%), Bintong (32.69%), Sena (31.22%), Kayang (31.40%), Tambun Tulang (30.54%) dan Simpang Empat (39.57%). Ini bermakna hampir separuh kerusi DUN Perlis mencatatkan undi Angkatan di bawah paras 30 peratus. Rujuk jadual berkaitan untuk meninjau prestasi PAS (1986) dan bersama PMS46 (1990 dan 1995) dari segi peratusan undi berbanding jumlah kerusi terbabit.

Dari segi perolehan kerusi DUN, PAS Perlis memperolehi kerusi tunggal di Hutan Aji pada 1964. Calonnya, Taharim Ariffin mengalahkan calon Perikatan, Syed Darus Syed Hashim dengan kelebihan 188 undi. Walaupun undi popular PAS pada 1969 meningkat 6.7% kepada 43.8%,

tetapi ia tidak disertai dengan penambahan kerusi. PAS gagal mempertahankan kerusi Hutan Aji apabila calonnya ditewaskan dengan perbezaan 16 undi saja tetapi berjaya menguasai Arau. Calonnya, Hussain Abdul Rahman memperolehi 1,907 undi sementara calon Perikatan, Ismail Sheik Ibrahim mendapat 1,704 undi. Beberapa kawasan lain menyaksikan pertarungan sengit, dengan majoriti tipis kemenangan BN, khususnya di kawasan Sanglang. Tokoh PAS, Ustaz Abu Bakar Hamzah hanya kalah lima undi kepada calon Perikatan, Jaafar Hassan. Di Mata Ayer, PAS tewas dengan perbezaan 51 undi; Paya, 108 undi; Sena, 204 undi; Bintong, 236 undi; Kayang, 254; Kurong Anai, 312.

Dua orang calon BN, iaitu di Titi Tinggi (Leong Choon Ling) dan Oran (Ali Ahmad) menang tanpa bertanding. Tidak pula saya dapat pastikan bagaimana dua kawasan, Sanglang dan Bandar Kangar yang menyaksikan pertandingan dua penjuru, antara BN dengan calon bebas, tanpa penyertaan calon PAS. Sanglang ada kubu tradisi PAS hingga kini. Manakala di N10 Bandar Arau, BN dicabar sengit oleh calon bebas, Hussain Abdul Rahman apabila calon BN hanya menang majoriti tipis, 138 undi. Hussain mendapat 1,550 undi, sedangkan calon PAS hanya memperolehi 847 undi. Walaupun undi popular BN merosot hampir 6% berbanding 1974, undi PAS tidak pun sampai mencecah paras 30%. Ini kerana undi pembangkang terbahagi dua, PAS dan calon-calon bebas. Undi popular calon-calon bebas itu ialah 13.03%. Pada pilihan raya 1974, iaitu ketika PAS bersama BN, undi pembangkang pergi kepada PSRM (17.0%) dan calon-calon bebas (17.1%).

Pilihan raya 1982 membawa tuah kepada calon PAS Bintong, Shuib Mohamad apabila diisytihar menang tanpa bertanding apabila kertas pencalonan wakil BN ditolak.

Hanya dua kerusi, mencatatkan perolehan undi melebihi 40%, iaitu Sanglang (44.80%) dan Paya (43.46%). Agak menarik senario yang berlaku di N4 Bandar Kangar, selain PAS, DAP dan BN bertembung, ia juga turut mengundang empat orang calon bebas untuk mencuba nasib. Semua calon bebas dan calon DAP, yang memperolehi 76 undi, hilang wang pertaruhan.

Seperti di lain-lain negeri, PAS menghadapi pilihan raya 1986 dengan penuh optimis. BN menghadapi tekanan yang cukup hebat, sementara sambutan masyarakat Cina terhadap PAS nampak membanggakan. Malangnya, PAS yang bermula dalam posisi penyerang, akhirnya terpaksa bertahan menangkis serangan Umno yang begitu berbisa. Di Perlis undi popular PAS merosot hampir 2% dengan dua daripada 14 kerusi DUN Perlis menyaksikan pertandingan sengit. Calon PAS di Kurong Anai, Halim Ismail hanya kalah dengan perbezaan undi 74 sahaja. Beliau memperolehi 48.86% undi. Sementara di Sanglang, calon muda PAS, Ismail Sahak mendapat 45.80% undi.

% Undi	1995	1990	1986
> 50	0	0	0
40 - 50	2	4	2
30 - 39	6	5	8
20 - 29	7	4	4

Rajah 1: Kedudukan jumlah kerusi DUN Perlis dari tahun 1986 hingga 1995 berdasarkan peratusan undi calon PAS dan PMS46.

## WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Parti	1959	1964	1969	1974	1978	1982	1986	1990	1995
Per/BN	63.8	60.9	53.5	66.1	57.8	62.30	65.16	64.84	68.12
PAS	31.7	37.1	43.8	-	29.2	35.01	33.33	16.69	22.85

Rajah 2: Senarai undi popular Perikatan/BN dan PAS, dari 1959 – 1995. Undi popular PMS46 di Perlis ialah 15.81% (1990) dan 9.02% (1995).

# **21**

---

## **Pengundi Memilih Parti, Bukan Calon**

**B**erhadapan dengan Barisan Nasional - yang tegak bukan hanya sebagai sebuah parti politik, tetapi didokong oleh pelbagai kemudahan dan jentera kerajaan, serta berpaut kepada amalan politik wang dan peras ugut yang dahsyat - seharusnya membuatkan parti-parti pembangkang bijak memilih strategi dan pendekatan politik yang efisyen.

Silap perancangan, salah strategi dan tempang pengarahan akan menjerat pembangkang dalam jerangkap yang tidak pernah melupai mangsanya. Dengan sumber pembangkang yang terhad, kelincinan dan ketangkasaran mengatur, melaksana serta mengubahsuai strategi dan kaedah

menyertai pilihan raya amat diperlukan. Sekiranya aspek-aspek ini diabaikan, partisipasi dalam sistem pilihan raya yang ada mungkin menghasilkan natijah negatif dan boleh membantut perkembangan parti seterusnya.

Antara yang kerap dibincangkan mutakhir ini, selepas menyaksikan kekalahan parti-parti pembangkang walaupun di kawasan yang menampilkan calon berwibawa, ialah masalah menentukan sama ada pengundi lebih mengutamakan parti atau calon. Selain itu, apakah faktor isu semasa dapat menyumbangkan peralihan undi (*swing*) yang berkesan?

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, isu perampasan tanah di Melaka, Johor dan Kedah, seakan-akan tidak memberikan dampak serius terhadap perolehan undi calon BN. Sokongan terhadap calon pembangkang di kawasan terbaik seperti Gelang Patah (Johor), Tangga Batu (Melaka), Jerai dan Jerlun (Kedah) tidak menunjukkan peningkatan selaras dengan sambutan yang diberikan kepada majlis-majlis ceramah dalam isu berkaitan.

Isu pemberian saham kepada kaum kerabat pemimpin utama Umno yang dikaitkan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang juga Ketua Wanita Umno, Rafidah Aziz, antara lain menjadi bahan kempen utama parti pembangkang dalam pilihan raya lalu. Ramai ahli-ahli Umno, khususnya di peringkat bawah, turut marah dan kecewa dengan apa yang berlaku itu. Dalam kes pengagihan saham khas buat Bumiputera bagi Leader Universal Holdings Bhd dan FACB, anak Perdana Menteri, adik TPM, anak dan saudara-mara Timbalan Menteri Dalam Negeri, anak bekas Ketua Hakim Negara, dan seorang ketua wanita Umno diperuntukkan saham yang boleh memberikan pulangan berbelas juta ringgit.

Seorang aktivis Umno cawangan memberitahu saya: "Kami yang bertungkus lumus memenangkan Umno, terpaksa bertelagah dengan penyokong PAS, tiba-tiba anak menteri Umno, yang baru saja keluar universiti, tak pernah tengok borang Umno pun, dianugerahkan saham cepat kaya. Mana adil?"

Dalam satu majlis ceramah PAS di Kubang Pasu, seorang pemimpin muda PAS juga mengulas hal ini: "Jangan marah kalau ada pihak mengumpamakan ahli-ahli Umno di kampung-kampung macam kerbau. Bukan saya kata, orang lain yang kata. Kerbau, dari satu segi, adalah binatang yang malang. Kerbau dulu digunakan untuk membajak sawah, selalu dipukul. Makanannya hanya rumput terbiar. Bila ada kenduri-kendara, bila orang bersukaria, kerbau juga yang disembelih. Tidak berhenti setakat itu, sesudah disembelih, nasib malang kerbau belum berakhir. Kulitnya dijadikan gendang dan terus dipukul. Berbeza pula dengan kucing yang tidak perlu buat kerja apa-apa di rumah. Tapi bila tuan rumah makan senangin, kucing juga makan senangin. Kadang-kadang diberi susu pekat manis. Itulah juga yang berlaku kepada ahli-ahli Umno. Mereka bekerja keras memenangkan calon Umno, kadang-kadang tanpa mengira keselamatan diri, tapi apa hasil yang mereka dapat. Sedangkan suku-sakat pemimpin agung mereka, sesetengahnya langsung tidak pernah terlibat dalam Umno, tetapi mendapat habuan yang cukup lumayan dengan kemenangan Umno."

Okey, balik semua kes Rafidah yang kini telahpun dibersihkan oleh Badan Pencegah Rasuah. Apabila keputusan pilihan raya diumumkan, majoriti kemenangan Rafidah di Kuala Kangsar semakin meningkat. Pada tahun 1990, Rafidah mengalahkan calon Semangat 46, dengan

kelebihan undi sebanyak 7,994, iaitu 65.92%. Manakala pada tahun 1995, undi Rafidah meningkat daripada 15,393 kepada 16,548 undi, walaupun jumlah pengundi berdaftar kurang lebih 5,500 orang daripada daftar 1990. Peratus undi calon yang menentang Rafidah menurun lebih 10 peratus, iaitu daripada 34.08% kepada lebih kurang 23% sahaja.

Selain itu perkembangan yang membabitkan Ketua Biro Agama Umno, Yusof Noor juga menarik untuk ditinjau. Imej Yusof Noor, bekas Menteri Perusahaan Awam, yang juga Pengurus Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan agak terjejas apabila timbul isu lesapnya RM2 juta wang Baitul Mal Wilayah Persekutuan. Ramai pihak berpendapat Umno tidak akan menurunkan Yusof Noor sebagai calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu bagi menggantikan Wan Mokhtar Ahmad sebagai Menteri Besar kerana dibimbangi ia akan memberi kelebihan kepada pembangkang untuk menawan negeri itu. Sementalahan pula prasyarat kemenangan Angkatan di Terengganu harus bermula dengan penguasaan keempat-empat kerusi DUN di Besut, yang mana Yusof Noor adalah Ketua Umno Besut. Pada tahun 1990, PAS menang di salah satu kerusi DUN tersebut, iaitu Jertih, dengan majoriti 597 undi.

Bagaimanapun Yusof Noor tetap dipilih sebagai calon BN di DUN Kampong Raja, dengan itu kemungkinan besar dilantik MB Terengganu menggantikan Wan Mokhtar apabila sampai masanya nanti. Pada tahun 1990, calon BN menang mengatasi calon PMS46 dengan kelebihan 340 undi. Dari segi peratus undi, PMS46 memperolehi 47.90% daripada undi sah. Keputusan pilihan raya 1995 menunjukkan calon BN, Yusof Noor menang dengan majoriti 1,693 undi, sementara peratus undi calon PMS46 merosot lebih tujuh peratus kepada 40.70%. Begitu juga dengan apa yang berlaku kepada

da MB Kedah, Osman Aroff. Beliau seorang tokoh Umno yang diakui lemah dan didakwa terbabit dalam banyak kes penyalahgunaan kuasa, tetapi pengundi Jitra tidak serik-serik memilihnya. Mungkin kedudukan PMS46 di kawasannya terlalu lemah dan tidak berupaya langsung untuk memberikan saingan.

Segala butiran yang disebutkan ini bukan bertujuan untuk menafikan peranan personaliti calon dan isu-isu semasa serta pergolakan setempat terhadap proses peralihan undi (*swing*), khususnya bagi pengundi-pengundi atas pagar. Banyak kawasan menyaksikan peningkatan sokongan terhadap PAS, antara lain difaktorkan oleh perpecahan dalam Umno. Namun, faktor-faktor ini mungkin berkesan di suatu tempat tetapi di kawasan yang lain ia kurang memberi bekas.

Khususnya bagi kawasan yang membabitkan persinggan sengit antara PAS dan BN, faktor personaliti calon cukup mempengaruhi. Pengundi lebih tertarik kepada calon yang sanggup menemui rakyat secara berdepan daripada hanya berpidato di atas pentas-pentas ceramah. Mereka, terutamanya pengundi atas pagar, mahukan calon wakil rakyat yang dapat merasai degup jantung kehidupan masyarakat. Tegasnya, faktor calon lebih berkesan dalam suasana kekuatan PAS dan BN seimbang, khususnya dari segi jumlah ahli, cawangan dan keaktifan jentera pilihan raya. Faktor calon kelihatan tidak relevan di kawasan yang penguasaan Umno jauh lebih dominan, manakala cawangan parti pembangkang sukar ditubuhkan.

"Kemenangan tiga orang muka baru PAS di Dewan Undangan Negeri Terengganu, iaitu di Teluk Pasu, Tepuh dan Alur Limbat menunjukkan faktor personaliti calon dijadikan pertimbangan utama di kawasan terbabit. Mere-

ka menunjukkan usaha gigih menemui pengundi dan lebih mementingkan usaha pemujukan," ujar seorang wartawan di Kuala Terengganu.

Prof Syed Arabi Idid, dalam kajiannya mengenai pilihan raya 1990, yang kemudiannya dibukukan, *Penentuan Agenda: Peranan Media Massa dalam Pilihan Raya Umum (1994)* juga meneliti persoalan kecenderungan pengundi, antara memilih calon atau parti. Bagi tujuan kajian itu dua tinjauan telah dilakukan iaitu pada bulan Julai 1990 dan pada bulan Disember 1990, iaitu sebelum dan selepas pilihan raya.

Kajian pada bulan Julai 1990 melibatkan seramai 1384 responden dan kajian pada bulan Disember 1990 meliputi seramai 1463 orang responden. Responden dipilih secara kouta untuk melambangkan komposisi kaum dalam negara. Begitu juga dari segi latar belakang pendidikan dan umur mereka. Maknanya ciri sosiodemografi dalam kajian itu tidak jauh berbeza dengan ciri sosiodemografi dalam masyarakat Malaysia yang sebenar.

Prof Syed Arabi, antara lain merumuskan: "Dalam setiap pilihan raya, ahli strategi berhadapan dengan masalah, sama ada pengundi akan mengutamakan parti atau calon. Jika parti diutamakan oleh pengundi maka ahli strategi akan lebih mementingkan usaha untuk mendahulukan identiti parti daripada mementingkan calon. Ini tidak bermakna bahawa setiap parti tidak akan menonjolkan calon mereka kerana personaliti calon adalah juga penting untuk diperkenalkan kepada pengundi. Dalam dua kajian yang dilakukan, maka adalah didapati bahawa pengundi lebih mementingkan parti dari calon."

Rumusan kajian pertama, yang dijalankan sebelum pilihan raya Oktober 1990 menunjukkan 36.9% memilih calon, sementara 55.5% memilih parti. Manakala dalam ka-

jian kedua, yang dibuat pada Disember 1990, memperlihatkan 29.1% memilih calon, dan 61.8% memilih parti.

Data juga dianalisis mengikut bangsa. Melalui kajian pertama ditunjukkan pengundi Melayu lebih cenderung membuat pilihan berdasarkan parti daripada calon, berbanding bangsa-bangsa lain. Manakala pengundi Cina, walaupun tetap melihat faktor parti lebih daripada faktor calon, tetapi peratusan responden Cina yang memilih berdasarkan calon adalah yang tertinggi berbanding responden Melayu dan India. Untuk penjelasan, rujuk rajah 1.

Fenomena mengundi parti daripada mementingkan calon bukan hanya berlaku di negara ini. Dari apa yang diperhatikan, pengundi di Amerika Syarikat dan di United Kingdom juga memberikan perhatian kepada parti lebih dari memberikan perhatian kepada calon sendiri walaupun pada akhir-akhir ini terdapat aliran pengundian yang memihak kepada personaliti calon daripada parti.

	Kajian Pertama			Kajian Kedua		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Calon	39.3	42.8	42.7	29.2	36.8	30.6
Parti	60.7	57.2	57.3	70.8	63.2	69.4

Rajah 1: Pemilihan terhadap faktor calon atau parti mengikut bangsa, dalam peratusan, sebelum dan selepas pilihan raya 1990.

Selain itu, rumusan Prof Syed Arabi Idid mengenai pasang surut undi popular dan penguasaan jumlah kerusi Parlimen parti-parti yang bertanding juga menarik untuk dijadikan bahan kajian selanjutnya. Rujuk rajah 2 dan rajah 3.

Apabila diteliti jumlah kerusi Parlimen yang diperolehi DAP sejak bertanding dalam pilihan raya umum tahun 1969, terdapat satu ciri yang dikenali sebagai satu gerak pendulum. Dalam satu pilihan raya umum, jumlah kerusi akan meningkat, tetapi pada pilihan raya umum berikutnya ia akan menurun, dan kemudianya akan naik semula dan menurun lagi. Pukulan pendulum ini membimbangkan pemimpin DAP kerana ia menunjukkan bahawa kerusi yang dimenangi oleh DAP tidak stabil.

Undi popular yang diperolehi PAS juga menampakkan pasang dan surutnya. Pada tahun-tahun alternatif pilihan raya umum diadakan, undi popular dan kerusi Parlimen yang dimenangi PAS akan meningkat dan menurun. Prof Syed Arabi menyifatkan, jika perubahan DAP adalah besar sekali, seperti terkena pukulan pendulum, maka perubahan bagi PAS merupakan perubahan ombak yang memukul pantai.

Menurut kajian itu lagi, undi popular bagi PAS tidak banyak berubah dalam setiap pilihan raya. Bagi ahli-ahli PAS, pemimpin tidak terlalu diberikan pertimbangan kerana apa yang diutamakan ialah perjuangan parti. Undi popular yang diperolehi PAS adalah hampir semuanya datang dari orang Melayu, khususnya dari Kelantan, Terengganu dan Kedah, (juga Perlis) dan pelbagai daerah di Perak, Selangor dan Pahang.

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa undi kepada DAP lebih bergantung kepada isu yang dibawanya dan tidak banyak kepada komitmen terhadap parti itu sendiri. Pandangan kedua ialah pengundi Cina memberikan undi alternatif kepada DAP selepas satu tahun pilihan raya umum yang mereka berikan kepada MCA atau Gerakan.

Dalam hal ini, masing-masing ada kelemahan dan kekuatan. Prestasi PAS sukar untuk ditingkatkan walaupun iklim pilihan raya memihak kepadanya, seperti juga sukar pihak lawan "memusnahkan" PAS ketika suasana politik menekan PAS. Pemimpin PAS harus serius menangani perkembangan unik ini. Untuk PAS berkembang pesat dan meraih laba menerusi pilihan raya PAS harus merancang kempen jangka panjang meningkatkan kesedaran politik orang Melayu. Ketaksuhan tanpa bersebab mesti dipecahkan. Jika pemimpin Umno menuduh penyokong PAS taksub dan fanatik terhadap partinya, apa kurangnya dengan ahli-ahli Umno. Dikatakan majoriti ahli Umno juga tertutup fikiran mereka. Ramai beranggapan Umno akan memerintah negara sampai bila-bila. Menolak Umno bermakna menjerumuskan negara ke lembah kehancuran. Bagi mereka hanya Umno boleh membawa kemajuan, walaupun dilihatnya banyak projek pembangunan yang dimegah-megahkan itu membawa keburukan dan tidak memberi sebarang keuntungan kepada mereka, sebaliknya memberi kesan buruk kepada alam sekitar. Malang sekali, walaupun ajaran Islam cukup menekankan masalah persekitaran, pengundi Melayu adalah pengundi yang tidak begitu sensitif dengan isu ini. Mereka hanya mahu tahu apa yang mereka boleh dapat menjelang hari pengundian.

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Tahun	PER/BN	PAS	DAP	BEBAS/LAIN
1955	79.6	3.9	-	16.5
1959	51.8	21.3	-	26.9
1964	58.5	14.6	-	26.9
1969	44.9	20.9	11.9	22.3
1974	61.0	-	15.6	23.4
1978	57.2	15.5	19.1	8.2
1982	60.5	14.5	19.6	5.4
1986	57.3	15.5	21.1	6.1
1990	53.4	6.7	17.2	22.1

Rajah 2: Pembahagian undi popular mengikut parti politik dalam pilihan raya umum 1990

Tahun	PER/BN	PAS	DAP	Bebas/lain	Jumlah
1955	51	1	-	-	52
1959	74	13	-	17	104
1964	89	9	-	6	104
1969	97	12	13	22	144
1974	135	-	9	10	154
1978	130	5	16	3	154
1982	132	5	9	8	154
1986	146	1	24	4	177
1990	127	7	20	26	180

Rajah 3: Kedudukan parti di Parlimen

# 22

---

## Angkatan: Retak Menunggu Belah?

Penyertaan Parti Melayu Semangat 46 dalam pilihan raya umum 1995 sudah dijangka tidak mendatangkan mempunyai impak cemerlang seperti dipamerkan tahun 1990. Tiada perkembangan baru sepanjang 1990 - 1995 yang menunjukkan parti itu kian mendapat tempat di kalangan orang Melayu meskipun banyak isu-isu yang menyentuh kepentingan Melayu ditimbulkan.

Penukarannya - yang dilakukan hanya lebih kurang setahun sebelum pilihan raya - daripada Semangat 46 kepada Parti Melayu Semangat 46 (PMS46), mungkin terlalu awal untuk dinilai keberkesanannya terhadap pertumbuhan parti itu dan pengaruhnya terhadap masyarakat

Melayu. Bukan sekadar namanya berubah tetapi pendekatan politik dan tumpuan isu perjuangannya semakin dekat dengan nurani bangsa Melayu.

Ketua Penerangan Semangat 46, Ahmad Shabery Chik mengungkapkan fenomena baru ini: "Semangat 46 telah mengalami proses transformasinya tersendiri. Dari pada sebuah parti yang lebih bersifat *situational* di awal penubuhannya kepada sebuah parti yang lebih bersifat ideologikal. Perjuangan awalnya agak terbatas kepada soal menghidupkan Umno asal dan membangkitkan isu-isu popular seperti penyelewengan, rasuah, hilangnya kebebasan kehakiman dan semakin pupusnya hak-hak demokrasi dalam negara ini.

"Kini Semangat 46 telah menyuntikkan ideologi nasionalisme Melayu dalam dirinya. Ini termasuk mengubah perlembagaannya dalam tahun 1994. Iaitu daripada perlembagaan yang hampir menyamai perlembagaan Umno asal kepada sesuatu yang berbeza daripada itu. Ini termasuk menegaskan perjuangan kemelayuan kami. Ini turut dizahirkan melalui pertukaran mana kepada Parti Melayu Semangat 46," tegas Shabery.

Tidak dipastikan apakah langkah ini dapat menambah keyakinan pengundi terhadap PMS46 kerana pilihan raya 1995 diadakan dalam keadaan imej baru PMS46 belum menyerlah lagi. Semangat 46 masih dianggap parti serpihan dan ditubuhkan demi kepentingan serta muslihat Presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah. Tanpa Tengku Razaleigh, banyak pihak mendakwa, PMS46 tidak ada apa-apa. Pengaruhnya hanya dapat dirasai di Kelantan, negeri kelahiran Presidennya sendiri. Parti itu dilihat tidak mempunyai asas dan dasar perjuangan yang jelas, dan hanya menumpang di atas tuah PAS.

Peranannya yang masih relevan, menurut pemerhati politik, ialah keupayaannya untuk menggabungkan atau di peringkat awal, menjalin persefahaman antara parti-parti pembangkang. Namun rekod 1995 menunjukkan ia gagal mempertahankan Gagasan Rakyat - yang ditubuhkan menjelang pilihan raya 1990 - apabila DAP menarik dari dari gabungan tidak formal itu. Manakala IPF bertindak lebih drastik dengan menyokong BN dan berhasrat menyertainya. Tiada lagi manifesto bersama-sama, yang akhirnya menyebabkan semua parti terbabit, PMS46 dan DAP kecundang dengan teruk.

Tempoh 1990 - 1995 menyaksikan beberapa tokoh utama PMS46 keluar parti dan menyertai Umno. Antaranya, bekas Naib Presiden, Marina Yusof; bekas Ketua Pemuda dan Wanita, Ibrahim Ali dan Rahmah Osman; dan beberapa pemimpin kanannya termasuk Harun Idris dan Zainal Abidin Johari. Beberapa orang lagi termasuk berundur kerana uzur, antaranya bekas Naib Presidennya, Ja'afar Onn.

Benar, ia adalah perkara biasa yang terpaksa ditempuh oleh parti-parti pembangkang. Misalnya, PAS sendiri menerima pukulan hebat, khususnya dari kesan psikologi, apabila calonnya di Bandar Tun Razak belot dengan mengumumkan beliau menarik diri daripada menjadi calon di situ, sehari sebelum hari pengundian, serta mengisyihar kan sokongan terbuka kepada calon MCA.

Tengku Razaleigh pernah mengulas isu ini semasa merasmikan ibu pejabat PMS46 di Desa Pandan, Kuala Lumpur, pada 30 Ogos 1993: "Tidak cukup dengan mengenakan pelbagai halangan, ada yang cuba memujuk dan mengugut orang-orang kita supaya menyertai mereka (Umno). Kononnya mengajak kita memperbaiki kepin-

cangan itu dari dalam. Kita tolak pujukan itu kerana tidak mungkin kita dapat mencuci kekotoran kalau kita sendiri berada dalam kekotoran itu. Hanya lalat sahaja yang sanggup hidup dalam najis dan kenyang dengan najis di sekelilingnya. Parti Semangat 46 bukanlah parti lalat yang sanggup hidup dalam timbunan najis.

"Dalam perjuangan bukannya individu yang penting tetapi nilai perjuangan itulah yang lebih penting. Oleh itu sesiapa yang hendak mencari padang yang lebih hijau silakanlah pergi. Kalau tidak hijau pun pakailah cermin mata hijau supaya semuanya nampak hijau. Namun, kita ingin memberi peringatan, banyak padang hijau menggunakan bahan kimia yang beracun. Beberapa kerat bekas pemimpin kita yang berkejar nak cari makan di padang yang hijau tadi, sudahpun mengalami sakit perut yang amat sangat. Kini, dia terberak merata-rata."

Timbalannya, Rais Yatim juga turut mengungkapkan nasib yang menimpa pendokong parti Melayu itu: "Prasarana kita, satu demi satu, dibedil dan dimusnahkan. Perniagaan kita disabotaj, gerak geri kita diintip, anak-pinak kita disisihkan dari manfaat dan bantuan negara, rezeki digenang dan ditutup. Namun saya yakin, jika satu pintu tertutup mesti ada pintu lain yang terbuka. Walaupun beberapa orang pemimpin seperjuangan sudah melompat pagar, melompat katak, melompat galah dan melompat jauh namun gelanggang kita masih ada pahlawannya."

Menoleh sejenak keputusan pilihan raya umum 1990, prestasi PMS46, sebagai sebuah parti baru, cukup membanggakan. Jika tidak dijejaskan dengan isu sigah tradisi Kadazan, yang dikatakan mempunyai lambang salib, yang dipakai oleh Tengku Razaleigh dalam satu perhimpunan bersama Presiden PBS, Pairin Kitingan dan Setiausaha

Agung DAP, Lim Kit Siang di Sabah, menjelang hari-hari terakhir pengundian, kemungkinan PMS46 boleh merakamkan rekod bersejarah terutama dalam sejarah percaturan politik di Pantai Barat. Pertama kali BN bertembung satu sama dengan gabungan pembangkang hampir di tempat.

Meskipun PMS46 hanya berjaya menguasai lapan kerusi Parlimen, iaitu tujuh di Kelantan dan satu di Terengganu tetapi perolehan undinya terutama di beberapa kawasan Parlimen (Semangat 46 memberikan tumpuan kepada kerusi Parlimen) begitu mengejutkan Umno. Dari segi undi popular, calon-calon PMS46 disokong oleh 842,342 pengundi atau 15.06%.

Di luar Kelantan, PMS46 nampaknya hanya tidak memberi sebarang impak positif di Kedah, yang menyebabkan undi popular PMS46 bersama PAS, di peringkat negeri, pada tahun itu lebih rendah daripada prestasi PAS secara solo pada tahun 1986. Daripada tiga kerusi DUN milik PAS, hanya Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor dapat mempertahankannya di Bukit Raya.

Antara calon-calon PMS46 yang menjadi tumpuan ketika itu, di luar Kelantan, ialah Timbalan Presidennya, Rais Yatim di Jelebu, Negeri Sembilan. Rais yang mendapat 49.24% undi ditewaskan oleh calon BN, Ibrahim Sareh, dengan kelebihan 395 undi. "Kemenangan Rais amat diperlukan bagi membuktikan Semangat 46 juga berbisa di Pantai Barat. Sekiranya Rais menang di Jelebu, peluang Semangat 46 bertapak di negeri-negeri selatan Semenanjung terbuka luas," kata seorang peminat Rais. Di Parit Buntar, Perak, calon S46, Idris Abdul Rauf, memperolehi 47.46% undi, dengan kekalahan tipis 739 undi. Sementara Naib Presiden PMS46, Zainal Abidin Zin kalah dengan majoriti 3,002 undi di Bagan Serai, dengan peratusan undi 44.37.

Kemenangan Setiausaha Agung S46 di Kuala Terengganu, dengan majoriti 1,880, serta cabaran sengit yang diberikan oleh Zakaria Abdul Rahman di Besut (tewas tipis 994 undi kepada Yusoff Noor) seakan-akan menjanjikan masa depan parti itu yang cerah di Terengganu. Ibrahim Azmi Hassan yang bertanding di Kuala Nerus memperolehi 44.19% undi.

Cabaran calon-calon PMS46 di Kuala Lumpur tidak kurang sengitnya. Marina Yusof, walaupun kalah di Lembah Pantai dengan majoriti 7,334, masih berjaya meraih 18,309 undi, iaitu 41.66%. Manakala calonnya di Titiwangsa, Harun Idris yang memperolehi 15,108 undi, dikalahkan oleh calon BN, dengan kelebihan 12,071 undi.

Perkembangan di Johor dan Pahang juga memberangsangkan, apabila ditinjau Johor merupakan kubu kuat Umno dan tradisi memilih pembangkang tidak wujud di Pahang. Undi yang diperolehi PMS46 di Muar (44.61%), Parit Sulong (42.46%) dan Batu Pahat (41.19%) dikira hebat memandangkan baru pertama kali PMS46 bertanding. Begitu juga di Kuantan (43.36%), Temerloh (43.28%) dan Lipis (42.36%). Perolehan undi di Kapar, Selangor sebanyak 41.77% melalui calonnya, Sanad Haji Said boleh dikira pencapaian yang baik.

Di peringkat DUN, beberapa negeri mencatatkan undi popular Angkatan yang jauh mengatasi pencapaian solo PAS pada 1986. Selain Kelantan yang menunjukkan peningkatan 18.06% undi, undi popular BN berkurangan 6.48% di Johor, 5.84% di Terengganu, 3.22% di Pahang dan 2.4% di Selangor. Di beberapa negeri lain, perolehan undi popular Angkatan juga meningkat tetapi lebih difaktorkan oleh peralihan undi daripada menyokong DAP kepada PMS46 akibat pembahagian kerusi parti itu dengan DAP

dalam Gagasan Rakyat. Serentak dengan itu, undi popular DAP merosot mendadak sekali, di Perak sebanyak 7.17%, 6.42% di Selangor, 5.43% di Melaka, 4.97% di Negeri Sembilan dan 3.62% di Pahang.

Sokongan terhadap PMS46 rupanya banyak datang dari pengundi Cina. Pengundi bukan Melayu yang tidak berpuas hati dengan prestasi BN sepanjang empat tahun sebelum itu menyokong PMS46 secara terbuka. Tidak seperti PAS yang mempunyai batasan tertentu dengan pengundi bukan Melayu, PMS46 dilihat sebagai parti alternatif kepada Umno. Di beberapa kawasan bandar, yang majoriti pengundinya bukan Melayu, PMS46 bukan sahaja mampu meletakkan calon (tentulah berdasarkan persefahaman dengan DAP) tetapi memperolehi undi yang agak baik. Contohnya, P7 Alor Setar, calon PMS46, Tengku Mohammad Farris memperolehi 17,579 undi (43.63%). Fenomena ini jika berterusan dikira menguntungkan kerana pengundi Cina lebih menyokong calon dan isu daripada pertimbangan parti yang diwakili. Kedudukan PMS46 lebih bergantung kepada isu-isu semasa kerana sokongan akar umbinya tidak sekuat Umno maupun PAS.

Bagaimanapun, asas 1990 tidak sekukuh mana. Dengan segala kekuatan BN yang terkumpul melalui pelbagai eksploitasi dan manipulasi, khususnya politik wang dan kawalan mutlak media, ujian 1995 cukup memeritkan. PMS46 kehilangan hampir satu pertiga undi yang diperolehnya pada tahun 1990. Undi popularnya menurun daripada 15.06% kepada hanya 10.21% (iaitu 609,644 undi). Di peringkat negeri menyaksikan penurunan undi popular yang lebih memeranjatkan, daripada 14.90% kepada 7.31%; paling teruk, Selangor sebanyak 12.77%, dari 18.11% kepada 5.34%. Semua negeri, kecuali Kelantan dan Terengga-

nu mencatatkan kemerosotan besar. Sila rujuk rajah 1 untuk membandingkan perolehan undi dan peratusannya di peringkat DUN, pada tahun 1995 dengan keputusan 1990.

Dari segi serangan pihak media, jelas PMS46 bukan sasaran utama BN. PAS dan DAP, dua seteru tradisi BN dikecam hebat. Personaliti seperti Lim Kit Siang dan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat serta Mohamad Sabu teruk dikritik. Ia mudah difahami. Target utama BN ialah merampas balik Kelantan dari PAS dan mempertahankan Pulau Pinang sekali gus menggagalkan projek DAP, Tanjung III. Di peringkat pusat, kedudukan BN nampak stabil dan sukar untuk digoyangkan.

Kalau ada pun kecaman Dr Mahathir, ia hanyalah dalam bentuk ulangan dakwaannya bahawa Tengku Razaleigh merupakan seorang tokoh yang tergil-gila untuk menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri. "Waktu dia lawan dalam Umno nak jadi Presiden Umno, dia kata belanja RM20 juta untuk jadi Presiden Umno adalah murah kerana boleh jadi Perdana Menteri. Itu kata dia ... dia gila-gila nak jadi Perdana Menteri. Ini cukup bahaya," dakwa Dr Mahathir, di majlis perasmian Sekolah Menengah Vokasional Kerian, Bagan Serai, tiga hari sebelum pengundian.

Terdahulu pada 19 April 1995, di majlis Pemimpin Bersama Rakyat, di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kok Kuang, di Taman Tun Aminah, Skudai, Dr Mahathir menyifatkan Tengku Razaleigh tidak memahami erti perjuangan sebenar orang Melayu menubuhkan Umno pada 1949. "Ini kerana pada tahun 1946, dia (Tengku Razaleigh) baru berumur 10 tahun. Usia 10 tahun belum kering hingus lagi... tak tahu apa-apa pun. Jadi tak usahlah cakap pasal semangat tahun 1946. S46 kalau betullah ada semangat itu (penubuhan Umno), mereka tak akan wujudkan kerjasama

dengan DAP dan PAS. Bahkan pada tahun 1946, PAS tak ada langsung. Tetapi S46 bekerjasama dengan PAS dan DAP sekarang ini. Bermakna Tengku Razaleigh tak tahu langsung apa dia semangat tahun 1946 yang mendorong orang Melayu menubuhkan Umno," dakwa Dr Mahathir, yang disiarkan sebagai tajuk utama akhbar-akhbar. Sebaliknya, tambah beliau, dalam Umno sekarang ini masih ada pemimpin yang faham mengenai semangat penubuhan Umno pada 1946 kerana mereka bersama-sama menubuhkan Umno: "Semasa Tengku Razaleigh dulu sapu hingus, orang ini sudahpun aktif dalam politik." Mengenai manifesto PMS46 yang mahu menurunkan beberapa cukai, Dr Mahathir membidas Tengku Razaleigh, yang menurutnya, gagal menurunkan cukai ketika menjadi Menteri Kewangan dalam kerajaan BN: "Sebaliknya, kita boleh baca dalam laporan belanjawan yang dibentangkannya di Dewan Rakyat setiap tahun, di mana semua cukai dinaikkan dan tidak ada pun yang turun. Sekarang apabila jadi pemimpin parti lawan barulah hendak menghapuskan cukai pula, ini tidak munasabah sama sekali. Kalau boleh hapuskan (cukai), lama dah dia hapuskan... dia cuma cakap saja, nak pancing undi. Parti lawan hanya buat kacau daun saja. Tak ada satu pun yang dijanji boleh dia buat."

Berbeza dengan kempen 1990, dua isu besar yang menggemparkan, ditujukan khusus untuk memburuk-burukkan nama Tengku Razaleigh. Pertama, Dr Mahathir mendakwa Umno memiliki sebuah pita yang telah merakamkan kenyataan Tengku Razaleigh dalam satu mesyuarat parti bahawa Semangat 46 akan menghapuskan PAS apabila Semangat 46 berkuasa nanti. Ia disiarkan meluas oleh akhbar dan dijadikan isu yang besar mulai 22 September 1990. Kedua, pemakaian sigah Kadazan yang kononnya

melambangkan salib oleh Tengku Razaleigh ketika bersama Presiden PBS, Joseph Pairin Kitigan di Kota Kinabalu pada 18 Oktober 1990. *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* menyiarannya pada 19 dan 20 Oktober.

Negeri	1990		1995	
	Undi	%	Undi	%
Perlis	11,528	15.82	6,902	9.02
Kedah	48,244	10.09	15,010	2.89
Kelantan	90,000	21.99	83,056	18.61
Terengganu	37,940	14.55	37,756	13.88
P. Pinang	19,910	4.76	4,721	1.00
Perak	95,684	13.76	37,285	5.21
Pahang	44,197	13.75	35,668	10.32
Selangor	118,073	18.11	37,293	5.34
N. Sembilan	37,527	14.87	21,615	8.05
Melaka	22,475	11.35	5,384	2.53
Johor	137,041	19.92	64,877	8.55

Rajah 1: Undi popular PMS46 dan peratusannya bagi pilihan raya Dewan-Dewan Undangan Negeri 1990 dan 1995.

ANGKATAN RETAK MENUNGGUH BELAH?

Negeri	1990		1995	
	Bil	%	Bil	%
Perlis	6	42.86	5	33.33
Kedah	10	35.71	5	13.89
Kelantan	14	35.90	15	34.88
Terengganu	13	40.62	12	37.50
P. Pinang	8	24.24	4	12.12
Perak	19	41.30	12	23.08
Pahang	15	45.45	16	42.11
Selangor	23	63.89	14	29.17
N. Sembilan	16	57.14	18	56.25
Melaka	9	45.00	7	28.00
Johor	21	58.33	23	57.50

**Rajah 2:** Kedudukan jumlah kerusi yang ditandingi PMS46 dan peratusannya dalam pilihan raya DUN, tahun 1990 dan 1995. Di Melaka, PAS dan PMS46 bertembung di empat kerusi, manakala Negeri Sembilan, Pahang dan Johor, satu kerusi di setiap negeri.

Mungkin ada pihak menghubungkan kejatuhan undi dan kemerosotan pengaruh PMS46 ini dengan pengurangan jumlah kawasan yang ditandingi. Justeru itu saya senaraikan juga peratusan jumlah kerusi yang ditandingi berbanding tahun 1990. Sila rujuk rajah 2. "Ia satu petanda awal kemerosotan kekuatan Semangat 46 sehingga terpaksa mengalah dengan tuntutan PAS. Pembahagian kerusi di dalam Angkatan tentu berdasarkan kemampuan mutakhir PAS mahupun Semangat 46 di sesebuah kawasan," ujar seorang penulis politik, yang meramalkan PMS46 akan berkubur menjelang pilihan raya depan. Memang ada perbezaan ketara, khususnya di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Melaka, tetapi jurang pencapaian berban-

ding 1990 tidak berkadaran dengan pengurangan jumlah kerusi yang ditandinginya. Malahan, umpamanya, di Johor, peratusan jumlah kerusi yang ditandingi hampir sama, tetapi pengurangan undi popular begitu ketara, dari 19.92% kepada 8.55%, kehilangan lebih separuh. Keadaan yang sama juga berlaku di Negeri Sembilan.

Oleh kerana S46 memberikan tumpuan yang lebih kepada kerusi Parlimen, sila rujuk rajah 3 untuk mendapatkan gambaran perbezaan undi yang diperolehi oleh calon-calon S46 di beberapa kawasan terpilih. Meskipun kawasan pilihan raya 1995 terbabit dengan persempadanan semula, namun peratusan undi masih relevan untuk dijadikan atas perbandingan kekuatan S46 antara 1995 dengan 1990.

Hampir semua kawasan Parlimen itu menyaksikan penurunan dari segi peratusan undi yang diperolehi, termasuk di Gua Musang (sebanyak 2.49%), kecuali bagi dua kerusi di Terengganu. (Ini tidak menghairankan kerana undi Presiden Umno, Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu juga merosot, sebanyak 0.95%, dari 78.07% kepada 77.12%). Walaupun gagal mempertahankan kerusi Kuala Terengganu, serta peningkatan majoriti BN di Besut (dari 994 kepada 4,507) tetapi pencapaian undi di Kuala Nerus dan Kemaman boleh dibanggakan. Peratusan undi di Kuala Nerus meringkat 2.47%, manakala di Kemaman menambah 4.51%.

Secara keseluruhan undi popular Angkatan Perpaduan Ummah bagi kerusi Parlimen di negeri Terengganu menunjukkan peningkatan. Selain dari perkembangan Semangat 46 yang ditunjukkan di atas, prestasi PAS cukup meyakinkan. Timbalan Presidennya, Tuan Guru Abdul Hadi Awang mempertahankan kerusi Marang dengan pertambahan majoriti daripada 350 (1990) kepada 882 undi (1995), iaitu pertambahan 0.78%. Undi yang diperolehi oleh Ben-

dahari PAS Pusat, Haji Mustaffa Ali di Dungun (+3.91%) dan Pesuruhjaya PAS Terengganu, Ustaz Harun Taib di Hulu Terengganu (-0.16%) serta Setiausaha Perhubungan, Ustaz Hussein Awang di Setiu (-0.69%) memberikan harapan baru kepada pendokong PAS bagi menghadapi cabaran pilihan raya menjelang abad ke-21. Sila rujuk rajah 4 bagi mengetahui dengan jelas perbezaan undi yang diperolehi calon Parlimen PAS di Terengganu.

Meskipun masih berjaya mempertahankan enam daripada lapan kerusi Parlimen di Kelantan, kepemimpinan PMS46 harus mengenal pasti punca kemerosotan undi calon-calonnya, apatah lagi di kawasan yang kalah, iaitu Peringat dan Jeli, dua kawasan baru yang terbentuk melalui persempadanan semula kawasan pilihan raya. Dua kawasan ini menjadi pangkalan strategi buat Umno menjelaskan pengaruh PMS46 di Kelantan. Projek pembangunan akan dipunggah ke situ, hingga rakyat Kelantan nampak perbezaan antara kawasan yang diwakili oleh Umno dengan kawasan PAS ataupun PMS46. Dipercayai, bagi rakyat yang mudah digula-gulakan dengan "pembangunan", mungkin mereka akan terpedaya.

Peratusan undi PMS46 merosot dengan jelas di Pasir Mas (-10.65%), Pasir Putih (-8.56%), Tanah Merah (-15.52%), Machang (-9.98%) manakala peratusan undi calon S46 di Jeli ialah 48.90% dan di Peringat, 46.89%. Kerusi yang dimenangi PAS juga tidak terkecuali, antaranya kemerosotan undi di Tumpat (-12.35%), Pengkalan Chepa (-4.79%), Bachok (-9.81%), Rantau Panjang (-3.09%) dan Kuala Krai (-12.43%). Sila rujuk rajah 5. Dan jika mahu dibandingkan peratusan undi PAS di kawasan baru, Kubang Kerian dengan kawasan lama Nilam Puri, hanya inilah satu-satunya kawasan yang undi calon Angkatan meningkat sebanyak

3.47%, iaitu dari 62.05% kepada 65.52% walaupun calonnya, Mohamad Sabu begitu hebat dikritik dan dikecam oleh Perdana Menteri sendiri.

Sementara di negeri-negeri lain, Parti Melayu Semangat 46 harus memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang mana undi yang diperolehi merosot mendadak lebih 10 peratus. Antara kawasan itu ialah Kepala Batas (-12.42%), Chenderoh (-11.19%), Tambun (-12.03%), Kuala Kangsar (-10.52%), Lipis (-11.16%), Kuantan (-19.4%), Hulu Selangor (-18.78%), Kuala Selangor (-17.56%), Ampang Jaya (-16.19%), Shah Alam (-20.81%), Kapar (-11.39%), Kuala Langat (-13.68%), Lembah Pantai (-11.58%), Jempol (-13.20%), Kuala Pilah (-14.25%), Selendar (-15.86%), Batu Berendam (-27.17%), Ledang (-21.5%), Mersing (-17.54%), Muar (-12.18%), Sungai Benut (-11.28%), Batu Pahat (-20.55%) dan Johor Bahru (-27.38%).

Ini bermakna pencapaian S46 begitu merosot dengan teruknya di tiga buah negeri, iaitu Selangor, Johor dan Melaka. Kemerosotan undi yang cukup ketara, hingga lebih 20%, tidak harus dipandang mudah, seperti yang ditunjukkan di Shah Alam, Batu Berendam, Ledang, Batu Pahat dan Johor Bahru. Kewibawaan S46 sebagai parti alternatif kepada Umno (Baru) terjejas dengan cukup dahsyat.

Malahan terdapat beberapa kawasan yang mana undi calon S46 lebih rendah daripada undi yang diperolehi calon PAS pada tahun 1986, yang ketika itu bertanding bersendirian menentang calon BN. Antara kawasan terbabit ialah Sungai Petani, Kuala Terengganu, Kepala Batas, Chenderoh, Tambun, Kuala Kangsar, Temerloh, Shah Alam, Kuala Langat, Kuala Pilah dan Batu Berendam.

Ada pihak meramalkan masa depan Semangat 46, khususnya di luar Kelantan, malap dan suram, atau paling

kurang sukar untuk dijangkakan. Hatta pencapaiannya di Kelantan juga diragui. PMS46 kalah di semua kawasan Parlimen di luar Kelantan, termasuk kerusi yang dimenanginya pada tahun 1990 di Kuala Terengganu. Dengan itu, akan kekallah label negatif PMS46 sebagai parti Kelantan yang ditunjangi oleh Tengku Razaleigh dan disokong kuat pihak istana Kelantan.

"Semangat 46 perlu menang beberapa kerusi di luar Kelantan, terutama oleh Timbalan Presidennya, Rais Yatim. Imej sebagai parti Kelantan harus dikenal pasti. Semangat 46 harus buktikan ia juga mempunyai pemimpin yang berwibawa di Pantai Barat, yang dapat berperanan dengan baik di Parlimen," ujar seorang pemerhati politik.

"Semangat 46 sepertutnya menumpukan usaha memenangkan tokoh-tokoh utama mereka, bukannya bertanding seperti tahun 1990. Mereka tidak perlu bertanding banyak kerusi. Wibawa Semangat 46 akan menyerlah dengan kemenangan pemimpin-pemimpin kanan mereka di Negeri Sembilan, Johor, Perak dan Pahang," pandangan seorang pensyarah ekonomi yang pernah rapat dengan parti Melayu itu.

Percubaan pertama bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas sebagai calon PMS46 di Lembah Pantai turut gagal. Tun Salleh yang mendapat undi 10,086 dikalahkan oleh peguam-usahawan wanita, Shahrizat Abdul Jalil dengan perbezaan undi 13,361. Menurut Tun Salleh, tujuannya bertanding ialah untuk menuntut keadilan: "Sebagai seorang ketua hakim dan peguam, saya lebih mengenali keadilan dan kezaliman yang telah berlaku. Tambahan pula, menegakkan keadilan adalah menjadi tanggungjawab kepada setiap individu."

"Pengundi Melayu Lembah Pantai mensia-siakan peluang memilih seorang pembangkang yang cukup hebat

untuk berperanan dengan baik di Parlimen. Jelas, tanggapan pengundi Melayu terhadap kriteria seorang wakil rakyat yang berkesan masih kuno," beritahu seorang pengundi di Pantai Dalam. Tapi, berbeza pula pandangan seorang aktivis muda PAS yang popular: "Saya tidak boleh faham mengapa pemimpin Semangat 46 memilih Lembah Pantai sebagai kawasan terbaik buat tokoh sehebat Tun Salleh. Pengundi Melayu bandar, apatah lagi sekitar Kerinchi dan Pantai Dalam, adalah penyokong setia Umno, tanpa mengira siapa pun yang bertanding. Kalau saya seorang pemimpin '46, saya akan bawa Tun Salleh ke Kelantan ataupun di Besut, tempat kelahirannya."

Bagi seorang pensyarah undang-undang yang sentiasa mengikuti perkembangan bekas Ketua Hakim Negara yang teraniaya itu, beliau menganggap Tun Salleh telah membuat perhitungan yang silap: "Tun Salleh adalah lambang kezaliman BN khususnya Dr Mahathir yang sanggup memusnahkan kewibawaan institusi keadilan di negara ini kerana kepentingan diri. Tun Salleh adalah wira keadilan yang hanya memihak kepada kebenaran. Apabila Tun Salleh bertanding dalam pilihan raya, mudahlah Dr Mahathir melemparkan tohmah bahawa Tun Salleh hanyalah seorang bekas hakim yang bercita-cita politik, dan kini telah ditolak oleh rakyat sendiri. Sebaik-baiknya Tun Salleh kekal dengan imej Ketua Hakim, yang menjalankan peranannya sesuai dengan imejnya itu. Dalam keadaan itu Tun Salleh akan terus dihormati dan disegani."

Akhbar-akhbar harian memuatkan kenyataan Dr Mahathir yang ditujukan khusus buat Tun Salleh ketika Presiden Umno itu berkempen di Dewan Kompleks Belia Cheras. Dr Mahathir berkata, ada juga calon parti pembangkang yang bertanding kerana perasaan marah dan

dendam kepada kerajaan berikutan dirinya tersingkir daripada memegang jawatan: "Sepatutnya orang yang masuk Semangat 46 ini memeriksa dulu parti itu. Kalau orang ini (Tun Salleh) waras, dia tak akan masuk Semangat 46, tetapi bertanding sebagai calon bebas."

Manakala seorang penulis prolifik menyatakan: "Lebih baik Tun Salleh dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai seorang Senator di Dewan Negara untuk penggal akan datang. Saya percaya, sidang Dewan Negara akan bertukar wajah kalau dua orang wakil dari Kelantan terdiri daripada Tun Salleh Abas dan Ustaz Fadzil Mohd Noor, Presiden PAS. Pasti semua sidang ada korum."

Malang sekali, pendedahan Tun Salleh Abas dalam ceramah sulongnya semasa kempen tidak mendapat liputan meluas oleh media. Katanya, Sultan Johor telah meminta maaf kepadanya kerana terlibat dalam usaha memecatnya sebagai Ketua Hakim Negara. "Saya," kata Tun Salleh, "memberitahu Sultan Johor bahawa baginda tidak perlu meminta maaf kepada saya, sebaliknya harus meminta maaf kepada rakyat kerana dengan pemecatan saya menyebabkan kedudukan institusi kehakiman terjejas. Baginda menerima nasihat saya dan bersedia meminta maaf kepada rakyat secara terbuka di atas kesilapannya itu dalam satu perhimpunan di istananya." Bagaimanapun, tambah Tun Salleh, perhimpunan itu terpaksa dibatalkan secara menda-dak atas nasihat Ketua Polis Negara ketika itu, Tun Haniff Omar.

Dalam pada itu, pendokong dan penyokong PMS46 tidak harus lemah semangat. Menguruskan sebuah parti pembangkang khususnya parti pembangkang Melayu di negara ini cukup getir cabarannya. Parti Melayu Semangat 46 masih di peringkat awal. Usianya cukup muda, penga-

lamannya sebagai pembangkang belum tercanai sepenuhnya, idealisme perjuangannya belum merata. Masih ramai rakyat yang keliru tentang asas, dasar serta matlamat perjuangan PMS46. Mereka tidak merasa perlunya sebuah parti ketiga dalam masyarakat Melayu, selain Umno dan PAS. Tengku Razaleigh pernah berkata: "Kita berbeza dengan PAS. PAS mempunyai cara perjuangan yang tersendiri. Kita ini adalah golongan daripada Umno lama. Cara kita berjuang tak berbeza dengan cara yang dilakukan oleh golongan Umno baru. Tinggal lagi kita sudah menerima Islam sebagai sebahagian daripada perjuangan kita. Tetapi dalam soal pengaruh, kita bergantung pada keadaan di dalam Umno baru. Kalau Umno baru kuat bererti kita lemah. Kalau kita kuat, Umno baru mesti lemah. Ini kerana kita merebut pengaruh di kalangan penyokong dan pengundi-pengundi yang sama."

"Cara berfikir ahli-ahli '46 masih seperti semasa menganggotai Umno. Mereka belum bersedia, zahir dan batin, untuk hidup sebagai penyokong pembangkang. Mereka hanya bertukar baju, daripada baju Umno kepada baju '46. Kita harus memberi tempoh yang sesuai untuk ahli-ahli '46, termasuk pemimpinnya, serasi dengan budaya perjuangan dalam sebuah parti politik pembangkang," tegur seorang pengkagum Tengku Razaleigh. "PAS lebih beruntung kerana ramai pemimpinnya, dari segi ekonomi, tidak terikat dengan kerajaan. Mereka bekerja sendiri. Berbeza dengan pemimpin Semangat 46, yang terbatas pergerakannya kerana masalah ekonomi," tambahnya.

Sebagai parti baru, meskipun masih ditunjangi beberapa personaliti popular (seperti Tengku Razaleigh, Rais Yatim, Manan Othman, Suhaimi Kamaruddin), prestasi PMS46 tidak seburuk yang disangka. Kemampuannya un-

tuk membariskan calon di semua negeri itu pun sudah dikira perkembangan yang menarik. Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri, PMS46 meletakkan 5 (dari 15 kerusi) di Perlis, 5 (dari 36) di Kedah, 15 (43) di Kelantan, 12 (32) di Terengganu, 4 (33) di Pulau Pinang, 12 (52) di Perak, 16 (38) di Pahang, 14 (48) di Selangor, 18 (32) di Negeri Sembilan, 7 (25) di Melaka dan 23 (40) di Johor. Sementara di peringkat Parlimen, S46 meletakkan 65 calon, iaitu satu di Perlis, enam di Kedah, lapan di Kelantan, empat di Terengganu, dua di Pulau Pinang, sembilan di Perak, enam di Pahang, 11 di Selangor, tiga di Negeri Sembilan, dua di Melaka, 11 di Johor, dan dua di Kuala Lumpur.

Selain itu, beberapa kelemahan ketara yang ditunjukkan melalui pencalonan bertindih antara PAS dan S46 tidak harus berulang. Sudahlah hubungan antara parti-parti pembangkang sedia longgar (tidak seperti kemantapan 14 buah parti komponen BN), persefahaman politik itu tidak harus dicemarkan lagi dengan insiden-insiden yang boleh dimanfaatkan oleh BN untuk memberi gambaran buruk dan memperlekehkan kemampuan pembangkang sebagai alternatif kerajaan BN.

Pada tahun 1990, terdapat dua kerusi DUN yang menyaksikan pertandingan sesama PAS dan PMS46 di Seri Menanti (Negeri Sembilan) dan Serada (Terengganu). Calon PAS di Seri Menanti dan calon PMS46 di Serada hilang wang pertaruhan.

Dalam pilihan raya 1995, sewaktu Gagasan Rakyat berkubur tanpa nisan, persepakatan Angkatan juga tergugat. Sebanyak tujuh kerusi DUN membabitkan pertandingan sesama PAS dan PMS46. Kawasan tersebut ialah Hulu Jempol di Pahang, Palong di Negeri Sembilan, Kuala Linggi, Tangga Batu, Alai dan Rim di Melaka, serta Bukit Permai

di Johor. Calon PMS46 hilang wang pertaruhan di Hulu Jempol, Palong, Kuala Linggi, Tangga Batu, Alai, Rim dan di Bukit Permai. Sementara calon PAS turut hilang wang pertaruhan di Palong, Kuala Linggi, Alai, Rim dan Bukit Permai.

Calon PMS46 dan PAS juga bertembung di kawasan Parlimen Jasin. Calon BN, Ghafar Baba, yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri menyifatkan pertandingan tiga penjuru itu sebagai bukti kegagalan pembangkang untuk membentuk kesatuan yang mantap, berbeza sama sekali dengan parti-parti di bawah payung BN. Keputusannya, Ghafar Baba memperolehi 25,559, Ahmad Dali Abu Hassan dari PAS sebanyak 3,431 dan calon PMS46, Tawab Khatab mendapat 3,431 undi. Kedua-dua calon PAS dan S46 hilang wang pertaruhan.

Tengku Razaleigh mengakui hakikat ini: "Kali ada pertandingan tiga penjuru dan tidak menguntungkan se-siapa, akibatnya kita hilang beberapa kerusi." Beliau dipetik sebagai berkata, parti pembangkang seperti PMS46, PAS dan DAP menggunakan strategi berbeza kerana masing-masing tidak berada pada landasan yang sama. Setiap parti pula memainkan isu berlainan menyebabkan parti lawan mudah mematahkan setiap percubaan yang dilakukan oleh pihak berkenaan. "Isu yang dimainkan oleh DAP, PAS dan PMS46 berlainan kali ini dan itu dimainkan oleh musuh kita sehingga berjaya menimbulkan masalah dan menakutkan orang ramai untuk mengundi kita," kata Tengku Razaleigh.

"Walaupun undi Semangat 46 begitu merosot, persefahaman dalam Angkatan harus dimantapkan lagi. Jangan biarkan unsur-unsur yang boleh memecah-belahan Angkatan memasukkan jarum mereka. Untuk berhadapan dengan Umno secara lebih berkesan, kesatuan dalam Ang-

katan mesti lebih kukuh," tegas bekas editor sebuah akhbar politik.

"Jiwa besar pemimpin PAS akan teruji dengan keputusan pilihan raya umum lalu," tambahnya lagi. "Ahli-ahli PAS pasti mendesak agar dikaji semula hubungan dengan Semangat 46. Mereka merasa tidak perlu lagi diteruskan persepakatan politik tersebut kerana jelas parti Melayu itu sudah hilang pengaruh dan bisanya."

Menurut beberapa orang teman, yang cukup berminal dengan isu kerjasama PAS - PMS46 ini, hujah supaya kedua-dua parti itu berpisah sudah dikemukakan secara terbuka oleh penyokong masing-masing, termasuk di Kelantan. "Lambat-laun mereka akan bertemu Umno," dakwa seorang penyokong PAS terhadap masa depan pemimpin PMS46. "Orang Melayu dalam Semangat 46 yang kuat beragama akan memilih PAS, sementara yang gilakan pembangunan kebendaan perlahan-lahan akan menyokong Umno," tambahnya lagi. Pembahagian jawatan Exco di Kelantan, katanya, jelas memihak kepada PMS46. "Semangat 46 hanya ada 12 kerusi DUN, sementara PAS, 24. Ini bermakna kalaupun tidak diubah kouta lama, bagi menyesuaikan dengan nisbah 1:2 ini, sekurang-kurangnya jawatan Exco yang dikosongkan oleh wakil Berjaya diisi oleh PAS. Dan Semangat 46 tidak sewajarnya menggunakan pengaruh Istana Kelantan dalam mengemukakan desakan-na. Semangat 46 Kelantan harus bijak mengukur pengaruhnya mutakhir ini."

"PAS jelas mengkhianati kami. Pilihan raya 1995 buktinya. Banyak kawasan yang diperuntukkan kepada kami, yang dipersetujui di peringkat pusat, dilanggar begitu saja di negeri-negeri masing-masing. Disiplin ahli-ahli PAS untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pemimpinnya

begitu rendah. Saya tidak mahu mengatakan kepimpinan PAS lemah, tetapi tidak sewajarnya membiarkan gejala negatif ini berlaku, hingga menyebabkan pertandingan sesama sendiri," reaksi seorang aktivis PMS46 di Negeri Sembilan.

Sementara itu, kalangan tertentu dalam PAS mempersoalkan sikap berkecuali enam ahli Parlimen PMS46 yang tidak menyokong Tuan Guru Abdul Hadi Awang sebagai Ketua Pembangkang yang baru, yang akhirnya menyebabkan Lim Kit Siang kekal. "PAS bersedia malah mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Ketua Pembangkang menggantikan Lim Kit Siang. Kalau pun Tengku Razaleigh menolak, mengapa pula tidak bersedia menyokong calon pilihan PAS. Parlimen amat memerlukan Ketua Pembangkang Islam kerana banyak kepentingan dan hak orang Melayu - Islam sudah tidak terbela lagi. Kehadiran Kit Siang seolah-olah tidak relevan, bukan kerana DAP kalah teruk tetapi BN telah menunaikan segala yang dituntut oleh DAP, khususnya yang menyentuh masalah rakyat bukan Melayu," komen seorang penggiat PAS yang berpusat di Kuala Lumpur.

"Saya boleh memahami sikap berkecuali ahli-ahli Parlimen '46 itu, rasanya begitu juga pemimpin PAS. Tengku Razaleigh lebih memikirkan masa depan politik pembangkang secara keseluruhan. Sekiranya beliau menyokong Haji Hadi, apa pula sikap PBS dan DAP. Masalahnya, bagaimana mahu menerangkan hal ini kepada ahli-ahli PAS yang lain. Mereka merasakan '46 bukan rakan yang boleh membantu ketika kita dalam keadaan kesukaran," kolumnis sebuah akhbar politik memberi reaksi.

Mengulas sikap berkecuali itu, pengkaji media, Prof Madya Dr Mohd Safar Hasim, di Seminar Politik dan Pili-

han Raya di Malaysia, 19 Julai 1995, berpandangan: "Mungkin ini satu strategi PMS46 untuk terus berbaik-baik dengan semua parti pembangkang. Tetapi tidak dapat dinafikan para penyokong PAS mungkin melihat ini sebagai langkah tidak bijak kerana PMS46 bekerjasama di peringkat negeri Kelantan. Jika demikian langkah PMS46 ini mungkin memberi kesan kepada perhubungan dalam Angkatan Perpaduan Ummah."

"PAS tidak boleh terlalu sensitif dengan sikap berkecuali '46 itu. Dalam isu pindaan Perlembagaan mengenai kedudukan raja-raja Melayu dahulu, yang dibentangkan oleh Anwar Ibrahim, PAS menyokong, satu tindakan yang bertentangan dengan '46. Walhal isu ini ibarat bom jangka yang boleh meletupkan Umno. Dengan sikap PAS itu, '46 kehilangan satu isu yang benar-benar menakutkan Umno. Sedangkan ketika PAS mengemukakan hukum Hudud, '46 menyokongnya seratus peratus walaupun menyedari ia akan memberi kesan yang cukup negatif terhadap Gagasan Rakyat. Akhirnya, memang betul, DAP keluar dari Gagasan Rakyat kerana Hudud. Soal tanggapan DAP bahawa orang Cina menentang Hudud itu benar atau tidak, ia soal lain. Yang berlaku ialah tiada lagi Gagasan Rakyat, satu gabungan yang ikatannya jauh lebih mantap daripada Angkatan Perpaduan Ummah. Sekurang-kurangnya semua parti di bawah Gagasan Rakyat mengemukakan manifesto bersama, *Selamatkan Malaysia*," terang seorang anak muda yang mula berjinak-jinak dengan politik dan amat mengharapkan Angkatan tetap wujud hingga pilihan raya akan datang.

"Semua masalah timbul kerana keengganinan Tengku Razaleigh menjadi Ketua Pembangkang. Walhal yang mula-mula menimbulkan isu perlantikan Ketua Pembangkang baru, dari kalangan Bumiputera ialah Ketua Penerangan '46

sendiri, Ahmad Shabery Chik," seorang teman baik dari Terengganu menelefon saya. Katanya, kalau Tengku Razaleigh bersedia memimpin pembangkang di Parlimen, semua pihak menerima, termasuk DAP, PBS dan PAS.

*Harakah*, keluaran 8 Mei 1995, memilih kenyataan Shabery, "Hati-hati Pilih Ketua Pembangkang," sebagai tajuk utama muka belakang. Beliau berkata, pembangkang di kalangan Bumiputera perlu membuat suatu pembaharuan bagi memastikan seorang wakil rakyat Islam dilantik bagi menerajui parti luar kerajaan. "Pemimpin Islam yang terpilih ke Dewan Rakyat itu patut memahami siapa yang patut menerajui semua parti luar kerajaan. Pemilihan perlu dibuat teliti berikutan kini terdapat 13 wakil rakyat Bumiputera daripada Angkatan Perpaduan Ummah di Parlimen. Tambah lapan Bumiputera dari Parti Bersatu Sabah... jadi 21," kata Shabery.

Dr Safar Hasim seterusnya merumuskan: "Dalam pemilihan pemimpin pembangkang di Parlimen baru-baru ini parti-parti pembangkang telah terlepas satu peluang untuk bersatu di bawah seorang ketua pembangkang dari seorang pemimpin Melayu. Secara realitinya, parti alternatif kepada Barisan Nasional haruslah dipimpin oleh seorang Melayu. Justeru itu pemimpin pembangkang alternatif juga harus terdiri dari seorang Melayu."

Sebenarnya PMS46 tidak mempunyai banyak pilihan. Mahu kembali kepada Umno atau menjadi parti komponen BN? Dalam keadaan Umno mendakwa mencapai kemuncak kekuatannya, hinggakan sanggup memecat ahlinya sendiri, apakah mungkin masih ada ruang untuk ahli-ahli PMS46? "Kami hanya akan dianggap oleh Dr Mahathir sebagai lalat. Kuasa tawar-menawar kami di luar Kelantan hilang. Kalau ada pun yang berminat menyertai Umno, bu-

kan kerana politik tetapi desakan hidup. Sebahagian lagi akan terus meninggalkan pentas politik," kata seorang pemimpin PMS46. Jika parti itu memilih jalan sendiri, iaitu berpisah dengan PAS, tetapi masih kekal sebagai pembangkang, survivalnya lebih terancam. PMS46 tidak mempunyai penyokong akar umbi yang taatsetia. "Sewaktu awal penubuhan dulu, memang ramai yang sanggup berkorban untuk Semangat 46. Tetapi ia merosot dari hari ke hari. Bukankah budaya '46 sama saja dengan budaya Umno, hanya tukar baju saja. Sekarang yang banyak menanggung bebanan itu hanya Tengku Razaleigh seorang."

Menurut seorang aktivis PMS46, parti itu harus memikirkan dengan serius survival PMS46 dalam percaturan politik masa depan. "Sampai bila mesti diserahkan semua urusan penting kepada Tengku Razaleigh? Semangat 46 bukan parti Tengku Razaleigh. Pemimpin-pemimpin lain harus ikut serta membangunkan semula maruah parti. Sumber kewangan parti harus berdiri sendiri, tanpa mengharapkan peruntukan Tengku lagi. Saya yakin Tengku Razaleigh sendiri terlalu kecewa dengan prestasi parti dalam pilihan raya lalu. Begitu banyak yang dikorbankannya untuk parti tetapi ia semakin merosot. Mesyuarat parti tidak wajar dijalankan di rumah Tengku Razaleigh, ia mesti berpindah ke ibu pejabat parti. Kalaupun tidak seselesa kediaman Tengku, prosedur semudah itu harus diikuti. Maaf kalau saya berkata, parti harus bebas dari 'kongkongan' Presiden. Peranan pemimpin kanan yang lain, misalnya, Timbalan Presiden dan Naib-naib Presiden harus dihormati. Jika keadaan sekarang berterusan, kalau berlaku apa-apa kepada Tengku Razaleigh, Semangat 46 akan tutup kedai."

Pilihan sebaik-baiknya bagi PMS46 ialah terus bersama PAS dalam Angkatan. Perlu difikirkan bentuk kewu-

judan Angkatan. Apakah masih dalam keadaan sekarang, tanpa sebarang disiplin dan peraturan yang mengikatnya? Soalnya, bagaimana pula sikap PAS? "Saya rasa," menurut seorang wartawan politik, "pemimpin PAS tidak wajar menyerahkan masa depan Angkatan di tangan ahli-ahlinya. Pemimpin PAS harus berbincang semasak-masaknya, dengan mengambil kira setiap pertimbangan, sebelum dibuka ruang perbahasan terbuka yang lebih cenderung kepada perpecahan. Memang mudah untuk Angkatan dibubarkan, tapi bayangkanlah kesukarannya di peringkat awal dulu. Sebelum bercerai, kenangilah saat-saat manis sewaktu bersama. Lagi pula kesan perpecahan Angkatan akan menjadi bebanan sejarah pada generasi PAS akan datang. Akan ditohmah PAS meninggalkan PMS46 ketika parti itu tidak berpengaruh lagi. Ini bermakna PAS hanya mempergunakan PMS46 selama ini. Di mana buktinya, apa yang didakwa atas persefahaman kedua-dua parti Melayu itu diikat oleh penerimaan Islam sebagai ad-deen?"

Respons Presiden PAS, Ustaz Fadzil, bahawa pucuk pimpinan PAS tidak bercadang untuk menilai semula hubungannya dengan PMS46 dan menyifatkan sikap berkecuali ahli-ahli Parlimen terhadap pencalonan Timbalan Presiden PAS, Ustaz Abdul Hadi, sebagai terlalu kecil untuk dijadikan punca perpecahan atau pertelingkahan antara kedua-dua parti tentunya melegakan banyak pihak. "Saya harap semua pihak akur dengan kenyataan Presiden PAS itu," tegas seorang pemimpin veteran PAS.

Banyak pihak bersetuju bahawa perpecahan PAS dan PMS46 pasti membawa padah di Kelantan. Tidak mustahil BN dapat menguasai semula negeri itu sebelum tahun 2000. Walaupun diakui PMS46 dan pihak istana menyumbangkan banyak masalah kepada PAS di Kelantan, tetapi ia

adalah satu kelaziman dalam permuafakatan politik antara parti yang mewakili bangsa yang sama. Dan PAS harus sedar, kewujudan PMS46, ketokohan Tengku Razaleigh dan sokongan istana adalah antara faktor terkuat kemenangan Angkatan. Yang penting Kelantan mesti diselamatkan. Jangan khianati aspirasi majoriti rakyat Kelantan yang mahu melihat tertegaknya sebuah negeri contoh, yang dipayungi rahmat dan keadilan, dengan berpaksikan syariah, yang hanya dapat dilaksanakan di bawah pemerintahan Angkatan.

Di peringkat kebangsaan, ingatan seorang pemerhati politik baik juga untuk diteliti: "Sekiranya parti pembangkang yang ada sekarang tidak menyesuaikan dirinya dengan *mood* dan persekitaran yang wujud di negara pada masa ini dan juga pada masa depan, maka peranan parti pembangkang tidak akan dianggap sebagai relevan. Hal ini tidak mustahil berlaku sebab sejarah perjuangan politik di negara ini pada masa lalu banyak memberi contoh yang sedemikian. Parti pembangkang hilang begitu sahaja dari pada gelanggang politik kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat."

## WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Kawasan	1990		1995		1986
	% Undi	Majoriti	% Undi	Majoriti	% Undi PAS
Merbak	27.78	15,843	22.28	22,201	25.17
Sungai Petani	37.59	9,281	21.26	26,211	21.70
Kulim B Baru	29.10	13,650	26.64	14,302	26.09
Kota Bharu	68.62	15,460	57.48	6,268	42.93
Pasir Mas	65.06	9,290	54.21	2,475	43.10
Pasir Putih	63.12	7,720	54.56	3,654	44.39
Tanah Merah	64.45	9,525	48.93	506	43.28
Gua Musong	76.82	13,249	74.33	8,980	29.39
Besut	48.41	994	43.39	4,507	40.30
Kuala Nerus	44.19	3,617	46.66	2,209	35.02
K Terengganu	51.81	1,880	44.77	4,852	45.25
Kemaman	35.70	9,446	40.21	7,113	30.38
Kepala Batas	29.65	9,851	17.23	17,834	30.67
Gerik	35.48	7,013	28.10	10,458	21.02
Parit Buntar	47.46	739	40.58	5,449	38.04
Bagan Serai	44.37	3,002	38.25	6,250	36.64
Chenderoh	34.60	6,779	23.41	11,793	29.83
Tambun	36.92	12,102	24.89	22,151	28.47
Kuala Kangsar	34.08	7,994	23.56	10,649	28.95
Lipis	42.36	4,022	31.20	10,113	22.70
Kuantan	43.36	5,867	23.96	23,096	15.13
Pekan	33.67	10,467	26.75	10,793	25.50
Temerloh	43.28	4,770	39.19	7,852	41.56
Hulu Selangor	36.26	8,982	17.48	15,952	-
Kuala Selangor	32.14	9,456	14.58	23,460	-
Ampang Jaya	39.77	13,350	23.58	31,309	-
Shah Alam	37.56	16,638	16.75	40,715	19.41
Kapar	41.77	6,227	30.38	18,756	29.35
Kuala Langat	38.13	8,675	24.45	19,211	25.00

ANGKATAN: RETAK MENUNGGU BELAH?

Sepang	37.12	9,363	28.66	15,567	-
Lembah Pantai	41.66	7,334	30.08	13,359	-
Jelebu	49.24	395	44.42	2,940	22.57
Jempol	39.83	6,963	26.63	15,704	6.93
Kuala Pilah	27.94	11,906	13.69	20,600	18.69
Selandar	31.32	10,42	15.46	23,180	-
Batu Berendam	39.21	12,628	12.04	22,325	13.05
Ledang	39.53	7,547	18.03	23,361	-
Mersing	40.69	4,509	23.15	13,525	19.71
Muar	44.61	2,677	32.43	9,483	22.42
Sungai Benut	31.94	12,370	20.66	21,142	19.28
Batu Pahat	41.19	7,465	20.64	24,993	9.48
Johor Bahru	39.35	8,166	11.97	34,118	-

Rajah 3: Peratusan undi calon Semangat 46 bagi sebahagian kawasan Parlimen pada tahun 1990 dan 1995, serta majoriti bagi calon yang menang bagi kawasan tersebut. Disertakan juga maklumat mengenai peratusan undi yang diperolehi calon PAS pada tahun 1986, iaitu sebelum wujud Semangat 46.

Kawasan	1990		1995	
	% Undi	Majoriti	% Undi	Majoriti
Setiu	42.95	3,969	42.26	4,815
Marang	50.25	350	51.03	882
H. Terengganu	45.57	2,512	45.41	2,767
Dungun	44.38	3,759	48.29	1,122

Rajah 4: Pencapaian calon-calon PAS bagi kawasan Parlimen di Terengganu untuk tahun 1990 dan 1995.

Kawasan	% Kemerosotan Undi
Tumpat	12.35
Pengkalan Chepa	4.79
Bachok	9.81
Rantau Panjang	3.09
Kuala Krai	12.43
Gua Musang	2.49
Pasir Mas	10.65
Pasir Putih	8.56
Tanah Merah	15.52
Machang	9.98

Rajah 5: Peratusan kemerosotan undi yang diperolehi oleh calon-calon Angkatan tahun 1995 bagi kawasan Parlimen di Kelantan berbanding 1990.

# 23

---

## Menyuntik Ideologi Nasionalisme Melayu

**A**pabila Semangat 46 muncul dalam arena politik Malaysia, ramai yang mengatakan Semangat 46 akan menjadi seperti Parti Negara yang diasaskan oleh Allahyarham Dato' Onn Jaafar - ia terpinggir sebaik sahaja ditubuhkan dan bertukar selepas pilihan raya pertamanya.

Semangat 46 agak berbeza dengan Parti Negara. Pemimpin Parti Negara keluar dari Umno asal. Pemimpin

---

Tulisan ini adalah draf kertas kerja Ahmad Shabery Chik, Ketua Penerangan PMS46, yang dibentangkan pada Seminar Sehari Pilihan Raya Umum 1995, anjuran Universiti Malaya. Tajuk asalnya ialah "Kehadiran Parti Melayu Semangat 46: Benarkah Pengaruhnya Semakin Terpinggir?"

Semangat 46 tidak pernah keluar dari Umno. Perpisahan Semangat 46 dengan parti Umno sekarang, kerana Umno asal dibatalkan pendaftarannya. Semangat 46 dan Umno Baru, masing-masing adalah parti baru. Satu ditubuhkan dalam tahun 1989 dan satu lagi di tahun 1988. Kalau istilah serpihan digunakan, maka kedua-duanya adalah serpihan. Mungkin satu serpihan lebih besar daripada yang satu lagi.

Semangat 46 tidak menjadi Parti Negara kerana Parti Negara hanya menang satu kerusi Parlimen sahaja iaitu kerusi Parlimen Kuala Terengganu dalam pilihan raya pertamanya. Sebaliknya dalam pusingan pertama kami (1990) - Semangat 46 bukan sahaja menang di Kuala Terengganu tadi, tetapi turut memenangi tujuh kerusi Parlimen lain di Kelantan dan 19 kerusi DUN. Di samping itu, turut menjadi rakan kongsi mengendalikan kerajaan negeri Kelantan. Dalam lain perkataan, berbanding Parti Negara, kami ada tapak yang lebih kuat. Bahkan di saat parti pemerintah hari ini berada di kemuncaknya pun kami masih mampu mempertahankan 6 kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN. Ada yang mengatakan tapak ini sudahpun goyang selepas pilihan raya 1995. Pintu negeri Kelantan sudah diketuk dan Barisan Nasional yang kuat itu akan menyerbu ke dalam pada bila-bila masa.

Itu adalah ramalan - mungkin akan menjadi kenyataan, mungkin tidak. Dulu ada yang meramalkan setelah pilihan raya 1978 yang memperlihatkan kekalahan teruk PAS di negeri itu (tinggal dua kerusi) ataupun dalam pilihan raya umum 1986 - di mana PAS hanya menang satu kerusi Parlimen sahaja, maka akan berkuburlah PAS. Namun ramalan itu ternyata meleset. PAS terus hidup walaupun dalam sejarahnya juga ramai pemimpin tertinggi-nya meninggalkan parti itu. Ada yang berkata, tidak mung-

kin Semangat 46 menyamai PAS kerana PAS ada asas ideologi yang kuat, iaitu Islam. Semangat 46 tidak ada asas ideologi seperti PAS.

Kami menyedari soal ini. Sebab itulah dalam sejarah kami, Semangat 46 telah mengalami proses transformasi tersendiri. Daripada sebuah parti yang bersifat *situational* di awal penubuhannya kepada sebuah parti yang lebih bersifat ideologikal. Perjuangan awalnya agak terbatas kepada soal menghidupkan Umno asal, dan membangkitkan isu-isu popular seperti penyelewengan, rasuah, hilangnya kebebasan kehakiman dan semakin pupusnya hak-hak demokrasi dalam negara ini.

Kini Semangat 46 telah menyuntikkan ideologi nasionalisme Melayu dalam dirinya. Ini termasuk mengubah perlembagaannya dalam tahun 1994. Iaitu daripada perlembagaan yang hampir menyamai perlembagaan Umno asal kepada sesuatu yang berbeza daripada itu. Ini termasuk menegaskan perjuangan kemelayuan kami. Ini turut dizahirkan melalui pertukaran nama kepada parti Melayu Semangat 46. Dalam lain perkataan, menghidupkan Umno asal, tidak lagi menjadi agenda pokok perjuangan kami. Sebaliknya penegasan kepada soal mengangkat martabat Melayu dan menjadikan Melayu sebagai faktor pentakrif dalam pembinaan negara-bangsa Malaysia lebih diutamakan. Namun begitu, walau apa pun ubat suntikan yang kami masukkan Parti Melayu menghadapi pelbagai kesukaran.

Pertama, keterbatasan logistik untuk sesebuah organisasi politik berfungsi. Ini termasuk keterbatasan media massa, kewangan, tekanan pihak pemerintah, sistem pilihanraya, kelemahan organisasi kami sendiri dan pelbagai faktor lain. Kedua, kami berhadapan dengan dua bentuk

tentangan ideologi di kalangan orang Melayu - Islam itu sendiri. Pertama, ada yang menganggap nasionalisme Melayu bertentangan dengan Islam kerana ia disamakan dengan konsep assobiyah - yang sesat dan bertentangan dengan Islam. Kami terpaksa bertungkus lumus menjaskan, bahawa nasionalisme kami bukanlah assobiyah, kerana assobiyah yang dikutuk oleh Islam ialah faham rasisme yang mendewakan satu kaum dan menindas kaum yang lain. Sebaliknya nasionalisme kami bukannya untuk menindas mana-mana kaum. Ia hanya ingin menegaskan di negara ini ada penduduk asalnya. Iaitu orang Melayu yang juga merupakan orang Islam. Orang ini harus dibela, masalah kemiskinan dan kemundurannya mesti diatasi, bahasanya mesti didaulatkan, budayanya mesti dijadikan teras kebudayaan negera ini. Banyak masalah Melayu hari ini adalah masalah nasional. Sekolah daif - Melayu, bohsia - Melayu, penagih dadah - Melayu dan rasuah sering dikaitkan dengan pemimpin Melayu. Semua ini harus diatasi segera. Atas prinsip ini juga kami nyatakan kepada rakan bukan Melayu kami. Kami bukan rasis - perkauman. Kami tidak akan menindas kaum lain, tetapi sekadar menuntut hak kami. Bangsa Afrika Selatan menuntut hak mereka bukan kerana mereka rasis. Golongan Red India menuntut hak mereka bukan kerana rasis - tetapi kerana hak.

Tentangan ideologi kedua ialah fahaman yang didokong oleh orang Melayu sendiri yang mengatakan - kita tidak boleh mencampur-adukkan soal nostalgia bangsa dengan soal mencapai kemajuan dan keuntungan keberadaan. Ertinya kalau tapak Stadium Merdeka, atau mungkin Masjid Negara dan bangunan Parlimen itu lebih menguntungkan untuk dibuat kompleks membeli-belah, maka tak perlu kita lindunginya. Robohnya dan buatlah.

Ataupun kalau ada tanah orang Melayu atau tanah rezab Melayu, di Johor, di Kedah, atau di Melaka yang kalau diberi kepada orang asing ia lebih menguntungkan, maka beri sahaja. Jangan fikir lagi soal Melayu tadi. Atau pun kalau bahasa Melayu tidak menguntungkan dari segi kormesial, maka tidak perlu ditegaskan lagi dalam pendidikan, pentadbiran dan urusan sehari-hari tadi. Guna sahaja bahasa Inggeris, buatlah seberapa banyak universiti swasta yang mengengkari semangat Dasar Pelajaran Kebangsaan dulu, asalkan ia boleh mendatangkan keuntungan. Ertinya terdapat *trend* liberal di kalangan orang Melayu sendiri yang semakin dominan hari ini. Agaknya inilah *trend* "korporat" yang diheboh-hebohkan itu.

Di sinilah kesukaran yang terpaksa kami tempuh untuk terus hidup dan tidak seperti Parti Negara. Kami ada asas ideologi yang boleh terus dikembangkan tetapi kami tidak mampu menyampaikan dengan berkesan kerana ketertutusan media massa dan peluang menyampaikan maklumat. Lagi pula kami merasakan isu-isu kemelayuan yang kami bawa semakin tidak dipedulikan oleh golongan yang sepatutnya memberi sokongan. Ertinya kami semakin keseorang. Hari ini apabila diumumkan bahasa Inggeris akan digunakan kembali untuk mengajar di universiti, sudah tidak kedengaran lagi keghairahan cendekiawan Melayu menegurnya sepihama dulu.

Malah saya teringat, pada bulan Mei tahun 1994. Kerajaan meminda Perlumbagaan Persekutuan, supaya tidak ada lagi kuasa pembatal Melayu dalam melindungi perkara-perkara tertentu yang berkaitan dengan hak Melayu. Yakni, siapa sahaja yang ada kuasa majoriti di Parlimen boleh menghapuskan semua peruntukan hak istimewa orang Melayu (termasuk tanah rezab Melayu dan keduduk-

an orang Melayu pada jawatan tertentu), kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ataupun Islam sebagai agama Persekutuan. Dulu semua perkara ini tidak boleh diubah melainkan dengan persetujuan raja Melayu, kini kuasa raja Melayu melindungi perkara itu sudah ditiadakan lagi. Ia dibuat atas nama demokrasi dan kuasa rakyat teramai, maka, faktor sejarah dan asas kukuh sosial masyarakat dilupakan. Hanya Semangat 46 yang menentang pindaan itu. Tiada ada Ahli Parlimen Melayu lain yang menyokong kami, tidak ada golongan nasionalisma Melayu yang mempertahankannya dan tidak ada penulis Melayu yang berhujah mengenainya.

Inilah yang mengerunkan kami dan meletakkan kami dalam dilema. Apakah nasionalisme Melayu masih relevan di dalam kehairahan mencapai kemajuan ini? Atau apakah sememangnya orang Melayu mengambil model Singapura, yang maju, yang kaya, yang berbahasa Inggeris, yang dipenuhi dengan pencakar langit, tetapi identiti kemelaluannya hilang sedikit demi sedikit. Dilema kami semakin mendalam apabila keputusan pilihan raya umum baru-baru ini menunjukkan kami telah kehilangan sebahagian besar sokongan pengundi bukan Melayu yang kami nikmati dalam tahun 1990 dulu. Ramai yang menganggap ini adalah proses biasa yang logik: "Bila awak terlalu lantang bercakap tentang Melayu maka awak akan kehilangan sokongan bukan Melayu. Apatah lagi dasar liberal kerajaan sekarang ini telah memenuhi kehendak semua orang bukan Melayu terutamanya yang berketurunan Cina." Dulu konsep *Malaysian-Malaysia* diperjuangkan oleh parti tertentu di luar kerajaan, tetapi banyak tuntutan itu telah dilaksanakan oleh pemerintah hari ini. Kini, Dasar Ekonomi Baru sudah ditiadakan. Gantinya Dasar Pembangunan Nasional yang

liberal. Dulu ada yang terpaksa ke mahkamah untuk menujuhkan sebuah Universiti Merdeka, kini dasar pendidikan liberal telah melahirkan lebih 200 buah kolej swasta ala-Universiti Merdeka tadi. Hasrat itu akan disempurnakan sepenuhnya apabila Akta Universiti dan Kolej Universiti dipinda kelak. Dalam aspek budaya pun, nampaknya semua pemimpin berlumba untuk meyakinkan masyarakat bukan Melayu yang mereka lebih liberal daripada yang lain. Lawatan ke negeri China yang tidak habis-habis, janji mengangkat bahasa Mandarin, etika Konfusionisme dan sebagainya diperkatakan menjelang pilihan raya. *Trend* ini pasti berterusan. Pertambahan kerusi yang besar oleh MCA dan Gerakan di dalam keluarga Parlimen BN sudah tentu memberikan mereka kuasa tawar menawar yang lebih besar untuk menuntut sesuatu yang lebih besar. Apatah lagi kalau ada parti di luar kerajaan yang turut menuntut "total liberalisation" atau pembebasan sepenuhnya, supaya proses liberal sekarang dipercepatkan lagi.

Inilah dilema kami. Menentang arus bermakna menghadapi risiko yang besar, tetapi kami juga percaya layang-layang yang tidak menentang angin, tidak mungkin terbang tinggi. Sehingga kini, kami belum mengubah pendirian. Agenda kemelayuan akan diteruskan. Kami percaya kalau Amerika Syarikat dikenali sebagai pendekong faham liberal terbesar pun, di awal pembentukan negaranya terpaksa menegaskan soal Anglo-Saxonnya. Yakni budaya Anglo-Saxon, bahasa Anglo-Saxon, dan ketuanan Anglo-Saxonnya dalam kehidupan bernegara. Anglo-Saxon mesti menjadi faktor pentakrif kepada pembinaan bangsanya, sekalipun di sana ada keturunan Itali, Polish, Greek dan lain-lain. Maka tidak ada sebab kenapa semua rakyat Malaysia, sama ada Melayu dan bukan Melayu tidak

boleh menerima Melayu sebagai asas pentakrifan Bangsa Malaysia. Kami turut percaya sebagai parti yang bertanggungjawab, di samping kemelayuan tadi, agenda-agenda lain mengenai keadilan, kerajaan bersih dan penentangan terhadap pembolotan kekayaan oleh segelintir puak berkuasa akan kami teruskan.

Keputusan pilihan raya umum 1995 memperlihatkan suasana yang agak hambar bukan sahaja kepada kami, tetapi juga kepada parti-parti pembangkang yang lain. Ini tidaklah menghairankan kerana siang-siang lagi semua menduga yang Barisan Nasional akan menang besar. Sebagai parti *under-dog*, apa yang menghiburkan kami sebagai parti Melayu ialah banyak kawasan yang dahulunya kami mendapat terlalu sedikit sokongan pengundi Melayu kini telah berubah. Undi kami di situ telah meningkat dengan banyaknya. Cuma ia belum cukup kuat untuk membolehkan kami meletakkan lebih ramai wakil kami di Parlimen. Mungkin ini petanda awal yang mesej kami sudah mula diterima. Kami melihatnya sebagai galakan untuk terus bersiap bagi pusingan ketiga - lima tahun dari sekarang.

# 24

## Tiada Sebab Rakyat Kelantan Tolak Angkatan

Walaupun Kelantan begitu diasak oleh BN pada pilihan raya umum lalu, negeri ini terus kekal diperintah oleh Angkatan Perpaduan Ummah. Apakah faktor utama kejayaan Angkatan?

Faktor utama yang diketahui umum, baik ahli PAS atau ahli Umno, perjuangan PAS ini adalah perjuangan yang benar. Umno juga yakin bahawa perjuangan PAS ini betul, dan ia yakin orang Melayu tidak boleh menerima Umno. Bukti, Umno menabur begitu banyak wang untuk

---

Wawancara Pengarang Kumpulan *Harakah* dan Ahmad Lutfi Othman dengan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang juga Mursyidul Am dan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat.

mendapat sokongan. Apa sebab kita beri duit, kalau kita yakin orang itu akan terima kita tanpa duit? PAS usah kata nak bagi duit pada rakyat; dia sendiri minta duit daripada pengundi. Pengundi beri duit dengan sukarela. Setiap malam kita buat ceramah, setiap malam juga mereka (menderma) beri duit. Ertinya, orang PAS dan orang Umno sama-sama yakin bahawa PAS itu benar. Tetapi Umno memaksa orang menyokongnya dengan mengamalkan politik wang. Melayu Kelantan terima Umno hanya kerana politik wang dan dengan kerana janji-janji pembangunan. Kita beritahu kepada rakyat bahawa kita tidak pernah menolak pembangunan. Dan memang BN sendiri melalui agensinya di Kelantan telah melaksanakan pembangunan seperti membina jalan raya, hospital dan sekolah-sekolah. Ertinya pembangunan telahpun dibuat tanpa menggunakan satu sen pun wang negeri. Tetapi BN masih lagi memberitahu rakyat, tidak ada apa-apa pembangunan di Kelantan.

Ekoran daripada ini, satu perkara lucu berlaku apabila seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari BN mengemukakan soalan untuk sidang DUN akan datang bertanyakan bila Maahad Dakwah nak dibuka, sedangkan ia (Maahad Dakwah wal Imamah) telahpun beroperasi hampir dua tahun. Ini menzahirkan kepercayaan wakil rakyat BN itu bahawa Kerajaan Angkatan tidak melaksanakan sebarang program di Kelantan. Kelemahan kita juga ada. Kita tidak pernah *highlight*kan pembangunan yang kita laksanakan di Kelantan. Tiada perayaan, dan tiada acara perasmian. Tidak ada upacara pembukaan jambatan, pembukaan jalan-jalan kampung, pembukaan Maahad Dakwah. Itu kelemahan kita kerana sebenarnya kita tidak ingin mengada-ada dan menunjuk-nunjuk. Bagaimanapun tanpa acara-acara ini, ada di kalangan rakyat yang merasakan

memang kita tak buat pembangunan. Kelemahan ini akan kita perbaiki di masa-masa akan datang.

Sesetengah pihak menganggap pengaruh Angkatan di Kelantan merosot apabila undi popularnya merosot hampir sepuluh peratus, manakala undi popular BN meningkat pada kadar yang sama?

Jika kita ingin mengukur kemerosotan pengaruh melalui undi, kita lihat di luar Kelantan pengaruh PAS meningkat. Hatta Presiden Umno sendiri pun menurun majoritinya dalam pilihan raya umum lalu. Cuma di Kelantan, BN memberikan tumpuan sepenuhnya. Paling teruk adalah peranan yang dimainkan oleh media massa - televisyen, radio dan akhbar. Sehingga ada sesetengah akhbar dan televisyen benar-benar berkempen untuk Umno. Hatta juruhebah televisyen pun sebut BN itu sebagai 'parti kita'. Semacam dia betul-betul anggota parti BN. Sudah tentu orang kampung terpengaruh.

Umno kini yakin akan merampas kembali Kelantan dalam tempoh dua penggal pemerintahan Angkatan. Adakah Tuan Guru merasakan Angkatan akan menghadapi saat-saat getir dalam pilihan raya umum akan datang?

Tiada kelemahan yang tidak dapat diperbaiki. Satu daripada kelemahan yang perlu diperbaiki, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, adalah kita tidak tonjolkan pembangunan-pembangunan yang kita lakukan. Insya-Allah, apabila kelemahan ini kita perbaiki, rakyat tidak lagi telan bulat-bulat tuduhan bahawa kita tidak melaksanakan sebarang pembangunan di Kelantan. Tiada sebab bagi rakyat Kelantan untuk menolak Angkatan Perpaduan Ummah. Salah satu kempen BN dalam pilihan raya lepas ada-

lah penubuhan Pakatan. Ada di antara orang yang terlibat dengan Pakatan ini datang berjumpa saya selepas pilihan raya untuk meminta maaf dan mengakui telah tertipu. Dia bukan berjumpa saya di sini, tetapi di Tanah Suci. Dia membuat pengakuan di masjid, di hadapan makam Rasulullah bahawa dia telah tertipu. Nampaknya perancangan untuk menidak-nidakkan kebolehan Kerajaan Angkatan ini amat hebat sehingga ke peringkat diperdayakan oleh orang atasan. Apa boleh buat. Tetapi mana-mana kerajaan yang berkuasa kerana tipu daya tidak akan tahan lama. Ia akan berhadapan dengan hakikat sebenar. Menang kalah ini memang boleh dibuat-buat. Yang tidak boleh manusia buat adalah haq dan bathil, kebenaran dan kepalsuan. Insya-Allah kebenaran tetap benar dan rakyat akhirnya akan tahu bahawa Angkatan berada di pihak yang benar.

**Ada pihak menganggap pencapaian PAS, Semangat 46 dan Umno dalam pilihan raya umum lalu menggambarkan kekuatan sebenar parti-parti terbabit?**

Saya payah untuk menerima teori itu memandangkan pada pilihan raya umum lalu (1995), Umno secara jelas menggunakan undang-undang rimba. Siapa yang kaya dia menang, siapa yang gagah dia menang. Peluang untuk kebenaran menyelit masuk, payah sekali. Undang-undang rimba ini digunakan dalam pilihan raya lalu. Jadi nak tahu siapa yang menang dan siapa yang kukuh sungguh, wala-lu 'alam. Tetapi apa yang kita boleh pegang daripada keputusan pilihan raya umum baru-baru ini, rakyat Kelantan yakin apa yang kita buat adalah benar. Itulah faktor utama mengapa Angkatan boleh terus memerintah. Kebenaran ini akan terus berkembang.

**Sokongan pengundi Cina kepada BN meningkat termasuk di Kelantan. Adakah keadaan ini didorong oleh dasar-dasar Kerajaan Angkatan yang didakwa menyekat kebebasan mereka?**

Jika ada pihak yang beranggapan begitu terserahlah. Tetapi dalam pilihan raya umum lalu, DAP pun tidak mendapat sokongan masyarakat Cina. Saya sendiri bertanya kepada beberapa orang Cina, mengapa mereka tidak mengundi Angkatan. Mereka menjawab, ada kempen yang menyebut jika Angkatan menang dalam pilihan raya kali ini, semua orang Cina akan dipaksa pakai kopiah. Saya ketawa mendengarnya. Jika sampai ke tahap itu kempen mereka, itu mereka punya pasal. Apa yang jelas, tidak ada suatu isu pun yang dibangkitkan oleh masyarakat Cina secara terang-terangan pada pilihan raya umum lalu. Kecualilah jika dibuat secara sulit. Tetapi terhibur hati saya apabila DAP pun mereka tidak undi juga. Jika kita tanya pemimpin DAP mengapa masyarakat Cina tidak undi mereka; mereka menjawab segala yang diperjuangkan oleh DAP telahpun dilaksanakan oleh BN. Seperti kata Ustaz Fadzil (Presiden PAS), masyarakat Cina memang berpuas hati dengan BN sekarang.

**Tuan Guru kerap kali memberi saranan supaya PAS menjalankan usaha menarik sokongan masyarakat Cina. Apa yang sepatutnya dilakukan oleh PAS untuk menarik sokongan mereka?**

Di samping saya menyarankan supaya PAS menarik sokongan masyarakat Cina, serentak dengan itu, saya juga faham bahawa PAS tidak mempunyai kekuatan untuk menarik sokongan mereka. Tidak ramai ahli kita yang tahu bahasa Cina. Tidak ramai di kalangan kita yang tahu cara

berfikir orang Cina. Tetapi dari segi agama, kita tetap bersalah membiarkan orang Cina tidak ambil tahu hal Islam. Ini kerana Islam bukan saja agama untuk orang Melayu. Islam adalah agama Allah untuk semua manusia termasuk orang Cina. Saya pernah sebut berkali-kali, jika Islam ini dipimpin oleh orang Cina, banyak masalah dan isu di Malaysia sekarang ini boleh diselesaikan. Contohnya, masalah riba. Seratus peratus masalah ini datang dari masyarakat bukan Islam (yang mengamalkan riba). Akhirnya, orang Islam turut terbabit sama dan menjadi tauke riba pula. Oleh itu, baik di peringkat negeri maupun pusat, saya selalu tekankan ikhtiar kita untuk menarik sokongan masyarakat Cina. Salah satu tujuan saya membawa orang Cina Kelantan melawat China, adalah untuk mengurangkan ketakutan orang Cina terhadap Islam. Orang Cina yang sering ditakutkan dengan Islam ini patut diberitahu bahawa ada di kalangan nenek moyang mereka, yang tinggal di negara asal mereka beragama Islam. Sehingga ada masjid di Tanah Besar China lebih tua umurnya berbanding masjid yang ada di Tanah Melayu. Itu adalah sebahagian usaha yang sekadar termampu dibuat oleh saya. Dan suka saya nyatakan bahawa saya tidak perit dengan kemerosotan undi daripada orang Cina. Saya tetap berusaha untuk menarik orang Cina di Kelantan dan di Malaysia umumnya untuk mendekati Islam. Saya yakin orang Cina yang kebanyakannya berfikiran bebas dan berdaya intelek, satu hari nanti tetap memilih Islam sebagai agama mereka. Dan mereka akan memimpin Islam di Tanah Semenanjung ini sekurang-kurangnya.

**Setelah lima tahun memerintah, setakat mana dasar "Membangun Bersama Islam" berjaya diperaktikkan kerajaan negeri?**

Kita akan meneruskan dasar "Membangun Bersama Islam". Dan tindakan terbaru yang saya laksanakan adalah mengarahkan satu badan berkanun kerajaan negeri, yang tidak payah saya sebutkan namanya, mengeluarkan pelaburannya dari syarikat-syarikat yang menyalahi syarak. Saham-saham ini dijual secara berjadual supaya tidak mendatangkan kesan kepada harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Keuntungan yang diperolehi daripada penjualan saham itu mesti dimasukkan ke dalam akaun wang tidak halal dalam Tabung Serambi Mekah. Badan berkanun ini hanya dibenarkan mengambil modal saja. Modal itu kemudian dilaburkan dalam saham-saham yang tidak menyalahi syarak.

**Seringkali Kelantan didakwa gagal menarik minat pelabur. Sehubungan itu, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menarik pelaburan ke Kelantan?**

Sering disebut-sebut selama ini bahawa pelabur kurang datang ke Kelantan. Tetapi untuk makluman saudara semua, tapak-tapak kilang di Kelantan sama ada di Tanah Merah, di Pasir Mas dan di Gua Musang kini sudah habis dijual. Saya telah mengeluarkan arahan kepada PKINK (Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan), supaya mencari tapak lain dengan segera. Orang nak kata tak ada pelabur, katalah. Tapi tapak kilang habis. Saudara boleh meninjau zon industri di Pengkalan Chepa. Kilang-kilang baru sedang dibina. Apa boleh buat, kempen negatif itu sampai ke telinga rakyat, dan rakyat percaya sungguh yang kita gagal menarik pelaburan. Selepas pilihan raya umum pun, beberapa orang pelabur datang berjumpa saya. Kita membuka peluang sepenuhnya kepada mereka, selagi mereka menerima syarat-syarat kita. Antara syaratnya ada-

lah jangan guna balak Kelantan sebagai modal, itu syarat kita (ketawa). Melabur melalui balak, saya minta maaf.

**Siapa yang lebih banyak melabur di Kelantan sekarang.  
Pelabur tempatan atau pelabur asing?**

Ada pelabur tempatan, dan ada juga pelabur asing. Pelabur tempatan lebih mudah kerana tidak terganggu dengan syarat-syarat tertentu untuk melabur di Kelantan. Yang menjadi masalah adalah pelabur luar negeri. Mereka terpaksa mendapatkan kebenaran daripada Pusat sebelum melabur di negeri ini.

**Apa yang menarik minat para pelabur untuk menanam modal di Kelantan di saat Kerajaan Pusat mendakwa dasar-dasar kerajaan negeri menakutkan para pelabur?**

Apa yang Kerajaan Pusat nak kata, dia boleh kata. Tetapi masalah yang dihadapi di sini bukanlah masalah dasar kerajaan tetapi faktor-faktor lain. Seperti contoh, bagi kilang-kilang tekstil, masalah yang dihadapi adalah kekurangan air dan sumber air pula mengandungi zat besi yang banyak. Merujuk kepada masalah bekalan air, kita pernah berunding dengan Pusat untuk mendapatkan pinjaman bagi projek Baku (Bekalan Air Kelantan Utara). Akhirnya kerajaan negeri tidak dapat satu sen pun. Ini satu perkara yang amat mendukacitakan kerana air amat bersangkutan dengan nyawa manusia. Nabi s.a.w. tidak membenarkan gangguan-gangguan ke atas tiga perkara, iaitu api, air dan bahan bakar (atau rumput). Jadi gangguan-gangguan terhadap Kelantan ini sampai ke peringkat bekalan air pun ingin disekat. Ini boleh diistilah sebagai *Apartheid*. *Apartheid* dalam demokrasi.

**Bagaimana dengan rancangan penswastaan bekalan air?**

Berjalan lancar. Walaupun belum sepenuhnya tetapi ia sedang berjalan dengan baik.

**Bagaimana kerajaan negeri dapat mengimbangi dasar PAS yang menentang projek penswastaan kemudahan awam dengan apa yang dilaksanakan kini?**

Jawapan kepada soalan ini dapat didengar dalam sidang DUN akan datang. Bagaimanapun bagi kerajaan negeri, kita akan pastikan secara bersungguh-sungguh agar usaha penswastaan bekalan air ini tidak membebankan rakyat. Mungkin kenaikan kos perkhidmatan akan berlaku dalam masa lima atau sepuluh tahun akan datang. Apatah lagi tidak ada satu barang pun yang turun harga sekarang. Semuanya naik. Bagaimanapun turun naik harga ini ditentukan oleh kerajaan negeri, bukan syarikat terbabit. Ada juga syarat-syarat lain (berhubung penswastaan bekalan air) yang tidak wujud di negeri-negeri lain, tetapi kita ada di Kelantan. Semuanya untuk menjaga kepentingan rakyat.

**Selain industri pembuatan, Kelantan juga berhasrat ingin menjadi negeri utama pengeluar pertanian. Setakat ini apa usaha-usaha yang telah dibuat?**

Kerajaan negeri telah menyediakan ladang contoh sebagai permulaan. Pada 11 Julai 1995 akan diadakan upacara pecah tanah projek 'Tetasan Budi' di Machang bernilai lebih RM1.5 juta. Ini usaha kita di bidang pertanian. Satu usaha besar-besaran.

Nampaknya Kerajaan Pusat juga berminat untuk membangunkan Kelantan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), penubuhan Pakatan dan menjadikan dua kawasan Parlimen yang dikuasainya sebagai kawasan contoh?

Saya tidak mahu memberi apa-apa komen berhubung cadangan BN untuk menjadikan dua kawasan Parlimen yang diwakilinya sebagai kawasan contoh. Itu cadangan dia. Tetapi apa yang rakyat tidak faham, mengapa JPP wujud di Kelantan. Kalau benar-benar Kerajaan Pusat tidak pandang serong kepada Kelantan, tidak perlu ada JPP. Banyak mana wang yang ingin dilonggokkan di Kelantan boleh dilonggokkan menerusi saluran biasa - Majlis Daerah, PKINK mahupun Pegawai Daerah. Ini adalah amalan yang dilaksanakan di waktu pemerintahan BN. Tapi apa boleh buat, mereka pandang serong kepada Kelantan.

Tidak seperti Menteri Besar di negeri-negeri lain yang diperintah BN, Tuan Guru tidak dilantik memegang beberapa jawatan seperti Pengurus Majlis Keselamatan Negeri bermula dari tahun 1990. Adakah amalan ini diteruskan?

Tidak ada apa-apa perubahan. Jawatan-jawatan yang saya pegang sekarang pun macam tak terdaya dipikul. Kalau ada orang lain nak tolong 'selamatkan' Kelantan, saya amat berterima kasih (ketawa kecil).

Mengapakah faktor percampuran bebas antara lelaki dan perempuan menjadi pendorong kepada kerajaan negeri untuk melarang pelajar-pelajar YIK menyertai program Rakan Muda?

Kita tahu masalah remaja. Rasulullah s.a.w. sendiri

pernah membuat ucapan-ucapan khusus untuk golongan remaja. Apa yang menjadi masalah, usaha yang kita buat untuk mendidik para remaja dicemari oleh kemasukan budaya kuning daripada Barat. Kerap kali kita membaca laporan kenyataan pemimpin-pemimpin Pusat untuk menyekat filem-filem lucah dan ganas, tetapi filem-filem ini masih ada. Jika filem-filem lucah dan ganas dari Barat berjaya disekat, apa jaminan filem-filem tempatan bebas daripada unsur-unsur ini. Contohnya, semasa saya menunggu rancangan berita *Dunia Jam 10*, satu rancangan yang paling saya minati, saya dapati ada drama tempatan yang memaparkan lelaki dan perempuan Melayu menari. Ia tidak ubah seperti slot *dancing* dalam filem Barat. Jadi kita tidak bersungguh-sungguh untuk membasmi perkara mungkar. Perkara mungkar yang paling utama adalah masalah seks, masalah jantina. Sejak dari dulu dan Nabi kita pernah menyebut, fitnah dan kerosakan yang pertama menimpa Bani Israel adalah berpunca daripada hubungan lelaki dan perempuan. Masalah harta benda tidak menjadi punca, tetapi yang menjadi punca utama adalah hubungan antara lelaki dan perempuan. Harta benda adalah objek beku yang pahay merangsangkan kita. Tetapi lelaki dan perempuan adalah benda hidup. *Connectionnya* cepat berlaku. Lelaki positif, perempuan negatif, berjumpa dalam satu majlis, tentu berlaku masalah. Oleh itu sejak dari awal lagi Islam menyebut, jangan dekati zina. Bukannya jangan berlaku zina, malah jangan dekati zina. Begitulah cermatnya penggunaan bahasa dalam al-Quran. Oleh yang demikian jika kita tidak cermat dalam hubungan antara lelaki dan perempuan, lepak akan berlaku, zina akan berlaku, pembuangan anak akan berlaku, dan macam-macam perkara akan berlaku.

Seorang menteri kabinet menyatakan kesediaan untuk berbincang dengan kerajaan negeri berhubung program Rakan Muda. Apa komen Tuan Guru?

Dari awal lagi saya jawab, saya berterima kasih. Dan kalau kaedah berunding ini dilaksanakan dalam semua bidang, baik politik, sosial dan ekonomi, ia lebih sesuai. Sistem parti ini sebenarnya kita tiru dari Eropah. Tetapi turutlah sekadar mana yang tidak bercanggah dengan Islam. Sampai kita bertengkar tidak mahu berunding kerana 'orang putih' tak berunding dengan parti pembangkang, ini tidak betul. Di Eropah jika parti kerajaan terima (pandan) parti pembangkang, jatuhlah (maruah) kerajaan. Itu dia. Pasal apa kita nak tiru dia seratus peratus. Walaupun kami parti pembangkang, ajaklah berunding dalam perkara-perkara yang boleh diajak berunding. Bolehlah meredakan keadaan.

Merujuk program Rakan Muda, saya sokong kenyataan Ustaz Abdul Hadi di Parlimen baru-baru ini bahawa PAS hanya menerima program Rakan Masjid. Rakan Masjid bukan bererti kita duduk di masjid selama-lamanya. Rakan Masjid ialah orang yang semangatnya sebagaimana diajar oleh masjid. Mereka yang memakmurkan masjid adalah orang yang beribadah kepada Allah dan hari akhirat, menunaikan solat, mengeluarkan zakat dan tidak mempersekuatkan-Nya. Kita bermula cara orang masjid, kita berpolitik cara orang masjid, kita menceburi bidang korporat cara orang masjid dan jika kita jadi pegawai kerajaan pun cara orang masjid. Apa juga program termasuk Rakan Muda, hendaklah jangan lari daripada semangat yang diajarkan dalam masjid. Tak bolehkah kalau kita laksanakan program Rakan Cinta Alam, hari ini kita bawa remaja lelaki, minggu depan kita bawa remaja perempuan? Tentu

boleh! Tapi kita kira tak seronok. Kita utamakan seronok dalam semua hal. Walaupun ada pengawasan, apakah jaminan pengawas itu amanah dalam kerja-kerja pengawasannya. Apatah lagi, dia terlibat dengan generasi yang mencampuradukkan lelaki dan perempuan secara bebas. Generasi yang ada sekarang adalah generasi yang dididik secara Barat. Kalau ada pengawas sekali pun, pengawas itu dididik oleh suasana yang diajar oleh Barat. Bagi saya, jika saya dibenarkan mengurus program Rakan Cinta Alam, saya buat begitu. Hari ini untuk lelaki, besok untuk perempuan. Tidak salah apa pun.

**Ada yang menganggap idea ini sempit kerana Rakan Muda turut melibatkan remaja bukan Islam. Hujah mereka, kita tidak boleh memaksa nilai-nilai Islam kepada remaja bukan Islam?**

Adakah orang Cina dan orang India sendiri rela melihat anak-anak mereka berzina? Adakah masalah zina ini hanya tidak dipersetujui oleh orang Islam sedangkan orang lain setuju? Saya yakin tidak ada orang Cina yang berfikiran waras setuju anak mereka berzina. Oleh yang demikian, apa salahnya jika kita mengenakan peraturan itu kepada remaja bukan Islam. Jika mereka (remaja bukan Islam) ingin juga bercampur gaul, kita tidak halang. Kita beri peluang kepada mereka untuk bercampur gaul, kalau mereka nak sangat begitu. Bagaimanapun pada pandangan saya, semangat kemanusiaan itu satu. Kalau orang Melayu tak mahu perkara mungkar, orang Cina pun begitu. Sebab itu Islam banyak mengingatkan manusia supaya tidak buat perkara mungkar. Di zaman Rasulullah, perempuan memang dibawa ke medan perang. Percampuran itu ada, sebab itu diperintahkan tutup aurat dan di dalam diri mereka

ada taqwa. Di mana saja kamu berada, Allah ada. Jadi dengan cara begitu, di sebelah luarnya tutup aurat, di sebelah dalamnya dijaga, *watchdognya* taqwa. Tetapi kita sekarang, aurat pun tak ditutup. Baru kebelakangan ini saja sibuk tentang tutup aurat. Itupun kerana bising di Kelantan. Di sebelah dalamnya, taqwa, langsung tidak ada. Seorang Hindu yang terlibat dengan program Rakan Muda datang ke rumah saya. Dia kata, "Tuan Guru, ini orang tak sembahyang." Dia benci Rakan Muda ini kerana pesertanya tidak sembahyang. Oleh itu, taqwa mesti disemaikan di kalangan generasi muda dan mereka perlu diingatkan tentang kewajipan menutup aurat. Oleh itu, saya minta secara ikhlas supaya pelaksanaan program Rakan Muda ini dikaji semula. Saya tidak redha anak saya mengikuti program Rakan Muda dalam keadaan sekarang. Tetapi saya boleh lepaskan anak gadis saya untuk mengikuti program Rakan Muda jika ia mengikut syariat.

Tuan Guru menyebut tentang penyebaran budaya kuning melalui alat teknologi canggih. Bagaimana cara terbaik untuk sesebuah kerajaan menangani masalah ini khususnya merujuk kepada ura-ura kerajaan untuk membenarkan penggunaan parabola?

Dalam usul fiqh ada menyebut, "Menolak kerosakan mesti diutamakan daripada membuat kebaikan." Jadi apakah manfaat yang kita dapati daripada parabola berbanding sebelum adanya parabola. Adakah rakyat kita akan mendapat maklumat yang lebih dengan adanya parabola? Agensi berita luar seperti CNN, ABC dan banyak lagi telah pun bertapak di negara ini. Saya tidak nampak kewajaran parabola diizinkan penggunaannya. Ada sumber yang menyebut, parabola perlu dibenarkan kerana Malaysia akan me-

lancarkan Measat (Satelit Malaysia Timur Jauh). Jika tak dibenarkan parabola, tak ada kerjalah satelit tu... Kalau begitulah alasannya, alangkah malang negara yang mengutamakan kepentingan material daripada akhlak rakyatnya.

**Ada yang berpendapat sukar untuk kita mengawal perkembangan teknologi termasuk parabola. Mungkin pada satu ketika, cakera parabola hanya sebesar jam tangan umpamanya, bagaimana nak disekat?**

Kalau tak boleh kawal, itu luar dari kuasa kita. Itu orang tak boleh soal kita dunia akhirat. Tetapi benda itu masih dalam kawalan kita, mengapa kita tidak kawal? Kita hari-hari bawa motokar, siap dengan lesen. Jika berlanggar juga nak buat macam mana?

**Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dihalang oleh Pusat. Apa agenda kerajaan negeri seterusnya?**

Kita akan terus berkempen mengenai hudud sebagai salah satu cabang dakwah kita. Dan PAS Kelantan akan adakan hari hudud sekali setahun. Kita akan adakan siaran dan pelbagai program seperti ceramah, forum dan seminar pada hari itu dengan menjemput tokoh-tokoh tertentu. Hudud ini benda baik. Sampai sekarang tidak ada orang yang boleh menolak hudud Kelantan dengan nas. Yang tolak hanya Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno. Hudud ini urusan hukum. MKT tolak. Tak kena cara. Penyakitnya lain, ubatnya lain. Kereta kita pancit, kita baiki enjin. MKT bukan satu badan ilmiah. Sepatutnya hudud Kelantan dikaji oleh satu badan ilmiah. Oleh itu rakyat boleh menilai penolakan Umno itu. Mereka tolak bukan kerana hudud itu tidak sempurna tetapi kerana ia tidak dilaksanakan di Barat. Mereka bukan takutkan 'kezaliman' hudud, tetapi yang

ditakutkan adalah hudud tidak dilaksanakan di Eropah. Oleh itu hingga kini Umno tidak boleh buat draf 'hudud Umno'. Walaupun mereka dakwa ini 'hudud PAS', saya kata saya boleh terima 'hudud Umno'. Kalau mereka terima 'hudud PAS' untuk dipinda pun tak apa. Bukan kita nak berkeras dengan 'hudud PAS'. Kita nak supaya hudud dimaktubkan sebagai undang-undang. Yang melaksanakannya adalah hakim dengan syarat-syarat tertentu, bukan saya.

**Isu penyelewengan aqidah menjadi topik hangat baru-baru ini sehingga dicadangkan penubuhan Pusat Pemulihian Aqidah. Umno sendiri mendakwa PAS menyelewengkan aqidah ummah? Apa komen Tuan Guru?**

Saya mengucap syukur kerana isu aqidah ini mula disedari walaupun kita sudah merdeka hampir 40 tahun. Sedangkan perkara pertama yang diperjuangkan Rasulullah adalah persoalan aqidah, barulah timbul perkara ibadah dan seterusnya. Segala aktiviti manusia bukan sekadar selesai di dunia, ia akan direkod oleh malaikat dan dinilai di akhirat. Penilaian dibuat berdasarkan aqidah. Jika sembahyang banyak sekali pun, jika tidak berlapik di atas aqidah yang betul, amalan itu akan binasa. Maknanya, selepas merdeka lagi, persoalan aqidah ini perlu dititikberatkan. Ini tidak, umpama seorang perempuan yang dah pun bercucu, tetapi bertanya: "Ijab kabul saya macam mana?" Ia jadi bahan ketawa orang. Bagaimanapun tak apalah. Jika semua pihak sudah mulai sedar sekarang. PAS sejak dari dulu menekankan persoalan aqidah ini. Ustaz Abdul Hadi pernah sebut di Parlimen bagaimana PAS menyingkir seorang ahlinya yang berpengaruh di Kelantan. Kerana apa? Kerana aqidahnya menyeleweng. Kita minta dia (ahli PAS ter-

babit) bertaubat, dia tak mahu. Maka kita singkir dia dari pada parti. Ini menunjukkan PAS cermat dalam soal aqidah, dan PAS rela menyingkirkan ahlinya yang didapati menyeleweng daripada aqidah. Tapi Umno terima (keanggotaan) tokoh tertentu walaupun tokoh itu antihadis. Mana boleh seorang muslim itu antihadis. Bila antihadis ertinya anti-Nabi Muhammad. Bila anti-Nabi Muhammad ertinya Nabi Muhammad tidak berfungsi, tidak perlu wujud nabi. Bukan saja Nabi Muhammad, nabi yang terdahulu juga tidak perlu sedangkan Allah datangkan nabi-nabi di atas muka bumi. Oleh itu, bagaimana Umno boleh terima ahli yang antihadis? Saya baca kenyataan Ketua Pengarah Pusat Islam bahawa gerakan antihadis ini perlu dibasmi. Ertinya gerakan yang dipimpin tokoh terbabit wajar dibasmi tetapi Umno terima dia sebagai ahli. Itu menunjukkan Umno salah. Jadi bagaimana Umno yang berada dalam keadaan salah nak menyalahkan orang lain? Dalam keadaan dia menyeleweng aqidah, bagaimana dia nak kata orang lain menyeleweng? Itu duduk perkara sebenar.

Dalam bidang politik, 'pusat pemulihan aqidah' adalah PAS. Keduanya, pusat pemulihan aqidah ini serupa dengan pusat pemulihan dadah. Dalam pusat pemulihan dadah itu tidak ada dadah, tetapi di luar ada. Ia tidak akan menyelesaikan masalah. Jadi dalam pusat pemulihan aqidah, disebutlah perkara-perkara yang boleh menyelewengkan aqidah. Tetapi bila mereka keluar daripada pusat pemulihan aqidah, apa jaminan aqidah mereka akan terselamat? Sedangkan di luar, banyak perkara-perkara yang menyeleweng daripada aqidah. Contohnya, kalau ada orang yang berkata "agama lain, politik lain", tetapi aqidahnya salah. Ertinya, beliau menidakkann fungsi sebahagian besar daripada ayat al-Quran. al-Quran turut menyentuh perso-

lan ekonomi, sosial, dan pentadbiran ataupun politik. Jika kita sebut "agama lain, politik lain", ertinya kita mengetepikan sebahagian besar daripada ayat Al-Quran. Sebab itu PAS mengemukakan Islam secara syumul. Islam secara tidak komprehensif tidak boleh diterima. Petanda aqidah Islam yang betul adalah terima Islam secara syamil, secara seratus peratus. Oleh itu bagaimana nak tuduh orang lain menyeleweng, sedangkan dia sendiri menyeleweng.

**Pemimpin-pemimpin Umno mendakwa tidak menolak Islam yang syumul, tetapi Islam perlu dilaksanakan secara beransur-ansur dan penuh hikmah?**

Umno tidak menolak - ertinya benda ni dia boleh tolak. Tapi sebenarnya dia tidak tolak. Itu duduk perkara sebenar. Sebab apa Umno tidak tolak? Sebab imankah atau sebab faktor luar, iaitu tekanan daripada parti pembangkang? Katakanlah PAS tidak wujud atas muka dunia. Apa akan jadi pada umat Islam di negara ini? Seorang pemimpin Umno yang sudah bersara pernah berkata, Islam ini hanya sesuai pada zaman unta. Oleh itu mereka terima Islam yang syumul bukan kerana iman, tetapi kerana tekanan daripada PAS. Mereka takut hilang undi umat Islam.

**Tuan Guru sering menasihati ulama PAS supaya sentiasa mengikuti perkembangan semasa - politik, ekonomi, sosial dan mempelajari ilmu-ilmu bantu yang lain. Adakah ini merupakan kelemahan ketara ulama PAS?**

Ulama PAS mahupun ulama mana pun di zaman ini adalah saki-baki ulama yang terdidik pada zaman penjajah. Sumber ilmu di zaman penjajah terlalu sempit. Kesempitan ilmu pada zaman dulu itulah yang membawa alim ulama pada hari ini. Dua puluh tahun atau tiga puluh tahun

kemudian, Insya Allah akan lahir ulama-ulama generasi baru yang mempunyai skop ilmu yang lebih luas. Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai contoh akan mengadakan kelas-kelas sains tulen di sekolah-sekolahnya. Ini membolehkan pelajar-pelajar generasi baru dapat mentafsir al-Quran dan hadis melalui cabang-cabang ilmu sains yang menjadi bahan utama dalam al-Quran sendiri. Allah s.w.t. ketika memperkenalkan Dirinya dalam al-Quran menunjukkan kemampuan-Nya mencipta langit, mencipta bumi dan mencipta segala sesuatu yang berada di antara langit dengan bumi. Benda di antara langit dan bumi ini amat banyak dan tidak dapat difahami melainkan oleh saintis. Kalau ulama-ulama kita tak faham apa itu langit, tak faham apa itu kaji bumi, bagaimana mereka boleh meluaskan pandangan masyarakat. Tetapi mahu tidak mahu, kami terpaksa terima dan redha akan qada' qadar Allah yang memberi kami ilmu sekadar mana yang termampu, kerana penjajah telah menyekat sumber-sumber ilmu ini. Pada zaman dahulu, nak pergi belajar ke luar negeri memang payah. Ketika saya kecil-kecil dahulu, orang Kelantan yang pergi belajar ke luar negeri khabarnya dua orang. Penjajah British tidak akan beri pasport kecuali untuk orang-orang tertentu saja. Jadi pesanan saya pada alim ulama kita itu adalah satu ikhtiar paling maksima yang boleh saya buat, supaya mereka ambil tahu. Lebih daripada itu saya tak boleh buat, kerana bahan ilmu yang ada pada mereka hanya sekadar itu saja.

Bagaimana seharusnya ahli-ahli PAS mendokong konsep kepimpinan ulama. Adakah cukup bagi ahli-ahli PAS meniru keperibadian ulama tetapi kosong dari sudut pengisian ilmu?

Bila kita sebut kepimpinan ulama, maka 'bapa ulama' di muka dunia ini ialah Nabi Muhammad s.a.w.. Jangan diletak Nik Aziz, jangan diletak Ustaz Hadi, jangan diletak siapa. Ulama ialah Nabi Muhammad s.a.w.. Kita mesti mencontohi kehidupan Rasulullah, bagaimana usaha baginda memberi ilmu kepada masyarakat Islam dan bagaimana usaha baginda menyuruh para sahabat belajar. Sehingga ke peringkat para tawanan Badar boleh dibebaskan jika mereka mengajar ilmu-ilmu tertentu kepada anak-anak orang Islam. Itu menampakkan tahap kesungguhan Islam dalam menuntut ilmu. Dan bila kita kaji sejarah Islam, ahli-ahli kimia, ahli-ahli biologi dan ilmu-ilmu lain terdiri daripada orang Islam. Banyak bangunan bersejarah yang berada di Baghdad, Syria dan di Sepanyol didirikan hasil daripada perkembangan sains di zaman kerajaan Islam berkembang. Ini menunjukkan bahawa ilmu ini datang daripada Allah. Cuma orang Eropah tolol tonjolkan kerana peluang mereka mengkaji banyak. Peluang umat Islam untuk mempelajari ilmu disekat pada zaman penjajah. Hanya sekarang kita bebas untuk mempelajari ilmu. Sains bukannya ilmu orang Inggeris dan Eropah, tetapi ilmu Allah. Itu saja yang dapat saya katakan.

# **25**

---

## **‘DAP Boleh Tutup Kedai’**

**U**saha keras DAP menjayakan projek Tanjung III menawan Pulau Pinang mendapat liputan media yang cukup meluas. Tetapi kempen BN mempertahankan Pulau Pinang disorot secara luar biasa, melebihi keutamaan kempen BN menawan semula Kelantan, khususnya oleh TV3. Selain Kelantan, Penggerusi BN, Dr Mahathir Mohamad terpaksa berkejar ke Pulau Mutiara itu hingga terpaksa berceramah dalam suasana hujan ribut. “Pengarah kempen BN Pulau Pinang ialah Dr Mahathir, bukannya Dr Koh ataupun Anwar,” dakwa seorang tokoh akademik.

Keputusan yang dinanti-nanti oleh rakyat Malaysia

pada malam 25 April 1995 ialah pertarungan maut di Tanjong Bungah, antara Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon. Koh Tsu Koon menang besar, dengan majoriti 7,739 undi, sesuatu yang tidak terduga. Sebenarnya ini bukan kali pertama kedua-dua tokoh itu bertarung. Pada 1986, ia memihak kepada Kit Siang, apabila mengalahkan Tsu Koon di kawasan Parlimen Tanjung, dengan majoriti 11,690. Dari keputusan 1995, jelas ia tidak mengulangi "pertarungan dua Lim" pada 1990 di Padang Kota, yang dimenangi Kit Siang setelah mengecewakan bekas Ketua Menteri Dr Lim Chong Eu, dengan kelebihan 706 undi.

Daripada 33 kerusi DUN, BN hanya tewas tipis (62 undi) di Batu Lancang kepada calon wanita DAP. Pada tahun 1990, DAP memperolehi 14 kerusi, iaitu hanya kurang tiga kerusi bagi membentuk kerajaan. Sila rujuk rajah 1 yang menggambarkan perbandingan keputusan 1995 dan 1990. Bagi kerusi Parlimen, DAP hanya dapat mempertahankan tiga dari enam kerusi, dengan majoriti tipis di dua kerusi. Di peringkat pusat, jumlah penguasaan DAP bagi kerusi Parlimen jelas merosot, lapan di Semenanjung dan satu di Sarawak. Dari sudut undi popular, ia menurun lebih 5.5%, iaitu dari 17.62% (985,228 undi) kepada 12.10% (722,176 undi). Untuk DUN, DAP hanya menang 11. Pada 1990, DAP menang 20 kerusi Parlimen, kurang empat berbanding 24 kerusi pada 1986. Rekod pencapaian DAP 1995, dari segi perolehan kerusi tidak jauh bezanya dengan pencapaian 1982. Pada tahun 1982, DAP hanya mampu menang 9 kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN.

Banyak pihak menyifatkan kekalahan teruk DAP, bukan saja di Pulau Pinang malah di seluruh negara, khususnya Lembah Kinta tidak semata-mata berpunca dari

slogan "Ketua Menteri Yang Berkuasa" tetapi disebabkan dasar serta rancangan parti pemerintah yang disenangi rakyat bukan Melayu. Liberalisasi dalam semua bidang hingga menghakis hak-hak orang Melayu membuatkan manifesto dan tuntutan DAP tidak relevan lagi. BN di bawah kepemimpinan Dr Mahathir - Anwar telah menunaikan apa yang selama ini diperjuangkan oleh DAP. "DAP boleh tutup kedai," gurau beberapa orang peminat politik. Puaka tragedi 13 Mei juga membentengi rakyat Pulau Pinang untuk memilih pembangkang.

Dari satu segi pengundi Cina memahami apa yang dihasratkan Kit Siang. Koh Tsu Koon menjadi Ketua Menteri yang kurang berkuasa kerana ia mewakili parti yang lemah berbanding Umno. Perlantikannya sebagai KM disifatkan sebagai ehsan Umno. "Justeru itu pilihan yang ada ialah sama ada memilih Kit Siang ataupun memenangkan lebih ramai calon-calon Gerakan dan MCA supaya kedudukan Tsu Koon lebih kuat. Memilih Kit Siang bermakna membawa Pulau Pinang kepada satu risiko tinggi, seperti Kelantan dan yang pernah dialami oleh Sabah," seorang pelajar USM memberi reaksi kepada cogankata itu. Benar, pada 22 April, selepas merasmikan Kompleks Balai Polis Bandar Baru Ayer Hitam, Dr Mahathir berkata pembangunan pesat dan kemakmuran Pulau Pinang boleh hancur dalam masa setahun sekiranya DAP memerintah: "Sekiranya Kit Siang berjaya membentuk kerajaan, maka berakhirlah pembangunan yang selama ini dikehendaki oleh penduduk Pulau Pinang."

"Tidak boleh difahami bagaimana DAP memilih poster Lim Kit Siang sebagai Ketua Menteri yang berkuasa kerana ia mudah dimanipulasi BN sebagai petanda kegilaan kuasa. Di samping itu penumpuan Kit Siang yang berlebihan

di Pulau Pinang menyebabkan kawasan-kawasan lain terabai. Penekanan DAP untuk membentuk pembangkang berkesan di Parlimen terlindung dengan kempen agresifnya di Pulau Pinang," ujar seorang pemimpin parti pembangkang Melayu. *NST* 15 April 1995 memetik kenyataan Anwar mengenai poster kontroversi itu: "*This reflects that he is power hungry.*" Anwar menyifatkan Kit Siang angkuh dan sompong apabila merendahkan Tsu Koon: "Jika seseorang itu suka merendahkan diri tidak bermakna dia lemah. Ada perbezaan di antara rendah diri dan bongkak. Orang yang ada kuasa tidak semestinya angkuh dan sompong. Dia (Tsu Koon) suka merendahkan diri, tetapi tegas." Ketua Pengarang Kumpulan *NST*, A. Kadir Jasin menyimpulkan: "Keghairahan Kit Siang dengan cogankata 'Ketua Menteri yang ada kuasa' juga membayangkan sikap beliau sebagai pemimpin parti yang autokratik yang mustahil boleh memerintah dan mentadbir tanpa kuasa mutlak."

Pemimpin-pemimpin DAP sejak awal lagi mengakui hakikat kelemahan DAP ini. Misalnya, Pengurus DAP Kebangsaan, Dr Chen Man Hin di Kongres ke-10 DAP pada 20 November 1993 menjelaskan, kebanyakan idea utama dalam Wawasan 2020 adalah ditiru atau diambil daripada ucapan pemimpin DAP: "*The Barisan is now waving Vision 2020 to dazzle the people and win support, but many of the ideas in the vision were copied or taken from the speeches of the DAP leaders and the Rocket journal. In 1966 the DAP presented its symbol, the Rocket, to signify the aim of modern society with the united power of Malays, Chinese, Indians and others. The Barisan is now talking of a developed society which is multiracial, multicultural, multilingual and multireligious.*" Dalam majlis meraikan ulang tahun ke-25 Lim Kit Siang sebagai Ahli Parlimen, Dr Chen menegaskan, kenyataan pemimpin-pe-

mimpin BN yang mahu mewujudkan Malaysia sebagai negara pelbagai bangsa, pelbagai bahasa, pelbagai kebudayaan adalah mengulangi isu yang diperjuangkan DAP sejak 1966. Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw berkata DAP sudah menjangka mereka akan mengalami kekalahan besar dalam pilihan raya 1995 sejak dua tahun lalu.

Kit Siang sendiri amat menyedari hakikat pilihan raya 1995 menyebelahi BN jika dilihat tajuk manifestonya, yang mencatatkan "kuatkan DAP, demi kebebasan sejati dan cegah pemerintahan satu parti di Malaysia". Istilah kuatkan DAP seolah-olah membayangkan *survival* parti itu tidak menentu. Malahan manifesto itu juga diakhiri dengan, "jika DAP dihapuskan atau mengalami kekalahan seperti dalam pilihan raya umum 1982..." Lama sebelum bahang pilihan raya 1995 terasa, Dr Mahathir, ketika melawat Pulau Pinang berseloroh, dengan mengatakan orang Pulau Pinang sudah mulai senyum dengannya!

Dr Koh Tsu Koon, sewaktu merasmikan Seminar Sehari Mengenai Pilihan Raya Umum Malaysia 1995, di Universiti Malaya, pada 18 Mei 1995 berkata, kejayaan besar BN itu berpunca dari wawasan dan kepemimpinan serta imej Dr Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim. Kedua, pertumbuhan ekonomi yang maju, makmur dan amat pesat yang meyakinkan pengundi bahawa mereka lebih selamat untuk memilih kesinambungan, kestabilan dan keamanan, bagi menjamin kemajuan yang berterusan. Faktor ketiga ialah percanggahan dan perpecahan di kalangan pembangkang.

Selain itu, menurut Tsu Koon, strategi BN Pulau Pinang juga memainkan peranan penting: "Sebenarnya selepas 1990 kami di dalam BN memang amat berhati-hati. Kempen kita sebenarnya telah bermula pada tahun 1990.

Kita begitu berhati-hati mengenai isu-isu yang kontroversial. Selain merangka dan melaksanakan banyak program berbentuk ekonomi, kami juga telah melancarkan banyak program dan kegiatan yang berunsur sosial, kebudayaan dan kesenian, bagi melibatkan seberapa banyak lapisan masyarakat."

Seterusnya beliau menambah: "Kita juga mengambil satu pendekatan yang rendah diri, atau rendah hati - *humility*. Kita mengumpamakan diri sebagai rasmi padi, lebih berisi lebih tunduk. Maka poster yang menonjolkan imej *Robocop* telah membawa satu suasana comical yang tidak dapat mewujudkan keyakinan. Cogan kata *Try Five Years... pun back fire.*"

Koh Tsu Koon juga beranggapan DAP telah tersilap langkah dan silap jangka. Dengan membuat serangan yang begitu hebat, DAP menonjolkan satu imej angkuh, di kalangan rakyat. Apa yang dikatakan sikap angkuh Lim Kit Siang disifatkan sebagai *un-Malaysian*. BN juga telah berse-dia dari segi psikologi (*psychologically prepared*) untuk menghadapi satu serangan yang besar kerana serangan DAP pada 1986 dan 1990 cukup mengejutkan.

Dr Mahathir, semasa berkempen BN di Perhimpunan Bersama Rakyat, di Petaling Jaya, mengecam DAP: "DAP dan pemimpinnya Lim Kit Siang ialah parti yang benci, benci, benci, benci, benci, parti yang penuh dengan kebencian. DAP dan Kit Siang membenci BN, benci Umno, benci kerajaan dan membakar hati orang Cina supaya membenci Melayu." Sementara Anwar Ibrahim, juga di majlis Perhimpunan Bersama Rakyat, di Desa Pandan merumuskan: "Apa yang Lim Kit Siang hendak menunjukkan Cina ada kuasa mutlak di Pulau Pinang." Di majlis Perhimpunan Bersama Rakyat dekat Johor Bahru, Dr Mahathir mendak-

wa demokrasi akan musnah jika Kerajaan BN ditukar.

Ketua Jabatan Sains Politik UKM, Ghazali Mayudin menggariskan dua perkembangan yang menyulitkan DAP dalam pilihan raya 1995. Pertama, perubahan dan kemajuan yang berlaku sejak 1990 dari segi ekonomi, bahasa dan pendidikan menyebabkan DAP kekurangan modal. BN dianggap lebih responsif dan peka terhadap tuntutan dan kehendak masyarakat Cina. Kedua, tidak adanya gabungan di kalangan parti-parti pembangkang sebagaimana 1990. Selain dapat mempersatukan kekuatan, gabungan parti pembangkang dalam bentuk Gagasan Rakyat itu juga memberi kesan dan harapan bagi sebahagian pengundi bahawa ada alternatif untuk BN.

Prof. Dr Lee Kam Hing dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya mengulas lebih lanjut kedudukan parti politik Cina dalam pilihan raya 1995. Beliau turut mengakui, pembangkang menyertai pilihan raya kali ini dengan pelbagai kesukaran dan kekurangan terutama dari sudut kewangan, jentera dan publisiti. Bagaimanapun Dr Lee melihat faktor utama yang dapat membawa peralihan undi masyarakat Cina kepada BN ialah pencapaian negara di bawah kepimpinan Dr Mahathir, selain soal liberalisasi pendidikan, bahasa dan budaya.

"Pertumbuhan ekonomi dan pembukaan modal yang mengaitkan kawasan Asia Pasifik terutamanya telah menghasilkan peluang kepada rakyat Malaysia termasuk peniaga dan usahawan Cina. Prosedur perdagangan dan industri telahpun disederhanakan dan pihak kerajaan kini sedang menggalakkan dan menyokong perdagangan secara aktif ke seberang laut. Kini terdapat pertumbuhan pesat dalam industri kecil dan sederhana, yang mana penyertaan masyarakat Cina menggalakkan. Perkembangan sektor ini te-

lah membawa faedah ekonomi kepada kampung-kampung baru yang dahulunya diabaikan. Kemasukan modal asing dan pembukaan kilang-kilang baru termasuk yang dimodali oleh syarikat Jepun dan Taiwan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada ramai anggota masyarakat Cina, terutama yang berpendidikan Cina. Dalam pilihan raya 1995, golongan pedagang yang berpengaruh dan penting dalam masyarakat Cina dengan jelas menyokong BN," hujah Dr Lee Kam Hing.

Beliau juga merumuskan, kebanyakannya orang Cina sebenarnya mengundi BN dan bukannya kepada MCA atau Gerakan secara khusus. Faktor keutuhan dalaman dan kestabilan MCA dan Gerakan juga memberi kesan besar. MCA selalunya mengalami kemerosotan sokongan masyarakat Cina apabila berlakunya perebutan kuasa dan perpecahan parti. Misalnya, pilihan raya 1959 menyaksikan krisis di antara Dr Lim Chong Eu dengan penyokong-penyokong Umno seperti Tan Siew Sin dan Ong Yoke Lin, manakala pilihan raya 1986 berlangsung selepas krisis Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan. Ketika pilihan raya 1990, MCA masih dalam proses pemulihan selepas usaha Lee Kim Sai untuk mencabar Presidennya, Ling Liang Sik. Beberapa tokoh yang menyokong Kim Sai mengundur diri atau dipecat. Semua ini melemahkan MCA.

Semenjak 1990, Dr Ling Liang Sik dapat memantapkan kedudukannya sebagai Presiden MCA. Untuk memperkuatkan kedudukannya di kalangan ahli berpendidikan Cina, yang merupakan golongan terbesar dan berpengaruh, Dr Ling melantik rakan-rakannya yang beraliran bahasa Cina, seperti Wong See Wah dan Chan Kong Choy yang berpengaruh dalam parti. Satu tindakan Dr Ling yang berkesan ialah pengasingan aktiviti politik parti MCA dari

perniagaan. Ternyata sebelum ini, khususnya dari 1979 sehingga 1986, pembabitan MCA dalam perniagaan, seperti melalui Multi-Purpose Holdings dan koperasi telah memecahbelahkan parti dan menimbulkan ketegangan politik dengan Umno dan usahawan Cina. Akhirnya MCA melepaskan Multi Purpose dan ini membantu pemuliharaan imej dan kedudukan MCA.

Sebaliknya DAP tidak berjaya menunjukkan perpaduan dalam parti. 16 bulan sebelum pilihan raya umum 1995, Pengurus DAP, Dr Chen Man Hin mengingatkan: "*Factionalism is another reason (failure to communicate effectively with the people). Energy which should be spent to reach the people, is wasted on quibbling and petty squabbles. As a result, attempts to reform the party have not taken off.*" Di Perak, konflik P Patto dan Lau Dak Kee telah melemahkan parti dan dianggap salah satu sebab kekalahan DAP. Parti itu juga masih belum cukup pulih daripada kehilangan Lee Lam Thye. Lebih penting lagi tidak ada seorang pun pada masa ini di dalam DAP yang mampu memberi imej yang lebih moderat dan dapat diterima semua, seperti Lee Lam Thye. Berbanding dengan MCA dan Gerakan, DAP masih tidak dapat menarik ahli baru. Ahli profesional muda, jika mereka berminat dengan politik, akan memilih BN di mana peluang lebih luas dan risiko politik tidak wujud.

Ramai penganalisis, khususnya pihak media, termasuk juga golongan akademik menyalahkan strategi kempen DAP yang meniupkan semangat perkauman sebagai, antara lain, punca kekalahannya. Bagaimanapun menurut kolomnista terkenal, Rustam Sani: "Tinjauan yang saya lakukan di Pulau Pinang menunjukkan bahawa dari segi kandungan dan isunya, kempen DAP tidaklah lebih besar perkaumannya berbanding dengan pihak-pihak lain. Jika kita

rajin mengkaji rentangan-rentangan besar yang terpampang di pelbagai bahagian pulau itu, nyatalah bahawa rentangan-rentangan berbahasa Cina dari parti-parti lain juga tidak kurang nada perkaumannya."

Ketua Penerangan PAS, Haji Subky Latiff menyifatkan puaka tragedi berdarah 13 Mei banyak menguntungkan BN dan berjaya dieksplotasinya dengan baik sekali. Manakala bagi Lim Kit Siang: "Politik kaum dan ketakutan telah diapi-apikan dalam pilihan raya 1995 yang menyediakan asas di mana ugutan dan ketakutan tentang 13 Mei telah digunakan dengan berkesan di dalam dan di luar Pulau Pinang pada hari membuang undi sehingga suri-suri rumah terburu-buru menyimpan stok makanan menjelang hari membuang undi." Beliau kemudiannya mengingatkan, sekiranya mandat BN adalah berasaskan kepada politik dan taktik ketakutan mengenai 13 Mei, dua persoalan perlu dijawab. Pertama, apakah ia merupakan asas yang lemah bagi mandat untuk Wawasan 2020? Kedua, bilakah pilihan raya umum di Malaysia akan bebas daripada taktik dan ketakutan mengenai 13 Mei?

Ketika berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat Parlimen Bandar Tun Razak Dr Mahathir membidas DAP: "DAP pula lupa kepada sejarah pahit 1969 yang membawa kepada kemalangan jiwa akibat perbuatan membakar api perkauman. DAP tak peduli apa terjadi kepada rakyat, sama ada orang mati atau cedera, demi mahukan undi." Mengulas tindakan DAP meletakkan lebih ramai calon Melayu di Pulau Pinang, Dr Mahathir, semasa merasmikan Sekolah Menengah Vokasional Kerian menyifatkannya sebagai Alibaba politik: "Melayu ada macam-macam juga. Ada Melayu yang jual diri dia kerana duit, jual nama dia, ini adalah Alibaba politik. La ni ada dua tiga orang *puppet* Melayu dalam DAP."

Membicarakan soal politik perkauman, mengingatkan kita bagaimana pemimpin Umno memperalatkan isu Tengku Razaleigh memakai sigah tradisi Kadazan, menjelang pilihan raya 1990, yang dikatakan mempunyai lambang salib, dari perspektif perkauman dan sentimen keagamaan sempit yang cukup tebal nadanya. Presiden PMS46 itu digambarkan gila kuasa, pro-Kristian, pengkhianat agama Islam dan seumpamanya. Sedangkan sigah yang sama pernah dipakai oleh Dr Mahathir sendiri. Dan semasa berceramah di Johor Bahru, pada 16 Oktober 1990, Dr Mahathir mengingatkan pengundi bahawa sekiranya BN gagal menjuasai majoriti dua pertiganya, maka peristiwa 13 Mei akan berlaku. Iklan bertajuk "Sokong Membawa Rebah" dalam *Utusan Malaysia* dan "Mengenang Kembali Sejarah" dalam *Nanyang Siang Pau* mempamerkan lakaran yang sama, yang menggambarkan pertumpahan darah, keganasan, pembakaran dan pembunuhan beramai-ramai. Dalam sidang Parlimen pada 5 Disember 1990, Lim Kit Siang menyorot dua iklan yang ditaja oleh BN itu: "Impak visual yang diperkuatkan dengan perkataan di bawahnya sekali gus telah menyampaikan mesej, sekiranya BN dan Umno gagal dalam pilihan raya 21 Oktober 1990, maka peristiwa 13 Mei akan sekali lagi berlaku di Malaysia, di mana pertumpahan darah, keganasan, kebakaran dan pembunuhan beramai-ramai tidak dapat dielakkan."

Lim Kit Siang, dalam sidang Parlimen 13 Jun 1995 mengakui kekalahan teruk partinya tetapi menyifatkan kekalahan itu secara ironis disebabkan oleh kejayaan DAP sendiri. Liberalisasi kerajaan BN yang berlaku selepas 1990, menurut Kit Siang, disebabkan perjuangan DAP selama dua dekad ini. "Saya," katanya, "masih teringat bahawa dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an, apabila ahli-ahli Parlimen DAP

dituduh sebagai anti-nasional, perkauman, halangan terhadap perpaduan negara oleh pemimpin BN apabila kami menyeru supaya diadakan dasar-dasar yang lebih terbuka dan liberal mengenai pendidikan, bahasa dan budaya yang mencerminkan sebuah negara berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang budaya dan berbilang agama, seperti dalam menyediakan peluang-peluang pendidikan tinggi untuk rakyat Malaysia yang muda, dengan membenarkan pembuahan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta, penerimaan dan sokongan untuk pendidikan bahasa ibunda termasuk sokongan kewangan untuk Sekolah-sekolah Menengah Bebas Tionghua, penghormatan yang sewajarnya terhadap semua bahasa dan budaya Malaysia dengan meningkatkan waktu siaran untuk program-program bahasa Cina dan Tamil menerusi TV dan radio serta juga pembatalan sekatan-sekatan ke atas kebudayaan semacam tarian singa dan lain-lain."

Seterusnya bagi Kit Siang, beberapa cadangan DAP agar diadakan dasar-dasar dan langkah-langkah yang lebih liberal dan terbuka berhubung pendidikan bahasa dan budaya telah dilaksanakan BN, "tetapi kami masih dituduh sebagai anasir-anasir perkauman". Justeru itu beliau mengharapkan pemimpin BN mempunyai kesediaan untuk mengiktiraf bahawa parti-parti pembangkang telah memainkan peranan yang postif dalam pembangunan Malaysia. Ketua Pembangkang itu juga memberi jaminan akan menyokong ke atas sebarang program pendemokrasian serta ke atas polisi-polisi untuk menunaikan janji-janji yang dibuatnya dalam pilihan raya umum lalu, "bahawa kita adalah sekeluarga."

Selain Pulau Pinang, DAP menanggung kekalahan teruk di Lembah Kinta. DAP kalah semua kerusi Parlimen

dan hanya menang satu kerusi DUN Perak. Kedua-dua pemimpin DAP, Lau Dak Kee dan P Patto yang dikatakan bertelagah di Perak tidak bertanding di negeri itu. Malah sebenarnya Lau Dak Kee langsung tidak terpilih, sementara Patto dihantar ke Pulau Pinang. Pada tahun 1990, DAP menguasai Pasir Pinji (undi 31,643; majoriti 17,953), Ipoh (undi 22,617; majoriti 6,240), Batu Gajah (undi 22,223; majoriti 8,534), dan Kampar (undi 13,964; majoriti 312). Calon-calon DAP juga tewas tipis kepada Kerk Choo Ting di Taiping (2,585), Samy Vellu di Sungai Siput (1,763), Lim Keng Yaik di Beruas (863) dan Ong Tin Kim Telok Intan (2,111), yang semuanya membabitkan tokoh-tokoh kanan BN termasuk Presiden MIC dan Gerakan. Dalam pilihan raya 1995, DAP dilihat hanya memberi saingan sengit di Ipoh Timur (dulunya Pasir Pinji), apabila calon BN menang dengan majoriti 292 undi, dan juga di Batu Gajah, dengan perbezaan 1,579 undi. BN menang besar di Taiping (majoriti 16,767), Sungai Siput (15,610), Ipoh Barat (4,869), Beruas (11,254), Kampar (14,163), dan Telok Intan (13,968), selain memperkuatkannya kedudukannya di kawasan tradisi seperti Gopeng (majoriti 14,788), Tapah (9,851), Lumut (12,748) dan Tanjung Malim (20,664).

"Kekalahan DAP yang besar kali ini khususnya di kawasan bandar juga disebabkan oleh proses urbanisasi. Di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain, bilangan pengundi Melayu telah bertambah dan mereka merupakan golongan besar atau majoriti yang dapat menentukan keputusan. Trend urbanisasi ini membantu calon-calon BN," kata Dr Lee Kam Hing. Sememangnya proses persempadan semula kawasan pilihan raya 1995 nampak lebih ditujukan kepada DAP. Banyak kawasan campuran, yang mengandungi peratusan pengundi Melayu dan Cina sekitar 40 peratus, diwujudkan.

Hatta di kawasan Tanjung Bungah sendiri, meskipun tidak terbabit dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya, jelas menyebelahi Tsu Koon daripada Kit Siang. Wartawan *Utusan Malaysia*, Rozaman Ismail dalam analisisnya, "Pertaruhan maut Kit Siang dengan Dr Koh", 14 April 1995 mencatatkan: "Komposisi pengundi yang terdiri daripada 65 peratus Cina, Melayu (21.93%) dan pengundi India (10.91%) turut memberi kelebihan kepada Dr Koh untuk terus mengekalkan kerusi itu. Dr Koh dijangka memperolehi sokongan padu daripada 21.93 peratus pengundi Melayu serta pengundi India di samping golongan menerengah Cina yang hampir 30 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi Cina di kawasan itu."

Contoh ketara ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. "Sebelum persempadanan kawasan baru dibuat, DAP menang empat kerusi dari tujuh, sekarang bila ditambah kepada sepuluh kerusi, DAP tetap bertahan empat kerusi Parlimen," Dr Jomo KS memberikan komen. Ia berlaku sedemikian rupa kerana pengundi Cina diasak ke beberapa kawasan, seperti Kepong (92.90%), Seputeh (89.90%), Cheras (83.44%) dan Bukit Bintang (77.40%), manakala di kawasan lain menjadi kawasan campuran, iaitu kawasan yang digemari BN. Keempat-empat kawasan itu milik DAP manakala lima kawasan campuran, apatah lagi satu kawasan majoriti Melayu (Titiwangsa, 60.40% Melayu) dikuasai BN. Kawasan campuran itu ialah P104 Batu (Melayu 47.50%, Cina 37.60%, India 14.30%), P105 Wangsa Maju (M 54.20%, C 35.90%, I 9.30%), P106 Segambut (M 31.10%, C 49.50%, I 18.90%), P109 Lembah Pantai (M 54.10%, C 24.80%, I 20.80%) dan Bandar Tun Razak (M 53.40%, C 39.40%, I 6.80%).

Menurut Dr Mohd Fuad Mat Jali, dari Jabatan Geografi, UKM, kekalahan DAP bagi tahun 1982 dan 1995 ada-

lah disebabkan faktor *Mahathirism*. Manifesto Bersih, Cekap dan Amanah dan Berwawasan, Adil, Efisien telah menarik berbagai golongan pengundi. "Polisi-polisi dan strategi pembangunan seperti menggalakkan lagi migrasi orang Melayu ke bandar-bandar, dasar kerajaannya untuk membanteras rasuah, mempertingkatkan kecekapan birokrasi, kejayaan mengendalikan projek raksasa, penglibatan dan prestasi Malaysia di peringkat antarabangsa, keunikan kepimpinan Dr Mahathir dan lain-lain lagi telah dapat memberi kepercayaan kepada rakyat yang BN telah berjaya membangunkan Malaysia," hujah Dr Fuad.

Kekalahan DAP juga berpunca dari media. TV3 khususnya secara agresif memberikan keutamaan kepada laporan yang memburuk-burukkan sikap petugas DAP yang tidak membenarkan krew TV3 membuat liputan. Ceramah Lim Kit Siang yang disorot semuanya mempunyai impak negatif, contohnya dengan menonjolkan mimik muka Kit Siang yang kelihatan marah dan kasar. Sedangkan untuk Koh Tsu Koon, TV3 membuat wawancara khas, yang tentunya dalam suasana selesa dan dirancang itu, wajah Tsu Koon kelihatan menarik. Bagi saya liputan TV3 jelas tidak adil, kasar, berniat jahat dan memalukan etika kewartawan tanahair. Beberapa tokoh besar, sama ada bekas pemimpin DAP seperti Hu Sepang atau yang pernah rapat dengan DAP, seperti Dr Chandra Muzaffar, diberi peluang merayu pengundi supaya menolak DAP dalam pilihan raya 1995, sekurang-kurangnya di peringkat DUN Pulau Pinang. Pentafsiran cogankata DAP "Ketua Menteri Yang Berkuala" dan "Try Five Years" dibuat tanpa penjelasan sebenar dari DAP sendiri.

Lebih malang bagi DAP apabila akhbar-akhbar yang dulunya memberi liputan yang saksama kepada DAP kini

bertukar corak, khususnya akhbar-akhbar Cina dan Inggeris. Sememangnya akhbar-akhbar utama Melayu sentiasa menjadikan parti-parti pembangkang sebagai mangsa yang perlu dihancurkan semasa kempen. Contoh ketara ialah akhbar berbahasa Cina. Pada tahun 1986, menurut kajian Syed Arabi Idid dan Safar Hasim, dua akhbar utama, *Sin Chew Jit Poh* (SC) dan *Nanyang Siang Pau* (NY) memberi 42.4% dan 51.3% laporan berita positif kepada DAP. Dalam kempen pilihan raya 1990, dengan mengambil rujukan pembangkang secara umum, 22.5% laporan berita akhbar Cina bersifat positif kepada BN dan 9.5% bersifat positif kepada pembangkang. Bagaimanapun dalam kempen pilihan raya 1995, juga menurut kajian Syed Arabi Idid, 32.4% laporan berita NY dan 30.0% SC bersifat positif kepada BN, serta 8.9% dari berita pilihan raya NY dan 7.4% SC bersifat positif kepada pembangkang. Ini bermakna laporan berita semasa kempen kedua-dua akhbar utama bahasa Cina itu tidak lagi seimbang, malah memihak secara jelas kepada BN.

Justeru itu, ingatan Lim Kit Siang terhadap pengamal media wajar sekali: "Jika sekiranya pihak media ingin mengambil pendirian bersifat editorial untuk menyokong BN, saya akan menghormati hak mereka. Tetapi mereka harus membuat satu perbezaan yang nyata antara pendirian editorial untuk menyokong BN serta etika dan tanggungjawab profesional mereka untuk bersikap jujur dalam membuat laporan yang tidak memberi justifikasi kepada mereka untuk mencipta pendustaan tentang pembangkang. Sepatutnya wartawan Malaysia harus terikat dengan injuksi kewartawanan bahawa, *opinions are free but facts are sacred*". Bagaimanapun Dr Mahathir menyifatkan tindakan DAP membakar akhbar *The Star* sebagai tidak dapat menerima hakikat kebebasan akhbar di negara ini walaupun parti itu sering

bercakap mengenai perkara tersebut: "Ini orang yang bercakap kononnya kebebasan akhbar, dia belum jadi kerajaan dan bakar suratkhabar orang lain."

Peranan Dewan-dewan Perhimpunan Cina di seluruh negara juga memihak kepada BN. Pada 1990 mereka secara terbuka menyokong DAP. Beberapa tokoh, seperti Dr Kua Kia Soong menjadi calon DAP. Begitu juga dengan sokongan terbuka tokoh-tokoh pendidikan Cina kepada DAP. Perkembangan itu amat mudah difahami kerana jangka masa 1986 - 1990 mencetuskan banyak isu kontroversi, khususnya Operasi Lalang 1987. Isu Hudud di Kelantan pastinya digunakan untuk menakutkan pengundi Cina dengan membuat dakwaan PAS mempunyai hubungan dengan DAP di sebalik tabir. *Sunday Star*, 23 April 1995 memuatkan iklan karikatur BN yang menunjukkan Ketua Dewan Ulama PAS, Tuan Guru Nik Aziz berpegangan tangan dengan Lim Kit Siang, yang menembusi tembok kecil yang memisahkan mereka, dengan tulisan besar di atasnya: *In public, they are divorced. In private, still married.*

Bagi *Utusan Malaysia*, yang tentunya ditujukan kepada pengundi Melayu/Islam, poster PAS bertulis "Kalau Kelantan Boleh, Pulau Pinang Boleh" dijadikan bukti adanya "komplot PAS-DAP untuk menumbangkan kerajaan BN Pulau Pinang". Berita utama muka depan itu mendakwa, apa yang dikatakan, komplot PAS itu satu usaha jahat untuk menjatuhkan sebuah kerajaan negeri yang dikuasai oleh orang Melayu yang beragama Islam. "Pakatan PAS-DAP itu juga akan memberikan tamparan hebat pada usaha kerajaan BN selama ini untuk memastikan ketuanan Melayu dan kemuliaan agama Islam terpelihara di pulau itu, juga di seluruh negara," berita itu dipetik.

Berhadapan dengan penyokong-penyokong PMS46 lain pula pendekatannya. Bercakap kepada pemberita, selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Jerantut, lima hari sebelum pilihan raya, Timbalan Presiden Umno, Anwar Ibrahim menuduh pemimpin PMS46 bercakap dengan lidah bercabang kerana menuduh Umno sebagai pro-Cina sedangkan mereka sendiri menyokong Setiausaha Agung DAP untuk menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang.

Meskipun pilihan raya 1995 menunjukkan pengundi Cina menolak DAP dan tidak mengundi pembangkang, namun *trend* ini dipercayai mudah berubah. Ia juga bergantung sejauh mana BN dapat memenuhi hasrat dan cita rasa pengundi-pengundi Cina. Secara umum mereka tidak terikat dengan mana-mana parti tetapi lebih cenderung mengundi berdasarkan faktor isu dan personaliti calon. Justeru itu kelebihan 1995 tidak mudah untuk diulangi pada tahun-tahun akan datang.

"Sikap para pengundi bukan Melayu ini," kata Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor, "sering berubah. Mungkin kali ini mereka memberikan sokongan kepada BN sebab mereka berpuas hati dengan apa yang dicapai. Keadaan ini tidak boleh dianggap kekal. Undi bukan Melayu banyak bergantung kepada isu dan perkembangan semasa. Oleh kerana itu, kita tidak kecewa dengan keputusan mereka pada kali ini. Berdasarkan pengalaman pada masa-masa lalu, trend pengundi bukan Melayu ini sentiasa berubah."

Sementara Dr Lee Kam Hing turut membayangkan beberapa masalah yang dijangka dihadapi oleh MCA dan Gerakan. Pertama, beberapa orang MCA dan Gerakan yang dianggap tidak begitu kuat atau layak dan telah diletakkan sebagai calon yang boleh dikorbankan di kawasan pro-pembangkang telah menang kerana ayunan pro-BN. Mereka

akan menjadi lebih mudah disingkirkan lima tahun dari sekarang terutama jika prestasi dalam Parlimen atau DUN tidak memuaskan. Kedua, sebahagian besar wakil-wakil yang dipilih itu mungkin, kerana tidak diberi kedudukan atau jawatan dalam kerajaan atau parti, akan menjadi golongan degil dalam parti. Ini adalah keadaan dalam MCA selepas pilihan raya 1982, dan dua tahun kemudian, MCA mengalami perebutan kuasa. Dr Mahathir sendiri tidak mengubah kuota menteri-menteri dari MCA walaupun parti itu mempunyai wakil di Parlimen hampir dua kali ganda daripada 1990. Sesungguhnya dalam masyarakat Cina terdapat sebahagian besar pengundi yang masih mahukan perwakilan pembangkang. Dan DAP akan muncul semula sebagai parti pembangkang yang berpengaruh sekiranya berlaku masalah terhadap kedudukan baik dan stabil ekonomi dan politik kini.

Setiap parti akan mengalami pasang surut masing-masing. Kegagalan kali ini berdasarkan pengalaman masa lalu, barangkali bersifat sementara dan sukar untuk dimanfaatkan sepenuhnya sebagai satu trend politik baru di negara ini. Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon, pembangkang tetap akan ada di negara ini: "Persoalan pokok bukannya sama ada, ada pembangkang atau tidak, tetapi apakah bentuk dan budaya pembangkang? Ini yang lebih penting, dan yang akan menentukan nasib pembangkang pada masa akan datang, seperti maka kesediaan untuk *transparency* dan *accountability* akan menentukan nasib BN dalam pilihan raya akan datang."

Dr Hussain Mohamed, dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM tetap mengakui hakikat perlunya pembangkang dalam sistem dan amalan demokrasi. Parti-parti ini menjadi pengkritik, *watch-dog* yang memungkinkan urusan

kenegaraan menjadi lebih telus dan bertanggungjawab, serta barangkali boleh mencapai darjah sebagai parti alternatif. Beliau juga membangkitkan kemunculan dan kesediaan tokoh-tokoh muda pembangkang bagi menggantikan Lim Kit Siang dan Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang semakin ditelan usia. Begitu juga dengan kesukaran mencari wakil-wakil rakyat pembangkang yang boleh mengikut jejak Lee Lam Thye atau Cikgu Jabar Yusof atau Dato' Haji Mutalib Salleh ataupun See Wai Choi yang sentiasa peka dan mengutamakan kepentingan rakyat. Demikian juga tokoh pembangkang terkemuka Dr Tan Chee Koon.

Pandangan Dr Safar Hasim (Jabatan Komunikasi, UKM) tentang masa depan parti-parti pembangkang elok juga direnung: "Sebenarnya parti-parti pembangkang dalam dilema. Bersediakah parti-parti berkenaan meninggalkan ideologi parti masing-masing? Besar kemungkinan tidak. Jika demikian ia akan terus kekal sebagai parti kecil. Sebaliknya jika parti-parti berkenaan dapat bersatu padu dan mencari wadah perjuangan yang baru, ia tidak mungkin dapat lari jauh daripada cara perjuangan BN."

Dr Safar mengemukakan dua kemungkinan yang boleh dilakukan oleh parti-parti pembangkang. Pertama, menggunakan model gabungan, seperti BN. Kedua, menu buhkan sebuah parti baru yang bebas daripadakekangan parti-parti pembangkang sekarang. Gabungan mungkin boleh dilakukan antara beberapa buah parti, seperti PMS46, DAP dan PBS. Tetapi PAS tidak boleh diterima di dalam gabungan demikian kerana DAP tidak akan menerimanya. Cuma satu saja harapan pembangkang, iaitu menubuhkan sebuah parti baru. Menubuhkan sebuah parti baru bukanlah senang dan sokongannya masih belum diketahui. Parti pembangkang yang ada sudahpun mempunyai *niche* sendiri.

Tetapi niche ini juga menghalang perkembangan selanjutnya. DAP tidak mungkin dapat sokongan meluas orang Melayu, manakala PAS tidak mungkin dapat sokongan di kalangan orang Cina. Sokongan yang diperolehi PMS46 pula sebahagian besarnya terdiri daripada penyokong PAS. Sokongan terhadap PRM juga tidak seberapa. Manakala sokongan terhadap PBS hanya terhad kepada Sabah dan di sekitar kaum Kadazan-Dusun.

Banyak pihak menunggu sekiranya ada pilihan raya kecil di kawasan majoriti pengundi Cina bagi memastikan sama ada pengundi Cina tetap terus memilih BN atau mahu menguatkan pembangkang di Parlimen. Kekosongan kerusi P43 Bagan, ekoran kematian Timbalan Setiausaha Agung DAP, P Patto. Dalam pilihan raya lalu P Patto menang tipis, dengan kelebihan 118 undi, menewaskan calon BN, Yeoh Khoon Choo, yang mendapat 26,406 undi. Bagan mengandungi 64.40% pengundi Cina, 18.77% India dan 16.75% Melayu. Ketika bab ini ditulis tarikh pilihan raya kecil Bagan belum dimaklumkan. Berdasarkan keputusan pilihan raya ini, *survival* DAP dalam kemelut politik menjelang tahun 2000 sudah boleh diramalkan.

% Undi	1995	1990
> 50	0	14
40 - 50	9	3
30 - 39	8	9
20 - 29	8	7
10 - 19	8	0

Rajah 1: Kedudukan kerusi DUN Pulau Pinang pada tahun 1990 dan 1995 berdasarkan peratusan undi calon pembangkang.

Tahun	Per/BN	PAS	FS DAP	Gerakan PMS46
1959	51.1	8.1	29.4	
1964	47.2	2.1	32.1	
1969	34.6	7.0	46.8	8.4
1974	50.4	-	23.6	
1978	46.4	9.9	26.6	
1982	59.34	7.03	26.52	
1986	51.02	8.05	37.37	
1990	53.45	3.62	36.99	4.76
1995	64.52	2.99	31.20	1.00

Rajah 2: Kedudukan undi popular bagi parti-parti utama yang bertanding dalam pilihan raya DUN Pulau Pinang semenjak 1959 –1995.

Kawasan	Majoriti	Jumlah
% Melayu	> 80	2
% Melayu	65 – 79	5
% Melayu	50 – 64	5
Campuran		4
% Cina	> 80	6
% Cina	65 – 79	6
% Cina	50 – 64	5

Rajah 3: Jumlah kerusi DUN Pulau Pinang berdasarkan majoriti pengundi Melayu, kawasan campuran dan majoriti pengundi Cina, 1995.

DAP BOLEH TUTUP KEDAI<sup>1</sup>

Bil Kawasan	1990			1995		
	DAP	BN	Maj.	DAP	BN	Maj.
1. Mak Mandin	7,365	7,256	109	9,771	9,937	166
2. Prai	5,250	4,895	355	7,357	9,047	
3. Bkt Tengah	6,346	6,155	191	7,111	11,790	4,679
4. Ttg. Bunga	6,573	7,585	1,012	5,348	13,087	7,739
5. Ayer Itam	9,269	6,169	3,100	7,322	10,057	2,735
6. Kebun Bunga	5,843	5,927	84	4,603	10,089	5,486
7. Pdg Kota	6,317	5,611	706	5,379	7,939	2,560
8. Peng. Kota	11,336	7,666	3,670	7,523	9,036	1,513
9. Kg. Kolam	8,506	4,934	3,572	6,427	8,310	1,883
10. Dtk Keramat	7,591	6,660	931	4,681	9,974	5,293
11. Sg. Pinang	8,763	7,065	1,698	3,994	9,552	5,558
12. Bt Lanchang	9,812	5,741	4,071	7,570	7,508	62
13. Bkt Gelugor	7,376	4,635	2,741	6,375	10,124	3,751
14. P. Terubong	8,921	8,003	918	9,081	13,097	4,016
15. Bgn Jermol	11,244	6,463	4,781	6,053	10,871	4,818
16. Berapit	10,110	7,497	4,794	5,435	8,242	2,807
17. Jawi	8,827	5,604	3,223	7,200	7,811	611

Rajah 4: Kedudukan undi di 17 kerusi DUN yang menjadi saingan sengit DAP dan BN, didasarkan kepada prestasi DAP, 1990.

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

Kawasan	Calon	Undi	Maj.	Maj.('90)	% Cina
P43	Bagan	P Patto	26,524	166	2,714 64.40
P48	Tanjong	Lim Kit Siang	25,622	6,895	17,469 87.01
P49	Jelutong	Karpal Singh	21,896	283	9,178 65.25
P103	Kepong	Tan Seng Giaw	25,075	5,022	22,352 92.90
P108	B Bintangor	W Choo Keong	20,403	5,546	23,253 77.40
P110	Seputeh	Liew Ah Kim	26,518	5,615	23,008 89.90
P111	Cheras	Tak Kok Wai	29,004	13,903	- 83.44
P123	Kt Melaka	Lim Guan Eng	29,647	4,946	14,468 66.65
P189	Bintulu	C Ching Sing	12,164	1,794	-287 27.36

Rajah 5: Senarai calon-calon DAP yang menang dalam pilihan raya Parlimen, 1995, dibandingkan dengan majoriti kemenangan 1990. Bagi Cheras, ia adalah kawasan baru, sementara di Bintulu, pada 1990, calon BN dengan majoriti 287 undi.

Kawasan	Negeri	Undi	Maj.
Bt Lanchang	P. Pinang	7,570	62
Setiawan	Perak	8,243	3,084
Teriang	Pahang	5,066	1,025
Damansara U	Selangor	14,116	2,601
Bkt Gasing	Selangor	11,348	1,290
Bandor Klang	Selangor	13,606	145
Lobak	N Sembilan	6,127	582
Temiang	N Sembilan	6,190	718
Tengkera	Melaka	6,797	1,189
Durian Daun	Melaka	7,188	2,451
Bandar Hilir	Melaka	6,445	1,519

Rajah 6: Senarai kawasan DUN yang dimenangi oleh DAP, 1995.

'DAP BOLEH TUTUP KEDAI'

Negeri	1990		1995	
	Undi	%	Undi	%
Kedah	15,575	3.26	13,050	2.52
Kelantan	2,156	0.53	-	-
Terengganu	1,519	0.58	-	-
P Pinang	154,591	36.99	147,137	31.20
Perak	158,653	22.81	113,872	15.92
Pahang	36,491	11.35	27,501	7.96
Selangor	111,470	17.10	95,298	13.64
N Sembilan	55,058	21.82	40,941	15.24
Melaka	37,605	18.98	36,850	17.29
Johor	91,811	13.35	65,523	8.64

Rajah 7: Perbandingan undi popular DAP bagi DUN, 1990 dengan 1995.

Tahun	% Undi Popular		Jumlah Kerusi	
	Per/BN	DAP	Per/BN	DAP
1969	44.9	11.9	97	13
1974	61.0	15.6	135	9
1978	57.2	19.1	130	16
1982	60.5	19.6	132	9
1986	57.3	21.1	146	24
1990	53.4	17.6	127	20
1995	65.1	12.1	162	9

Rajah 8: Pembahagian undi popular dan kedudukan kerusi di peringkat Parlimen bagi Perikatan/BN dan DAP dari tahun 1969 – 1995.



# **26**

---

## **Kebebasan Sejati dan Cegah Pemerintahan Satu Parti**

Pilihan raya umum 1995 akan memutuskan dua per-soalan penting yang mempunyai kesan-kesan luas bagi Malaysia pada tahun 2020 serta generasi akan datang. Pertama, sama ada 'kebebasan terhad' yang digunakan dalam pembinaan negara bagi tempoh empat tahun lalu boleh dijadikan asas ke arah menegakkan 'kebebasan sejati' dan pendemokrasian tulen sehingga tahun 2000 bagi melahirkan sebuah negara berteraskan konsep 'Malaysia untuk rakyat Malaysia' dalam tahun 2020. Kedua, sama ada dengan kedudukan ekonomi yang menyeronokkan negara,

di mana pertumbuhannya mencapai lapan peratus selama tujuh tahun berturut-turut, dan 'kebebasan terhad' yang digunakan dalam langkah-langkah pembinaan negara dalam beberapa dasar negara, maka Barisan Nasional dapat menghapuskan DAP dan parti-parti pembangkang bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang berlandaskan satu parti.

Kedua-dua persoalan ini telah menjadi jalinan hebat dalam tempoh 29 tahun lalu sejak DAP membuka lembaran ke arah perjuangan menegakkan sebuah Malaysia untuk rakyat Malaysia apabila parti ditubuhkan. Selepas enam kali pilihan raya umum diadakan dari tahun 1969 hingga 1990, DAP telah berjaya memaksa kerajaan BN mengakui perjuangan DAP untuk menegakkan sebuah negara Malaysia untuk rakyat Malaysia dengan pengisytiharan Wawasan 2020, dan secara langsung mengakui sepenuhnya fakta bahawa Malaysia ialah negara berbilang kaum, berbilang bahasa, berbilang kebudayaan dan berbilang agama. Atas sebab-sebab inilah DAP bersedia menyifatkan langkah-langkah pembinaan negara kerajaan BN yang lebih terbuka dan liberal dalam tempoh empat tahun lalu sebagai 'kebebasan terhad'.

Namun demikian DAP juga amat berhati-hati dalam menghadapi pilihan raya umum 1995 ini. Ini disebabkan rakyat Malaysia mungkin dilalikan oleh 'kebebasan terhad' ini dan hilang arah terhadap fakta bahawa kita kini berada di ambang yang paling genting dan mendearkan dalam perjuangan kita ke arah menegakkan sebuah negara Malaysia untuk rakyat Malaysia - iaitu untuk menterjemahkan 'kebebasan terhad' ini kepada 'kebebasan sejati' diiringi dengan demokrasi yang tulen.

ii.

Adalah penting untuk memahami empat aspek penting dalam 'kebebasan terhad' ini. Pertama, 'kebebasan terhad' ini bukanlah datang dari langit, malah bukan keputusan daripada sumbangsih pemimpin-pemimpin Umno, dan tidak ada kena mengena langsung dengan MCA, Gerakan, SUPP atau MIC, tetapi adalah disebabkan sokongan padu rakyat berterusan kepada DAP sejak 29 tahun lalu dalam perjuangan untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang lebih adil, saksama, terbuka dan demokratik. Pilihan raya 1990 telah mempercepatkan proses 'kebebasan terhad' ini dan ia tidak kena mengena langsung dengan usaha parti-parti komponen BN. Sebab itulah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liang Sik berpendapat selepas pilihan raya 1990 bahawa orang-orang Cina di Malaysia "tidak tahu bersyukur dan sepatutnya banyak terhutang budi kerana mereka dapat menikmati hak yang lebih dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, agama dan kebebasan berbanding dengan orang-orang Cina di negara lain."

Perubahan cepat dalam proses 'kebebasan terhad' ini datangnya dari dua perkara bersejarah yang berlaku akibat sokongan yang diberikan rakyat kepada DAP pada pilihan raya umum 1990 - di mana DAP bukan sahaja memecahkan teori ayunan (*pendulum theory*) yang bermaksud sekali pilihan raya rakyat bandar akan memberi sokongan kepada parti pemerintah dan sekali lagi pilihan raya mereka akan memberikan sokongan mereka kepada parti pembangkang, seperti yang pernah berlaku sejak pilihan raya 1959 sehingga 1986; dan DAP telah menjadi parti politik pertama di negara ini yang mendapat kemenangan besar di bandar dua kali berturut-turut dalam pilihan raya umum. Dengan

BN memperolehi 53 peratus sahaja dari keseluruhan pengundi yang membuang undi, iaitu angka paling rendah dalam sejarah BN, maka keputusan pilihan raya umum 1990 itu adalah amaran nyata bahawa BN akan mengalami kekalahan paling teruk dalam pilihan raya akan datang sekiranya ia tidak membuat perubahan dan memperbaiki dasar-dasar pembinaan negaranya dan itulah sebab bermulanya 'kebebasan terhad' sejak empat tahun lalu.

Sekiranya 'kebebasan terhad' sejak empat tahun lalu dianggap sebagai 'empat langkah ke hadapan', sekali imbas dilihat ia seolah-olah kemajuan yang agak signifikan. Bagaimanapun apabila 'kebebasan terhad' ini dilihat dalam konteks tiga dekad yang lalu di mana BN menyebabkan hak rakyat jelata undur 30 langkah ke belakang maknanya dengan empat langkah ke hadapan selepas 30 langkah ke belakang sudah tentu ia membawa rasa tidak puas hati yang nyata.

Kedua, 'kebebasan terhad' ini pun hanya pada 'kulit' sahaja kerana ia tidak membabitkan perubahan-perubahan asas kepada dasar-dasar pembinaan negara. Di samping pemimpin-pemimpin Umno memberitahu masyarakat Cina dalam bahasa Tionghua bahawa "kita adalah sekeluarga", sebenarnya rakyat Malaysia masih lagi dipisahkan oleh tembok 'bumiputera' dan 'bukan bumiputera'. Dalam bidang ekonomi dan pendidikan, masih lagi kekal dasar peratusan dan kuota yang seharusnya berdasarkan keperluan dan merit. Piagam BN mengisyiharkan komitmennya kepada "menjamin keunggulan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan di samping penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa", tetapi sayangnya bahasa ibunda rakyat Malaysia seperti bahasa Cina dan Tamil tidak mendapat tempat yang lebih penting daripada bahasa-bahasa

lain seperti bahasa Perancis, Jepun dan Jerman. Pendidikan bahasa ibunda masih tidak dimasukkan ke dalam aliran utama sistem pendidikan kebangsaan. Dalam bidang kebudayaan, Dasar Kebudayaan Negara masih lagi kekal berdasarkan kepada konsep asimilasi dan bukannya integrasi.

Ketiga, 'kebebasan terhad' ini tidak disusuli dengan kemahuan atau komitmen ke arah demokrasi yang tulen. Malaysia bukan sahaja mempunyai undang-undang paling keras dan tidak demokratik di dunia, terutama undang-undang berkembar lima iaitu Akta Hasutan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dan Akta Polis, yang menjadikan Malaysia hari ini tidak demokratik dibandingkan ketika negara mencapai kemerdekaan 38 tahun dahulu dalam tahun 1957.

Keempat, yang paling membimbangkan daripada segala-galanya ialah wujudnya kemunduran lebih jauh dalam pencabulan demokrasi dan hak asasi manusia yang dikendalikan secara bersama dalam melaksanakan 'kebebasan terhad' ini sejak empat tahun lalu, seperti contoh-contoh di bawah ini:

- Pengharaman berterusan ke atas rapat-rapat umum walaupun rapat umum telah dibenarkan dalam empat pilihan raya terawal iaitu dari 1959 hingga 1974.
- Kempen pilihan raya umum dipendekkan kepada 10 hari sedangkan dalam tiga kali pilihan raya umum pertama, jangka masa mengadakan kempen dari hari penamaan calon hingga kepada hari membuang undi ialah 35 hari.
- Selama 25 tahun, lidah rasmi DAP, *Roket* telah dijual secara terbuka, tetapi sejak tahun 1991, Kementerian Dalam Negeri mengharamkan penjualannya kepada orang ramai.

- Kementerian Dalam Negeri melarang pihak akhbar daripada melaporkan pandangan-pandangan bertentangan ke atas isu-isu tertentu atas alasan bahawa mereka merupakan "isu-isu sensitif" seperti isu pusat pengendalian sisa-sisa toksid di Bukit Nanas, Negeri Sembilan, projek empangan hidro-elektrik Bakun bernilai RM15 bilion di Sarawak, insiden pemusnahan tembok kuil yang tertua di Johor Bahru serta penangguhan kerja-kerja pembinaan gereja Katolik pertama di Shah Alam serta kuil Buddha di Kluang.
- Amaran Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini yang dikeluarkan Februari 1995 bahawa ia akan menarik balik lesen percetakan tiga buah akhbar harian nasional bahasa Cina sekiranya mereka menyiaran berita-berita DAP.
- Penangkapan dan pendakwaan Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP merangkap Pengerusi Kebangsaan DAPSY dan Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, di bawah Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.
- Penangkapan dua orang wartawan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

DAP sentiasa berdiri sebagai parti yang konstruktif serta mempunyai cita-cita politik dan objektif kebangsaan bagi mencapai matlamat sebuah negara Malaysia yang membolehkan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama sama-sama mendapat tempat di tanah air Malaysia dalam mewujudkan sebuah negara yang membangun, berkemajuan dan demokratik. Kita mengalu-alukan 'kebebasan terhad' dalam tempoh empat tahun lalu, walau-pun mereka tidak mencontohi bulat-bulat idea "Malaysia Untuk Rakyat Malaysia" yang didokong oleh DAP kerana

kami mengalu-alukan segala perubahan yang positif dalam program dasar negara yang mengambil kira ciri-ciri unik Malaysia yang berbilang budaya dan majmuk.

iii.

Pilihan raya umum 1995 sepatutnya menjadi pilihan raya yang paling membanggakan bagi DAP kerana ia menunjukkan contoh konkret terhadap 'kebebasan terhad' sejak empat tahun lalu, yang membuktikan sumbangan DAP kepada pembinaan negara yang bermanfaat untuk negara dan rakyat - disebabkan tidak akan ada 'kebebasan terhad' pada empat tahun lalu sekiranya tidak ada DAP atau sekiranya rakyat tidak memberikan sokongan padu kepada perjuangan untuk sebuah negara Malaysia untuk rakyat Malaysia seperti mana diperjuangkan oleh DAP.

Mengapakah DAP kini berhadapan dengan perjuangan antara hidup dan mati dalam pilihan raya umum? BN berkeyakinan tinggi bahawa 'keseronokan negara' yang dicetuskan oleh suasana pertumbuhan ekonomi di Malaysia yang melebihi lapan peratus dalam tempoh tujuh tahun berturut-turut dan 'kebebasan terhad' mereka, akan membawa mereka mencapai kemenangan gemilang untuk menghapuskan pembangkang umumnya dan DAP khususnya.

Memang BN mahu menggunakan kegemilangan ekonomi ini bagi mencapai matlamat-matlamat di bawah ini dalam pilihan raya umum:

- Barisan Nasional berharap rakyat Malaysia mempunyai ingatan yang singkat atau langsung tidak ada ingatan mengenai sebab wujudnya 'kebebasan terhad' ini. Berapa ramaikah sahaja rakyat Malaysia masih dapat mengingatkan penangkapan beramai-ramai dalam Operasi Lalang di bawah Akta Keselamatan Da-

lam Negeri tahun 1987, serangan terhadap kebebasan kehakiman dengan menyingkirkan Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim Mahkamah Agung tahun 1988, atau memikirkan sejenak semua undang-undang opresif di Malaysia, satu masa gelap yang baru boleh berlaku terhadap pencabulan hak asasi manusia di negara ini?

- Untuk membuatkan rakyat Malaysia percaya bahawa mereka perlu bersyukur dan berpuas hati dengan 'kebebasan terhad' ini sedangkan inilah saat yang genting dan kritikal untuk mendesak agar diadakan 'kebebasan sejati' dan pendemokrasian dalam dasar-dasar pembinaan negara;
- Untuk membuatkan rakyat Malaysia menjurus kepada pilihan raya umum 1995 yang sebenarnya paling "tidak adil, tidak bebas dan tidak bersih" dalam sejarah rakyat Malaysia, di mana pembangkang tidak diberi laluan menggunakan media secara bebas dan adil; massa kempen, kemudahan dan keadaan yang terbatas; penyalahgunaan kuasa dalam pilihan raya oleh kerajaan sementara yang menyalahgunakan wang, harta benda, sumber dan kakitangan awam.
- Untuk menghapuskan DAP dan pembangkang dan membuka laluan kepada pemerintahan satu parti;
- Untuk mengesahkan pendakwaan dan menjadikan pemimpin-pemimpin pembangkang sebagai mangsa, termasuk juga rakyat Malaysia yang berani bangun menentang BN dan membongkar kemungkinan pemimpin-pemimpin yang terbabit dengan rasuah, jenayah pecah amanah dan lain-lain bentuk penyalahgunaan kuasa;

- Untuk menekan isu-isu rasuah, salah guna kuasa, skandal kewangan dan skandal pecah amanah awam seperti kehilangan RM30 bilion dalam pertukaran wang asing Bank Negara Malaysia, skandal melarikan saham Telekom MAIKA, skandal turbin gas, skandal Empangan Pergau, skandal urusniaga senjata dan saham khas yang diperuntukkan kepada bumiputera kepada kaum kerabat menteri-menteri Umno, sama juga dengan penindasan dan penyelewengan kerajaan dalam merampas hak mengikut undang-undang harta benda pemilik-pemilik tanah mengenai timbang tara dan tidak saksama kes-kes pengambilan tanah di seluruh negara supaya tidak diketengahkan dalam pilihan raya umum;
- Untuk mengetepikan isu-isu mengenai pertanggungjawaban awam, keberkesanan dan keupayaan kerajaan, contohnya rekod perkhidmatan yang tidak cemerlang Menteri Pengangkutan yang berterusan menghadapi masalah yang berlaku dalam perkhidmatan pengangkutan seperti kebakaran, kecurian, kelalaian keselamatan di lapangan terbang antarabangsa, insiden bulan September yang gelap, yang berlaku dalam tahun 1992;
- Untuk memesongkan perhatian umum daripada fakta benar, maka BN sengaja menangguhkan sehingga selepas pilihan raya banyak langkah dan keputusan yang tidak popular, sama ada di peringkat nasional, negeri atau perbandaran, termasuk kenaikan kadar perkhidmatan swasta melalui perluasan penswastaan ke bidang-bidang baru yang menambahkan lagi beban pembayar-pembayar cukai, projek pengambilan tanah yang baru dan undang-undang baru yang memudaratkan hak asasi rakyat Malaysia.

10

BN di Malaysia tidak akan mempunyai visi masa depan yang nisih sekiranya mereka melupakan masa yang lalu ini. Mungkin bantahan menuntukkan bahawa sementara ada dalam buku dunia pembangunan korporat negara dan rakyat, terhadap empat tahun yang lalu, mereka tidaklah bangkit dengan pernyataan "ingatan singkat" atau hilang akhir mengalih dari melencong daripada komitmen mereka terhadap sebuah negara Malaysia untuk rakyat Malaysia di mana wujudnya "Kebefasaran Sejati" dan pendekarahan untuk memberi setiap rakyat Malaysia kedudukan yang saksama di bawah matahari Malaysia tanpa memerlukan warna kulit atau kepercayaan.

BN berdakwa pilihan raya umum 1995 menandakan berakhirnya sejarah dan perjuangan politik DAP. Iaalah sebabnya mengapa pemimpin-pemimpin BN yang diketuai oleh Presiden BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sangat menyerah kepada bahawa sementara dari segi teori mereka mengakui terdapat tempat dan peranan bagi pihak pembangkang, namun mengiluti amalan tiada tempat bagi parti-parti pembangkang seperti DAP dalam arena politik Malaysia. Beliau telah terlanjur sehingga mengisyaratkan DAP sebagai sebuah parti yang bersifat negatif dan seolah-olah sama sekali yang tidak menyumbangkan apapun guna kepada negara dan rakyat.

BN tidak bersedia mengakui hakikat bahawa DAP adalah menyumbang untuk membawa kestabilan politik dalam sistem demokrasi berbeza daripada perjuangan politik yang luar daripada perbatasan perlombagaan; sementara dalam hidup rakyat. DAP merupakan parti yang berjuang seara konsisten untuk kebaikan rakyat Malaysia dengan memperjuangkan larua sebarang ketakutan terhadap siapa-

la jenis ketidakadilan, penyalahgunaan kuasa dan amalan-amalan rasuah. Sekiranya tiada DAP, maka Malaysia pasti akan menjadi sebuah negara yang lebih korup di mana prinsip pertanggungjawaban awam dan ketelusan dilanggar dengan lebih dahsyat. Peranan penting DAP terbukti apabila kerajaan mengumumkan pengkajian semula Akta Pengambilan Tanah - yang merupakan hasil secara langsung usaha penentangan DAP terhadap penyalahgunaan kuasa dan ketidakadilan yang berlaku dalam pengambilan tanah, baik dalam Parlimen maupun di luarnya walaupun kini adalah terlalu awal lagi untuk mengatakan sama ada pengkajian semula itu akan memanfaatkan rakyat atau sebaliknya.

#### V.

Para pemilih Malaysia harus memutuskan sama ada pilihan raya umum ini akan menandakan berakhirnya perjuangan dan sejarah politik DAP atau ia akan menandakan bermulanya fasa ketiga baru dalam perjuangan DAP selama 29 tahun ini untuk mewujudkan Malaysia untuk rakyat Malaysia. Dalam fasa pertama perjuangan politik DAP, dari tahun enam puluhan hingga ke tahun lapan puluhan, DAP telah menyuaran tinggi wawasan Malaysia untuk rakyat Malaysia. Ini juga secara kebetulan sejajar dengan gejala dalam tempoh yang paling bahaya dan gelap dalam proses pembangunan negara di Malaysia khususnya dalam tahun-tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan di mana mereka yang bersuara pelampau dan ketidakwarasan cuba menuangkan sebuah Malaysia yang berteraskan "Satu Bahasa, Satu Budaya" yang tidak demokratik.

Dalam tempoh yang sama juga, hak generasi muda rakyat Malaysia dalam pendidikan tinggi telah menjadi isu

yang membawa di negara kita dan ini menyebabkan penghijrahan besar-besaran golongan profesional Malaysia ke luar negeri - satu kerugian besar untuk Malaysia yang masih belum pulih lagi hingga ke hari ini. Sekiranya semua ini tidak berlaku, Malaysia sudah menjadi naga kecil pertama dan sekurang-kurangnya empat kali lebih kaya daripada sekarang.

Semasa tempoh yang paling gelap dan bahaya dalam proses pembinaan negara ini, DAP merupakan suara tunggal dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang menentang dan menyekat kuasa "Satu Bahasa, Satu Budaya" yang tidak demokratik tersebut. Malaysia hari ini akan berbeza sekiranya tiada DAP sejak 29 tahun yang lalu, kerana tanpa DAP, beberapa peristiwa berikut sudah pasti menjadi satu realiti:

- Pelaksanaan matlamat terakhir Dasar Pendidikan Kebangsaan di mana hanya wujud sekolah-sekolah yang mempunyai satu bahasa pengantar sahaja yang bermakna penukaran sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil kepada sekolah rendah kebangsaan di bawah Seksyen 21(2) Akta Pendidikan 1961 serta penutupan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina;
- Larangan ke atas pelajar Malaysia daripada memperolehi pendidikan tinggi di luar negeri seperti mana yang dituntut pada awal tahun tujuh puluhan;
- Dasar pembinaan negara dan budaya yang berteraskan assimilasi dan bukannya integrasi;
- Bukit Cina di Melaka, tanah perkuburan Cina yang paling tua di Malaysia yang melambangkan kerjasama dan kewujudan orang Melayu dan Cina, sudah pasti diratakan dan akan membawa kepada pemusnahan lain-lain warisan sejarah, budaya dan agama di negara ini;

- Kejayaan dalam pembentukan dasar "Satu Bahasa, Satu Budaya";
- Tarian singa sudahpun diharamkan dan digantikan dengan tarian harimau;
- Sekatan secara progresif ke atas penggunaan lain-lain bahasa selain daripada bahasa Malaysia di radio, televisyen, media massa, papan-papan tanda dan lain-lain arena;
- Islamisasi dalam semua bidang hidup rakyat Malaysia.

Dalam fasa kedua perjuangan politik DAP dari tahun 1990, DAP telah mencipta keadaan yang memaksa kerajaan BN mengorak langkah ke arah 'kebebasan terhad' sejak empat tahun kebelakangan ini.

vii.

Pilihan raya umum 1995 akan menentukan masa depan DAP. Tetapi lebih-lebih penting lagi, ia juga akan menentukan masa depan negara Malaysia untuk tempoh lima tahun akan datang serta juga masa depan generasi akan datang rakyat Malaysia. Inilah sebabnya mengapa dalam pilihan raya umum ini, tema utama DAP ialah "Kebebasan Sejati" dalam dasar-dasar pembangunan negara yang bukan bererti "Anarki Sejati" seperti yang didakwa oleh pendaktyah-pendaktyah BN tetapi memberikan setiap rakyat Malaysia kedudukan yang saksama di bawah sinaran matahari Malaysia tanpa mengira kaum.

"Kebebasan Sejati" sedemikian adalah pra-syarat yang amat penting ke arah pencapaian sebuah masyarakat yang lebih adil di mana semua rakyat Malaysia adalah sama rata - sebuah Malaysia untuk rakyat Malaysia. Kebebasan sejati di Malaysia hanya dapat dicapai sekiranya terdapat per-

bahan-perubahan yang asas dalam dasar-dasar pembinaan negara yang melibatkan pendemokrasian yang menyeluruh di Malaysia termasuk pendemokrasian sepuluh mata berikut:

- Pendemokrasian dalam proses politik, yang menjamin setiap pilihan raya diadakan dengan bebas dan adil bagi membolehkan rakyat membuat pilihan sendiri dalam menentukan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, di samping mengkaji semula peranan Parlimen dan memastikan majoriti dua pertiga BN dalam Parlimen dikawal, ke arah menjadikan Parlimen sebagai tribunal tertinggi dan bermakna di negara ini.
- Pendemokrasian dalam proses menegakkan sebuah negara yang berteraskan semua rakyat Malaysia mempunyai persamaan hak dengan tidak ada perbezaan bumiputera dan bukan bumiputera, memulihkan kebebasan badan kehakiman, menghormati hak beragama setiap rakyat Malaysia dan mengekalkan Malaysia sebagai negara sekular.
- Pendemokrasian ke arah sebuah kerajaan yang benar-benar penuh kesedaran, amanah dan bertanggungjawab kepada rakyat dengan tidak memberi ruang kepada sesiapa sahaja pemimpin politik yang memegang kuasa atau pegawai perkhidmatan awam yang tidak cekap, tidak amanah dan bergelumang dengan rasuah.
- Pendemokrasian dalam undang-undang ke arah memansuhkan semua undang-undang yang kejam sehingga tidak menjamin kebebasan asasi rakyat di dalam Perlembagaan Malaysia seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, Akta Polis, Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Pengambilan Tanah dan lain-lain.

- Pendemokrasian dalam kerajaan tempatan dengan memulihkan semula pilihan raya bagi majlis bandaraya, perbandaran, daerah dan tempatan.
- Pendemokrasian dalam proses maklumat di mana media massa sama ada media cetak atau media elektronik bebas, adil dan bertanggungjawab dan bukannya menjadi alat propaganda parti pemerintah yang menyebarkan dakwah bohong dan dusta terhadap parti pembangkang.
- Pendemokrasian dalam proses membuat keputusan untuk menjamin supaya kepentingan orang ramai tidak dikorbankan untuk kepentingan segelintir orang, sama ada dalam membuat keputusan penswastaan, pengambilan tanah secara besar-besaran atau projek-projek pembangunan yang menjelaskan alam sekitar dan kualiti kehidupan semua rakyat Malaysia.
- Pendemokrasian dalam agihan ekonomi bagi menjamin keadilan sosial dan ekonomi supaya petani dan pekerja dapat sama-sama menikmati hasil titik peluh mereka dankekayaan negara dapat dibahagi sama rata apabila peluang ekonomi terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan tidak mengira kaum atau kepercayaan.
- Pendemokrasian dalam kehidupan budaya di Malaysia bagi membolehkan semua kebudayaan dan amalan budaya bebas diperkembangkan di Malaysia.
- Pendemokrasian dalam pendidikan di Malaysia dengan membekalkan peluang mempelajari bahasa ibunda serta disediakan cukup peluang pembelajaran dalam bidang kerjaya, teknologi, sains dan institusi pengajian tinggi, dengan ini membolehkan belia-belia kita mendapat kemahiran dan kepakaran bagi men-

dapat tempat dalam zaman moden yang serba bermaklumat ini.

Tidak ada undang-undang yang menyatakan bahawa 'kebebasan terhad' pada empat tahun lalu akan menjadi "Kebebasan Sejati" dan pendemokrasian dengan automatik. Sebenarnya terdapat bukti yang mencukupi dalam sejarah yang membuktikan bahawa 'kebebasan terhad' kerap dihentikan dan terbengkalai. Sepertimana kerajaan BN adalah agen yang keberatan kepada 'kebebasan terhad' dalam empat tahun yang lalu, ia tidak akan menjadi agen yang sudi kepada "Kebebasan Sejati" dan pendemokrasian.

### vii.

Oleh yang demikian, pilihan raya umum 1995 bukanlah soal sama ada rakyat memperkenankan 'kebebasan terhad' yang seharusnya diperkenalkan awal-awal lagi, walaupun adalah lebih baik lewat daripada tidak ada langsung, tetapi sebaliknya ialah sama ada pengundi akan memberi pesanan yang jelas dan tetap kepada kerajaan BN bahawa mereka mahukan 'kebebasan terhad' diikuti oleh "Kebebasan Sejati" dan pendemokrasian.

Jaminan terbesar bahawa "Kebebasan Sejati" dan pendemokrasian akan menjadi agenda masa hadapan untuk negara adalah memastikan penjelmaan sepenuh semangat Malaysia untuk rakyat Malaysia dalam pilihan raya umum yang memilih DAP yang lebih kuat ke Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, termasuk memastikan kejayaan projek Tanjong 3 DAP untuk memenangi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dan menafikan majoriti dua pertiga BN di Parlimen.

Perjuangan Tanjong 3 DAP adalah perjuangan DAP yang paling penting untuk mempelopori gerakan "Kebeba-

san Sejati" di Malaysia dalam dekad yang akan datang, dengan menggunakan Pulau Pinang sebagai "kepala enjin" dan sebuah negeri contoh untuk mengiringi "Kebebasan Sejati" dan pendemokrasian di Malaysia, dan menyediakan wadah untuk mencapai sebuah Malaysia untuk rakyat Malaysia yang telah menjadi impian kepada begitu ramai rakyat Malaysia yang bercita-cita tinggi. Jika DAP dihapuskan atau mengalami kekalahan dalam pilihan raya seperti dalam pilihan raya umum 1982, maka impian "Kebebasan Sejati" dan pendemokrasian akan juga dipatahkan, demokrasi di Malaysia akan terancam dengan negara ini berada di ambang sebuah era zaman kegelapan yang baru akibat munculnya sebuah negara satu parti.



# 27

## Faktor Kemenangan Mutlak BN di Pulau Pinang

**S**ewaktu menerima jemputan untuk menghadiri seminar ini, saya berasa teragak-agak sedikit untuk menerimanya, kerana saya digelarkan sebagai tokoh sasaran peristiwa. Mengikut definisi, sasaran ialah *target* yang ditembak-tembak. Dengan adanya lubang-lubang peluru di badan, saya teragak-agak sedikit untuk datang ke universiti, untuk menghadapi peluru-peluru yang mungkin akan ditembak dari pelbagai hala. Tetapi saya percaya bahawa ini merupakan satu peluang untuk para ahli politik

Ucapan Dr Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang sewaktu merasmikan Seminar Sehari Mengenai Pilihan Raya Umum Malaysia 1995 di Universiti Malaya, anjuran Universiti Malaya, pada 18 Mei 1995.

dan juga ahli akademik menjalankan analisis secara akademik, objektif dan rasional terhadap apa-apa yang telah berlaku. Maka saya menerima jemputan itu dan hadir bersama-sama pada pagi ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam pilihan raya baru-baru ini Barisan Nasional (BN) di seluruh negara dan juga di negeri Pulau Pinang telah mencapai satu kemenangan besar yang boleh disifatkan sebagai cemerlang atau *landslide*. Kemenangan besar ini dianggap sebagai di luarjangka dan luar biasa. BN memenangi 32 daripada 33 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), dengan peratusan undi sebanyak hampir 65%. Bagi kerusi saya sendiri di Tanjung Bunga, saya bernasib baik, memperolehi lebih kurang 70% undi, manakala parti lawan yang diwakili oleh Ketua Pembangkang memperolehi 30% iaitu 13,000 undi berbanding dengan 5300 undi.

Kemenangan ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang amat bermakna dan bersejarah, kerana belum pernah berlaku seperti ini di Pulau Pinang. Cuma pada tahun 1982 BN memenangi 25 daripada 27 kerusi yang ada pada waktu itu. Hanya dua kerusi untuk pembangkang. Pada tahun 1986 DAP melancarkan projek "Tanjung I", dan mereka memenangi 10 kerusi. Pada tahun 1990, 14 kerusi, iaitu memerlukan cuma tiga kerusi lagi untuk mereka membentuk atau mengubah kerajaan.

Satu lagi tanda yang istimewa ialah buat kali pertama kalinya BN menerima sokongan yang begitu jitu dan menyeluruh daripada semua kaum, semua lapisan masyarakat, tanpa mengira sama ada di bandar, luar bandar, kawasan setinggan atau kawasan kelas menengah. Dan mengikut perangkaan awal, undi BN di negeri Pulau Pinang merupakan lebih kurang 90% daripada undi Melayu, lebih

daripada 80% daripada undi India, dan lebih daripada 60% daripada undi Cina. Dan ini memang satu pencapaian yang luar biasa. Maka kita akan tertanya-tanya, apakah yang sebenarnya berlaku, terutama di Pulau Pinang?

Pada pendapat saya, apa-apa yang berlaku di negeri Pulau Pinang hanya boleh difahami dalam konteks negara. Dengan mengatakan demikian saya tidak menafikan bahawa ada unsur-unsur negeri atau tempatan, yang memainkan peranan yang penting. Tetapi kita haruslah meneliti unsur-unsur atau faktor-faktor keseluruhannya, iaitu pada peringkat negara, yang pada pendapat saya merupakan faktor penentu yang utama.

Faktor yang pertama dan utama ialah dalam tempoh empat atau lima tahun kebelakangan ini wawasan dan kepimpinan serta imej pucuk pimpinan BN yang diketuai oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah dapat menarik minat rakyat.

Banyak dasar yang berkaitan dengan pembinaan negara, terutamanya pembangunan ekonomi, dan juga strategi-strategi dalam pendidikan dan aspek-aspek sosial yang lain, termasuk konsep masyarakat penyayang, bukan sahaja telah menarik minat tetapi juga dapat memupuk satu perasaan kekitaan di kalangan rakyat berbilang kaum. Semua itu mengutamakan perpaduan di kalangan rakyat; mengutamakan kualiti, produktiviti dan kecemerlangan; meyakinkan dan membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap betapa pentingnya kita bersedia untuk bersaing dengan negara-negara lain; bahawa rakyat Malaysia haruslah berpendapat yang kita adalah satu pasukan, pasukan Malaysia; konsep "Malaysia Boleh" - kesemua ini telah dapat menanam satu perasaan yakin diri, *self confidence*.

dence, yang menimbulkan keyakinan terhadap BN, dan mempertingkatkan lagi populariti BN. Itu faktor yang amat penting dan merupakan faktor utama.

Faktor yang kedua berkaitan dengan faktor pertama, iaitu akibat dasar-dasar tadi, serta galakan oleh pucuk pimpinan, maka kita dapat mencapai satu pertumbuhan ekonomi yang maju, makmur dan amat pesat, dalam tempoh tujuh-lapan tahun kebelakangan ini. Ini telah meyakinkan para pengundi bahawa mereka lebih selamat untuk memiliki kesinambungan, kestabilan dan keamanan, bagi menjamin kemajuan yang berterusan. Mereka nampaknya tidak mahu mengambil risiko untuk mengubah kerajaan atau keadaan yang sedia ada - *status quo*. Faktor ini amat penting di negeri Pulau Pinang. Kami mencapai kadar pertumbuhan yang amat pesat, iaitu melebihi 12% bagi empat tahun berturut-turut. Dengan adanya banyak program, termasuk konsep baru seperti Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia - Malaysia - Thailand (IMT Growth Triangle), konsep baru mengenai teknologi tinggi dan sebagainya, telah dapat memberangsangkan dan meyakinkan rakyat supaya terus mengejar kemajuan ekonomi.

Faktor yang ketiga ialah faktor politik yang menyeluruh, iaitu percanggahan dan perpecahan di kalangan parti-parti pembangkang. Berbanding dengan tahun 1990, parti-parti pembangkang pada waktu itu menonjolkan satu imej yang seolah-olah dapat mewujudkan satu sistem dua barisan, *two front system*, walaupun bukan sistem dua parti. Pada waktu itu konsep itu nampaknya agak menarik, khasnya kepada kelas pertengahan dan para intelek, yang menganggap mungkin sudah tiba masanya untuk Malaysia mengamalkan satu sistem dua barisan, seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara maju

Barat yang lain. Ini telah mendorong ramai pengundi pada waktu itu ingin memberi peluang kepada pihak pembangkang. Tetapi faktor ini nampaknya bukan sahaja tidak wujud, tetapi menjadi satu sengketa dan konflik yang mendeharkan kelemahan konsep dua barisan dan juga kegagalan parti-parti pembangkang untuk bekerjasama seperti mana parti-parti komponen Barisan Nasional dapat bekerjasama. Ini menjadi satu kontras yang amat nyata.

Ketiga-tiga faktor utama ini memainkan peranan yang amat penting di peringkat negara, yang tidak dapat kita naikkan telah mempengaruhi keputusan pilihan raya di negeri Pulau Pinang dan juga di negeri-negeri lain. Kalau kita mengatakan hanya di Pulau Pinang sahaja kita nampak satu keadaan yang unik, itu tidak benar. Sebagai seorang ahli politik yang sentiasa mencari publisiti, saya tidak mahu membuat dakwaan itu. *It is not a claim that can be made.* Kalau kita membuat dakwaan itu kita tidak dapat memberi penjelasan terhadap prestasi yang sama cemerlang ataupun hampir begitu di negeri-negeri lain, kecuali di Kelantan yang juga ada kemajuan, dan Sabah. Oleh itu unsur-unsur keseluruhan ini, *the overall factors* adalah amat penting.

Di negeri Pulau Pinang memang terdapat unsur-unsur atau faktor-faktor tumpatan. Pertama, seperti yang saya sebutkan tadi, iaitu faktor ekonomi yang maju, makmur dan memberi harapan kepada rakyat bahawa masa hadapan memang akan menjadi lebih baik dan lebih menyenangkan. Ini satu faktor yang penting di Pulau Pinang.

Satu faktor lagi ialah strategi BN. Sebenarnya selepas tahun 1990 kami di dalam BN memang amat berhati-hati. Kempen kita sebenarnya telah bermula pada tahun 1990. Kita begitu berhati-hati mengenai isu-isu yang kontroversi. Selain merangka dan melaksanakan banyak program eko-

nomi, kami juga telah melancarkan banyak program dan kegiatan yang berunsur sosial, kebudayaan dan kesenian, bagi melibatkan seberapa banyak yang boleh dari semua lapisan masyarakat. Kerajaan negeri menganjurkan banyak program kesukaran dan belia. Dan buat kali pertamanya dalam sejarah Malaysia kita mewujudkan satu portfolio untuk pembangunan wanita di peringkat negeri.

Melalui program-program ini, yang dibuat secara jur-jur untuk membawa pembangunan yang lebih menyeluruh, bukan untuk persediaan pilihan raya, maka kita dapat mendampingi dan mendekati rakyat hampir semua lapisan dan semua golongan. Mungkin juga kerana anggota Exco Negeri Pulau Pinang nampaknya muda, maka ini telah dapat memperatkan hubungan di antara pucuk pimpinan kerajaan dengan belia khasnya. Misalnya, apabila kami sebagai ahli Exco berjalan-jalan di mana-mana, kami sering didekati oleh para belia dan remaja yang meminta autograf dan sebagainya. Kita banyak bergaul dengan golongan belia. Walaupun kebanyakannya mereka murid-murid sekolah yang tidak mempunyai undi, kami percaya mereka mungkin dapat mempengaruhi ibu bapa mereka.

Faktor ketiga ialah kerjasama yang agak erat di kalangan parti-parti komponen BN. Sebagai pengajaran daripada pilihan raya lalu, walaupun kurang sedikit dalam pilihan raya 1990, parti-parti komponen tidak sabotaj di antara satu sama lain. Bahkan kami sering bermesyuarat dan bertukar fikiran untuk membincangkan isu-isu bagi menyelesaikan masalah dan juga merangka strategi. Kami benar-benar bekerjasama. Dan boleh dikatakan buat kali pertamanya BN Pulau Pinang bertindak dan bergerak bukan sahaja pada masa pilihan raya, tetapi jauh sebelum itu.

Keempat, dalam faktor tempatan ini, ialah kami telah

bersedia dari segi psikologi (*psychologically prepared*) untuk menghadapi satu serangan yang besar, kerana pada tahun 1986 dan 1990 boleh dikatakan bahawa strategi pembangkang mengejutkan pihak BN. Kali ini dari awal lagi kami, khasnya saya sendiri, percaya bahawa cabaran dan serangan daripada Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, pasti akan berlaku.

Kalau beliau tidak bertanding dengan saya, ia merupakan satu bonus, yang membolehkan kita menyerang balik dengan senang. Maka boleh dikatakan bahawa beliau dan DAP terperangkap dalam satu keadaan yang tidak ada pilihan. Kalau dia tidak bertanding dengan saya, mereka akan menghadapi satu kesulitan yang lebih serius. Tetapi, melihatnya kembali sekarang, kalau tidak ada pertandingan yang hebat seumpama itu, kemenangan mereka akan menang lebih daripada satu kerusi, mungkin empat atau lima kerusi. Oleh kerana mereka membuat serangan yang begitu hebat, mengakibatkan para pengundi bertindak balas secara memarahkan pihak DAP. Serangan hebat mereka itu merupakan satu ombak balas, atau *reverse wave*, yang begitu besar.

Kami juga membuat persiapan dari segi perkhidmatan menghubungi rakyat di dalam kawasan. Boleh dikatakan buat kali pertamanya diwujudkan satu bentuk organisasi yang kukuh di kalangan pengundi-pengundi Cina dan India, khasnya di Tanjung Bunga. Kita wujudkan satu sistem dan struktur perhubungan yang agak erat, melalui kegiatan-kegiatan yang banyak melibatkan wanita dan kaum ibu. Misalnya, kita mengadakan pertandingan kanak-kanak, program konsert dan sebagainya. Ini mendorong penduduk setempat untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh BN, dan ada yang

dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Dengan persiapan yang seumpama ini, memang benar bahawa *our grassroot ground work* memang kukuh.

Semasa kempen, kami mengambil satu pendekatan yang amat positif dan berhati-hati. Tidak seperti dalam tahun 1990, yang saya akui terdapat satu perasaan *over confident*, yang menganggap cabaran DAP tidak akan membawa kepada apa-apa. Tetapi kali ini kami memandangnya amat serius. Walaupun sebelum pilihan raya saya telah membuat analisis seperti yang telah saya sebutkan tadi, iaitu faktor-faktor positif yang dapat memberi sokongan kepada BN saya memang amat sedar tentang faktor-faktor itu dan pernah saya memberitahu rakan-rakan dalam BN bahawa sekiranya tiap-tiap faktor itu mengubah sikap pengundi cuma 2% - 5% sahaja pun kita akan mendapat kemenangan besar - tetapi saya juga mengutamakan faktor-faktor negatif yang mungkin berlaku. Maka saya selalu mendesak sehingga ke hari membuang undi supaya kita tidak lepas daripada sikap berhati-hati ini. Setiap isu yang timbul dan juga yang belum timbul kita kendalikan, kita menanganinya dan cuba menyelesaikannya. Itu secara proaktif.

Satu lagi faktor, yang mungkin merupakan faktor kelima, ialah pihak pembangkang nampaknya kali ini telah silap langkah, dan silap jangka. Dengan membuat serangan yang begitu hebat, mereka menonjolkan satu imej angkuh, di kalangan rakyat. Pertamanya serangan terhadap saya semenjak mengangkat sumpah pada bulan Oktober 1990, sebelum saya duduk di atas kerusi Ketua Menteri saya telah diserang sebagai Ketua Menteri yang lemah dan tidak berguna. Kita membiarkan serangan itu. Tetapi apabila tiba masa pilihan raya, kita dapat menjawab dengan agak berkesan.

Pertama, rekod prestasi kerajaan negeri selama empat setengah tahun, prestasi ekonomi, keyakinan para pelabur dan komuniti perniagaan dan juga keyakinan belia terhadap pimpinan BN. Kedua, hakikat bahawa saya tidak lari daripada kawasan saya walaupun serangan begitu hebat. Saya bersedia melawan Ketua Pembangkang, yang pernah menewaskan saya pada tahun 1986. Ini merupakan satu bukti bahawa saya bukanlah seperti yang disifatkan oleh mereka. Dari awal lagi saya telah mengatakan sesiapa yang datang pun saya tidak akan lari. Dan saya berdiri teguh.

Soal pembahagian kerusi di kalangan parti-parti BN sejak dulu, sering menjadi serangan parti pembangkang, yang mengatakan bahawa Umno yang menguasai segalanya di Pulau Pinang. Maka kita menunjukkan bahawa parti-parti komponen termasuk Umno memang jujur dengan konsep *power sharing*. Bahawa di antara 33 kerusi, Umno cuma mengambil 12 kerusi, yang setanding dengan peratusan pengundi Melayu di negeri Pulau Pinang, sebanyak 36%. Umno mengambil 12, Gerakan 11, MCA 9 dan MIC satu. Gambaran yang seumpama ini menunjukkan betapa jujurnya parti-parti komponen di Pulau Pinang mengambil konsep *power sharing*.

Ini dinyatakan bukan sahaja oleh parti Gerakan dan MCA, tetapi oleh pemimpin Umno sendiri, yang mengatakan bahawa kenyataannya begini: Kalau pengundi Cina dan India memberi sokongan yang lebih kepada BN, maka parti-parti Gerakan, MCA dan MIC akan memperolehi jumlah kerusi yang melebihi jumlah kerusi Umno. Isu sama ada dominan atau tidak itu sebenarnya tidak timbul dalam BN. Kita berunding secara jujur, kita menyelesaikan masalah dan kita membangunkan negeri. Itu merupakan

jawapan yang tepat sekali kepada pihak pembangkang yang membuat tuduhan yang berunsur negatif dan berbau perkauman. Dan pada waktu kempen BN dapat menunjukkan betapa bersatu padunya semua kaum. Kita melibatkan semua tokoh dari semua kaum dalam setiap kempen dan ceramah. Dan kempen yang dijalankan oleh Dato' Seri Anwar dan saya nampaknya amat berkesan untuk menyampaikan mesej itu kepada rakyat.

Cogan kata parti pembangkang juga nampaknya kurang sesuai. Poster yang menunjukkan Lim Kit Siang sebagai ketua Menteri yang berkuasa itu telah *back fire*. Kami menjawab: Inilah kegilaan kuasa. Belum menjadi Ketua Menteri sudah nak bercakap tentang kuasa. Saya jawab dengan senang, bahawa kuasa datangnya daripada rakyat. Kuasa rakyat. Bukan kuasa jawatan. Jawatan memang mempunyai kuasa di sisi undang-undang. Tetapi isunya bagaimana kuasa itu digunakan.

Kita juga mengambil satu pendekatan yang rendah diri, atau rendah hati - *humility*. Kita mengumpamakan diri sebagai rasmi padi, lebih berisi lebih tunduk. Maka poster yang menonjolkan imej Robocop dan sebagainya itu telah membawa satu suasana *comical* yang tidak dapat mewujudkan keyakinan. Cogan kata "Try Five Years" pula menunjukkan yang mereka menganggapnya sebagai *good gamble*, pun *back fire*. Kita menjawab: Mana boleh mencuba lima tahun? Memilih sebuah kerajaan itu satu komitmen. Sesebuah parti mestilah komited bukan lima tahun, tetapi sekurang-kurangnya 20 tahun atau lebih daripada itu. Bukan pemimpinnya, tetapi parti dan program parti itu. Ini memberikan kesan negatif kepada pihak pembangkang.

Adalah nyata bahawa para pengundi kali ini menolak usaha-usaha untuk membangkitkan isu-isu yang beremosi

- *emosionalism* dan *sensationalisme*. Misalnya pemimpin pembangkang yang sibuk hendak menunjukkan mereka mempunyai kuasa, pergi ke sana sini dengan *motorcade* - 20 buah motosikal, buat bising. Rakyat pun tertanya-tanya: Belum jadi Ketua Menteri sudah begini? Ini kesan negatif. *Back fire*. Sebab, rakyat Pulau Pinang tahu yang saya jarang menggunakan satu *outrider* pun apabila saya keluar. Tetapi Ketua Pembangkang yang belum jadi Ketua Menteri sudah menggunakan 20 *outrider*. Lebih hebat daripada Yang Dipertua Negeri. Ini yang menjadi isu. *The reverse psychology*.

Saya ingin menyentuh dua perkara lagi. Yang pertama, yang telah dibangkitkan juga oleh ramai orang, ialah peranan media massa, yang dikatakan banyak memihak kepada BN.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa televisyen pada amnya memberi liputan yang lebih kepada tokoh-tokoh kerajaan sewaktu berkempen. Tetapi wujud banyak saluran yang lain, yang digunakan oleh parti pembangkang untuk berkempen. Misalnya, surat khabar. Mungkin tidak begitu nyata di dalam surat khabar bahasa Melayu dan Inggeris, tetapi liputan apa amnya bukan *overwhelming* pro BN, khasnya surat khabar-surat khabar bahasa Cina, yang memberi liputan yang agak seimbang dengan adanya banyak rencana yang ditulis oleh penyokong pembangkang yang disiarkan lengkap dengan gambar foto yang besar-besar untuk pembangkang. Mungkin boleh dibuat satu analisis dari segi liputan.

Pernah juga ada komplen dibuat oleh BN. Misalnya apabila BN negeri Pulau Pinang mengumumkan program atau manifestonya, kebetulan pada hari yang sama DAP juga mengumumkan manifestonya di Kuala Lumpur. Ada satu surat khabar berbahasa Cina yang memberi liputan

muka depan kepada DAP, tetapi BN mendapat halaman 30. Jadi, kita juga kompleks mengatakan tidak adil. Minta adil sikitlah. Jangan begitu memihak.

Yang keduanya ialah ceramah. Kalau mengikut garis panduannya ceramah hendaklah dibuat di dalam tempat yang tertutup (*enclosed premise*), dalam bangunan. Tetapi yang dilakukan oleh pihak pembangkang sudah menjadi rapat umum. Mereka menggunakan video yang besar - *Baco System* - 10x20 kaki. Empat atau lima skrin, di luar, di atas jalan, di mana-mana. Saya meminta pihak polis supaya jangan mengambil tindakan, sebab ia akan menjadi isu.

Sebenarnya ceramah pembangkang menjadi rapat umum, manakala kebanyakannya ceramah BN tetap mengikut garis panduan. Oleh itu saya berpendapat mungkin sudah sampai masanya supaya rapat umum dibenarkan, sebab pihak pembangkang sering mengadakan rapat umum. DAP di bandar, PAS di luar bandar. Beribu-ribu orang penontonnya setakat penonton, bukan semestinya penyokong. Pada pendapat saya ini tidak ada perbezaannya. Sebab kalau dibenarkan rapat umum, maka BN juga boleh mengadakan rapat umum. Itu lebih adil. Kalau tidak, kita terikat dengan peraturan dan garis panduan.

Satu perkara lagi ialah isu persempadan kawasan-kawasan pilihan raya. Di negeri Pulau Pinang ini tidak merupakan faktor yang penting, kerana bilangan kerusi DUN dan Parlimen tidak ditambah, kerana cadangan itu ditolak oleh pihak pembangkang yang pada waktu itu mempunyai kerusi lebih daripada satu pertiga. BN tidak mempunyai dua pertiga majoriti. Walaupun Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan persempadan untuk mengurangkan jurang di antara kawasan-kawasan, tetapi nampaknya ia tidak mendatangkan kesan yang besar. Berdasarkan kepu-

tusan yang mempunyai majoriti yang begitu besar, maka tidak mungkin ia disebabkan oleh persempadanan.

Sebagai kesimpulan, kita boleh mempelajari beberapa hal daripada kempen pilihan raya ini, khasnya di negeri Pulau Pinang dan di Tanjung Bunga. Pertama, faktor ekonomi masih merupakan faktor yang utama. Sekiranya keadaan ini dapat dikekalkan dan diteruskan, ia akan memberi satu kelebihan kepada parti pemerintah. Ini memang tepat, sebab kalau kerajaan dapat membawa kemajuan, maka ia harus disokong. Sebaliknya pada waktu kemelesetan ekonomi, kerajaan disalahkan. Misalnya pada tahun 1985 dan 1986, kemelesetan menjadi isu utama. Ia menjadi serangan utama oleh pihak pembangkang. Sebaliknya kalau kita mengalami kemakmuran dan kemajuan, maka haruslah diberi kredit. Mana-mana kerajaan pun, sama ada kerajaan BN atau kerajaan PAS di Kelantan, isu dan faktor ekonomi itu tidak dapat dinafikan.

Yang kedua, dengan unsur dan faktor ekonomi sahaja tidak memadai. Sebab, dalam keadaan yang mewah dan maju terdapat pula banyak isu lain yang penting. Pihak pembangkang sebenarnya cuba mengurangkan kesan isu ekonomi. Misalnya, di negeri Pulau Pinang memang menjadi satu tajuk utama dalam kempen oleh pihak pembangkang, yang mengatakan: "Jangan risau, ekonomi negeri Pulau Pinang sudah kukuh. Momentum sudah ada. Ubah kerajaan pun tidak akan menjelaskan apa-apa." Ini menarik minat, kerana mereka membangkitkan isu lain, yang menjadi isu penting, seperti isu perkhidmatan kerajaan, *accountability*, ketelusan dan sebagainya.

Maka boleh dikatakan bahawa kemakmuran tidak semestinya menjamin kemenangan parti pemerintah. Sebenarnya tahun 1990 kalau dibandingkan dengan 1986, tahun

1990 jauh lebih maju daripada 1986, tetapi kita tewas banyak kerusi, kerana isu-isu yang lain.

Ketiga, sikap dan pendekatan pemimpin terhadap rakyat. Sama ada pimpinan atau pucuk pimpinan dianggap oleh rakyat sebagai pemimpin yang berwawasan, berwibawa, bertanggungjawab, tekun, atau tidak. Sama ada persepsi rakyat terhadapnya positif atau tidak.

Pada masa yang lampau pihak pembangkang selalu memperkecil-kecilkan perkhidmatan tempatan. Oh, ini remeh-temeh, tidak penting. Sewaktu menjadi Ahli Parlimen di Tanjung, saya pernah disifatkan sebagai ahli Parlimen longkang, sebab saya mengambil berat terhadap kesesakan longkang. Ini diperkecilkan oleh pihak pembangkang. Tetapi kali ini mereka pun tahu, kalau tidak ada perkhidmatan dan tidak ada perhubungan langsung dengan rakyat, kecuali melalui rapat umum untuk membangkitkan emosi, rakyat tidak akan terima mereka. Rakyat akan menolak pendekatan seumpama itu, yang tidak ada kebertanggungjawaban (*accountability*).

Konsep kebertanggungjawaban bukan sahaj terpakai kepada kerajaan dan pemerintah, tetapi juga kepada pembangkang. Pihak pembangkang sering mengatakan: "Ah, kami pembangkang tidak boleh buat apa-apa, tidak boleh buat perkhidmatan, kerana kerajaan tentu tidak bekerjasama."

Jawapan kita mudah sahaja: Tengoklah Lee Lam Thye, seorang pemimpin pembangkang yang amat berkesan. Jauh lebih berkesan daripada sesetengah ahli BN. Di negeri Pulau Pinang juga pernah ada seorang pembangkang bebas, tetapi tiap-tiap kali bertanding dia tetap menang, sehingga dia meninggal dunia, iaitu See Wai Choi. Perkhidmatannya baik sekali. Jujur. Maka itu tidak boleh dijadikan sebagai alasan lagi.

Maka pada pendapat saya, yang penting ialah, pada kali ini nampaknya telah timbul satu era, satu budaya dan gaya politik yang baru, yang positif. Kita berkempen menggunakan isu-isu yang dapat menyatupadukan rakyat, tidak menggunakan isu perkauman. Ini adalah selaras dengan Wawasan 2020. Dan pendekatan pemimpin untuk mendampingi rakyat juga merupakan sesuatu yang amat penting.

Akhir sekali, pada saya, mandat yang begitu besar, yang hampir merupakan mandat yang mutlak, *absolute majority*, tidak seharusnya dianggap dan ditafsirkan sebagai kuasa mutlak (*absolute power*), yang mungkin membawa kerosakan akhlak yang juga mutlak (*absolute corruption*), dari segi moral dan juga kewangan. Ini merupakan sesuatu yang kita harus berhati-hati, kerana wujudnya bahawa, dengan kemenangan yang begitu besar boleh menyebabkan kita menjadi cuai, lalai, bongkak dan angkuh. Ini sudah tentu akan membawa kesan negatif dalam waktu lima tahun yang akan datang, sebelum tiba penghukuman rakyat.

Oleh itu sejak saat kemenangan, saya percaya semua pemimpin utama negara telah membangkitkan perkara ini, dan kami memang amat sedar dan prihatin tentang tanggungjawab yang berat. Majoriti yang mutlak yang bermakna bahawa rakyat mengharapkan komitmen yang mutlak daripada pucuk pimpinan, daripada mereka yang telah dipilih.

Oleh itu saya telah merangka satu sistem *monitoring* yang lebih ketat di negeri Pulau Pinang, bukan sahja terhadap ahli-ahli Exco, tetapi semua wakil rakyat BN. Mereka dikehendaki mengemukakan laporan setiap tiga bulan. Kita membuat lawatan kilat untuk melihat perkhidmatan,

dan mereka digalakkan supaya membangkitkan isu-isu secara terbuka, kritikan terhadap kerajaan.

Nampaknya kita tidak ada pembangkang, kecuali seorang sahaja. Jadi, kita akan mengamalkan satu sistem yang lebih transparen, lebih nyata dari segi prosedur, lebih *accountable* dan lebih bertanggungjawab. Dengan ini saya berharap akan mewujudkan satu budaya politik yang lebih sihat walaupun BN diberi satu mandat yang begitu besar.

Mengenai pembangkang, saya berpendapat memang tetap akan ada pembangkang di negara ini. Tidak akan tidak ada. Walaupun pengaruh mereka berkurangan, tidak bermakna mereka tidak mempunyai peranan. Persoalan yang pokok ialah bukan sama ada, ada pembangkang atau tidak, tetapi apakah bentuk dan budaya pembangkang? Ini yang lebih penting, dan ini akan menentukan nasib pembangkang pada masa yang akan datang, seperti mana kesediaan untuk *transparency* dan *accountability* akan menentukan nasib BN dalam pilihan raya yang akan datang.

Maka *judgement* atau penghukuman saya ialah pilihan raya merupakan penghukuman dan ini bukanlah segalanya. Ini bukan pilihan raya terakhir bagi negara ini. Banyak lagi pilihan raya yang akan datang. Oleh itu semua pihak haruslah berhati-hati.

# 28

---

## Membentuk Media Alternatif: Tidak Semudah Disangka

**M**edia dapat memainkan peranan sebagai penentuan agenda dalam masyarakat. Semasa kempen pilihan raya (malahan lama sebelum itu lagi), parti ataupun calon yang bertanding akan memanfaatkan semaksima mungkin fungsi yang boleh dimainkan oleh media bagi membantunya mencapai kemenangan. Antaranya, ia berfungsi untuk menyampaikan maklumat parti, menjelaskan wawasan perjuangan, menghuraikan kandungan manifesto, mengkritik pentadbiran parti pemerintah, menyemai imej buruk pembangkang dalam minda rakyat, menjawab kritikan dan tohaman lawan, dan membongkar penyelewengan serta salah guna kuasa.

Tulisan ini tidak bermaksud untuk memperihalkan bagaimana Umno dan BN mengeksplorasi media, sehingga sanggup mengetepikan segala kod etika kewartawanan, demi kepentingan politik (satu isu yang sedia diketahui umum), tetapi cuba meninjau sejauhmana keberkesanan media yang pelbagai bentuk itu bagi mempengaruhi kecenderungan pengundi.

Prof Syed Arabi Idid (1994) menyorot secara khusus tentang kredibiliti media, khususnya radio, akhbar dan televisyen. Beliau juga mengkaji kepercayaan responden terhadap ceramah dan pekerja politik. Kajian dilakukan pada Julai 1990, iaitu sebelum pilihan raya umum Oktober 1990, dan pada Disember 1990, iaitu selepas pilihan raya.

Sebelum itu, beliau pernah menjalankan kajian tentang sumber berita politik yang dirujuk oleh pengundi dalam pilihan raya 1986. Kajian dijalankan selepas penamaan calon sehingga hari pengundian, iaitu 24 Julai hingga 3 Ogos 1986. Kajian mendapat majoriti responden (65.0%) menjadikan akhbar sebagai sumber utama dalam mengikuti berita politik. Ini diikuti oleh televisyen (16.3%), komunikasi bersemuka (13.3%) dan radio (4.3%). Selepas hampir sepuluh tahun keadaan ini mungkin berbeza, yang dirasakan rujukan lebih kepada televisyen.

Umum mengetahui bagaimana hebatnya dominasi Umno/BN terhadap radio, akhbar dan televisyen. Parti-parti pembangkang hanya dapat mengharapkan media tradisi mereka, iaitu ceramah politik dan juga petugas-petugas yang berkempen dari rumah ke rumah. Sekiranya pengundi lebih percayakan radio, televisyen dan akhbar, maka kelebihan berada di pihak BN. Begitu juga jika pengundi tidak percayakan isi kandungan ceramah-ceramah politik (walaupun mereka turut menghadirinya), maka keberkesaan

nan saluran untuk pembangkang menyampaikan penerangan tersekat.

Pembangkang lebih beruntung sekiranya pengundi dapat membuat pertimbangan yang wajar kepada ceramah dan penerangan petugas-petugas parti. Jika tidak, kehadiran yang begitu ramai jarang menyumbangkan kesan positif yang mendalam terhadap kesedaran politik pengundi. Mungkin ceramah politik hanya dimanfaatkan untuk meredakan ketegangan bekerja di siang hari ataupun sebagai bahan hiburan yang melegakan.

Menurut Prof Syed Arabi, kredibiliti media massa penting kerana beberapa sebab. Pertama, jika pembaca yakin dengan media maka mereka akan terus menggunakan media untuk memperolehi maklumat. Kedua, keyakinan mereka terhadap media bermakna mereka boleh menggalbal fikiran atau sekurang-kurangnya menentukan agenda bagi perbincangan rakyat mengenai tajuk-tajuk tertentu. Ketiga, kredibiliti media bermakna juga maklumat yang dibawa oleh media ini dapat ditandingkan dengan media lisan.

Bagi petugas parti pembangkang, kajian ini cukup penting untuk dianalisis kerana mereka memerlukan media yang paling berkesan untuk berhubung dengan rakyat. Walaupun pembangkang tidak mempunyai banyak pilihan, namun sekurang-kurangnya dapat dikenal pasti beberapa kelemahan yang ada pada media tradisi mereka dan serentak dengan itu mencari alternatif mewujudkan media yang lebih efisyen.

Tingginya peratusan pengundi yang tidak mempercayai ceramah politik tidak bermakna media ini tidak berkesan langsung. Malahan inilah satu-satunya media yang menjadi penghubung antara pembangkang dengan pe-

ngundi, di kala akhbar-akhbar utama, radio dan televisyen, yang dikuasai mutlak oleh BN, melakukan serangan biadab terhadap pembangkang. Mungkin perlu diperbaiki kaedah berceramah, pengendalian majlis ceramah, kesesuaian tempat dan masa ceramah, isi dan kandungan ceramah dan personaliti penceramah, tapi bukannya dengan meminggirkan atau memandang rendah media ceramah politik pula. Ketahanan PAS banyak difaktorkan oleh majlis-majlis ceramah yang dianjurkan sepanjang tahun.

### Akhbar

Dalam kajian pertama, yang dilakukan sebelum pilihan raya 1990, terdiri daripada 1,384 responden, 10.4% daripadanya "amat percayai" akhbar, manakala 76.7% "percayai", bakinya 12.9% "tak percayai".

Dalam kajian kedua, yang dilakukan selepas pilihan raya 1990, membabitkan 1,418 responden, 10.6% amat percayai, 74.8% percayai dan 13.2% tak percayai. Dari segi kaum, pengundi India dan Melayu lebih tidak menaruh kepercayaan kepada akhbar daripada pengundi Cina. Sila rujuk rajah 1.

	Kajian Pertama			Kajian Kedua		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Amat Percayai	8.5	14.5	9.1	10.7	13.3	15.6
Percayai	78.5	74.0	74.7	73.8	77.1	71.6
Tak Percayai	13.3	11.5	16.2	15.5	9.7	12.8
Jumlah	623	530	99	782	497	109

Rajah 1: Kepercayaan terhadap akhbar mengikut bangsa (dalam peratusan)

## Radio

Kepercayaan terhadap radio juga tinggi. Majoriti pengundi dalam kedua-dua kajian menyatakan kepercayaan mereka terhadap radio. Jika kepercayaan terhadap akhbar semakin merosot selepas pilihan raya tetapi berbeza dengan radio. Peratusan yang tidak mempercayainya menuun, daripada 13.9% kepada 12.3%. Dari segi kaum pula, 10.9% pengundi Melayu tidak mempercayai radio sebelum pilihan raya, tetapi angka ini meningkat dalam kajian kedua, kepada 13.0%. Sila rujuk rajah 2 dan rajah 3.

	Kajian Pertama	Kajian Kedua
Amat Percayai	14.1	9.9
Percayai	72.0	77.8
Tak Percayai	13.9	12.3

Rajah 2: Kepercayaan terhadap radio (dalam peratusan)

	Kajian Pertama			Kajian Kedua		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Amat Percayai	14.5	13.5	14.1	9.0	10.4	13.1
Percayai	74.5	67.3	77.8	78.0	77.8	79.4
Tak Percayai	10.9	19.3	8.1	13.0	11.8	7.5
Jumlah	623	530	99	776	482	107

Rajah 3: Kepercayaan terhadap radio mengikut bangsa (dalam peratusan)

## Televisyen

Kepercayaan terhadap televisyen adalah tinggi, tetapi dari satu tahap kepada tahap berikutnya kajian mendapati peratusan yang menaruh kepercayaan yang amat sangat

kepada televisyen telah menurun lebih empat peratus se-mentara peratusan yang menyatakan amat tidak percaya telah meningkat lebih satu peratus.

Mengikut bangsa, pengundi Melayu semakin tidak mempercayai televisyen selepas pilihan raya diadakan, manakala peratusan pengundi Cina yang mempercayai televisyen naik tiga peratus. Sila rujuk rajah 4 dan rajah 5.

	Kajian Pertama	Kajian Kedua
Amat Percayai	17.1	13.0
Percayai	77.7	73.6
Tak Percayai	11.2	12.3

Rajah 4: Kepercayaan terhadap televisyen (dalam peratusan)

	Kajian Pertama			Kajian Kedua		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Amat Percayai	17.3	18.0	14.0	13.4	16.2	15.3
Percayai	72.0	69.0	76.0	73.1	72.1	73.9
Tak Percayai	10.7	13.0	10.0	13.5	11.7	10.8
Jumlah	636	539	100	783	495	111

Rajah 5: Kepercayaan terhadap televisyen mengikut bangsa (dalam peratusan)

### Ceramah Politik

Jumlah pengundi yang menyatakan tidak percaya kepada ceramah politik adalah tinggi berbanding mereka yang memberikan jawapan yang sama kepada media massa. Jumlah pengundi yang tidak percaya kepada ceramah politik adalah 49.5% dalam kajian sebelum pilihan raya, sebaliknya menurun lebih sepuluh peratus menjadi 39.3%.

Analisis kepercayaan berdasarkan bangsa menampakkan beberapa ciri menarik. Dalam kajian pertama, peratusan pengundi Cina yang amat mempercayai ceramah politik adalah terendah berbanding pengundi lain, iaitu 5.2%, tetapi ia meningkat lebih dua kali ganda dalam kajian kedua selepas pilihan raya kepada 13.4%. Angka ini yang tertinggi jika dibandingkan pengundi Melayu, 10.2% dan pengundi India 12.4%.

Harus juga diperhatikan bahawa ketiga-tiga bangsa menyatakan mereka lebih percaya kepada ceramah dalam kajian kedua berbanding sebelumnya, terutamanya pengundi Cina dan India. Jumlah yang menyatakan mereka tidak percaya kepada ceramah politik telah menurun. Sila rujuk rajah 6 dan rajah 7.

	Kajian Pertama	Kajian Kedua
Amat Percayai	6.8	11.5
Percayai	43.7	49.2
Tak Percayai	49.5	39.3

Rajah 6: Kepercayaan terhadap ceramah politik (dalam peratusan).

	Kajian Pertama			Kajian Kedua		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Amat Percayai	7.4	5.2	7.1	10.2	13.4	12.4
Percayai	48.5	38.9	35.4	50.6	45.1	50.5
Tak Percayai	46.1	55.9	57.6	39.0	41.5	37.1
Jumlah	633	535	99	772	494	105

Rajah 7: Kepercayaan terhadap ceramah politik mengikut bangsa (dalam peratusan).

## Pekerja Politik

Dalam kajian sebelum pilihan raya 62.5% pengundi menyatakan mereka tidak percaya kepada pekerja politik tetapi selepas pilihan raya ia menurun kepada 49.2%. Data menunjukkan pekerja politik mulai mendapat kepercayaan pengundi pada waktu pilihan raya.

Kajian menunjukkan pengundi Cina adalah kumpulan terbesar menyatakan tidak percaya kepada pekerja politik. Namun jumlah mereka yang amat percaya pekerja politik telah meningkat sekali di antara kajian pertama dan kedua, terutamanya dari kalangan pengundi India dan Cina. Sila rujuk rajah 8 dan perubahan ketara sikap pengundi terhadap pekerja politik pada rajah 9.

	Kajian Pertama	Kajian Kedua
Amat Percaya	3.3	12.6
Percaya	33.3	38.2
Tak Percaya	62.5	49.2

Rajah 8: Kepercayaan terhadap pekerja politik (dalam peratusan).

	Kajian Pertama			Kajian Kedua		
	Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India
Amat Percaya	4.9	3.7	3.0	5.6	10.7	17.9
Percaya	36.1	29.1	32.3	59.7	56.5	60.7
Tak Percaya	59.0	68.2	64.6	34.7	32.8	21.3
Jumlah	631	534	99	779	497	107

Rajah 9: Kepercayaan terhadap pekerja politik mengikut bangsa (dalam peratusan).

Kajian menunjukkan pengundi lebih mempercayai televisyen, seterusnya radio dan diikuti oleh akhbar. Ini satu

maklumat yang mendukacitakan pembangkang dan harus diterima sebagai satu cabaran. Bukan rahsia umum lagi bahawa ketiga-tiga media itu bertindak sebagai jentera propaganda BN yang paling menjolok mata, bukan hanya sepanjang tempoh berkempen tetapi bermula sebaik sahaja selepas keputusan pilihan raya umum lima tahun sebelum itu. Seolah-olah, sebaik saja Parlimen dibubarkan, bilik gerakan propaganda BN telah berpindah ke tempat operasi media berkenaan.

Lebih menyedihkan pembangkang apabila peratus yang mempercayai media tradisi mereka, ceramah politik, jauh lebih kecil. Secara keseluruhannya pengundi Melayu, Cina dan India amat tidak mempercayai pekerja parti politik dalam penyampaian maklumat politik sebelum pilihan raya tetapi dalam masa kempen pilihan raya pengundi mulai memberi kepercayaan. Meskipun begitu jumlah mereka yang tidak mempercayai ceramah politik dan pekerja politik masih tinggi, iaitu 39.3% dan 49.2%. Sila rujuk rajah 10.

Kita dapat bahawa kepercayaan orang Melayu, Cina dan India adalah tinggi terhadap media massa. Bagi orang India, media massa yang mereka paling percayai berbanding media massa yang lain ialah radio. Bagi orang Melayu, televisyen merupakan alat yang mereka paling percayai berbanding dengan akhbar dan radio.

	Kajian Pertama	Kajian Kedua
Akhbar	12.9	13.2
Radio	13.9	12.3
Televisyen	11.2	12.3
Ceramah Politik	49.5	39.3
Pekerja Politik	62.5	49.2

Rajah 10: Tahap peratusan responden yang memberikan jawapan "tak percaya" kepada media massa dan media personal.

Beberapa kesimpulan dapat diberikan berdasarkan kajian tadi. Pengundi lebih mengutamakan berita yang mereka perolehi dari media massa. Mereka mungkin mempercayai berita yang ditulis oleh pemberita yang pada hemat mereka dididik, dan dilatih dalam profesion mereka. Oleh itu wartawan boleh memberikan fakta yang betul dan benar untuk dibaca atau ditonton oleh pembaca atau pendengar.

Seramai 78% pengundi menyatakan mereka percaya kepada akhbar, 89% terhadap radio dan 89% terhadap televisyen dalam tahun 1989. Dalam tahun 1990 peratusannya ialah 87% terhadap akhbar, 86% terhadap radio dan 89% terhadap televisyen. Ini adalah dari segi kepercayaan terhadap media massa sebagai satu institusi.

Media adalah impersonal. Pada hemat pengundi media tidak memihak kepada mana-mana pihak yang tentu sekali berlainan dengan penceramah politik atau pekerja parti politik yang membawa berita atau maklumat yang memihak kepada parti sendiri.

Sama ada berita yang ditulis itu betul atau tidak bukan menjadi persoalan. Apa yang nyata ialah dari segi persepsi pengundi, yang membaca akhbar dan mendengar sendiri ceramah atau didatangi oleh pekerja parti politik. Jika mereka percayakan akhbar, televisyen, maka percaya lah mereka tentang apa yang mereka baca dan tonton itu. Maka tinggilah kredibiliti yang ada pada media massa dan berkesan lagi agenda yang dibawa oleh media massa.

Namun begitu 75% pengundi menyatakan mereka tidak bersetuju bahawa media massa telah memberikan laporan yang sewajarnya kepada pemimpin parti pembangkang. Sementara 65% menyatakan bahawa mereka fikir liputan yang diberikan kepada pemimpin BN adalah wajar.

Memang didapati bahawa pengundi mengakui atau menyedari bahawa liputan berita oleh media massa terhadap pemimpin parti pembangkang adalah tidak secukupnya, tetapi ini tidak pula bermakna mereka tidak mempunyai kepercayaan terhadap media massa. Walaupun mereka tahu Umno mengawal sepenuhnya akhbar-akhbar utama, seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* - tidak jauh bezanya dengan *Harakah* yang dikawal oleh PAS - juga radio dan televisyen, namun mereka tetap berjaya dipengaruhi oleh ketiga-tiga media itu secara berkesan.

Masih ramai pengundi yang merasakan media cuba berlagak bebas, profesional dan boleh dipercayai, apatah lagi melalui televisyen yang menyalurkan maklumat secara cepat, berkesan dan begitu meyakinkan. Kenyataan pemimpin-pemimpin pembangkang dedit secara memalukan sehingga menimbulkan imej buruk yang ketara. Kenyataan ini dipotong dan disambung dengan kenyataan yang lain hingga menjadikannya satu kenyataan yang begitu buruk. Ia diulang pada waktu perdana. Dengan bukti visual, pembangkang akan diasak secara ganas dan tidak beradab. Selingan lagu-lagu yang menunjukkan kemakmuran negara dan kebanggaan sebagai rakyat Malaysia juga berperanan mengekalkan kesinambungan BN menerajui negara.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Zainuddin Maidin (Zam) tanpa segan silu menyatakan sikap bias media harus diterima sebagai hak mereka yang menguasai media sama ada parti pemerintah, korporat atau orang perseorangan. Zam menerima apa yang digelarkannya sendiri sebagai bias profesional! "Penguasaan parti (Umno) menampakkan pula penguasaan individu di dalam parti ke atas akhbar dan TV dalam masa Mahathir dan

menyebabkan berlaku penghakisan profesionalisma dan pelanggaran etika dalam amalan kewartawanan sehingga tidak lagi menampakkan bias secara profesional sebaliknya *crudely bias*," katanya.

Sesungguhnya pesta pemujaan terhadap BN dan pemimpin-pemimpin utamanya dilakukan melalui televisyen tanpa segan silu lagi, terutama menjelang hari pengundian. Sementara nasib pembangkang cukup malang sekali. Sesen televisyen yang bertukar menjadi bilik gerakan BN itu melakukan apa saja demi kepentingan politik BN. Siaran TV pagi adalah cabaran baru buat pembangkang, khususnya untuk mendekati pengundi wanita. Pengundi wanita yang sudah biasa menonton TV pagi, khususnya melalui ruangan *Selamat Pagi Malaysia* di TV1 dan *Malaysia Hari Ini* di TV3, mulai jam enam hingga sepuluh pagi, akan disogok secara bertubi-tubi dengan propaganda murahan BN. Asakan psikologi itu bukan sekadar boleh mempengaruhi pengundi atas pagar tetapi mungkin berjaya mempengaruhi kecenderungan mengundi penyokong kuat parti pembangkang.

Parti pembangkang harus memberikan tumpuan kepada siaran TV pagi ini. "Dengan adanya TV pagi," kata Dr Jomo, "wanita Umno tidak perlu bekerja keras berkempen dari rumah ke rumah lagi." Kalau dalam pilihan raya 1990, ia belum diperkenalkan, tetapi dalam pilihan raya lalu, siaran TV pagi serta slot *Berita Terkini* banyak membantu kempen BN. Dijangkakan dalam pilihan raya akan datang, serentak dengan era ledakan maklumat ini, siaran TV yang mungkin bertambah puluhan kali ganda membuatkan pembangkang makin tersudut jika jalan keluar tidak dikenal pasti mulai sekarang. Saluran komunikasi dengan pengundi tidak lagi terhad kepada media ceramah

dan yang seumpamanya. Ia harus berkembang, paling kurang tidak terlalu ketinggalan jauh dari media propaganda BN. Kaedah paling ekonomi, iaitu turun bersemuka dengan rakyat harus dilazimi sejak awal lagi. Program bersama rakyat ini hendaklah dijalankan secara kreatif, bukannya tertakluk kepada program stereotaip yang diulang hanya menjelang hari pengundian. Pemimpin parti pembangkang seharusnya berada di lubuk jantung rakyat.

Teguran Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor terhadap sikap media dalam kempen 1995 harus disusuli dengan program tindakan khusus, bukan sekadar memulaunya, sebelum menghadapinya dalam bentuk yang lebih "ganas dan keras" dalam pilihan raya akan datang. "Serangan media kali ini lebih liar dan ganas dalam menghentam, mengkritik, memfitnah dan memutarbelit kenyataan pemimpin pembangkang lebih daripada masa lalu," katanya. "Kualiti *Harakah* harus ditingkatkan. Ia mesti diurus dengan lebih profesional sehingga lebih dihormati dan berpengaruh. Campur tangan politik tentu tidak dapat dielakkan, tetapi jangan sampai memusnahkan etika persuratkhabaran. Kesilapan, biarpun nampak kecil, sedaya mungkin harus dielakkan. Bukan senang sesbuah akhbar mencapai kewibawaan yang diakui semua pihak. PAS juga tidak boleh bergantung hanya kepada *Harakah*. Ia harus lebih aktif menerbitkan bahan-bahan cetak yang lain, seperti buku, majalah, siaran berita, poster, dan seumpamanya. Dan bila berlaku kekeliruan terhadap PAS akibat propaganda media Umno, *Harakah* harus memberi penjelasan penuh yang meyakinkan. Jangan biarkan kekeliruan itu membekas dalam minda rakyat," ujar bekas pemberita *Harakah*. Beliau meminta pimpinan PAS serius membincangkan bentuk persembahan *Harakah* dan tidak perlu terlalu takut dengan gertakan menarik balik permit akhbar itu.

Selain itu, penemuan Prof Syed Arabi Idid mengenai perbezaan antara agenda media dengan agenda publik cukup menarik. Beliau menyenaraikan sembilan isu besar yang diutamakan oleh media, dalam pilihan raya 1990. Pertama, isu pita rakaman yang dikatakan mengandungi kenyataan Presiden PMS46, Tengku Razaleigh Hamzah dalam satu mesyuarat parti bahawa Semangat 46 akan menghapuskan PAS apabila Semangat 46 berkuasa. Kenyataan Dr Mahathir itu telah disiarkan secara meluas oleh akhbar dan telah dijadikan isu besar mulai 22 September 1990.

Isu kedua, terutamanya dibangkitkan oleh akhbar harian Cina ialah rancangan DAP menawan Pulau Pinang melalui slogan "Tanjung II". Begitu juga dengan pertandingan di antara Lim Kit Siang dan Lim Chong Eu. Isu ketiga ialah tentang perlunya kestabilan politik dipelihara supaya negara akan terus mendapat faedah pembangunan. Pemimpin BN membayangkan sekiranya pembangkang berjaya menubuhkan kerajaan, kestabilan negara akan terancam kerana bukan sahaja mereka tidak dapat bekerjasama sesama sendiri, malahan tidak dapat mengadakan satu sidang akhbar dalam satu masa.

Isu keempat ialah keperluan bagi mengadakan hubungan yang baik di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat demi kebaikan kedua-dua belah pihak. Sementara isu kelima menonjolkan kesukaran yang dialami oleh parti pembangkang, khususnya PAS dan DAP, dalam pelbagai aspek. Isu keenam ialah penarikan PBS daripada menjadi anggota BN pada 15 Oktober 1990. Ia dilaporkan sebagai satu "penikaman dari belakang" oleh Pengerusi BN, Dr Mahathir Mohamad.

Isu ketujuh ialah tentang pemakaian tengkolok yang kononnya melambangkan salib oleh Tengku Razaleigh ke-

tika beliau bersama dengan Presiden PBS, Joseph Pairin Kitingan di Kota Kinabalu pada 18 Oktober 1990. Gambar itu disiarkan secara meluas dalam akhbar-akhbar bahasa Melayu pada 19, 20 dan 21 Oktober, iaitu pada hari pengundian.

Isu kelapan ialah mengenai pembangunan dan yang kesembilan tentang kepimpinan dalam MIC, iaitu sengketa antara kumpulan S Subramaniam dan S Samy Vellu.

Bagaimanapun hasil tinjauan menunjukkan responden mempunyai minat yang agak berbeza dengan apa yang dilaporkan oleh media. Pengundi lebih berminat untuk mengetahui isu salah guna BN dan kemampuan pembangkang untuk mencabar BN daripada isu-isu ekonomi dan pembangunan yang dijadikan agenda utama oleh media. Hasil kajian yang lebih menarik ialah isu yang diberikan oleh publik Cina selari dengan isu yang diberikan keutamaan oleh akhbar-akhbar Cina, berbeza dengan isu yang diberikan keutamaan oleh publik Melayu yang tidak diberikan keutamaan oleh media Melayu. Responden memilih isu masalah dalam BN sebagai keutamaan (nombor 1) sedangkan media meletakkannya pada *ranking* paling bawah (nombor 21). Pada saya, ini bermakna media Melayu seringkali tidak mewakili aspirasi pengundi Melayu dan lebih bertindak sebagai lidah rasmi parti pemerintah.

Ja mengingatkan hasil kajian Syed Arabi Idid dan Safar Hasim mengenai pilihan raya 1986: *Satu Perspektif Komunikasi Politik*. Antara keputusan yang menarik, rujuk rajah 11, 12 dan 13. Menurut pengkaji, daripada 1857 item berita yang ada kaitan dengan BN, 75.9% positif, 12.1% negatif dan 11.9% neutral. Daripada 1366 berita berkenaan pembangkang, 68.6% negatif, 21.5% positif dan 9.9% neutral. Nyata sekali akhbar utama berbahasa Melayu, *Berita*

*Harian* dan *Utusan Malaysia*, memberi layanan buruk kepada pembangkang, khususnya PAS dengan liputan negatif sebanyak 67.6% dan 72.1%. Hanya akhbar Cina, *Sin Chew Jit Poh* dan *Nanyang Siang Pau* cuba memberikan liputan secara adil, iaitu liputan positif 45.3% dan 51.2% dan liputan negatif 50.3% dan 48.8%. Dari satu segi parti pembangkang Cina, DAP, lebih bernasib baik kerana mendapat liputan lebih adil oleh akhbar berbahasa Cina, daripada parti pembangkang Melayu, PAS, yang jelas disorot secara negatif oleh akhbar berbahasa Melayu. Ini perkembangan tahun 1986. Saya yakin ia banyak berubah pada tahun 1995 apabila akhbar Cina turut memberikan liputan negatif yang menonjol terhadap DAP, hasil tekanan tidak langsung Kementerian Dalam Negeri.

Selain jumlah item berita, saya kira yang lebih penting ialah bagaimana sesuatu berita itu diberikan penekanan, pengulangan dan penonjolan di ruang-ruang utama, khususnya muka depan, dibantu oleh gambar yang berkesan. Contoh klasik ialah berita dan gambar Tengku Razaleigh memakai sigah Kadazan yang dikatakan mempunyai lambang salib, yang juga pernah dipakai oleh Dr Mahathir Mohamad. Masalahnya, akhbar-akhbar tertentu, khususnya yang berbahasa Melayu, ketika kempen pilihan raya lebih bertindak sebagai lidah rasmi BN, yang hanya memberikan sedikit liputan positif kepada pembangkang untuk menonjolkan ia juga akhbar yang bebas.

Syed Arabi juga memilih beberapa negeri, antaranya Kelantan dan Terengganu, bagi meninjau reaksi penduduknya terhadap isu-isu pilihan raya. Keputusannya, isu tentang BN yang diberikan tumpuan kritikal, termasuklah isu skandal BN, telah diberikan perhatian yang tinggi di Kelantan, iaitu sebanyak 20.3%. Isu kedua yang diberi perha-

tian ialah ancaman yang dialami oleh BN (13%). Bagaimanapun isu skandal BN mendapat perhatian lebih istimewa di Pulau Pinang (30.3%) dan Sabah, iaitu 51.1%. Manakala peristiwa Tengku Razaleigh memakai sigah Kadazan merupakan isu kedua (12.7%) yang diberi perhatian oleh responden di Terengganu, sedangkan di Kelantan ia dilaksanakan sebagai isu kelima (8.1%). Ini bermakna sensitiviti pengundi mungkin berbeza-beza dari satu negeri ke negeri yang lain.

Akhbar	Positif(%)	Negatif(%)	Neutral(%)
Berita Harian	5.5	67.26	26.9
Utusan Malaysia	4.1	72.1	23.8
The Star	21.1	63.9	14.9
New Straits Times	18.9	76.2	5.0
Sin Chew Jit Poh	45.3	50.3	4.4
Nanyang Siang Pau	51.2	48.8	0.0
Tamil Nesan	7.4	92.6	0.0
Thinamani	27.8	71.3	0.9

Rajah 11: Kecondongan berita parti pembangkang mengikut akhbar

Bahasa	Positif (%)		Negatif (%)		Neutral (%)	
	Umno	PAS	Umno	PAS	Umno	PAS
Melayu	52.6	4.1	3.6	75.9	43.9	19.9
Inggeris	85.3	17.2	9.0	78.8	5.6	4.2
Cina	56.6	39.7	41.5	58.9	1.9	1.4
Tamil	98.2	17.9	1.8	82.1	0.0	0.0

Rajah 12: Kecondongan berita Umno dan PAS mengikut aliran bahasa akhbar.

Bahasa	Positif(%)		Negatif(%)		Neutral(%)	
	MCA	DAP	MCA	DAP	MCA	DAP
Melayu	44.2	3.1	4.7	51.5	51.2	34.6
Inggeris	85.6	19.1	5.9	7	3.3	6.4
Cina	82.9	45.5	16.6	53.7	0.5	0.9
Tamil	97.3	26.3	0.0	73.7	2.7	0.0

Rajah 13: Kecondongan berita MCA dan DAP mengikut aliran bahasa akhbar.

Meskipun telah ditonjolkan dan dikemukakan hujah akademik tentang sikap media yang berat sebelah terhadap BN, malah sanggup memfitnah dan memutarbelitkan kenyataan pembangkang, namun pengundi seperti tidak merasa ia sesuatu yang perlu diubah apabila menolak parti yang berjanji mahu menghapuskan undang-undang yang mengongkong media dan menyekat kebebasan bersuara, antara PAS, Parti Rakyat, DAP dan PMS46. Pengkaji media, Safar Hasim dalam tulisannya, "Pembentukan Press Rakan" (*Pemikir*, Julai September 1995) merumuskan: "Semenangnya, dalam pilihan raya umum lalu, apabila soal kebebasan press dibangkitkan sebagai suatu isu kempen pilihan raya, di mana parti pembangkang berjanji akan memansuhkan pelbagai undang-undang "draconian" yang menyekat kebebasan press, rakyat tidak mengendahkannya dan terus memilih kerajaan yang berjanji tidak akan menghapuskan undang-undang itu tetapi akan memberi tumpuan kepada pembangunan. Mungkin rakyat nampak malapetaka dalam press seterus berbanding press rakan."

Subky Latif, Ketua Penerangan PAS Pusat yang juga seorang tokoh media mengeluh: "Antara yang melemahkan status kebebasan akhbar adalah sikap rakyat sendiri

yang rata-rata merasa puas dengan suasana yang ada." Seterusnya Subky menekankan: "Media bebas boleh diwujudkan tetapi tidak ada mana-mana kerajaan di dunia dari zaman Adam hingga hari kiamat akan memberikan atau menganugerahkan kebebasan yang rakyat tidak minta, sama ganjilnya jika ada mana-mana negara penjajah menganugerahkan kemerdekaan yang tidak diminta oleh tanah jajahannya. Kemerdekaan dan kebebasan media adalah suatu yang mesti diperjuangkan, bukanlah suatu anugerah yang datang menggolek seperti saham menjelang pemilihan puncak pimpinan parti yang memerintah di Malaysia."

Pandangan Presiden Umno, Dr Mahathir tentulah berbeza. Ketika diwawancara majalah mingguan *Newsweek* keluaran 24 April 1995, beliau menjelaskan: "*We think the country is very open. I wish we could control the press. The press must be free to support the government as much as it is free to go against the government. The vernacular press is against the government, sometimes even racist in viewpoint. We tolerate quite a lot. But foreigners don't read the vernacular papers and get the impression that all the papers praise the government. That's not true at all.*"

Meskipun begitu, bagi mengakhiri bab ini wajar juga direnung Deklarasi Rakyat Kelantan sempena perhimpunan rakyat di Stadium Sultan Muhammad ke-IV dua hari sebelum pilihan raya 1995. Nampak jelas sikap mereka terhadap media: "Bahawasanya, kami rakyat Kelantan sedar televisyen dan akhbar kamu, menipu kami. Kamu siarkan berita berat sebelah. Kamu menggelapkan berita benar. Kami sedar kamu mahu memancing dan membeli kami. Tidak akan kami jual negeri ini. Tidak akan kami gadai Islam kami. Sedarlah kamu. Kamu kelirukan agama. Kamu peralatkan tokoh agama seperti terompah kayu. Kamu tolak

hudud. Kamu perlehkan ulama. Kamu paksa tokoh-tokoh korporat tawan hati kami, dengan gula-gula ekonomi. Awas! Kami tidak bodoh. Kami tidak bodoh. Kami tidak bodoh. Kata apa yang kamu hendak kata. Perkosa televisyen dan akhbar sepuas nafsu kamu. Kami akan tetap dengan pendirian kami. Islam cara hidup kami. Al-Quran panduan kami."

# 29

## Ragam Pengundi Yang Mengelirukan

Berbeza dengan parti-parti pembangkang yang lain, PAS menyertai pilihan raya 1995 dalam keadaan yang tidak begitu tertekan, walaupun Dr Mahathir Mohamad menjadikan PAS sasaran utama kecaman dan kritikannya. Dalam situasi sindrom keterbukaan BN, pengundi Islam dijangka memberikan sokongan kepada PAS bagi menguatkan kedudukan dan memperkuuhkan hak orang Melayu/Islam di negara ini. Model pemerintahan PAS di Kelantan diharap dapat mempengaruhi pengundi-pengundi di luar Kelantan dan memecahkan segala tembok yang memisahkan PAS dengan masyarakat. Pelbagai label negatif, seperti PAS tidak tahu mentadbir kerajaan, diharap lebur dengan sendirinya apabila rakyat melihat keupayaan

PAS memenuhi amanah dan tanggungjawab yang diserahkan oleh rakyat Kelantan.

Dari segi itu, pilihan raya 1995 menyebelahi BN. Teka-teki tarikh pilihan raya bukan menunjukkan BN gusar dan sangsi dengan kebolehannya, tetapi Dr Mahathir mahu mem-pastikan kejayaan BN adalah yang terbesar pernah ditem-panya. (*Review*, 8 Disember 1994 merakamkan kenyataan seorang ahli MKT Umno mengenai tarikh pilihan raya: "I think Mahathir wants to make sure that nothing can go wrong. He wants to win big.") BN tidak lagi menumpukan kempen-nya dalam bentuk mengkritik dan mengecam pembang-kang, tetapi lebih kepada penonjolan kekuatan dan keisti-mewaan BN sebagai parti yang dapat meneruskan agenda pembangunan, kemakmuran dan kestabilan negara. Apa-tah lagi Gagasan Rakyat, yang menghimpunkan PMS46 dan DAP berkubur begitu sahaja, manakala Angkatan me-nampakkan riak-riak negatif yang ketara apabila berlaku pertandingan sesama sendiri. Natijahnya, kemenangan BN, dari segi peratusan undi popular (bukannya peratusan per-olehan kerusi) memecah rekod. Sila rujuk rajah A.

Tahun	BN(%)	Pembangkang(%)	Perbezaan
1959	51.8	48.2	+ 3.6
1964	58.5	41.5	+17.0
1969	44.9	55.1	-10.2
1974	60.7	39.3	+21.4
1978	57.2	42.8	+14.4
1982	60.5	39.5	+21.0
1986	57.6	42.2	+15.2
1990	53.4	46.6	+ 6.8
1995	65.1	34.9	+30.2

Rajah A: Peratus undi popular pilihan raya Parlimen 1959-1995 antara Barisan Nasional dan pembangkang

Dua isu besar yang ditujukan kepada PAS, sebelum pembubaran Parlimen ialah pengguguran istilah Islam pada nama PAS (Parti Islam Se-Malaysia) dan pertuduhan khalwat bekas Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Mohamad Sabu. BN nampaknya berubah strategi dalam usahanya melumpuhkan PAS. Kalau dulu fokus kritikan bertumpu kepada apa yang didakwa kelemahan PAS, seperti keupayaan PAS dalam bidang pentadbiran dan kewangan, kini ia menyentuh asas kekuatan PAS, iaitu pegangan Islamnya. Mungkin Dr Mahathir memikirkan pengaruh PAS hanya dapat dihakis, atau ahli-ahlinya dapat dipengaruhi menyertai Umno, apabila imej Umno sebagai parti yang juga memperjuangkan Islam setara dengan imej PAS sekarang. Pilihan Dr Mahathir tidak banyak, sama ada meningkatkan martabat Umno dari segi keislaman (satu perkara yang sukar dilakukan) ataupun menurunkan martabat PAS sebagai parti Islam setaraf dengan kedudukan Umno. Dr Mahathir lebih cenderung memilih kaedah yang kedua.

Pertuduhan khalwat Mohamad Sabu lebih digunakan untuk menjadikan PAS sebagai pihak defensif dan meletakkan skandal seks bekas Ketua Pemuda Umno, Abdul Rahim Tamby Chik di tahap paling bawah. Bagi Dr Mahathir, apa pun keputusan mahkamah, Mohamad Sabu tetap berkhalwat. Dengan itu PAS lebih sibuk mempertahankan maruah Mohamad Sabu daripada menerangkan program dan manifesto parti dan serangan terhadap pelbagai skandal dan penyalahgunaan kuasa BN. Dr Hanapi Dollah, yang bagi saya jelas memihak Umno, dalam kertas kerjanya, *Peraturan moral politik Melayu dalam Pilihan Raya Umum 1995* mengungkapkan: "Peristiwa ini (kes khalwat Mohamad Sabu) dari satu segi boleh diperlihatkan oleh Umno bagi mewujudkan pandangan bahawa tokoh PAS itu tidaklah sebersih mana

meskipun beliau petah mendedahkan keburukan lawannya. Dari segi yang lain, secara tersirat musuh PAS dapat mengetengahkan beberapa persoalan yang boleh dikaitkan dengan gaya hidup sebilangan pemimpin PAS. Umpamanya, soalan-soalan seperti: bagaimana Mohamad Sabu boleh menginap di hotel mewah sedangkan dalam setiap cera-mahnya PAS menadah beg plastik meminta derma; bagaimana Mohamad Sabu boleh menginap di Hotel Perdana sedangkan kerajaan negeri telah membina Hotel Islam al-Ansar; dan bagaimana Ahli Parlimen Nilam Puri boleh bermalam di hotel sedangkan kawasan parlimennya hanya beberapa kilometer sahaja daripada pusat bandar."

Isu utama PAS khususnya perlaksanaan syariah Islam hilang begitu sahaja. Sedangkan Dr Mahathir tidak mempunyai hujah lagi untuk menolak hudud. Timbalannya, Anwar hanya bijak bersilat lidah mendakwa PAS terlalu gopoh untuk melaksanakan hudud, dengan memutarbelitikan hujah ulama Islam terkemuka, Dr Yusof Qardhawi. Dr Yusof dikatakan tidak bersetuju dengan usaha mendaulatkan syariah Islam di Malaysia selagi taraf sosio-ekonomi umat Islam masih rendah. Timbalan Presiden PAS, Ustaz Abdul Hadi Awang yang pernah mengadakan pertemuan dengan Dr Yusof di Turki pada 1994 menjelaskan, pada prinsipnya Dr Yusof tidak bersetuju dengan sebarang usaha untuk menghalang perlaksanaan syariah di negara-negara umat Islam. "Dalam kitab *Fiqh az-Zakah*, Dr Yusof memberi fatwa tidak harus diberi zakat kepada kerajaan yang enggan melaksanakan undang-undang Islam termasuk kuatkuasa hudud. Melalui *Fatwa Mu'asirah* dijelaskan, antara penyelewengan aqidah ialah kerajaan yang menegakkan ideologi sekular," kata Ustaz Abdul Hadi. Bagi Tuan Guru Nik Aziz, jika dibandingkan dengan masyarakat di zaman

Nabi keadaan ekonomi pada hari ini adalah lebih baik dari pada zaman itu di mana hudud mula-mula dilaksanakan: "Hari ini terdapat lebih banyak sebab, dan bukannya lebih sedikit, untuk melaksanakan hudud."

Mengenai isu-isu yang berkait rapat dengan bangsa Melayu, bukan sahaja tidak disentuh secara bermakna oleh PAS tetapi gagal ditangani PMS46 dengan kaedah yang meyakinkan. Rustam A Sani mengulas fenomena itu: "Issu-isu Melayu dan dasar liberal kerajaan itu tampaknya tidaklah disentuh sama sekali oleh parti-parti pembangkang Melayu. Pimpinan PAS yang ada sekarang tampaknya terlalu sibuk dengan persoalan akhlak dan moral para pemimpin Umno dan BN dan mempertahankan akhlak para pemimpinnya sendiri. PMS46 pula hanya mampu memperkatakan ketidakcekapan dan sifat rasuah para pemimpin Umno."

Timbul beberapa persoalan mengenai hal ini, apakah sememangnya PAS tidak berminat lagi untuk memperjuangkan kedudukan dan hak orang Melayu kerana parti itu sebuah parti Islam dan memperjuangkan hak dan kepentingan sejagat, dengan menumpukan usahanya untuk menegakkan Islam secara menyeluruh? Benarkah perjuangan memartabatkan bangsa Melayu bertentangan dengan kehendak Islam? Ataupun, PAS menganggap memperjuangkan isu-isu kemelayuan ini sama seperti asobiyah yang diharamkan oleh Islam? Mungkin juga terdapat perbezaan di dalam jaluran pemikiran pemimpin-pemimpin PAS terhadap isu-isu kemelayuan ini, yakni ada yang bersetuju, ada pula yang membantahnya? Tidak mustahil ada pihak dalam PAS memikirkan isu-isu kemelayuan sudah ketinggalan zaman dan tidak lagi mendapat respons sewajarnya daripada pengundi Melayu?

"Dr Mahathir bukan sahaja dapat menuetralkan semangat kemelayuan tetapi juga menuetralkan kecintaan orang Melayu terhadap agamanya. Dalam zaman Mahathir, ukuran terpenting ialah penguasaan dalam ekonomi, walaupun terpaksa banyak bertolak ansur dan memberikan hak kita kepada bangsa asing. Mungkin bagi Mahathir, hanya orang Cina dapat memastikan Wawasan 2020 tercapai. Meskipun benar isu-isu kemelayuan, antara lain, memenangkan PAS dalam tahun 1969, tetapi harus difikirkan semakin masak-masaknya apakah ia masih relevan sekarang ini dengan perubahan pemikiran orang Melayu ini," ujar seorang bekas wartawan sebagai reaksi awal terhadap polemik kecil, wajarkah PAS menjadikan isu-isu kemelayuan sebagai agenda utamanya. "Memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu tidak bermakna PAS menyempitkan skop perjuangannya. Ia hanya satu pengkhususan dari sekian banyak isu-isu dan dasar Islam yang terus menjadi agenda unggul PAS," rakannya pula menambah, sambil meneckankan perlunya PAS diterima oleh seluruh orang Melayu sebagai alternatif terhadap Umno yang tidak lagi boleh diharapkan membela kepentingan orang Melayu dari segi jangka panjang.

Saya sendiri merasakan PAS tidak mengetepikan isu-isu kemelayuan, cuma mungkin ia kurang ditonjolkan, dengan harapan PMS46 dapat mengambil alih peranan itu. Saya kira isu-isu kemelayuan ini akan dibahaskan secara lebih terbuka oleh pemimpin-pemimpin PAS pada masa depan. Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor sendiri menekankan hal ini, dengan panjang lebar: "Setiap kali pilihan raya, orang Melayu dan orang Islamlah yang paling banyak berkorban berbanding pihak lain. Warganegara bukan Islam di negara ini berpeluang membinakekayaan dan memberi

balik sedikit kekayaan itu untuk tabung kewangan negara dengan membayar cukai dan sebagainya. Tetapi bangsa Melayu yang umumnya beragama Islam paling banyak berkorban - tanah yang mereka miliki, bahasa yang mereka miliki. Sebab itu pada setiap kali pilihan raya, orang bukan Melayu di negara kita semakin berpuas hati. Sedangkan orang Islam dan orang Melayu, semakin merasa tidak puas hati.

"Keadaan ini serupa dengan nasib orang Arab di Palestin dan orang Arab di luar Palestin. Apabila berlaku pererangan antara Arab dan Israel, orang Arablah yang paling tidak berpuas hati, manakala orang Israel semakin berpuas hati. Israel berjaya meluaskan jajahan takluknya dalam perang 1948, perang 1956, perang 1967 dan perang 1973. Setiap kali berlaku perperangan, orang Arablah yang dukacita - tanah mereka semakin hilang, kuasa mereka semakin hilang, kampung halaman mereka semakin hilang, hak-hak mereka semakin hilang. Sehingga pemimpin nasionalis Palestin, Yasser Arafat menandatangani perjanjian damai dengan Israel, dengan harapan langkah ini dapat memberi sedikit kepuasan kepada Arab Palestin, ia sebaliknya makin memburukkan keadaan. Begitulah juga keadaan yang wujud di negara kita. Setiap kali berlaku pilihan raya, orang bukan Islam dan bukan Melayu semakin berpuas hati, manakala orang Islam dan orang Melayu semakin tidak berpuas hati.

"Sekarang timbul sungutan tentang kedaulatan bahasa Melayu yang mulai terjejas apabila kerajaan BN mahu memahkotakan semula bahasa Inggeris di institusi pengajian tinggi dan dalam kegiatan ekonomi. Ini diikuti dengan cadangan mengorporatkan universiti. Apa yang jelas, setiap kali berlaku perubahan dasar, orang Melayu yang perlu berkorban. Dan bagi kita yang memperjuangkan Islam,

bukan bermakna kita boleh menggadaikan hak kita. Islam menjamin hak yang sah yang dimiliki oleh sesuatu kaum. Dan kita mempertahankan hak yang kita miliki dengan sah. Itu tidak bercanggah dengan Islam. Kita bukannya menzalimi orang lain, menganiayai orang lain mahupun merampas hak orang lain. Kita mempertahankan hak kita yang telah diterima oleh orang lain serta memperteguhkan hak itu seperti dalam soal bahasa dan soal pendidikan tinggi yang tidak membebangkan rakyat. Ini adalah hak-hak yang kita nikmati dan ia diterima oleh orang lain. Bila kita mempertahankan hak ini, ia bukan bererti kita melakukan sesuatu yang bercanggah dengan Islam. Kita mempertahankan sesuatu yang tidak mendatangkan penganiayaan kepada orang lain.

"Kehormatan dan hak kita perlu dipertahankan, dan ini dituntut oleh Islam. Oleh itu ada hadis yang menyebut, barang siapa yang mempertahankan agamanya dia syahid, mati mempertahankan hartanya dia syahid, mati mempertahankan kehormatannya dia syahid. Itu adalah tuntutan-tuntutan Islam. Jadi kalau bahasa Melayu adalah hak kita dan telah diterima sebagai hak nasional, ia mesti diperkuat, diperkujuh dan diperdaulatkan. Jika kita pertahankan, itu adalah tuntutan yang tidak menyimpang daripada perjuangan Islam. Jadi perjuangan Islam adalah satu perjuangan yang luas. Bukan saja kita berjuang mempertahankan syariat dan hendak melaksanakan syariah, tetapi segala yang dibenarkan oleh Islam wajib dipertahankan, selama ia tidak mendatangkan kezaliman dan penganiayaan kepada orang lain. Menyentuh soal bahasa, ia telah diterima oleh semua rakyat Malaysia. Sepatutnya kerajaan mesti memperhebat, memperluas dan memantapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sudah beratus-ratus juta

wang dibelanjakan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan kursus-kursus pengajian di universiti-universiti bagi memantapkan bahasa Melayu. Ia dibuat untuk menjadikan bahasa Melayu bukan saja sebagai bahasa pertuturan tetapi juga bahasa ilmu dan pentadbiran. Mengapa sekarang kita hendak berpatah balik kepada bahasa Inggeris?"

"Dasar kerajaan BN kini," tambah Ustaz Fadzil, "tidak lagi menekankan matlamat 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Sepatutnya satu dasar yang boleh mengimbangi kepentingan golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar ekonomi yang dirangka bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bukannya mengimbangi, malah sebaliknya menjauhkan jurang itu. Ia hanya mewujudkan sekelompok orang Melayu Bumiputera yang menguasai sebahagian ekonomi, bukan untuk mengimbangi penguasaan itu bagi golongan rakyat terbanyak. Kita tidak mahu ekonomi negara hanya dikuasai oleh segelintir manusia dan golongan kecil ini pula menguasai rakyat."

Kenyataan Ustaz Fadzil itu, dari dari satu sudut, rasanya boleh mententeramkan sedikit kegusaran hati pemimpin-pemimpin PMS46 yang menganggap mereka akan berhadapan dengan tentangan PAS apabila menyuntik ideologi nasionalisme Melayu sebagai agenda pokok perjuangan. Ketua Penerangan PMS46, Ahmad Shabery Cheek pernah menyatakan: "Penegasan kepada soal mengangkat martabat Melayu dan menjadikan Melayu sebagai faktor pentakrif dalam pembinaan negara-bangsa Malaysia lebih diutamakan. Ada yang menganggap nasionalisme Melayu bertentangan dengan Islam kerana ia disamakan dengan konsep asobiyah - yang sesat dan bertentangan dengan

Islam. Kami terpaksa bertungkus lumus menjelaskan, bahawa nasionalisme kami bukanlah asobiyah, kerana asobiyah yang dikutuk oleh Islam ialah faham rasisme yang mendewakan satu kaum dan menindas kaum yang lain. Sebaliknya nasionalisme kami bukannya untuk menindas mana-mana kaum. Ia hanya ingin menegaskan di negara ini ada penduduk asalnya. Iaitu orang Melayu yang juga merupakan orang Islam. Orang ini harus dibela, masalah kemiskinan dan kemundurannya mesti diatasi, bahasanya mesti didaulatkan, budayanya mesti dijadikan teras kebudayaan negara ini."

Mungkin ada ahli PAS mempersoalkan, perlukah nasionalisme Melayu dijadikan ideologi parti? Sekadar meletakkan perjuangan memartabatkan bangsa Melayu dan menyelesaikan kemelut serta dilema Melayu adalah satu keperluan yang juga dirasakan oleh pemimpin PAS tetapi dengan menjadikannya sebagai ideologi boleh menimbulkan kekeliruan. Sebarang keraguan yang boleh merenggangkan hubungan PAS-PMS46 seharusnya dielakkan jika kedua-dua parti Islam-Melayu itu berazam menjadi parti alternatif orang Melayu. Corak politik tanahair banyak bergantung kepada perkembangan hubungan antara PAS-PMS46, tidak terkecuali mengadakan kerjasama dengan Umno.

"Jangan hanya dijangka Semangat 46 akan mendekati atau didekati Umno, tetapi PAS juga mempunyai potensi yang sama, khususnya jika Anwar berjaya menjadi Perdana Menteri," ujar seorang pemerhati politik.

Masalah dan karenah yang timbul dalam persefahaman politik PAS-PMS46 banyak saya singgung dalam bab berkaitan. Yang ingin saya tekankan di sini ialah sejauh mana pembangkang, khususnya PAS memanfaatkan tem-

poh kempen yang sebegini singkat dalam mengolah isu-isu bagi meraih sokongan pengundi. Seperti disebutkan, dalam isu-isu kemelayan PAS dan juga PMS46 dikira gagal memanfaatkannya, meskipun BN cukup berjaya mengalahkan sokongan pengundi bandar, daripada DAP kepada BN, dengan menggunakan isu-isu yang dikatakan merugikan bangsa Melayu tadi. Ini memperlihatkan kehebatan BN dalam memanipulasikan isu. Sepatutnya, apabila pengundi Cina menyokong BN kerana begitu berpuas hati dengan perubahan yang menyebelahi mereka sepanjang empat tahun lalu, tentunya pengundi Melayu bertindak sebaliknya. Walaupun diakui berlaku peningkatan sokongan pengundi Melayu kepada Angkatan, tetapi undi protes itu terlalu kecil untuk merubah percaturan politik.

Sepanjang 1986 - 1990, isu-isu yang timbul cukup mengecewakan pengundi Cina, khususnya di bandar. Hasilnya, begitu ramai pemimpin-pemimpin bukan Melayu BN diselamatkan oleh pengundi-pengundi Melayu. Maknanya, BN seharusnya menghargai peranan yang dimainkan oleh pengundi Melayu, yang mesti diterjemahkan dalam bentuk dasar dan rancangan kerajaan yang mengambil berat kehidupan dan masalah orang Melayu. Apa yang berlaku tidak begitu, BN yang menang kerana sokongan pengundi Melayu, lebih berusaha memenangi hati pengundi Cina. "Apa nak dihiraukan dengan pengundi Melayu? Buatlah apa saja, majoriti pengundi Melayu akan taatsetia kepada BN sampai kiamat. Jadi perlu apa BN sensitif dan peka dengan tuntutan dan kehendak orang Melayu kerana BN tahu orang Melayu tidak akan derhaka. Lebih baik BN mengatur strategi untuk mendapat undi dari pengundi Cina, khususnya di Pulau Pinang, yang diketahui begitu kritis. Lagi pula orang Cina sekarang, selepas menikmati keme-

wahan ekonomi yang mantap dan stabil, mereka terus melangkah ke depan, untuk menguasai bidang politik," kira-kira begitu pandangan yang saya dengar apabila bercerita tentang mentaliti pengundi Melayu.

Misalnya, kes pengambilan tanah hanya membabitkan kawasan Melayu. BN rasanya cukup berhati-hati dan tidak sanggup menanggung risiko politik yang tinggi jika ia menyentuh tanah milik orang Cina. Tiada undi protes yang ditunjukkan secara bermakna di Tangga Batu (Melaka), Ayer Hitam dan Sik (Kedah) dan Gelang Patah (Johor), iaitu di kawasan terbabit. Ataupun mungkin pengundi terpengaruh dengan janji Dr Mahathir untuk mengkaji Akta Pengambilan Tanah semasa kempen pilihan raya. "Umno tidak akan berani merampas tanah orang Melayu kalau pemimpinnya belum dapat pastikan kedudukan Umno tidak tergugat dengan tindakan itu. Umno sudah tentu membuat kajian terperinci terutama dari segi psikologi pengundi Melayu dalam isu-isu seumpama itu. Walaupun amok hanya ada dalam perbendaharaan kata orang Melayu, tetapi ia begitu jarang berlaku. Kalaupun orang Melayu tidak puas hati, mereka hanya akan tumbuk dinding," kata seorang pemimpin PAS Kedah.

Mengenai faktor isu, calon dan parti, saya menghuraikannya dalam bab yang lain. Tetapi harus dibangkitkan, apakah orang Melayu sememangnya tidak tertarik langsung dengan isu, meskipun diketahui masa depan anak cucunya terjejas dengan sesuatu rancangan baru kerajaan? Bukankah kemenangan Angkatan di Kelantan pada 1990 dan peningkatan undi mendadak PAS pada 1969 juga bergantung rapat dengan isu? Mungkin akan tiba kepada kesimpulan, bukannya orang Melayu tidak sensitif dengan isu tetapi pemimpin pembangkang tidak bijaksana mengu-

ruskan isu-isu tersebut sehingga memungkinkan pengundi terdorong untuk menolak BN dan mengundi pembangkang? Ataupun kekuatan BN, khususnya dari segi pembangunan berterusan dan kestabilan negara dapat mengatasi beberapa kelemahan dan kepincangan, seperti isu pengambilan tanah dan beberapa kes penyalahgunaan kuasa?

Sekarang ramai orang bercakap tentang masa depan, selari dengan idea Wawasan 2020. Jadi, mengapa pengundi Melayu yang sensitif dengan masa depan itu tidak merasa bimbang nasib anak-anak mereka pada abad 21 nanti, hasil dari rancangan kerajaan BN yang mengetepikan hak dan kepentingan Melayu? Rasanya majoriti masyarakat Melayu masih menganggap Umno adalah pelindung kepentingan mereka, masa kini dan juga hari esok. Cacat cela beberapa pemimpin Umno, dan rancangan pembangunan kerajaan yang meminggirkan orang Melayu, walaupun menjelaskan sedikit imej pelindung itu tetapi masih belum kuat untuk menyebabkan orang Melayu tidak lagi mengidentifikasi ciri kemelayuan dengan Umno. Bagi saya, pertarungan pilihan raya juga banyak bergantung kepada soal taktik dan teknik. Penguasaan pembangkang dalam aspek taktik dan teknik pilihan raya tidak dapat menandingi kehebatan BN yang dibantu oleh pelbagai tenaga pakar yang berkaitan.

Beberapa pemimpin PAS yang ditemui merasakan perlu PAS menekankan soal aqidah Islam daripada membuang masa membahaskan isu-isu dan pergolakan semasa yang mudah dipatahkan oleh BN. "Hanya dengan satu kenyataan untuk meminda akta tanah, segala isu rampasan tanah menjadi basi. Hanya dengan pertuduhan khalwat Mohamad Sabu, isu Rahim Tamby Chik tenggelam," kata salah seorang darinya. "PAS tidak akan disokong hanya kerana berjaya menjelaskan kepada umum penyelewengan

dan kemungkaran pemimpin Umno. PAS disokong kerana dasar perjuangan Islamnya, kerana diketahui pemimpinnya berakhlak. Tetapi masyarakat umum masih belum berani menyerahkan amanah kepimpinan kepada PAS kerana mereka tidak yakin kemampuan PAS untuk memerintah. Mereka akui Ustaz Fadzil orang baik, Nik Aziz seorang ulama. Tetapi mereka merasakan Dr Mahathir lebih bijak mentadbir, lebih mampu berunding dan berdagang dengan negara luar," hujah seorang pemimpin muda PAS. Mungkin ini bermakna sentuhan PAS terhadap masalah ekonomi, kewangan, budaya, perbankan, hubungan antarabangsa, sukan dan seumpamanya belum begitu memuaskan.

"Imej PAS perlu ditingkatkan. Seharusnya ada usaha khusus memprojekkan imej PAS yang sebenarnya dan tidak lagi terlindung dengan paparan negatif media BN. Pejabat Agung PAS harus lebih aktif merencana dan melancarkan program memulihkan imej PAS ini setelah melakukan bedah-siasat yang kemaskini. Ia harus dipusatkan. PAS juga harus mentakrifkan semula definisi sebuah parti pembangkang yang berkesan, supaya tidak dilabelkan hanya pandai mengkritik sahaja," ujarnya lagi. Menurutnya, BN dikekalkan bukan kerana kekuatannya tetapi kerana sukar mencari alternatif. Kelemahan dan kepincangan BN dapat ditampung oleh kelemahan pembangkang yang lebih ketara. Majoriti pengundi tidak mahu memperjudikan masa depan negara dengan menukar kerajaan kepada parti-parti pembangkang yang hubungan sesama mereka masih bercelaru.

Mengekalkan sebuah parti, yang pada tanggapan seorang pengundi, telah membuktikan keupayaannya memajukan prestasi ekonomi bukan hanya dirasakan oleh pengundi Malaysia tetapi juga terbukti pada pengundi Ame-

rika, dalam kes pilihan raya Presiden Amerika antara George Bush dan Clinton. Dalam keadaan ekonomi negara adalah stabil dan memberansangkan, maka kerajaan yang memerintah akan mempunyai peluang yang cerah untuk menang. Kemenangan Ronald Reagan dalam tahun 1984 banyak dipengaruhi oleh faktor ini. Sebaliknya George Bush yang berjaya memimpin tentera bersekutu menewaskan Iraq dalam Perang Teluk, 1990, diketepikan begitu sahaja dalam pilihan raya tahun berikutnya kerana kegagalan dasar-dasar ekonominya. Pengundi lebih tertarik dengan program ekonomi Clinton untuk memulihkan kedudukan ekonomi Amerika Syarikat walaupun belum pernah teruji lagi kewibawaannya mentadbir negara dan menguruskan dasar luar Amerika Syarikat.

Dengan itu, PAS tiada pilihan melainkan mempamerkan keupayaannya dari segi menguruskan masalah ekonomi, kewangan dan pentadbiran negara yang cekap dan efesien. Dalam pada itu, idea kemajuan menurut tafsiran Islam harus "dipasarkan" dengan baik, cermat dan bijaksana sehingga boleh diterima umum, khususnya kepada pengundi Islam. Saya menekankan sikap cermat kerana dibimbangi idea kemajuan dan pembangunan PAS diertikan dari sudut kerohanian sahaja, yang memudahkan musuh politiknya terus menempelak dan menyudutkan PAS sebagai parti anti-kemajuan. Tugas ini bukan mudah. Idea kemajuan sekular yang ditanamkan oleh Umno terpasak dalam minda masyarakat Islam negara ini. Menurut Mohamad Abu Bakar (Jabatan Sejarah, UM) Daripada sudut Islam, penghayatan Islam itu sendiri adalah kemajuan, dan selama orang Islam mengamalkan cara Islam untuk mencapai objektif Islam, maka selama itulah mereka berada dalam proses kemajuan.

Dr Hussain Mohamad (Universiti Malaya) menyenaraikan beberapa kelemahan pembangkang, yang antara lain, kegagalan meneruskan kerjasama dalam Gagasan Rakyat, tiadanya konsep "Kabinet/Kerajaan Bayangan", calon-calon rayau, calon-calon yang lompat, calon-calon "upahan" sebagai calon pembangkang, ketandusan rekod kegiatan sukarela setempat, tindakan-tindakan yang *over-confidence*, kesamaan program pembangunan alternatif, dan masalah perhubungan berterusan dengan pengundi.

Calon-calon rayau (*run-away candidates*) ialah mereka yang bertanding di kawasan yang berbeza-beza dalam beberapa pilihan raya. Perkara ini mungkin disengajakan bagi menjamin menangnya calon atau tokoh-tokoh berkenaan. Tetapi ia sekali gus juga boleh memperlihatkan dua kemungkinan lain. Pertama, dalam kawasan pilihan raya berkenaan tidak terdapat kepimpinan parti itu yang berkesan. Ertinya, tidak ada tokoh dan calon alternatif yang boleh menyaingi tokoh dan calon BN. Kedua, kemungkinan kehadiran tokoh parti yang lebih popular itu dapat meredakan ketegangan dan perebutan untuk menjadi calon di kalangan tokoh-tokoh setempat parti pembangkang berkenaan. Tetapi di antara sebab-sebab kekalahan calon rayau ini juga kerana terdapat sabotaj tertentu di kalangan anggota penyokong setiap parti sendiri, semata-mata kerana kehadirannya yang dikira "tokoh luar" tidaklah direstui seikhlasnya oleh kepimpinan tempatan. Beberapa calon pembangkang juga bukan sahaja bertaraf calon bidan terjun bahkan tidak mempunyai iltizam terhadap perjuangan politiknya. Calon lompat ini barangkali merugikan pembangkang dalam tempoh jangka pendek, sebaliknya parti boleh dibersihkan daripada orang yang bersifat opurtunis ini dalam jangka panjangnya.

Dr Hussain juga mengemukakan punca kemenangan besar BN, antaranya penggunaan wang ringgit, penggunaan alat jentera kerajaan, media massa yang berat sebelah, faktor kepimpinan Dr Mahathir Mohamad, status kerajaan sementara yang tidak jelas, kemakmuran sosio-ekonomi, penerimaan pengundi bandar dan pinggir bandar, dan sukarnya mendapat tokoh alternatif. Wang boleh sahaja digunakan untuk mendapatkan sokongan daripada, hatta, pengundi dan ahli parti yang pasif. Caranya berbagai-bagai, daripada "duit rokok", hadiah kain pelikat dan kain sarung, basikal budak sekolah, baja subsidi, tambang kapal terbang untuk melancang ke Medan dan Danau Toba atau mengerjakan umrah, sehingga kepada konsesi perniagaan tertentu yang sukar dikesan dan masih mampu untuk dilabelkan sebagai urusan halal di sisi undang-undang. Demikian juga jentera kerajaan yang sering dilibatkan dalam urusan politik kepartian, daripada perhimpunan *Semarak* sehingga *Perhimpunan Bersama Rakyat*.

Malahan banyak pihak beranggapan, oleh kerana begitu lamanya parti yang sama berkuasa, ia selamanya bukan sahaja menyebabkan sukarnya dibezakan di antara parti yang berkuasa dan kerajaan. Menurut Dr Hussain lagi, konsep kerajaan sementara (*Caretaker government*) yang sepatutnya diberikan status yang jelas sebaik sahaja Parlimen dibubarkan (sehingga tertubuhnya sebuah kerajaan baru selepas pilihan raya) tidak diberikan perhatian. Keadaan ini menyebabkan proses pilihan raya itu ditanggapi umum seolah-olah suatu pertarungan parti pembangkang untuk merebut kuasa daripada pihak "kerajaan", bukannya dengan sesebuah organisasi politik yang setaraf yang sama-sama ingin mendapatkan mandat daripada rakyat. Timbalan Presiden PMS46, Dr Rais Yatim pernah mengulas

masalah ini: Kerajaan sementara yang wujud selepas pembubaran Parlimen tidak boleh menggunakan jentera kerajaan untuk berkempen, menyerahkan bantuan mahupun mengumumkan projek pembangunan. Fungsi kerajaan sementara dihormati di kebanyakan negara seperti Britain, Kanada, New Zealand, India dan lain-lain negara Komanwel, kecuali Malaysia dan Singapura.

Meskipun isu-isu luar negara tidak begitu banyak dibahaskan semasa kempen, seperti yang berlaku pada pilihan raya 1964 namun analisis Mohd Shamsudin, Jabatan Sejarah, UKM perlu diberikan perhatian khusus. Pada 1964, Perikatan menggunakan isu penubuhan Malaysia dan konfrontasi untuk menghentam Barisan Sosialis dan PAS secukup-cukupnya ketika dua hari sebelum hari mengundi sama waktu dengan pengeluaran Kertas Putih Kerajaan mengenai niat kerajaan Indonesia terhadap Malaysia. Kertas Putih tersebut mengaitkan peristiwa beberapa pemimpin Barisan Sosialis dan PAS bekerjasama dengan agen-agen Indonesia. Keresahan penduduk terhadap rancangan Presiden Soekarno menyerang Malaysia menyebabkan mereka menyokong rancangan Malaysia yang dikemukakan Tunku Abdul Rahman. Menurut Mohd Shamsudin, DAP dan PAS lebih banyak menumpukan isu-isu dalam negeri, khususnya mengenai Pulau Pinang dan Kelantan, menyebabkan kurangnya isu-isu dasar luar disentuh.

Bagaimanapun terdapat beberapa isu yang tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak pembangkang dalam kempen pilihan raya umum 1995. Antaranya, pembelian pesawat MIG 25 dari Russia oleh kerajaan Malaysia sedangkan pada masa yang sama tentera Russia telah menyerang Chechnya. Tindakan Russia menghantar tentera menyerang wilayah Chechnya telah mendapat kutukan dan tentangan

daripada pelbagai pihak terutamanya dari negara-negara Islam dunia. Bagaimanapun, menurut Mohd Shamsudin, isu ini diabaikan oleh parti-parti yang bertanding. Di samping itu, tindakan Russia yang menyebelahi puak pengganas Serb di dalam pergelutan di Bosnia dapat dikaitkan dengan langkah untuk membatalkan pembelian MIG 25 dari Russia tetapi ia juga tidak digunakan sewaktu pilihan raya.

"Manifesto yang digubal BN mempunyai kekuatan yang membantunya untuk lebih terhadapan dengan isu-isu dasar luar. Ia merangkumi dasar luar Malaysia terhadap perkembangan politik dan *trend* antarabangsa. Dalam waktu yang sama, pengiktirafan yang diberikan oleh negara-negara luar terhadap tindakan serta pandangan Malaysia di peringkat antarabangsa lebih meyakinkan masyarakat tempatan dengan kemantapan dasar luar yang dilaksanakan selama ini. Keupayaan Perdana Menteri membawa imej Malaysia sebagai negara yang berusaha ke arah pemuliharaan perdamaian, alam sekitar, hak-hak asasi manusia terbukti dengan adanya lawatan daripada pelbagai pemimpin negara dan juga terbentuknya perjanjian persefahaman dengan negara-negara luar," tegas Mohd Shamsudin.

PAS juga menggariskan dasar luar dalam manifesto-nya. "Namun manifesto yang dikemukakan itu," katanya, "telahpun terkandung dalam dasar luar yang dilaksanakan oleh BN serta tidak dapat melahirkan satu gagasan baru dalam dasar luar yang mampu menandingi manifesto BN. Manifesto yang dikemukakan lebih banyak tertumpu mengenai kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang terpaksa berhadapan dengan cabaran besar daripada negara-negara Barat yang lebih sukar dalam bentuk atau *trend* perkembangan dan politik antarabangsa. Walaupun begitu, dalam kempen-kempen pilihan raya isu-isu dasar

luar yang dibangkitkan PAS dalam manifestonya kurang ditonjolkan. Keadaan dunia antarabangsa ketika pilihan raya memperlihatkan penguasaan negara-negara maju terutama dari Amerika Syarikat dan Eropah terhadap percaturan politik antarabangsa serta kelemahan negara-negara Islam melalui OIC menangani isu-isu mereka sendiri menyukarkan manifesto ini diterima secara umum oleh pengundi."

Seorang teman saya memberikan respons dalam hal ini, agak menarik juga. Katanya, dalam isu Bosnia, PAS jauh tertinggal dari Umno. Beberapa saranan pemimpinnya dibuat secara spontan dan tidak mendalam. "Pemimpin PAS," tambahnya lagi, "selalu berkunjung ke luar negara, tetapi masyarakat tidak dimaklumkan sumbangan pemikiran yang diberikan mereka dalam persidangan dunia yang dihadiri itu. Kita bimbang ia sekadar makan angin, atau satu kesempatan bertanya khabar tentang nasib gerakan Islam sedunia tanpa satu perbincangan serius dan teratur bagi merumuskan agenda bertindak yang berkesan. Pemimpin PAS harus seiring dengan ketokohan Dr Hassan Turabi dari Sudan ataupun Dr Najmudin Erbakan dari Turki."

Kajian ragam pengundi yang dilakukan oleh Prof Dr Abdul Hamid Abdullah, Jabatan Geografi, UKM berdasarkan kerja lapangan pada Ogos 1992 seharusnya dimanfaatkan atau sekurang-kurangnya dijadikan salah satu panduan oleh pembangkang berhadapan dengan cabaran getir politik masa depan. Kajian itu dijalankan secara tinjauan sampel di seluruh Semenanjung Malaysia membabitkan 2384 responden, yang berumur 21 tahun dan ke atas. Dari segi umur, 76.1% responden berumur antara 21 hingga 49 tahun, dan bakinya berumur 50 tahun dan lebih. 66.3% Melayu, 25.5% Cina dan 7.3% India. Kebanyakan mereka (81.4%) ditemubual di Johor, Kelantan, Kedah dan Selangor.

ngor, bakinya, 18.4% di negeri-negeri lain. 9.5% responsen tidak pernah bersekolah, 26.3% sekolah rendah, 23.1% sekolah menengah dan 14.5% lulusan kolej atau universiti. 16.9% responden berpendapatan RM1,000 dan lebih, 17.4% antara RM700 hingga RM999, 31.7% antara RM300 hingga RM699, 14.5% di bawah RM3,00, dan 19.5% mengakui tidak ada pendapatan. Beberapa penemuan menarik Dr Abdul Hamid ditunjukkan dalam rajah-rajah 1 hingga 6.

Kategori	Bil.	Peratus
Amat Berminat	240	10.1
Berminat	1206	50.6
Tidak Pasti	256	10.7
Tidak Berminat	635	26.6
Amat Tidak Berminat	47	2.0
Jumlah	2384	100.0

Rajah 1: Minat terhadap politik

Sumber	Bil.	Peratus
Media Cetak	1628	68.3
Radio dan TV	1321	55.4
Rakan-rakan	775	32.5
Wakil Rakyat/		
Pemimpin Politik	530	22.5
Ahli Keluarga	447	18.8
Jiran dan Kawan	302	12.7
Ketua Kampung/Penghulu	183	7.7

Rajah 2: Sumber-sumber maklumat politik (n=2384)

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

<b>Asas Pemilihan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Peratus</b>
Calon	316	16.9
Parti	853	45.5
Calon dan Parti	704	37.6
Jumlah	1873	100.0

Rajah 3: Asas pemilihan di kalangan pengundi dalam pilihan raya 1990

<b>Ciri-ciri</b>	<b>Bil.</b>	<b>Peratus</b>
Ketekahan dan		
Keperibadian Baik	593	58.7
Berpelajaran Tinggi	131	13.0
Sama Bangsa atau/dan Agama	120	11.9
Berlatarbelakang Keagamaan	110	10.9
Orang Tempatan	47	4.6
Jantina	10	0.9
Jumlah	1011	100.0

Rajah 4: Ciri-ciri calon yang diutamakan oleh pengundi

<b>Ciri-ciri</b>	<b>Bil.</b>	<b>Peratus</b>
Dasar/Manifesto Parti	675	45.9
Yakin Terhadap Kepimpinan	373	25.4
Parti		
Tiada Parti Lebih Baik	218	14.8
Yakin Terhadap Calon	161	11.0
Mewakili Parti		
Kempen Yang Bersemangat	42	2.9
Oleh Parti		
Jumlah	1467	100.0

Rajah 5: Ciri-ciri parti yang diutamakan oleh pengundi

RAGAM PENGUNDI YANG MENGELIRUKAN

Parti	Bil.	Peratus
PAS	415	17.6
DAP	155	6.6
Semangat 46	140	5.9
Angkatan	122	5.1
Gagasan Rakyat	57	2.4
Tiada Alternatif	1475	62.4
Jumlah	2364	100.0

Rajah 6: Alternatif kepada Barisan Nasional untuk memerintah negara

Selain itu, maaf kerana membebarkan anda dengan statistik yang mungkin membosankan, tetapi ia penuh bermakna. Satu lagi kajian yang perlu diteliti keputusannya ialah mengenai perilaku pengundi di negeri Kedah, yang dilakukan oleh Dr Ahmad Fawzi Basri, Mohd Fo'ad Sakdan, Mohamed Mustafa Ishak dan Shafee Saad, dari Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Kajian ini dijalankan di tiga kawasan Parlimen di Kedah, iaitu Pendang, Kota Setar dan Jerlun, yang melibatkan 1118 orang responden. Antara beberapa penemuan yang menarik digambarkan melalui rajah-rajah 7, 8 dan 9.

Parti	Keberkesanan	Bil.	Peratus
Umno	Berkesan	986	88.2
	Tidak Berkesan	49	4.4
PAS	Berkesan	635	58.5
	Tidak Berkesan	338	34.4
DAP	Berkesan	356	31.8
	Tidak Berkesan	385	34.4
PMS46	Berkesan	187	16.7
	Tidak Berkesan	399	35.7
PRM	Berkesan	157	14.2
	Tidak Berkesan	133	11.9

Rajah 7: Keberkesanan kerajaan dari persepsi pengundi

Faktor-faktor	Bil.	Peratus
Kepemimpinan	319	28.5
Aliran Perjuangan Sama	201	18.0
Agama	174	15.6
Pengalaman	56	5.0
Kelulusan	52	4.7
Isu	31	2.8

Rajah 8: Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan ahli Parlimen

Tempoh Waktu	Bil.	Peratus
Sebaik Mengetahui Calon	498	44.5
Tidak Pernah Memikirkan	259	23.2
Lebih Tiga Hari	132	11.8
Hari Mengundi	90	8.1
Dua Hari	43	3.8

Rajah 9: Jangkawaktu penentuan pemilihan calon

Butiran yang dikemukakan itu sekurang-kurangnya memberikan idea awal tentang strategi yang wajar digunakan oleh pembangkang. Sejauhmanakah maklumat dan penerangan parti sampai kepada pengundi? Sekiranya pengundi lebih memilih parti daripada calon, apakah langkah sesuai PAS dan PMS46 bagi meningkatkan imejnya? Disenaraikan juga kriteria calon dan parti yang disokong pengundi; mungkin dari maklumat ini dapat diperhatikan beberapa kekurangan yang ketara dalam parti dan keperibadian calon yang dipilih. Ditunjukkan bahawa majoriti pengundi tidak terpengaruh dengan kempen selepas hari penamaan calon. Justeru itu harus diikhtiar supaya penerangan dapat dilakukan berterusan semenjak awal lagi. Semasa hari kempen, mungkin agendanya dapat dikenal pasti supaya semua sumber yang ada dapat dimanfaatkan semaksima mungkin. Majlis ceramah besar-besaran dalam masa sepuluh hari kempen wajar dikaji semula.

Dalam pada itu pendedahan calon PAS kawasan Ta-han di Pahang cukup menarik untuk dikaji. Beberapa pusat mengundi yang pengundinya datang dari kampung yang tidak mendapat siaran televisyen mencatatkan perolehan undi yang memihak kepada calon PAS. Mungkin ini bukti paling istimewa bagi pengkaji media yang cuba mengesan sejauh mana pengaruh TV kepada kecenderungan mengundi seseorang pemilih.



# 30

---

## **Surat Terbuka Mahathir Buat Pengundi**

*Rakyat Malaysia yang dihormati:*

*Kita mempunyai banyak sebab untuk bersyukur dan meraikan kejayaan.*

*Dalam dunia yang penuh dengan persengketaan dan penderitaan, rakyat Malaysia menikmati keamanan dan keharmonian yang berterusan. Kestabilan yang kita nikmati sekarang telah dibina sekian lama oleh kerajaan yang mementingkan rakyatnya. Berbeza daripada negara-negara lain, perbezaan agama dan kaum telah memberi kekuatan kepada kita.*

*Langkah kita ke arah perindustrian dan pembangunan yang pesat telah dibentuk oleh sejarah kestabilan. Barisan Nasional sentiasa*

*mengamalkan demokrasi sebuah negara membangun - menjamin sumber-sumber dan masa yang diperlukan oleh sebuah negara muda mencapai wawasannya.*

*Pada hari ini setiap rakyat Malaysia telah mendengar Wawasan 2020. Ini adalah menggembirakan kerana ini bermakna kita disatukan oleh hasrat yang sama. Kita ingin menjadi rakan yang setanding dalam dunia yang berlumba-lumba untuk maju ke depan mencapai kejayaan-kejayaan yang besar. Barisan Nasional adalah peka terhadap perubahan-perubahan ini dan akan terus melaksanakan program-program bagi menjamin kita tidak akan ketinggalan di belakang. Kita boleh berbangga bahawa sejak tujuh tahun yang lepas kita telah menikmati pertumbuhan ekonomi sebanyak 8 peratus - antara yang tertinggi di dunia.*

*Kita telah hampir membasmi kemiskinan dan kini hampir tidak mempunyai pengangguran. Pembangunan bersepadu telah menghasilkan kemajuan yang pesat bukan sahaja penduduk di kawasan bandar tetapi juga penduduk di luar bandar. Kemakmuran negara dinikmati bersama oleh semua rakyat Malaysia dan ini dapat dilihat daripada peningkatan pendapatan per kapita sebanyak lebih daripada RM8,000 bagi rakyat Malaysia dalam tempoh lebih 20 tahun.*

*Dengan kemudahan pendidikan dan rawatan kesihatan yang bertambah baik, kita hari ini menikmati kualiti hidup antara yang terbaik di dunia.*

*Setiap rakyat Malaysia mempunyai peranan dalam mencorak masa depan negara dan juga dunia ini. Jika kita ingin mencapai rancahan bagi masa depan yang gemilang, kita perlu berkerjasama seperti mana yang telah kita lakukan dalam dekat-dekat yang lepas. Kita tidak mampu melihat rancangan-rancangan kita digagalkan oleh mereka yang hanya mementingkan cita-cita politik mereka. Kita perlu menolak ekstremisme politik dan keagamaan. Jangan mensia-siakan perpaduan dan kemakmuran yang telah kita bina selama ini.*

*Sementara kita berusaha mencapai kemajuan bagi diri kita, kita tidak harus lupakan tanggungjawab kita terhadap rakan-rakan kita di*

SURAT TERBUKA MAHATHIR BUAT PENGUNDI

*luar negeri yang menghadapi pelbagai cabaran. Dengan sokongan anda, Kerajaan Barisan Nasional akan berusaha bersungguh-sungguh untuk bersama-sama mewujudkan keamanan di negara-negara yang sedang bergolak di dunia ini.*

*Ukuran paling penting mengenai kejayaan kita pada akhirnya akan ditentukan oleh bentuk masyarakat yang kita wujudkan. Kemajuan boleh dicapai dengan cara-cara yang boleh menambahkankan kebahagian hidup kita. Barisan Nasional adalah komited untuk menjamin yang kita akan terus kekal sebagai masyarakat yang penyayang, yang mempunyai kekukuhan moral dan etika dan akan terus melaksanakan program-program bagi mencapai matlamat tersebut.*

*Mungkin ada antara kita yang tidak akan ada untuk melihat kemunculan 1 Januari 2020. Bagaimanapun kita yakin yang asas-asas yang telah kita bina selama ini akan membolehkan generasi-generasi akan datang menikmati hasil-hasil daripada wawasan ini.*

*Setiap undi bagi Barisan Nasional menjanjikan kestabilan, perpaduan dan keseimbangan untuk hari ini dan masa depan.*

DR MAHATHIR MOHAMAD

Pengerusi Barisan Nasional

Surat ini disiarkan oleh semua akhbar-akhbar utama, dalam pelbagai bahasa.

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

# 31

## Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen 1995

### P1 Padang Besar (33,295)

1. Baseri @ Azmi Khalid (BN)	17,013
2. Hisharuddin Hassan (PAS)	6,943
M:10,070 UR:1,083 JU:4,596; 75.20%	

### P5 Jerlun (43,877)

1. Hanafi Ramli (BN)	18,012
2. Halim Arshad (PAS)	14,436
M:3,576 UR:975 JU:33,423; 76.17%	

### P2 Kangar (36,235)

1. Md Isa Sabu (BN)	18,600
2. Aziz Shariff (PAS)	7,600
M:11,000 UR:770 JU:26,970; 74.43%	

### P6 Kubang Pasu (44,843)

1. Dr Mahathir Mohamad (BN)	24,495
2. Ahmad Mohd Alim (PAS)	7,269
M:17,226 UR:1,246 JU:33,010; 73.61%	

### P3 Arau (34,665)

1. Kamaruddin Ahmad (BN)	16,226
2. Saad @ Mohd Zain Hamzah (S46)	9,337
M:6,889 UR:891 JU:26,454; 76.31%	

### P7 Padang Terap (27,294)

1. Dr Affifudin Omar (BN)	11,571
2. Dr Mustapha Kamal Shahrom (PAS)	8,898
M:2,673 UR:811 JU:21,280; 77.97%	

### P4 Langkawi (21,719)

1. Abu Bakar Taib (BN)	11,977
2. Radzi Ahmad (S46)	3,552
M:8,425 UR:959 JU:16,488; 75.92%	

### P8 Pokok Sena (63,901)

1. Wan Hanafiah Mohd Saman (BN)	27,245
2. Mahfuz Omar (PAS)	21,377
M:5,868 UR:1,795 JU:50417; 78.90%	

Berdasarkan Berita Harian, 27 April 1995. M=majoriti UR=Undi rosak JU=jumlah undi; peratus mengundi

P9 Alor Setar (61,685)	P18 Kulim - Bandar Baharu (45,946)
1. Chor Chee Heung (BN) 28,554	1. Kadir Sheikh Fadzir (BN) 22,455
2. Tengku Sofiah Mohd Jewa (S46) 11,667	2. Abdul Aziz Mohamad (S46) 8,153
M:16,887 UR:1,393 JU:41,614; 67.46%	M:14,302 UR:1,491 JU:32,099; 69.86%
P10 Kuala Kedah (57,405)	P19 Tumpat (46,202)
1. Zakaria Said (BN) 22,209	1. Wan Jamil Mahmood (PAS) 17,587
2. Fadzil Noor (PAS) 19,223	2. Kamarudin Jaafar (BN) 15,859
M:2,986 UR:1,029 JU:42,461; 73.97%	M: 1,728 UR: 990 JU: 34,436; 74.53%
P11 Pendang (51,451)	P20 Pengkalan Chepa (42,263)
1. Othman Abdul (BN) 20,336	1. Amar Nik Abdullah (PAS) 20,410
2. Taulan Rasul (PAS) 18,475	2. Dr Ismail Mat (BN) 9,316
M:1,961 UR:1,129 JU:39,840; 77.43%	3. Yusof Mat (AKIM) 221 M:
P12 Yan (40,657)	P21 Kota Bharu (60,366)
1. Badruddin Amiruldin (BN) 16,755	1. Ilahi Ishak (S46) 24,096
2. Najib Fahmi Yahya (PAS) 12,412	2. Ahmad Rastom Maher (BN) 17,828
M:4,343 UR:874 JU:30,041; 73.89	M:6,268 UR:891 JU:42,815; 70.93
P13 Sik (30,802)	P22 Pasir Mas (48,389)
1. Dr Abdul Hamid Othman (BN) 12,756	1. Zainudin Mohd Noor (S46) 19,245
2. Prof Ali Taib (PAS) 10,622	2. Ibrahim Ali (BN) 16,256
M:2,134 UR:394 JU:23,772; 77.18%	M:2,475 UR:1,152 JU:36,653; 75.75%
P14 Merbok (59,438)	P23 Rantau Panjang (42,754)
1. Daim Zainuddin (BN) 31,125	1. Dr Sanusi Daing Mariok (PAS) 16,284
2. Tengku Maheran Muktar (S46) 8,924	2. Abdullah Yassin (BN) 11,799
M:22,201 UR:1,892 JU:41,941; 70.56%	M:4,505 UR:1,078 JU:29,141; 68.16
P15 Sungai Petani (65,046)	P24 Kubang Kerian (44,319)
1. Che Ibrahim Mustafa (BN) 35,918	1. Mohammad Sabu (PAS) 21,377
2. Syed Mansor Salim (S46) 9,697	2. Mat Zin Awang (BN) 11,252
M:26,221 UR:1,785 JU:47,400; 72.87%	M:10,125 UR:212 JU:32,841; 74.10%
P16 Baling (50,596)	P25 Bachok (49,984)
1. Raja Ariffin Sulaiman (BN) 20,893	1. Bunyamin Yaakub (PAS) 21,338
2. Yusoff Ismail (PAS) 15,525	2. Zaiyadi Awang Noh (BN) 16,346
M:5,368 UR:1,122 JU:37,540; 74.20%	M:4,992 UR:1,536 JU:39,220; 78.47%
P17 Padang Serai (60,098)	P26 Peringat (42,248)
1. Lim Lay Hoon (BN) 27,884	1. Annuar Musa (BN) 16,755
2. Ahmad Awang (S46) 11,291	2. Rafie Salleh (S46) 14,790
3. Tan Kee Chye (Bebas) 1,177	M:1,965 UR:1,621 JU:33,166; 78.50%
M:16,553 UR:2,090 JU:42,402; 70.55%	

BENARKAH KELANTAN PAPA KEDANA?

P27 Tanah Merah (40,905)

1. Ibrahim Pateh Mohd (S46)	14,991
2. Hashim Safin (BN)	14,485
3. Che Seme Abdullah (Bebas)	273
M:506 UR:1,164 JU:30,913; 75.57%	

P28 Pasir Puteh (54,146)

1. Kamaruddin Mohd Noor (BN)	18,184
2. Mohamad Abdullah (S46)	21,838
M:3,654 UR:171 JU:40,193; 74.23%	

P29 Machang (39,217)

1. Shukri Mohamad (S46)	15,998
2. Mohamad Hamzah (BN)	12,959
M:3,039 UR:819 JU:29,776; 75.93	

P30 Jeli (33,223)

1. Mustapa Mohamad (BN)	13,301
2. Zianon Abdin Ali (S46)	12,729
M:572 UR:932 JU:26,962; 81.15%	

P31 Kuala Krai (36,381)

1. Ibrahim Mahmood (PAS)	14,933
2. Wan Zaid Abdullah (BN)	11,727
M:3,206 UR:959 JU:27,619; 75.92	

P32 Gua Musang (28,105)

1. Tengku Razaleigh Hamzah (S46)	13,716
2. Nik Ismail Wan Idris (AKIM)	4,736
M:8,980 UR:3,152 JU:21,604; 76.87%	

P33 Besut (43,549)

1. Idris Jusoh (BN)	19,294
2. Zakaria Abd Rahman (S46)	14,787
M:4,507 UR:1,260 JU:35,341; 81.15%	

P34 Setiu (39,151)

1. Tengku Mahmud Mansor (BN)	17,968
2. Hussein Awang (PAS)	13,153
M:4,815 UR:1,243 JU:32,364; 82.66%	

P35 Kuala Nerus (41,868)

1. Abd Rahim Mohd Said (BN)	17,636
2. Ibrahim Azmi Hassan (S46)	15,427
M:2,209 UR:1,176 JU:34,239; 81.78	

P36 Kuala Terengganu (62,583)

1. Abu Bakar Daud (BN)	25,624
2. Abd Manan Othman (S46)	20,772
M:4,852 UR:1,478 JU:47,874; 76.50%	

P37 Marang (54,119)

1. Abd Hadi Awang (PAS)	21,945
2. Abd Rahman Bakar (BN)	21,063
M:882 UR:1,204 JU:44,212; 81.69	

P38 Hulu Terengganu (37,079)

1. Mustaffa Muda (BN)	16,438
2. Dr Harun Taib (PAS)	13,671
M:2,767 UR:1,177 JU:31,286; 84.38%	

P39 Dungun (42,087)

1. Mokhtaruddin Yusof (BN)	17,004
2. Mutaffa Ali (PAS)	15,882
M:1,122 UR:755 JU:33,641; 79.93%	

P40 Kemaman (47,240)

1. Dr Ramli Taib (BN)	21,720
2. Dr Alias Abd Rahman (S46)	14,607
M:7,113 UR:1,367 JU:36,327; 76.90%	

P41 Kepala Batas (36,106)

1. Abdullah Ahmad Badawi (BN)	22,521
2. Naser Mohd Razi (S46)	4,687
M:17,874 UR:1,093 JU:28,301; 78.38	

P42 Tasek Gelugor (37,005)

1. Dr Ibrahim Saad BN)	20,061
2. Mohd Salleh Man (PAS)	7,410
M:12,651 UR:951 JU:28,422; 76.81%	

P43 Bagan (70,718)

1. P Patto (DAP)	26,254
2. Yeoh Khoon Chooi (BN)	26,406
M:118 UR:1,306 JU:54,236; 76.69%	

P44 Permatang Pauh (47,743)

1. Anwar Ibrahim (BN)	27,945
2. Abd Rahman Manap (DAP)	4,430
3. Mazani Abdullah (PAS)	4,071
M:23,515 UR:889 JU:37,335; 78.3%	

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

**P45 Bukit Mertajam (63,255)**

1. Dr Tan Chong Keng (BN)	30,175
2. Teoh Teik Huat (DAP)	18,077
M:12,098 UR:1,315 JU:49,567; 78.36	

**P46 Nibong Tebal (49,896)**

1. Dr Goh Cheng Teik (BN)	22,729
2. K Balasundaram (DAP)	14,200
M:8,529 UR:1,312 JU:38,241; 76.64%	

**P47 Bukit Bendera (69,242)**

1. Chia Kwang Chye (BN)	26,683
2. Gooi Hock Seng (DAP)	23,765
M:2,918 UR:1,112 JU:51,560; 74.46%	

**P48 Tanjung (63,350)**

1. Lim Kit Siang (DAP)	25,622
2. Oh Keng Seng (BN)	18,727
3. Khor Gark Kim (PBS)	800
M:6,895 UR:822 JU:45,971; 72.57%	

**P49 Jelutong (59,859)**

1. Karpal Singh (DAP)	21,896
2. Rhina Bar (BN)	21,613
3. Lim Cheak Kow (PBS)	425
M:282 UR:914 JU:44,848; 74.92%	

**P50 Bayan Baru (78,458)**

1. Wong Kam Hoong (BN)	32,190
2. Ahmad Nor (DAP)	25,351
3. Lakbir Singh (PBS)	648
M:6,839 UR:908 JU:59,097; 75.32%	

**P51 Balik Pulau (59,045)**

1. Dr Nung Sari Radzi (BN)	36,714
2. Yahaya Jali (S46)	6,668
M:30,046 UR:1,429 JU:44,811; 75.89	

**P52 Gerik (36,679)**

1. Tajol Rosli Ghazali (BN)	17,170
2. Roslan Mohd Latif (S46)	6,712
M:10,458 UR:878 JU:24,760; 67.50%	

**P53 Larut (35,919)**

1. Zihin Mohd Hassan (BN)	
Menang Tidak Bertanding	

**P54 Parit Buntar (42,455)**

1. Abd Rahman Sulaiman (BN)	17,180
2. Idris Abdul Rauf (S46)	11,731
M:5,449 UR:1,133 JU:30,044; 70.77%	

**P55 Bagan Serai (41,820)**

1. Qamaruz Zaman Ismail (BN)	16,434
2. Zainal Abidin Zin (S46)	10,184
M:6,250 UR:1,535 JU:28,153; 67.32%	

**P56 Bukit Gantang (52,768)**

1. Abdullah Fazil Che Wan (BN)	24,590
2. Abdullah Hudi Abd Latif (S46)	9,436
M:15,154 UR:1,626 JU:35,652; 67.56%	

**P57 Taiping (68,346)**

1. Kerk Choo Ting (BN)	30,459
2. Haradeyal Singh (DAP)	13,692
M:16,767 UR:2,130 JU:46,281; 67.72%	

**P58 Chenderoh (34,381)**

1. Nazri Tan Sri Aziz (BN)	16,983
2. Saidin Mat Piah (S46)	5,190
M:11,793 UR:872 JU:23,045; 67.03%	

**P59 Sungai Siput (45,156)**

1. S Samy Vellu (BN)	21,283
2. Lim Soon Guan (DAP)	5,673
3. Hashim Salim (PAS)	2,663
M:15,610 UR:842 JU:30,461; 67.46%	

**P60 Tambun (58,572)**

1. Ahmad Husni Hanadzlah (BN)	27,402
2. Abdul Rahman Md Nur (S46)	5,251
M:22,151 UR:1,058 JU:33,711; 57.55%	

**P61 Ipoh Timur (73,832)**

1. Chong Kon You (BN)	24,129
2. Kerk Kim Hock (DAP)	23,837
M:292 UR:875 JU:48,841; 66.15%	

**P62 Ipoh Barat (66,502)**

1. Ho Cheong Sing (BN)	24,616
2. Teresa Kok Su Sim (DAP)	19,747

M:4,869 UR:1,073 JU:45,436; 68.32%

BENARKAH KELANTAN PAPA KEDANA?

P63 Batu Gajah (58,445)		P71 Lumut (62,635)	
1. Yeong Chee Wah (BN)	20,155	1. Dr Yan Thong (BN)	25,291
2. Ngoh Koo Han (DAP)	18,576	2. Ling Nguk Bing (DAP)	12,748
M:1,579 UR:1,220 JU:39,971; 68.36		M:12,543 UR:2,114 JU:40,153; 64.11%	
P64 Kuala Kangsar (32,015)		P72 Bagan Datoh (35,368)	
1. Rafidah Aziz (BN)	15,393	1. Zahid Hamidi (BN)	17,646
2. Abd Khalid Nasir (S46)	4,744	2. Ashaari Marsoom (S46)	2,816
M:10,649 UR:7,736 JU:20,873; 65.20%		M:14,830 UR:1,412 JU:21,874; 61.85%	
P65 Beruas (41,857)		P73 Teluk Intan (51,500)	
1. Dr Lim Keng Yaik (BN)	18,313	1. Ong Tin Kim (BN)	21,641
2. Chen Lim Piow (DAP)	7,059	2. Proso a/l Appo (DAP)	7,673
3. Ramli Ariffin (Bebas)	708	3. Hafith Jaafar (PAS)	2,651
4. Tan Kiat Seng (Bebas)	671	M:13,968 UR:1,090 JU:33,055; 64.18%	
M:11,254 UR:1,050 JU:27,801; 66.42			
P66 Parit (33,460)		P74 Tanjung Malim (52,398)	
1. Ainon Khariyah Mohd Abas (BN)	14,207	1. Loke Yuen Yew (BN)	25,752
2. Subky Abdul Latif (PAS)	6,633	2. Wan Mokhtar Endut (S46)	5,088
M:7,247 UR:818 JU:21,658; 64.73%		M:20,664 UR:913 JU:31,753; 60.60%	
P67 Gopeng (47,169)		P75 Lipis (42,343)	
1. Dr Ting Chew Peh (BN)	22,774	1. Abu Dahari Othman (BN)	18,507
2. Lim Meng Loong (DAP)	7,986	2. Ahmad Shabery Cheek (S46)	8,394
M:14,788 UR:1,318 JU:32,078; 68.01%		M:10,113 UR:1,859 JU:28,760; 67.92%	
P68 Kampar (62,349)		P76 Raub (51,453)	
1. Hew See Tong (BN)	26,653	1. Teng Gaik Kwan (BN)	23,065
2. Chong Joon Kin (DAP)	12,490	2. Ng Kwi Ling (DAP)	7,833
M:14,163 UR:1,509 JU:40,652; 65.20%		3. Ibrahim Yusop (Bebas)	2,447
		4. Sarif Udin (Bebas)	1,356
		M:15,232 UR:1,796 JU:36,497; 70.93%	
P69 Tapah (38,831)		P77 Jerantut (39,936)	
1. K Kumaran (BN)	15,543	1. Ahmad Kamaruzaman Baria (BN)	17,812
2. Mohamad Asri (DAP)	5,692	2. S Ibrahim S Ab Rahman (PAS)	10,618
3. F.K.Y.(Soe T) (Bebas)	278	M:7,194 UR:1,213 JU:29,643; 74.23%	
4. Mohd Hamka Jumah (PAS)	2,596		
M:9,851 UR:1,298 JU:25,407; 65.43%			
P70 Pasir Salak (42,171)		P78 Kuantan (65,639)	
1. Megat Junid Megat Ayob (BN)	21,690	1. Fauzi Abd Rahman (BN)	33,718
2. Dr Mohd Rus Jaafar (PAS)	4,575	2. Noorsiah Tuajib (S46)	10,622
M:17,115 UR:1,44 JU:27,709; 65.71%		M:23,096 UR:1,786 JU:46,126; 70.27%	
P79 Paya Besar (47,684)		P80 Kluang (42,262)	
1. Siti Zaharah Sulaiman (BN)	25,551	1. Mohd Zainal Abidin (BN)	22,262
2. Wan Ab Rahman Yusof (S46)	8,794	2. Mohd Shariff (Bebas)	10,622
M:16,757 UR:1,536 JU:35,881; 72.25%		M:23,096 UR:1,786 JU:46,126; 70.27%	

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

P80 Pekan (34,307)		P89 Kuala Selangor (49,730)
1. Najib Tun Razak (BN)	17,004	1. Abu Hasan Omar (BN) 28,287
2. Samuel Kameil (S46)	6,211	2. Amin Husaini Maran (S46) 4,827
M:10,793 UR:1,127 JU:24,342; 70.95%		M:23,460 UR:2,035 JU:35,149; 70.68
P81 Maran (41,406)		P90 Selayang (78,312)
1. Mohamad Abdullah (BN)	22,372	1. Chan Kong Choy (BN) 45,392
2. Mohamad Rosdi Arif (PAS)	8,326	2. Zainul Amri (Bebas) 6,765
M:14,046 UR:1,016 JU:31,714; 76.59		M:38,627 UR:2,103 JU:54,260; 69.29%
P82 Mentakab (41,837)		P91 Gombak (67,634)
1. Fu Ah Kiow (BN)	19,906	1. Zaleha Ismail (BN) 38,763
2. Harun Shamsudin (S46)	8,393	2. Ismail Nahu (PAS) 7,885
3. Soleh Mohamad (Bebas)	530	M:30,878 UR:935 JU:47,583; 70.35%
M:11,513 UR:1,346 JU:30,175; 72.13%		
P83 Bentong (49,137)		P92 Ampang Jaya (85,594)
1. Lim Ah Lek (BN)	24,762	1. Ong Tee Kiat (BN) 45,284
2. Leong Chee Men (DAP)	7,509	2. Wan Fuad Abdullah (S46) 13,935
M:17,253 UR:1,385 JU:33,656; 68.49%		M:31,309 UR:321 JU:59,580; 69.32%
P84 Temerloh (51,410)		P93 Hulu Langat (66,747)
1. Sabaruddin Chik (BN)	22,078	1. Badrul Hisham A Aziz (BN) 38,172
2. Tengku Azlan (S46)	14,226	2. Zainal Abidin Mutalib (S46) 7,358
M:7,852 UR:1,448 JU:37,752; 73.43%		M:30,814 UR:1,678 JU:47,208; 70.73%
P85 Rompin (33,069)		P94 PJ Utara (68,828)
1. Jamaludin Jarjis (BN)	18,531	1. Lim Kuo Phau (BN)
2. Yahya Awang (PAS)	5,706	Menang Tanpa Bertanding
M:12,825 UR:1,004 JU:25,241; 76.33%		
P86 Sabak Bernam (34,887)		P95 PJ Selatan (66,786)
1. Mahbud Hashim (BN)	17,978	1. Lim Siang Chai (BN) 26,646
2. Daud Iskandar Ali (S46)	3,526	2. Syed Husin Ali (PRM) 15,021
M:14,452 UR:1,419 JU:22,923; 65.71%		3. S Selvanathan (Bebas) 811
P87 Tanjung Karang (41,160)		M:11,625 UR:1,022 JU:43,500; 65.13%
1. Noh Omar (BN)	20,962	
2. Nordin Abd Latif (S46)	5,114	
M:15,818 UR:1,222 JU:27,328; 66.39		
P88 Hulu Selangor (51,256)		P96 Serdang (78,462)
1. G Palanivel (BN)	20,546	1. Yan Pian Hon (BN) 32,757
2. Adnan Din (S46)	4,594	2. Lee Ban Chen (DAP) 23,320
3. Peng Kim Seng (DAP)	1,137	3. Radzi Husaian (PAS) 2,983
M:15,592 UR:1,228 JU:27,505; 53.66		M:9,437 UR:1,243 JU:60,303; 76.86%
		P97 Subang (73,868)
		1. M Mahalingam (BN) 37,247
		2. Usulludin Jamil (S46) 11,484
		M:25,763 UR:2,142 JU:50,873; 68.87%

BENARKAH KELANTAN PAPA KEDANA?

P98 Shah Alam (85,202)

1. Salamon Selamat (BN)	50,966
2. Husein Ahmad (S46)	10,251
M:40,715 UR:1,552 JU:62,769; 73.67%	

P99 Kapar (67,555)

1. G Leela Rama (BN)	33,283
2. Sanad Said (S46)	14,527
M:18,756 UR:1,680 JU:49,490; 73.26%	

P100 Klang (77,188)

1. Dr Tan Yee Kew (BN)	28,984
2. Fong Kui Loon (DAP)	22,860
3. M Yusof Jasmin (PAS)	1,947
M:6,124 UR:841 JU:54,632; 70.78%	

P101 Kuala Langat (53,718)

1. Dr Shafie Salleh (BN)	28,401
2. Tarikh Mohd Jonid (S46)	9,190
M:19,211 UR:1,826 JU:39,417; 73.38%	

P102 Sepang (52,071)

1. Seripah Noli S Husin (BN)	26,022
2. Suhaimi Kamarudin (S46)	10,455
M:15,567 UR:1,665 JU:38,148; 73.25%	

P103 Kepong (60,111)

1. Tan Seng Giaw (DAP)	25,075
2. Tan Poh Eng (BN)	20,053
M:5,022 UR:270 JU:45,398; 75.52%	

P104 Batu (58,299)

1. Dr Sanusi Osman (PRM)	11,981
2. Joseph Chong Chek Ah (BN)	26,823
M:14,842 UR:284 JU:39,088; 67.05%	

P105 Wangsa Maju (65,199)

1. Aliah Nani (S46)	7,990
2. Dr Kamal Salleh (BN)	35,884
M:27,894 UR:1,704 JU:45,578; 69.91%	

P106 Segambut (57,127)

1. Abdul Muluk Daud (DAP)	12,101
2. Tan Kee Kwong (BN)	24,529
M:12,158 UR:432 JU: 36,792; 64.40%	

P107 Titiwangsa (54,176)

1. Suleiman Mohamad (BN)	25,545
2. Othman Ngah (PAS)	6,579
M:18,966 UR:341 JU:32,465; 59.93%	

P108 Bukit Bintang (59,375)

1. Lee Chong Meng (BN)	14,857
2. Ting Chang Khin (Bebas)	123
3. Wee Choo Keong (DAP)	20,403
M:5,546 UR:433 JU:35,816; 60.32%	

P109 Lembah Pantai (52,108)

1. Shahrizat Ab Jalil (BN)	23,447
2. Tun Salleh Abas (S46)	10,088
M:13,359 UR:256 JU:33,791; 64.85%	

P110 Seputeh (67,829)

1. C T Liew (Bebas)	203
2. Liew Ah Kim (DAP)	26,518
3. Ooi Saw Choo (BN)	20,903
M:5,615 UR:261 JU:47,885; 70.60%	

P111 Cheras (63,895)

1. Mok Soon Cheong (BN)	15,101
2. Tan Kok Wai (DAP)	29,004
M:13,903 UR:224 JU:44,329; 69.38%	

P112 Bandar Tun Razak (53,687)

1. Ab Malik Hussin (PAS)	1,235
2. Lee Yee Lian (DAP)	10,647
3. Tan Chai Ho (PAS)	25,382
M:14,735 UR:539 JU:37,803; 70.41%	

P113 Jelebu (35,984)

1. Yunus Rahmat (BN)	14,650
2. Rais Yatim (S46)	11,710
M:2,940 UR:1,107 JU:27,467; 76.33%	

P114 Jempol (47,127)

1. Khalid Yunus (BN)	24,653
2. Aziz Abdullah (S46)	8,949
M:15,704, UR:1,473 JU:35,075; 74.43%	

P115 Tampin (43,797)

1. Nohd Noh Rejab (BN)	26,127
2. S Omar Abdullah (Bebas)	2,675
3. Ali Maidin Kutty (PAS)	1,665
M:23,452 UR:1,454 JU:31,921; 72.88%	

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

**P116 Kuala Pilah (42,869)**

1. Abu Zahar Ujang (BN)	24,465
2. Yusof Ab Malik (S46)	3,885
M:20,600 UR:1,271 JU:29,641; 69.14%	

**P125 Segamat (57,774)**

1. S Subramaniam (BN)	28,710
2. Lim Wah Kin (Bebas)	741
3. Yaakob Jantan (DAP)	11,143
M:17,567 UR:1,391 JU:41,985; 72.67%	

**P117 Seremban (73,689)**

1. Hon Choon Kim (BN)	33,452
2. Lee Yuen Fong (DAP)	15,217
3. Ishak Mat Aris (PAS)	3,542
M:18,235 UR:1,632 JU:53,843; 73.07%	

**P126 Ledang (54,467)**

1. Hashim Ismail (BN)	29,948
2. Ismail Nasir (S46)	6,587
M:23,362 UR:2,100 JU:38,635; 70.93%	

**P118 Rasah (73,076)**

1. Wong See Wah (BN)	30,946
2. Chen Man Hin (DAP)	20,775
M: 10,171 UR: 1,525 JU: 11,939; 72.86%	

**P127 Pagoh (38,895)**

1. Muhyiddin Yassin (BN)	21,856
2. Rosdan Taha A Rahman (S46)	4,257
M:17,599 UR:1,379 JU:27,492; 70.68%	

**P119 Telok Kemang (65,346)**

1. L. Krishnan (BN)	32,415
2. Thangasamy Periasamay (DAP)	10,338
M:22,077 UR:2,231 JU:44,984; 68.84%	

**P128 Labis (47,413)**

1. Ling Liang Sik (BN)	24,185
2. Ahmad Ton (DAP)	9,140
M:15,045 UR:1,322 JU:34,647; 73.07%	

**P120 Alor Gajah (46,363)**

1. Abu Seman Yusof (BN)	29,652
2. Omar Baba (PAS)	4,556
M:25,096 UR:1,503 JU:35,711; 77.02%	

**P129 Mersing (37,782)**

1. Zainal Abidin Osman (BN)	19,357
2. A. Kadir Johan (S46)	5,832
M: 13,525 UR: 1,369 JU: 26,558; 70.29%	

**P121 Selandar (47,641)**

1. Burkhan Abdullah (S46)	5,186
2. Fong Chan Onn (BN)	28,366
M:23,180 UR:45 JU:33,597; 70.52%	

**P130 Kluang (60,293)**

1. Hoo Seong Chang (BN)	30,097
2. Lim Ser Ho (DAP)	11,014
M:19,083 UR:1,551 JU:42,662; 70.76%	

**P122 Batu Berendam (79,861)**

1. Mohd Ali Rustam (BN)	37,891
2. Mohd Nor Jaafar (PAS)	7,319
3. Tan Seng Seng (DAP)	15,566
M:22,325 UR:1,509 JU:62,285; 77.99%	

**P131 Parit Sulong (58,591)**

1. Ruhanie Ahmad (BN)	32,812
2. Omar Jani (PAS)	7,458
M:25,354 UR:2,646 JU:42,196; 73.25%	

**P123 Kota Melaka (73,894)**

1. Lim Guan Eng (DAP)	29,293
2. Soon Tian Szu (BN)	24,654
M:4,639 UR:2,149 JU:56,096; 75.91%	

**P132 Bakri (49,982)**

1. Chua Jui Meng (BN)	22,162
2. Mohd Huridin Samuri (PAS)	3,541
3. Tan Kok Kwang (DAP)	9,844
M:12,318 UR:1,076 JU:36,623; 73.27%	

**P124 Jasin (45,096)**

1. Abd Ghafar Baba (BN)	25,559
2. Ahmad Dali Abu Hasan (PAS)	3,431
3. Tawab Khatab (S46)	2,305
M:22,128 UR:1,234 JU:32,529; 72.13%	

**P133 Muar (40,991)**

1. Abdul Aziz Yassin (BN)	18,238
2. Zawawi Mohd Zin (S46)	8,755
M:9,483 UR:1,451 JU:28,444; 69.39%	

BENARKAH KELANTAN PAPA KEDANA?

P134 Sri Gading (51,910)

1. Hamzah Ramli (BN)	31,353
2. Kamilah Yahaya (S46)	5,003
M:26,350 UR:1,700 JU:38,056; 73.31%	

P135 Batu Pahat (62,058)

1. Mansor Masiwon (BN)	33,780
2. Abdullah Siran (S46)	8,787
M:24,993 UR:2,395 JU:44,962; 72.45	

P136 Tenggara (43,080)

1. Hishamuddin Tun Husin (BN)	28,727
2. Md Din A Ghani (S46)	4,209
M:24,518 UR:1,536 JU:34,472; 80.02%	

P137 Sungai Benut (54,894)

1. Ab Hamid Ab Rahman (BN)	28,584
2. Dr Hassan Mohd Ali (S46)	7,442
M:21,142 UR:2,085 JU:38,111; 69.43%	

P138 Senai (60,688)

1. Lim Si Cheng (BN)	32,170
2. M Salleh Ahmad (DAP)	12,522
M:19,648 UR:1,730 JU:46,422; 76.49%	

P139 Kota Tinggi (52,742)

1. Syed Hamid Albar (BN)	36,776
2. Mohd Hanipa Maidin (PAS)	3,007
M:33,769 UR:1,733 JU:41,516; 78.72%	

P140 Tebrau (70,298)

1. Siti Zainab Abu Bakar (BN)	44,670
2. Yaa'kob Yusof (PAS)	5,530
M:39,140 UR:2,451 JU:52,651; 74.90%	

P141 Johor Bahru (74,295)

1. Mohd Khaled Nordin (BN)	21,627
2. Zahrah Mohd Yusof (S46)	6,023
3. Tan Tien Lim (PBS)	4,165
M:34,118 UR:1,662 JU:51,991; 69.98%	

P142 Pulai (68,416)

1. Mohamad Rahmat (BN)	36,871
2. Omar Sharif (S46)	7,468
M:29,403 UR:1,378 JU:45,717; 66.82%	

P143 Gelang Patah (63,323)

1. Chang See Tew (BN)	35,549
2. A Razak Ahmad (PRM)	11,240
M:24,219 UR:2,486 JU:49,185; 77.67%	

P144 Pontian (60,443)

1. Ong Ka Ting (BN)	36,960
2. Salleh Hassan (S46)	5,079
M:31,881 UR:2,265 JU:44,304; 73.30%	

P145 WP Labuan (20,985)

1. A Mulok Awang Damit (BN)	9,076
2. Sahlih Sirin (PBS)	3,929
M:5,147 UR:353 JU:13,358; 63.65%	

P146 Marudu (32,298)

(BI:55.00% KD:5.00% C:39.00% L:1.00%)	
1. Amir Kahar Mustapha (PBS)	10,880
2. Yahya Lampong (BN)	10,766
M:114 UR:313 JU:21,959; 67.99%	

P147 Bandau (24,287)

(BI:45.00% KD:2.00% C:52.00% L:1.00%)	
1. Dr Maximus Ongkilli (PBS)	10,716
2. Dr Jeffrey Kitingan (BN)	5,851
3. Conrad Mojuntin (Bebas)	162
M:4,865 UR:198 JU:16,927; 69.70%	

P148 Kota Belud (34,388)

(BI:40.00% KD:6.00% C:53.00% L:1.00%)	
1. Md Salleh Md Said (BN)	17,368
2. Herbert Timbun I. (PBS)	10,237
M:7,131 UR:312 JU:27,920; 81.19%	

P149 Tuaran (32,382)

(BI:40.00% KD:12.00% C:47.00% L:1.00%)	
1. Yunof Maringking (PBS)	12,114
2. Monggoh Orow (BN)	10,108
M:2,006 UR:280 JU:22,502; 69.49%	

P150 Gaya (40,100)

(BI:20.00% KD:40.00% C:37.00% L:3.00%)	
1. Yong Chiew Lip (BN)	12,336
2. Johnny Goh (PBS)	12,217
3. Oswald Mojungol (DAP)	1,541
4. Naser Mohd Noor (Bebas)	431
M:209 UR:295 JU:26,730; 66.66%	

WAJAH BARU POLITIK MALAYSIA

**P151 Tanjung Aru (36,121)**  
 (BI:16.00% KD:65.00% C:15.00% L:4.00%)  
 1. Yee Moh Chai (PBS) 10,306  
 2. Vun Shin Choi (BN) 8,788  
 3. Fung Ket Wing (DAP) 4,142  
 M:1,518 UR:151 JU:23,387; 64.75%

**P152 Penampang (39,174)**  
 (BI:31.00% KD:17.00% C:50.00% L:2.00%)  
 1. Paulis Nointien (PBS) 14,652  
 2. Bernard Dompok (BN) 12,982  
 M:1,670 UR:665 JU:28,299; 72.24%

**P153 Papar (29,908)**  
 (BI:55.00% KD:4.00% C:40.00% L:1.00%)  
 1. Osu Sukam (BN) 12,131  
 2. Johnny Mositun (PBS) 9,015  
 3. M Hashim Yusof (Bebas) 257  
 M:3,116 UR:204 JU:21,607; 72.24%

**P154 Beaufort (36,084)**  
 (BI:59.00% KD:9.00% C:30.00% L:2.00%)  
 1. Nurmikman Abdullah (BN) 14,719  
 2. A Rashid A Bakar (PBS) 10,076  
 3. Anis Tuali (Bebas) 221  
 M:4,643 UR:38 JU:25,354; 70.26%

**P155 Sipitang (20,609)**  
 (BI:60.00% KD:5.00% C:43.00% L:1.00%)  
 1. Dr Yusof Yaacob (BN) 9,732  
 2. Jamilah Sulaiman (PBS) 5,208  
 3. Hussin Musalih (Bebas) 162  
 M:4,524 UR:208 JU:15,310; 74.29%

**P156 Kinabalu (22,612)**  
 (BI:38.00% KD:3.00% C:56.00% L:1.00%)  
 1. Henryus Amin (PBS) 7,973  
 2. Dr Osman Minudin (BN) 6,462  
 3. Asmin Nasir (Bebas) 1,883  
 4. Shariff Sadi (Bebas) 70  
 M:1,511 UR:177 JU:16,565; 73.26%

**P157 Keningau (36,443)**  
 (BI:20.00% KD:8.00% C:70.00% L:2.00%)  
 1. J Pairin Kitingan (PBS) 17,510  
 2. Ellron Alfred Angin (BN) 8,736  
 M:8,774 UR:353 JU:26,599; 72.99%

**P158 Tenom (24,445)**  
 (BI:25.00% KD:4.00% C:70.00% L:1.00%)  
 1. Radin Malleh (PBS) 9,949  
 2. Laimun Laikim (BN) 7,025  
 3. Edward Laap (Bebas) 105  
 M:2,924 UR: 76 JU:17,255; 70.59%

**P159 Beluran (17,470)**  
 (BI:25.00% KD:13.00 C:60.00% L:2.00%)  
 1. Ahmad Nangka (BN) 5,868  
 2. Samson Soh (PBS) 5,679  
 M:189 UR:252 JU:11,799; 67.54%

**P160 Libaran (33,323)**  
 (BI:45.00% KD:20.00% C:33.00% L:2.00%)  
 1. Akhbarkhan Abd Rahman (BN) 12,777  
 2. Nasir Uddin (PBS) 5,453  
 3. Raman Kardi (Bebas) 215  
 M:7,324 UR:276 JU:18,721; 56.18%

**P161 Sandakan (41,590)**  
 (BI:20.00% KD:70.00% C:8.00% L:2.00%)  
 1. Lau Ngan Siew (BN) 12,892  
 2. Ang Lian Hai (DAP) 9,818  
 3. Edmund Chong Ket Wah (PBS) 4,103  
 M:3,074% UR:249 JU:27,062; 65.07%

**P162 Kinabatangan (19,162)**  
 (BI:45.00% KD:18.00% C:35.00% L:2.00%)  
 1. Abdul Malek Chua (PBS) 4,533  
 2. Juhar Mahiruddin (BN) 6,431  
 M:1898 UR:234 JU:11,198; 58.46

**P163 Silam (39,537)**  
 (BI:55.00% KD:21.00% C:13.00% L:1.00%)  
 1. Railey Jeffrey (BN) 15,812  
 2. Abdullah Minun Sahirun (PBS) 6,737  
 M:9,075 UR:424 JU:22,973; 58.11%

**P164 Semporna (33,336)**  
 (BI:61.00% KD:28.00 C:10.00% L:1.00%)  
 1. Mohd Shafie Apdal (BN) 17,006  
 2. Sabardin Ombrah 4,788  
 M: 12,218 UR: 385 JU: 22,179; 66.53%

BENARKAH KELANTAN PAPA KEDANA?

P165 Tawau (54,450)  
 (BL:62.00% KD:32.00% C:4.00% L:2.00%)  
 1. Chua Boon Bui (BN) 20,168  
 2. Chee Yau Fah (PBS) 11,037  
 3. Samson Chin Chee Tsu (DAP) 1,401  
 4. Mohamad Abdullah (PAS) 825  
 5. Semanis Mohd Salleh (Bebas) 372  
 M:9,131 UR:302 JU:34,105; 62.64%

P166 Mas Gading (33,239)  
 MM:60.85% C:22.43% IB:16.61% L:0.11%  
 1. Dr Patau Rubis (BN) 14,871  
 2. Patrick Anak Uren (Bebas) 4,087  
 3. Jeron Anak Loben (DAP) 2,085  
 M:10,984 UR:447 JU:21,490; 64.65%

P167 Santubong (21,914)  
 MM:88.21% C:8.34% IB:3.39% L:0.06%  
 1. Rohani Karim (BN) 11,702  
 2. Paruwadi Musa (Bebas) 1,791  
 M:9,911 UR:365 JU:13,858; 63.24%

P168 Petra Raya (51,545)  
 MM:82.94% C:9.85% IB:6.24% L:0.97%  
 Dr Sulaiman Daud (BN)  
 Menang Tanpa Bertanding

P169 Bandar Kuching (74,952)  
 MM:5.17% C:88.18% IB:4.98% L:1.67%  
 1. Song Swee Guan (BN) 27,514  
 2. Sim Kwang Yang (DAP) 24,330  
 M: 3,184 UR: 379 JU: 52,223; 69.68%

P170 Padawan (44,363)  
 MM:8.98% C:55.40% IB:35.62%  
 1. Yong Khoon Seng (BN) 19,258  
 2. Dr Akawi Nonjep (Bebas) 7,368  
 M:11,980 UR:849 JU:27,475; 61.93%

P171 Kota Samarahan (27,354)  
 MM:62.57% IB:19.96% C:16.86% L:0.61%  
 Abdul Taib Mahmud (BN)  
 Menang Tanpa Bertanding

P172 Serian (31,634)  
 MM:6.83% C:15.65% IB:11.75% L:65.77%  
 1. Richard Riot Ak Jaem (BN) 12,116  
 2. Eric Marcel Murjan (Bebas) 4,562  
 3. Micheal Runin (PBS) 1,753  
 4. Andrew Nyabe (Bebas) 959  
 5. Bertram Sading Jihok (Bebas) 716  
 M:7,554 UR:468 JU:20,574; 65.04%

P173 Batang Sadong (21,114)  
 MM:66.70% C:6.73% IB:31.16% L:0.14%  
 1. Sukinam Domo (BN) 9,700  
 2. Shamsudin Abdullah (Bebas) 2,646  
 M:7,054 UR:346 JU:12,692; 60.11%

P174 Batang Lupar (19,562)  
 MM:72.28% IB:21.95% C:5.76% L:0.01%  
 Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN)  
 Menang Tanpa Bertanding

P175 Sri Aman (27,513)  
 MM:10.00% C:30.00% IB:60.00%  
 1. Jimmy Donald (BN) 11,017  
 2. Jacob Ak Emang (Bebas) 5,211  
 M:5,806 UR:481 JU:16,709; 60.73%

P176 Lubuk Antu (16,108)  
 C:10.00% IB:90.00%  
 Jawah Gerang (BN)  
 Menang Tanpa Bertanding

P177 Betong (20,006)  
 MM:34.58% IB:56.71% C:8.36% L:0.35%  
 Douglas Unggah Embas (BN)

P178 Seratok (23,089)  
 MM:36.32% C:7.48% IB:56.20%  
 1. Peter Tinggom Kamarau (BN) 10,115  
 2. Patrick Mangka (Bebas) 3,462  
 3. Zainal Abidin Senusi (Bebas) 1,381  
 4. Barudi Linggong (PBS) 677  
 M:6,653 UR:265 JU:15,900; 68.85%

P179 Kuala Rajang (27,399)  
 MM:73.68% IB:23.00% C:3.44% L:0.12%  
 Abang Abu Bakar Abang  
 Mustapha (BN)  
 Menang Tanpa Bertanding

P180 Sarikel (32,736)	P188 Hulu Rajang (15,849)
C:66.31% I:25.5% MM:7.69% L:0.50%	C:3.00% IB:60.00% L:37.00%
<b>Law Hieng Ding (BN)</b>	<b>1. Billy Abit Joo (BN)</b>
Menang Tanpa Bertanding	6,731
	<b>2. Lucius Jimbon (Bebas)</b>
	3,084
	M:3,647 UR:274 JU:10,089; 63.66%
<b>P181 Julau (16,198)</b>	<b>P189 Bintulu (36,340)</b>
C:4.60% IB:95.40%	MM:24.19% C:27.36% IB:47.28% L:1.17%
<b>1. Sng Chee Hua (BN)</b>	<b>1. Chiew Ching Sing (DAP)</b>
10,730	12,164
<b>2. Edward Empra (Bebas)</b>	<b>2. Amar James Wong Kim (BN)</b>
1,221	10,370
<b>3. Entalai Munan (Bebas)</b>	<b>3. Johnny Walker (Bebas)</b>
391	185
M:9,509 UR:182 JU:12,524; 77.32%	M:1,794 UR:389 JU:23,108; 63.59%
<b>P182 Kanowit (18,049)</b>	<b>P190 Miri (64,430)</b>
I:75.00% C:20.00% MM:5.00%	MM:30.50% C:49.25% IB:19.59% L:0.66%
<b>Leo Moggie Irok (BN)</b>	<b>1. Peter Chin Fah Kui (BN)</b>
Menang Tanpa Bertanding	23,977
	<b>2. Chong Kon Fatt (DAP)</b>
	13,592
	<b>3. M. Ali (Bebas)</b>
	M:10,385 UR:805 JU:38,374; 59.56%
<b>P183 Lanang (47,334)</b>	<b>P191 Baram (26,271)</b>
MM:6.20% C:79.68% IB:14.11% L:0.01%	MM:6.15% C:12.41% IB:36.39% L:45.05%
<b>1. Tieng Tai King (BN)</b>	<b>1. Jacob Dunggau Sagan (BN)</b>
18,221	8,829
<b>1. Wong Sing Nang (DAP)</b>	<b>2. Harrison Ngau Laing (PBS)</b>
15,813	3,106
M:2,408 UR:355 JU:34,389; 72.65%	<b>3. Luhat Wan (Bebas)</b>
	1,010
	M:5,723 UR:190 JU:13,135; 50.00%
<b>P184 Sibu (39,368)</b>	<b>P192 Bukit Mas (31,563)</b>
MM:19.86% C:65.76% IB:14.37%	MM:41.20% C:17.90% IB:24.40% L:16.50%
L:0.01%	<b>1. Micheal Lisa Kaya (BN)</b>
<b>1. Robert Lau Hoi Chew (BN)</b>	12,891
15,317	<b>2. Baru Sigar (Bebas)</b>
<b>2. Wong Ho Leng (DAP)</b>	5,522
10,472	
<b>3. Narawi Haron (Bebas)</b>	
937	
M:4,845 UR:387 JU:27,113; 68.87%	
	M:7,369 UR:344 JU:18,757; 59.43%
<b>P185 Mukah (29,048)</b>	
MM:63.30% IB:26.90% C:8.72% L:1.08%	
<b>Leo Michael Toyad (BN)</b>	
Menang Tanpa Bertanding	
<b>P186 Selangau (19,683)</b>	<hr/>
MM:2.90% C:4.10% IB:88.14% L:4.70%	<b>Nota:</b>
<b>1. Joseph Mauh Ikeh (BN)</b>	BI=Bumiputera Islam
8,021	KD=Kadazan/Dusun
<b>2. Munan John Andrew (Bebas)</b>	C=Cina
3,108	MM=Melayu/Melanau
M:4,913 UR:322 JU:11,451; 58.18%	IB=Iban/Bidayuh
<b>P187 Kapit (20,859)</b>	
MM:4.50% C:13.63% IB:80.00% L:1.80%	
<b>1. James Jimbun Pungga (BN)</b>	
7,917	
<b>2. Laui Ung Hai (Bebas)</b>	
5,539	
M:2,378 UR:435 JU:13,891; 66.59%	

